



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 57

Isnin

18 November 2019

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAAH	(Halaman 1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA: - Mengalukan Ahli Baru	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 2)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2020 <u>Jawatankuasa:-</u> <u>Jadual:-</u> Maksud B.26 Maksud B.46	(Halaman 34) (Halaman 150)
USUL-USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 33)
Anggaran Pembangunan 2020 <u>Jawatankuasa:-</u> Maksud P.26 Maksud P.46	(Halaman 34) (Halaman 150)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Isnin, 18 November 2019
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai]

**PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA
MENGALU-ALUKAN AHLI BARU**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng, Ahli Parlimen Tanjung Piai [*Tepuk*]... yang telah mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng yang telah memenangi Pilihan Raya Kecil Tanjung Piai [*Tepuk*]... pada Sabtu, 16 November 2019 lalu.

Dewan rakyat ini mempunyai kedudukan yang tertinggi dalam menentukan undang-undang negara dengan bertujuan memberikan manfaat terbesar kepada seluruh rakyat Malaysia. Ia mempunyai wibawanya sendiri dan melengkapkan cabang-cabang pemerintahan yang lain. Justeru peranan Parlimen sebagai medan perbahasan dan perdebatan yang bebas mesti dihayati sebaiknya.

Saya yakin Ahli Yang Berhormat akan melaksanakan tugas sebagai wakil rakyat ini dengan terhormat seperti yang dituntut keluhuran institusi ini. Oleh yang demikian, saya berharap semoga Ahli Yang Berhormat dapat memberi sumbangan yang berguna dan berfaedah pada Dewan ini serta seterusnya kepada negara. Semoga Ahli Yang Berhormat dapat berkhidmat dengan cemerlangnya. Tahniah sekali lagi. [*Tepuk*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah akta dan SOP yang membenarkan polis menyemak telefon bimbit orang awam pada bila-bila masa dan atas apa asas munasabah (*reasonable ground*) tentang anggapan jenayah berlaku yang menjustifikasikan semakan telefon tersebut dibuat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pihak PDRM menggunakan peruntukan di bawah Seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia Tahun 1998, Akta 588 bagi memeriksa telefon bimbit seseorang semasa menjalankan siasatan dan semasa melaksanakan tugas menjaga ketenteraman awam.

Menerusi seksyen ini adalah menjadi satu kesalahan sekiranya seseorang menyalahgunakan kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian telekomunikasi bagi tujuan seperti menghantar komunikasi yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiaya, mengugut atau mengganggu orang lain.

Melalui seksyen ini, mana-mana pegawai polis boleh mengambil tindakan dengan menyemak apa-apa kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian termasuklah telefon bimbit milik orang yang disyaki melakukan kesalahan di bawah seksyen ini. Selain itu, mana-mana pegawai polis juga boleh mengambil tindakan bagi maksud pemeriksaan apa-apa kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian termasuklah telefon bimbit mengikut peruntukan Seksyen 103, 104 dan 106, Kanun Tatacara Jenayah Akta 593 – di bawah 12 – Tindakan Pencegahan Oleh Polis. Terima kasih.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang kita dimaklumkan bahawa ada beberapa akta membenarkan polis membuat semakan tersebut. Akan tetapi dalam kuasa yang diberi itu merangkumi juga *ground* maksudnya, kena ada syak yang ada munasabah tetapi kita nampak ada beberapa aduan di mana polis boleh siasat tanpa memaklumkan apa yang mereka syak ataupun kesalahan dan juga tutup untuk identiti mereka.

■1010

Maka, dalam kes begini saya hendak tanya sekiranya ada kes di mana anggota polis apabila melaksanakan tugas tersebut tidak mengikut kaedah ataupun SOP, adakah kes-kes tersebut boleh dibawa bukan sahaja di bawah JIPS tetapi kepada IPCMC yang bakal diwujudkan nanti?

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih dengan soalan tambahan Yang Berhormat tadi. Sebenarnya, *even* sekarang jika ada pelanggaran SOP yang dilakukan oleh pihak polis dalam melakukan sesuatu siasatan, orang ramai sebenarnya boleh membuat laporan ini ke Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard di Bukit Aman. Apa yang penting Tuan Yang di-Pertua, pentingnya kepada orang ramai untuk faham dari segi hak mereka. Saya tahu ada isu-isu yang

telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai laporan kononnya pihak polis menggunakan kuasa ini untuk menyemak secara rambang dan tidak mengikut peraturan yang sedia ada.

Akan tetapi, sebagaimana saya sebutkan tadi, orang ramai kena tahu hak mereka, kena minta identiti pegawai ini untuk sebagai rekod mereka. Kemudian jika mereka merasakan bahawa polis ini telah melanggar SOP yang ada, mereka boleh membuat *report* di mana-mana balai polis yang berdekatan. Jika mereka juga merasakan bahawa di balai polis berdekatan itu mereka tidak mempunyai keyakinan, mereka sebenarnya boleh juga ke balai polis yang lain termasuklah ke Bukit Aman untuk membuat laporan.

Berkenaan dengan soalan jika ianya boleh dibawa ke IPCMC, sebenarnya ya memang boleh. Akan tetapi, setakat ini IPCMC masih belum wujud. Oleh yang demikian, orang ramai boleh lah membuat aduan ke Jabatan Integriti. Terima kasih.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun jauh di mata tetapi dekat di hati. Pertamanya, saya ucapkan tahniah kepada Ahli Parlimen baharu, Ahli Parlimen Tanjong Piai. [*Tepuk*] Tahniah dan syabas. Majoriti 15,000, sahaja hendak beritahu.

Apakah perkembangan cadangan untuk melaksanakan penggunaan kamera badan pada anggota polis bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan serta memastikan setiap tugas dilaksanakan dengan telus. Sejauh manakah penggunaan berupaya untuk menjustifikasikan tindakan anggota polis tersebut sekiranya berlaku sebarang masalah misalnya pemeriksaan telefon bimbit orang awam bagi tujuan siasatan.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih dengan soalan tambahan tadi. Sebagaimana telah disebutkan dalam bajet ada diumumkan bahawa pegawai polis akan dibekalkan dengan kamera ini. Ini merupakan di antara penambahbaikan dari segi operasi yang dijalankan oleh pihak polis. *Of course* dari segi kajian itu pihak kementerian dan juga PDRM, kita tengah melihat beberapa perkara khususnya mengenai kamera ini dan kita tengah melihatlah mana teknologi yang baik yang boleh digunakan oleh pihak polis. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tanjong Piai dan ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pengundi Tanjong Piai kerana memberikan kemenangan besar kepada Barisan Nasional. [*Tepuk*]

Soalan saya, *phone bugging* ini ataupun pemantauan telefon ini. Selain daripada terhadap penjenayah, pemantauan terhadap penjenayah, adakah pemantauan juga ataupun *bugging* ini dilakukan juga terhadap ahli-ahli politik terutamanya yang berkaitan ahli-ahli politik parti pembangkang ini? Jadi, saya hendak tahu setakat hari ini berapa banyak telefon *tapping* ataupun *bugging* ini telah pun dilaksanakan terhadap ahli-ahli politik yang membangkang kerajaan?

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan ini sebenarnya Yang Berhormat pernah menjadi kerajaan. So, maknanya Ahli Yang

Berhormat mungkin tahu. Akan tetapi untuk hari ini, apa yang saya tahu ahli politik kita tidak buat *tapping*. Ini yang saya tahu. *[Ketawa]*

Walau bagaimanapun, jika ada isu keselamatan yang dilaporkan kepada kita melibatkan mana-mana pihak, saya yakin dan percaya pihak PDRM akan menggunakan setiap elemen yang mereka ada untuk memastikan agar siasatan dapat dilakukan. Dia tidak mengenal sama ada orang itu ahli politik, ahli perniagaan atau siapa-siapa sahaja yang dirasakan mempunyai kebarangkalian untuk melakukan perkara-perkara yang menyentuh tentang isu keselamatan, saya yakin dan percaya pihak PDRM akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Bismilahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam muafakat nasional. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun. Boleh? Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh tetapi ringkaslah.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:

*Dari Rantau ke Tanjong Piai,
Padah berkempen menabur janji,
PH tumbang hancur berderai,
Soalan dua mohon jawapan Menteri.*

2. Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sejauh manakah kementerian telah dan akan memberi kebebasan kepada Ahli Parlimen Pembangkang untuk memasuki kampus dan juga sekolah bagi mengadakan dan memenuhi undangan program; dan
- (b) rasional langkah kerajaan menggabungkan universiti awam.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan ini ada dua soalan dan kedua-dua soalan ini sebenarnya tidak berkaitan. Jadi pohon masa yang panjang sedikit untuk memberi jawapan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia tidak pernah menetapkan sebarang dasar yang menghalang Ahli Yang Berhormat atau wakil rakyat daripada menghadiri program-program yang dianjurkan oleh sekolah. Dalam hal ini, kementerian telah mengeluarkan garis panduan kepada pentadbir sekolah melalui Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 3/2008, mengundang orang-orang kenamaan ke upacara sekolah dan penggunaan premis sekolah oleh pihak luar. Tujuan surat pekeliling ini, adalah untuk memastikan program yang dijalankan di sekolah mencapai objektif yang ditetapkan selain kemudahan yang terdapat di sekolah tidak disalah guna oleh pihak luar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua majlis di sekolah yang melibatkan orang-orang kenamaan atau individu yang tertentu hendaklah memohon kebenaran daripada kementerian melalui Pengarah Pendidikan Negeri. Keutamaan hendaklah diberi kepada Yang

Berhormat Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Pengarah Pendidikan Negeri atau wakil-wakil mereka untuk majlis perasmian sama ada di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah ataupun di peringkat sekolah.

Di peringkat universiti awam, kerajaan berpendirian bahawa semua Ahli Parlimen Pembangkang yang berhasrat untuk ke kampus bagi memenuhi undangan program atau majlis yang dibuat oleh mahasiswa di dalam kampus universiti awam boleh berbuat demikian sekiranya program berkenaan telah mendapat kelulusan pihak Timbalan Naib Canselor.

Hal ini, adalah selari dengan autonomi yang telah diberikan kepada pihak universiti untuk membuat keputusan berdasarkan kepada pertimbangan yang sewajarnya. Ruang dan nikmat kebebasan yang diberikan kerajaan sewajarnya dimanfaatkan dengan penuh tanggungjawab dengan tidak mengganggu gugat keharmonian institusi pendidikan tinggi sebagai rumah menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran insaniah.

Untuk soalan kedua, rasional penggabungan universiti awam. Pihak kerajaan sentiasa terbuka untuk mempertimbangkan sebarang cadangan dan inisiatif yang dilihat berupaya meningkatkan kualiti dan prestasi mana-mana universiti awam. Penggabungan dua universiti awam yang terpilih adalah satu contoh inisiatif yang sedang diperhalusi agar sebarang keputusan muktamad kekal bakal membawa natijah positif kepada semua pihak.

Buat masa ini, hanya ada satu cadangan penggabungan universiti awam yang sedang berlangsung. Mesyuarat Jemaah Menteri pada dasarnya telah bersetuju dengan cadangan supaya Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) digabungkan. Kerajaan akan memastikan penggabungan ini tidak akan merugikan mana-mana pihak yang terlibat kerana dapat melonjakkan prestasi dan pencapaian universiti ke tahap yang lebih cemerlang di peringkat negara dan antarabangsa. Penggabungan yang dirancang ini bakal melaksanakan hak pendidikan tinggi di negeri Terengganu serta memperkukuhkan kebitaraan bidang fokus sedia ada dan mengembangkan kebitaraan bidang fokus baharu dapat diwujudkan melalui aktiviti *transdisciplinary*.

Sehubungan dengan itu, kementerian telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pemandu yang diketuai oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi untuk memastikan proses penggabungan ini dapat dilaksanakan dengan efisien dan efektif. Melalui perbincangan awal pada 26 September 2019 dan 27 September 2019, UMT dan UniSZA telah bersetuju untuk menggunakan peluang penggabungan ini bagi memperkasakan lagi kebitaraan bidang fokus kedua-dua buah universiti, mempertingkatkan kualiti perkhidmatan serta memberi lebih nilai tambah kepada mahasiswa, fakulti serta komuniti setempat.

■1020

Beberapa sesi libat urus telah diadakan bersama-sama pihak berkepentingan universiti iaitu Pengerusi IPU, pengurusan tertinggi, wakil-wakil staf akademi, staf pentadbiran dan sokongan, mahasiswa dan alumni. Kementerian juga telah mendapatkan maklum balas daripada

wakil-wakil agensi Persekutuan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Sesi libat urus bersama gabungan Majlis Presiden dan Setiausaha Kehormat Kesatuan Kakitangan Universiti /IPTA Malaysia (GAKUM) juga telah dilaksanakan.

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Biarkan Yang Berhormat Menteri menjawab.

Puan Teo Nie Ching: Proses libat urus umpama ini akan diteruskan oleh pihak kementerian dan sebarang isu yang timbul akan ditangani sebaiknya. Sekian jawapan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya ada dua soalan yang tidak begitu berkaitan akan tetapi dibenarkan. Jadi silakan soalan pertama Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengalu-alukan selamat datang kepada Jawatankuasa Tamu Nanga Medamit daripada Parlimen Limbang. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Selamat datang.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi saya nampak ada *contradict*, dengan izin.

Pertama, Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut pasal pekeliling tetapi apa yang saya dimaklumkan adalah Jemaah Menteri telah membuat keputusan supaya memberhentikan mengundang orang kenamaan daripada kalangan parti pembangkang. Saya hendak dapat kepastian dakwaan ini. Itu yang pertama.

Keduanya, Adakah Ahli Parlimen kerajaan juga dikenakan prosiding yang sama seperti mana Ahli Parlimen pembangkang? Bagaimana pula apabila ada seorang Yang Berhormat Menteri masuk ke kawasan sekolah dan membuat ucapan-ucapan yang berbaur perkauman dan apakah pendirian kementerian? Itu yang pertama.

Ketiganya berkaitan penggabungan. *[Disampuk]* Jawapan panjang, saya soalan panjanglah. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ini yang saya sebutkan tadi ada dua soalan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Ya lah, saya mengikuti apa yang Tuan Yang di-Pertua beritahu tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, secara ringkas. Sebenarnya...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Penggabungan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu betul.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menjaga kepentingan mahasiswa. Saya hendak tanya pendirian pihak kementerian, Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan telah menghantar memorandum tidak

bersetuju penggabungan di antara dua buah universiti ini. Apakah pandangan pihak kementerian? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jangan marah-marah - 15,000.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih ahli Yang Berhormat. Sebenarnya ...

Tuan Yang di-Pertua: Lain kali satu soalan dalam ini ya. Satu soalan bukan dua soalan dalam satu. Ya, silakan Yang Berhormat Menteri.

Puan Teo Nie Ching: Sebenarnya kalau ikut peraturan kita, kedua-dua soalan itu sepatutnya berkaitan akan tetapi tidak apa saya sudah jawab dan saya sekarang akan beri jawapan tambahan.

Tentang soalan pertama yang ditanyakan. Keputusan Jemaah Menteri adalah bahawa kalau projek itu adalah projek Persekutuan ataupun program itu adalah program daripada Kerajaan Persekutuan. Jadi haruslah mengajak wakil-wakil rakyat daripada ahli-ahli politik kerajaan. Saya rasa itu tidak sepatutnya menjadi masalah. Kalau bangunan itu ataupun projek itu adalah Projek Persekutuan tetapi mengajak pembangkang, saya rasa itu tidak betul sedikitlah. *[Tepuk] [Dewan Riu]* Kedua, saya hendak...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Semua guna duit negara, bayar cukai.

Puan Teo Nie Ching: Duit negara akan tetapi apa masalah untuk menjemput Ahli Parlimen kerajaan? Saya hendak tanya semasa Barisan Nasional menjadi kerajaan, pernah atau tidak menjemput Ahli Parlimen Kulai? *[Dewan Riu]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau kamu hendak balas dendam tidak payah buat kerajaan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kita bagi, kita bagi. Kita ada bukti kita bagi.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Arau duduklah. Jangan ganggu Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan *provoke* pagi-pagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau hendak balas dendam tidak payah Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Memang ada.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Tanjong Piai duduklah. *[Dewan Riu]*
[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Sesi soal jawab bukan sesi debat ya. Silakan Yang Berhormat Menteri jawab.

Puan Teo Nie Ching: Untuk membuktikan bahawa kami telah memberi kelulusan kepada Ahli Parlimen pembangkang ataupun parti politik pembangkang. Saya hendak memberi beberapa contoh sepertinya di Sarawak. Kita telah memberi kelulusan kepada parti GPS

daripada PSP sebanyak 515 kali. Akan tetapi sebaliknya untuk Pakatan Harapan hanya dapat kelulusan sebanyak 170 kali. Jadi apa lagi hendak kita minta kepada di sini.

Kedua, sama ada Ahli Parlimen – hendak dengar jawapan atau tidak?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu Sarawak, ini... [*Dewan Riu*]

[*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Yang di-Pertua: Apabila soalan ditanya, dengarlah jawapan. Silakan.

Puan Teo Nie Ching: Okey, hendak tahu *you* tahu tentang Semenanjung?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini tidak betul ini.

Puan Teo Nie Ching: Terengganu, kita juga telah memberi kelulusan kepada pembangkang sebanyak 16 kali.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak betul, mengelirukan Dewan. Jawapan itu tidak betul.

Puan Teo Nie Ching: Jadi ini telah menunjukkan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan adalah bersikap adil. Okey, ini pertama. [*Dewan Riu*]

Kedua, sama ada permohonan itu perlu dikemukakan apabila jemputan itu adalah melibatkan ahli politik kerajaan, jawapannya adalah ya. Ini kerana SPI yang sebenarnya dikeluarkan oleh Barisan Nasional pada tahun 2008 itu merujuk kepada semua orang kenamaan. Jadi, kita mengguna pakai satu SPI yang sama untuk semua orang kenamaan. [*Tepuk*]

Ketiga, tentang isu penggabungan. Saya rasa memang betul ada mahasiswa-mahasiswa yang menghantar memorandum kepada kami. Akan tetapi seperti yang saya sebut tadi, banyak sesi libat urus telah dijalankan dan KPM akan terus menjalankan sesi libat urus supaya kita boleh dapat satu *consensus*. Sebenarnya Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga telah dapat *blessing* daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong untuk melaksanakan penggabungan ini. Jadi saya rasa ini adalah tanggungjawab KPM untuk melibatkan kesemua pihak yang berkepentingan supaya saya harap kita boleh dapat satu *consensus*.

Saya harap atas isu ini, saya harap Ahli Parlimen pembangkang juga bolehlah memberi sokongan ataupun *criticism* yang konstruktif. Sekian jawapan saya terima kasih.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri masuk sekolah menyebarkan perkauman?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan kedua dari sebelah kanan. Silakan Yang Berhormat Tampin.

Datuk Dr. Hasan bin Baharom [Tampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan tahniah kepada Yang Berhormat Tanjong Piai. [*Tepuk*]

Soalan saya ringkas sahaja. Apakah usaha kementerian dalam memastikan pelajar menerima pendedahan politik dan kenegaraan yang natural dan menyeluruh yang mampu

meningkatkan kesedaran berpolitik dan seterusnya menyumbang kepada proses pemerkasaan demokrasi di Malaysia? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tampin tidak berkaitan dengan soalan asal ya. Ini kalau Yang Berhormat Menteri hendak menjawab dibenarkan.

Puan Teo Nie Ching: Okey. Ahli Parlimen Paya Besar dia masih tidak gembira oleh kerana saya lupa sentuh tentang ahli-ahli politik yang memberi...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Bukan saya tidak gembira, rakyat Malaysia tidak gembira. *[Dewan Riu]*

Puan Teo Nie Ching: Jadi Yang Berhormat Paya Besar gembira atau tidak gembira? Itu soalan saya. Tidak perlulah semuanya hendak mencabar kan?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Jawablah dahulu. Kalau hendak tahu saya gembira atau tidak gembira, jawablah dahulu.

Puan Teo Nie Ching: Saya hendak menjawab sekarang, beri saya peluang sampai bila?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Jangan ganggu Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Paya Besar. Jangan perangai samseng.

Puan Teo Nie Ching: Hendak memberi saya peluang atau tidak?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Saya tidak tanya pasal komik pun, *you* cukup baik tau. *[Dewan Riu]*

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Paya Besar sila duduk. Yang Berhormat Timbalan Menteri silakan menjawab.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kenapa Yang Berhormat Rasah campur tangan?

Puan Teo Nie Ching: Saya harap bahawa...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: *You* jangan celoparlah Yang Berhormat Arau.

Puan Teo Nie Ching: Ahli Parlimen pembangkang boleh menjadi *gentlemen* sedikit.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Jangan marah-marah, pagi-pagi.

Puan Teo Nie Ching: Apabila beliau bertanya soalan tambahan, saya tidak ganggu. Jadi hormatlah *floor* saya untuk memberi jawapan. *[Dewan Riu]*

Saya hendak tambah sedikit – harap untuk *satisfy*-lah Ahli Parlimen Paya Besar. Untuk sesiapa yang memberi ucapan yang berbaur perkauman kita tidak izinkan. Oleh sebab itu, kita cakap bahawa semua ahli politik, orang-orang kenamaan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasin Salak]: DAP yang buat ucapan perkauman. DAP, DAP.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Hendak dengar atau tidak ini? Silakan Yang Berhormat menjawab.

Puan Teo Nie Ching: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon dia tarik balik. Keluarkan bukti ataupun tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak dengar itu, apa dia?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tarik balik apa? Yang Berhormat Timbalan Menteri kena tarik balik jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang hendak ditarik balik?

Puan Teo Nie Ching: Dia tuduh DAP buat ucapan berbau perkauman di dalam sekolah. Saya pohon dia tarik balik.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri kena tarik balik.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: DAP dari dahulu perkauman, dari dahulu. *[Dewan Riu]*

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak itu tidak begitu munasabahlah ya. Tarik baliklah, tarik balik.

Puan Teo Nie Ching: Tarik balik.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon *ruling* Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri kena tarik balik, jawapan tidak betul.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Peraturan Mesyuarat 36(6). Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Mengelirukan Dewan. *[Dewan Riu]*

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Kalau kata mengelirukan Dewan, tulis pada saya sebuah usul nyatakan apa faktanya dan sebagainya. Akan tetapi kalau kata DAP tanpa alasan terlebih dahulu itu, susahlah dalam sesi Parlimen. Nanti seorang kata pihak sana perkauman.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita dengar ucapan DAP di luar Nga Kor Meng...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin tekankan sekali lagi, ini sesi soal jawab ya bukan perbahasan.

■1030

Kalau begitu Yang Berhormat Menteri tidak payah jawablah, dia orang tidak mahu mendengar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua..

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon petua, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Point of Order, tidak perlu hantar surat cuma bawa Peraturan Mesyuarat 36(12).

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Mengelirukan Dewan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, kita perlukan petua, Tuan Yang di-Pertua. Dalam Peraturan 36 sama ada 36(6), 36(4) atau apa semua merujuk kepada Ahli Dewan, individu, tidak merujuk parti dan sebagainya. Kalau kita lihat tuduhan kepada BN lah dan sebagainya sudah pun dilakukan lebih awal lagi.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: UMNO, BN sudah hari-hari.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: ... kena *fair*. Kena berlaku adil dalam perkara ini.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kata UMNO perompak, itulah, inilah ini *racist*. Blahlah.

[Pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Kita seharusnya mendengar soalan dan jawapan yang khusus pada hari ini. Kalau hendak berbahas cari forum lainlah, waktu lainlah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Menteri, jawab elok-elok. Jangan provokasi. Yang Berhormat Menteri suka *provoke*.

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Tuan William Leong Jee Keen.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, kita boleh dengar jawapan dia...

[Dewan riuh]

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Siapa *provoke*, siapa *provoke*? Yang Berhormat Pasir Salak.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Siapa makan cili dia rasa pedaslah..

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ada bukti tulislah kepada saya. Buat usul, itu caranya. Sila duduk, Yang Berhormat Tanjong Karang. Yang Berhormat Tuan William Leong Jee Keen.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kedua. Soalan tambahan kedua.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Soalan saya soalan ketiga.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ketiga.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]: Tambahan kedua tidak ada?

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Ada tadi, itu soalan tambahan kedua tadi.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]: Dia topik keluar. Saya, Tuan Yang di-Pertua yang betul-betul kena ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri sudah menjawab.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]: Tuan Yang di-Pertua, saya segala-galanya dibuat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Duduklah. Saya sudah panggil Yang Berhormat Tuan William Leong Jee keen.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]: Tuan Yang di-Pertua, segala-galanya sudah dibuat. Saya hendak pergi ke majlis, *cancel*.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk, Yang Berhormat Batang Lupar.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]: Yang Berhormat Batang Lupar, ini floor saya.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]: Tidak elok, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk, sila duduk. Saya sudah panggil Yang Berhormat Tuan William Leong Jee Keen, soalan sudah disebut soalan 3, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Itu adap jawab lisan.

3. Tuan William Lengong Jee Keen [Selayang] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menangani penyalahgunaan Permit Kelulusan (AP) mengimport kubis yang menimbulkan isu persaingan menyebabkan harga sayur meningkat dan kelemahan persaingan 5 jenis makanan yang dinyatakan dalam Kajian Pasaran Sektor Makanan 2019.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini *floor* saya ya, Yang Berhormat Batang Lupar jangan lupa ya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kubis bulat merupakan antara 5 jenis keluaran pertanian yang dikenakan kawalan import di mana kelulusan kuota import AP diluluskan berdasarkan Perintah Duti Kastam 2017.

MOA telah dan sentiasa melaksanakan langkah secara berterusan untuk meningkatkan ketelusan dan tadbir urus yang baik, *transparency and good governance* dalam pentadbiran AP. Antara inisiatif yang telah diambil adalah seperti berikut:-

- (i) langkah pemutihan yang mengenal pasti syarikat-syarikat yang tidak diperbaharui AP mereka berikutan tidak mencapai prestasi yang ditetapkan;
- (ii) penambahbaikan *Standard Operating Procedure* yang sedia ada; dan
- (iii) pelaksanaan *Government Integrity and Anti-Corruption Commission* (GIACC) untuk mengekang pihak ketiga dalam rantai pembekalan kubis.

MOA telah mengenal pasti perubahan-perubahan harga sayur berlaku pada masa-masa tertentu akibat faktor-faktor di luar kawalan iaitu perubahan musim penanaman negara pengeluar di antara bulan Mei hingga Julai, kadar pertukaran mata wang Malaysia USD-RM yang mengalami peningkatan ketara dalam tempoh tersebut memberi impak kepada kos perdagangan import eksport dan peningkatan dalam kadar permintaan pada musim-musim perayaan.

Bagi isu bekalan daging, MOA telah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:-

- (i) membuka ruang untuk pengimportan daging dari beberapa negara lain termasuk Amerika Syarikat, Pakistan, Brazil dan New Zealand;
- (ii) menyediakan maklumat berkaitan 56 *abattoir* di seluruh dunia yang boleh membekalkan daging ke Malaysia;
- (iii) memaklumkan bahawa semua syarikat yang layak boleh memohon untuk mengimport daging dari mana-mana negara sumber tertakluk kepada syarat '*century and ...sanitary*' dan garis panduan antarabangsa seperti World Organizational for Animal Health. (OIE). Keselamatan makanan juga berpandukan kepada garis panduan CODEX dan Malaysia Standard serta halal yang dipersetujui oleh kedua-dua negara; dan
- (iv) dalam proses untuk meminda Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 Akta 728 bertujuan untuk memperluaskan fungsi dan bidang kuasa MAQIS. Perluasan kuasa ini tidak akan mengehendkan kuasa MAQIS kepada pintu masuk sahaja tetapi juga di luar pintu masuk pusat dan stesen kuarantin.

Bagi sayur sawi dan ikan kembung, kajian dilihat lebih tertumpu kepada isu ketidakstabilan harga pasaran yang disebabkan oleh orang tengah. Orang tengah mempunyai banyak lapisan di pelbagai peringkat. Antara langkah yang telah diambil bagi mengurangkan lapisan orang tengah adalah seperti pelaksanaan program ikan segar beku Q'Fish dan galakan kepada ternakan ikan agriculture untuk memberi alternatif kepada pasaran seterusnya pengguna boleh membeli pada harga yang berpatutan.

MOA sedang menyediakan satu kajian susulan untuk mengenal pasti langkah-langkah yang terbaik yang boleh diambil oleh kerajaan bagi menangani isu kecekapan keseluruhan rangkaian pasaran makanan termasuk kajian ke atas rangkaian pemasaran input pertanian. Sekian, terima kasih.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih. Terima kasih atas jawapan yang telah diberikan. Memang penting kita hendak mengadakan satu sistem AP yang telus. Setujukah Yang Berhormat Timbalan Menteri demi ketelusan di dalam sistem AP, untuk pameran nama syarikat dan juga kelayakan mereka untuk diberikan AP dan juga pameran nama mereka yang jual atau sewa atau menyalahgunakan AP demi ketelusan. [Tepuk]

Kedua, tentang keselamatan makanan di negara. Kita hendak import antaranya sayur dan daging tetapi tentang sayur masalah kami tidak mencukupi ialah 90 peratus tanaman sayur ialah atas tanah TOL – Temporary Occupation License. Setuju atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kerajaan Persekutuan hendak bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa petani-petani tempatan diberikan geran supaya mereka dapat melabur lebih di dalam tanah mereka untuk kemudahan dan perparitan dan sebagainya untuk menambah keluaran dan juga kurangkan kos. [Tepuk]

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Selayang. Saya ambil maklum bahawa rata-rata di antara kalangan rakyat tahu bahawa dahulu di bawah Kerajaan Barisan Nasional ada isu-isu yang ditimbulkan di mana AP disalahgunakan. Maka kita ini tidak lagi tolak ansur kepada penyalahgunaan kuasa ini kerana kita tahu bahawa dengan jual beli AP, sewa AP ini menyebabkan harga makanan naik.

Itu sebab di bawah Kerajaan Pakatan Harapan, kita telah laksanakan beberapa *reform* antaranya yang saya telah maklumkan tadi menjadikan ia lebih *transparent* dan mengenal pasti syarikat-syarikat yang *rent-seekers*. *Rent-seekers* ini telah diputihkan dan kita secara beransur-ansur akan putihkan lagi yang tidak perform terutamanya syarikat-syarikat *rent-seekers*.

Cadangan untuk lebih telus, pameran nama syarikat dan sebagainya itu kita akan pertimbangkan kerana kita ada banyak isu lain yang perlu kita perhalusi sebelum kita buat keputusan.

Untuk soalan tentang isu TOL, 90 peratus penanaman sayur-sayuran di negara kita ini adalah di atas tanah TOL. Ini adalah satu isu yang sangat besar kerana ini melibatkan *food security*. Kalau penanam-penanam sayur di Malaysia tidak rasa *secure* maka mereka tidak akan *invest* dalam *in long term* kerana mereka tahu bahawa mereka khuatir tahun depan adakah tanah mereka akan ditarik balik oleh kerajaan.

■1040

Tahun depan, adakah mereka akan dihalau daripada tanah TOL mereka? Maka akhirnya ia menyebabkan iaitu:

- (i) mereka tidak *invest for the future*;
- (ii) mereka tidak *invest* dalam teknologi yang moden; dan

- (iii) mereka kadangkala menggunakan *quick fix*, mereka hendak mendapatkan keuntungan yang cepat, maka mereka tabur racun serangga dan pelbagai dengan penggunaan yang tidak bertanggungjawab.

Jadi akhirnya rakyat Malaysia ini sengsara kerana kita tidak mendapat makanan yang lebih baik dan kita terpaksa selalunya harga sayur meningkat. Jadi secara *long-term*, kita menyeru kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya *look into longer-term list*. Bagilah 5 tahun atau 10 tahun (*5 plus 5*). Kalau boleh 10 tahun untuk penanaman sayur-sayuran supaya mereka boleh masuk ke dalam, mereka boleh *invest* dalam teknologi yang baru dan mereka ada *security of tenure* dengan *longer list*. Ini adalah kuasa kerajaan negeri.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyeru Ahli-ahli Parlimen di sini untuk bekerjasama untuk menasihatkan Menteri-menteri Besar kerana kadangkala Menteri-menteri Besar, mereka lebih sanggup memberi tanah kepada *developers*, kepada syarikat-syarikat pembinaan atau industri dan menyebabkan petani-petani ini dipinggirkan. Akhirnya kerana tanah nilainya lebih tinggi dari segi *construction*, maka akhirnya rakyat menjadi mangsa kerana kita tidak mempunyai makanan yang lebih murah dan *food security* Malaysia terjejas. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya merakamkan ribuan terima kasih, mengambil kesempatan ini kepada pucuk pimpinan parti Barisan Nasional dan galakan dari PAS telah memastikan kemenangan calon Barisan Nasional. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Soalan, soalan.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Ya, soalan. Saya hendak minta terutama daripada Kerajaan PH yang sebelah, baru-baru ini dalam PRK Tanjong Piai ini, lihatlah betul-betul daripada janji semasa pilihan raya ini kerana nelayan sengsara dan juga penternak-penternak sangkar di Kukup Laut dan Air Masin. Soalan tambahan saya ialah apakah tindakan kerajaan melindungi *security* makanan negara (*food security*) memandangkan kita masih terlalu bergantung terhadap import. Sekian, terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tanjong Piai kerana menang besar dalam pilihan raya kecil. [*Tepuk*] Sebelum saya masuk kepada jawapan, saya juga ingin mengalu-alukan pensyarah dan mahasiswa Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Port Dickson gembira tak?

Tuan Sim Tze Tzin: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga ingin beritahu kepada Yang Berhormat Tanjong Piai bahawa soalan ini adalah berkenaan dengan AP, ia bukan soalan *food security* ya. Yang Berhormat Tanjong Piai telah lama dalam Dewan, patut tahu bahawa ini adalah isu yang tidak berkaitan, soalan yang tidak berkaitan. Walau bagaimanapun, sebagai yang baru masuk Dewan, saya bagilah sedikit ya.

Dari segi *food security* dan kita akan buat yang terbaik dari segi *food security* negara kerana kita tahu bahawa negara Malaysia, 32 juta rakyat Malaysia ini memerlukan makanan.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Tze Tzin: Setiap hari, tiga kali sehari.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ini tak payah jawablah. Kalau keluar itu, bagilah jawapan soalan yang relevan.

Tuan Sim Tze Tzin: Ya, ya betul. Hendak tegur, tegur Yang Berhormat Tanjong Piai ya akan tetapi tidak apa. Kita perlukan *food security* negara kita dan kerajaan ambil maklum bahawa *food security* ini sangat penting untuk memberi makanan kepada 32 juta rakyat Malaysia, tiga kali sehari. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Dalam konteks *food security* Yang Berhormat, perubahan iklim dan keadaan cuaca.

Tuan Yang di-Pertua: Itu pun tidak berkaitan Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Mengikut kajian yang telah dibuat akan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Santubong, ini peliklah. *[Ketawa]*

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ini apa pula ini?

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Sudah bangun kah belum?

Tuan Yang di-Pertua: Sila khususkan kepada AP dan...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Soalan tambahan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kepada soalan yang tidak berkaitan?

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ada berkaitan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya ada yang berkaitan, boleh Tuan Yang di-Pertua? Saya ada soalan tambahan yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi Yang Berhormat Santubong.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ini pertanyaan ya?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh kah tidak?

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ya, pertanyaan. Apakah kajian yang telah dibuat oleh kerajaan menerusi Kementerian Pertanian untuk mengatasi ke arah masa hadapan yang kadang cuacanya berlainan, yang mana *food security* menjadi satu persoalan besar khususnya tanaman-tanaman sayur-sayuran. Adakah kementerian ini hendak tukar nama jadi AP *managers* sajakah, Menteri AP ataupun Menteri Pertanian? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat tidak berkaitan juga itu. Terpulang kepada Menteri.

Tuan Sim Tze Tzin: Saya rasa ini soalan politik ya kerana untuk menuduh bahawa kerajaan atau kementerian AP ini tidak adil langsung kerana kita ini membantu petani, membantu nelayan dan juga membantu penternak dan membantu rakyat Malaysia 32 juta mendapatkan makanan yang baik.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak ada politik punya. Boleh?

Tuan Sim Tze Tzin: Seramai 32 juta rakyat Malaysia, tiga kali sehari makan ya. Jadi, dari segi isu perubahan iklim dan juga penambahan penduduk, ini adalah satu fenomena yang sangat-sangat serius kerana kita tahu bahawa melalui jangkaan menjelang tahun 2050, penduduk dunia akan mencecah 9 bilion orang daripada 6 bilion sekarang. Perubahan iklim dijangka akan menjejaskan 40 peratus pengurangan makanan, *production of food*.

Maka ini menyebabkan ada satu *shortfall* yang sangat besar. Maka kita kena bersiap-sedia mulai sekarang kerana dengan perubahan iklim, kita tahu bahawa sekarang nelayan tidak boleh keluar laut, sangkar ikan dimusnahkan oleh *typhoon*. Padi dan sebagainya, tanaman padi dirosakkan oleh *typhoon* dengan banjir yang besar, menyebabkan kerosakan tanaman dan ternakan.

Jadi, ini adalah isu yang perlu kita tengok dan kita perlu secara serius untuk menangani masalah *food security* masa depan. Kerajaan negeri diseru sekali lagi, sekali lagi saya menyeru kerajaan negeri untuk menyediakan tanah-tanah yang mencukupi untuk sektor agromakanan, bukan sahaja perladangan kepada kelapa sawit terutamanya di negeri Sarawak, bidang tanah yang besar-besar bagi kepada...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Yang Berhormat, 2 ribu kerajaan negeri beri, apa yang persediaan?

Tuan Sim Tze Tzin: ...tetapi kurang diberikan kepada agromakanan, kepada penanam sayur, penternakan dan juga perikanan dalam sangkar dan sebagainya. Jadi ini adalah isu dan juga pembangunan, bagi tanah kepada pembangunan, perumahan yang besar-besaran tetapi kurang memberi perhatian kepada penternakan ayam dan sebagainya. Jadi, ini adalah perlu kita tukar *mind set* dan bersedia mulai sekarang. Terima kasih.

4. Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) apakah syarat-syarat permohonan rakyat asing yang mahu menjadi warganegara Malaysia; dan
- (ii) apakah benar dakwaan bahawa kerajaan telah memudahkan untuk memberi taraf warganegara kepada pelancong-pelancong yang datang dari tanah besar China dan Hong Kong.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Pendang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini ada dua soalan di situ so, izinkan saya untuk menjawab soalan ini agak panjang sedikit. Bahagian III Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan dua kaedah pemerolehan kewarganegaraan bagi individu warga asing iaitu melalui pendaftaran atau penaturalisasian jika telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan (*Citizenship Rules 1964*) dan lain-lain perundangan berkaitan.

■1050

Kaedah pemerolehan kewarganegaraan oleh warga asing adalah seperti mana berikut. Pertama, kewarganegaraan melalui pendaftaran. Di bawah Perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan bagi isteri kepada warganegara Malaysia dengan syarat-syarat berikut:-

- i) perkahwinan yang didaftarkan mengikut perundangan bertulis di Malaysia;
- ii) suami kepada wanita warga asing berkenaan bertaraf warganegara Malaysia;
- iii) perkahwinan masih wujud dan berterusan;
- iv) pemohon telah memenuhi tempoh permastautinan melebihi dua tahun yang dikira daripada pegangan MyPR sebelum tarikh permohonan dibuat; dan,
- v) berkelakuan baik yang dinilai melalui tapisan keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia.

Di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan pula bagi individu berumur bawah 21 tahun dengan syarat-syarat berikut:-

- i) sekurang-kurangnya salah seorang ibu atau bapanya adalah warganegara Malaysia;
- ii) terdapat bukti keberadaan subjek di Persekutuan; dan,
- iii) penjaga yang ingin memohon, perlu mengemukakan surat hak penjagaan daripada mahkamah.

Di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan bagi individu berumur bawah 21 tahun dengan syarat-syarat berikut:-

- i) permohonan daripada ibu bapa:-
 - a) bapanya adalah warganegara Malaysia; dan,
 - b) terdapat bukti penjagaan dan keberadaan subjek di Persekutuan.
- ii) bagi permohonan daripada penjaga ataupun penganjur:-
 - a) penjaga subjek dari Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- iii) permohonan untuk anak angkat:-
 - a) pengangkatan yang sah;
 - b) ibu atau bapa angkat adalah warganegara Malaysia;
 - c) perkahwinan ibu, bapa angkat teratur; dan,
 - d) terdapat bukti penjagaan dan keberadaan subjek di Persekutuan.

Di bawah Perkara 16 Perlembagaan Persekutuan pula, bagi individu berumur 18 tahun dan ke atas yang dilahirkan di Persekutuan sebelum hari merdeka dengan syarat-syarat berikut:-

- i) memiliki sijil kelahiran sebagai bukti dilahirkan di Persekutuan;
- ii) pemohon telah memenuhi tempoh permastautinan melebihi tujuh tahun yang dikira daripada pegangan MyPR sebelum tarikh permohonan dibuat;
- iii) berkelakuan baik yang dinilai melalui tapisan keselamatan oleh PDRM; dan,
- iv) mempunyai pengetahuan asas dalam Bahasa Melayu.

Kedua, kewarganegaraan melalui peneutralisasian di bawah Perkara 19 Perlembagaan pula dengan syarat-syarat berikut:-

- i) pemohon telah memenuhi tempoh permastautinan melebihi 12 tahun yang dikira daripada pegangan MyPR sebelum tarikh permohonan dibuat;
- ii) berkelakuan baik yang dinilai melalui tapisan keselamatan oleh PDRM; dan,
- iii) mempunyai pengetahuan Bahasa Malaysia yang memadai.

Berhubung dengan dakwaan bahawa kerajaan telah memudahkan untuk memberi taraf kewarganegaraan kepada pelancong-pelancong dari China dan Hong Kong seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, dakwaan berkenaan adalah tidak benar. Adalah ditegaskan bahawa penganugerahan kewarganegaraan Malaysia merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak diberikan sewenang-wenangnya. Pertimbangan terhadap permohonan kewarganegaraan adalah selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964*, dengan izin serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahatarafan anak, peraturan imigresen dan lain-lain.

Selain daripada itu, KDN mengambil maklum satu dakwaan terdapat 200 ribu penerima "Sijil Kewarganegaraan Baru Ikrar Sedia Balas Budi Kerajaan PH" yang tular di media sosial *Facebook* dan *Twitter* oleh individu bernama Tengku Raja Alam Shah. Sehubungan dengan itu, satu kenyataan rasmi telah dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri bagi menafikan dakwaan tersebut dan meminta pihak yang bertanggungjawab tampil membuktikan dakwaan tersebut adalah sahih dan bukan bersifat tohmahan semata-mata. KDN melalui Jabatan Pendaftaran Negara memandang serius mengenai perkara ini dan satu laporan polis telah dibuat oleh Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara sendiri pada 29 September 2019 di Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya agar siasatan dapat dilakukan terhadap pemilik akaun media sosial tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ini ada kaitan dengan soalan yang pertama tadi.

Saya merasa bimbang dengan isu keselamatan dan kedaulatan negara ini. Kita berhadapan dengan sejumlah besar kemasukan warga asing ke dalam negara kita. Saya beri

contoh, seramai 42 ribu orang diluluskan di bawah Program *Malaysia My Second Home*. Keduanya, kita tengok seramai 2.1 juta pekerja asing yang ada dalam negara kita, yang berdaftar, yang dikawal oleh kerajaan. Ketiga, seramai 160 ribu pelarian berdaftar. Jumlah ini adalah berdaftar mengikut saluran sah di sisi undang-undang.

Namun, kita jangan berhadapan dengan masalah lebih besar iaitu kemasukan secara tidak sah dan berkemungkinan terdapat buatan khianat, rasuah dan salah guna kuasa. Contohnya dalam kes penyalahgunaan pas sosial, sindiket MyKad palsu. Kes ini sangat serius sehinggakan pihak PDRM menubuhkan satu unit khas yang diketuai oleh Pengarah Jabatan Siasatan Bukit Aman untuk mengendalikan kes ini. Namun, kita masih belum mendengar siapakah dalang sebenar yang telah dibicarakan dan dihukum dengan hukuman berat dan siapakah dalang ini. Ya, kita belum dengar lagi, belum apa-apa tindakan. Namun, kita masih belum – Oleh itu, apa jaminan kerajaan agar isu ini dapat diselesaikan dengan segera dan mengheret semua pengkhianat ini ke muka keadilan agar kedaulatan negara ini terus dipertahankan? Minta jawapan.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih soalan tambahan. Agak panjang sebenarnya. Saya tidak sempat hendak tulis pun satu-satu. Cuma apa yang penting Tuan Yang di-Pertua, bila menyentuh tentang pemberian dokumen ini, ingin saya tegaskan di sini bahawa kerajaan memandang serius. Malah kita akan menapis sebaik yang mungkin dan seketat yang mungkin. Macam tadi disebut mengenai 42 ribu lulus *My Second Home*. Kita pun tahu *My Second Home* ini merupakan program di bawah Kementerian Pelancongan dan walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri yang menapis dari segi kelulusan keberadaan mereka di sini.

Menyentuh pula tentang isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi berkenaan dengan isu-isu yang telah ditangkap dan sebagainya. Ini bukti jelas bahawa hari ini, telah ramai yang ditangkap dan ada yang didakwa pun di mahkamah. Oleh kerana sindiket ini kita tahu berada di negara kita ini bergerak, malah sejak kerajaan terdahulu lagi pun ada yang telah beroperasi sejak sekian lama. Jadi walaupun begitu, kerajaan hari ini sebagaimana saya sebutkan tadi, tangkapan-tangkapan telah pun dibuat. Kita pun nampak di media sosial, dalam *newspaper*, dalam kaca-kaca TV. Malah dakwaan telah pun dibuat.

Apa yang saya ingin tegaskan di sini bahawa Kementerian Dalam Negeri akan memastikan bahawa setiap dokumen-dokumen yang kita berikan, baik dari segi kewarganegaraan, baik dari segi MyPR dan sebagainya, akan dipastikan bahawa tapisan yang ketat dilakukan. Sekian, terima kasih.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan dan menghalusi bagaimana satu peraturan yang akan diwujudkan untuk memudahkan untuk membuat permohonan kewarganegaraan dan surat beranak. Sekian, terima kasih.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Tuan Yang di-Pertua, permohonan kewarganegaraan ini telah saya sebut tadi dalam jawapan saya, agak terperinci. Isu yang mengatakan kita hendak

permudahkan, dia 'terhad' itu dalam Perlembagaan kita. Kita tidak boleh *simply* mempermudah. Kalau dia tidak layak, tidak layak Yang Berhormat. Kalau dia layak, layak. Itu yang saya sebutkan tadi. Maknanya kita – telah saya sebutkan berulang kali dalam Dewan yang mulia ini bahawa satu *Standard Operating Procedure* yang baru, yang kita akan gubal dan *insya-Allah* kita akan cuba laksanakan tahun hadapan di mana dari segi permohonan-permohonan yang ditolak itu kita akan nyatakan apa sebab ditolak. Saya ingin tegaskan di sini, kalau layak, *insya-Allah* akan diberikan kewarganegaraan. Kalau layak dan kalau tidak layak, kita tegas, kita tidak akan beri kerakyatan. Terima kasih.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengalu-alukan kedatangan pelajar-pelajar dari SMK Taman Petaling, SMK Taman Merdau dan NGO SAWO dari Sabah. Selamat datang ke Parlimen. [*Tepuk*]

5. **Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah pencapaian misi bantuan Angkatan Tentera Malaysia ke Cox's Bazar, Bangladesh dan apakah langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan pelarian Rohingya daripada membanjiri sempadan darat dan maritim Malaysia.

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, terima kasih. Objektif utama Hospital Medan Malaysia di Cox's Bazar adalah bagi menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam menerajui isu kemanusiaan di rantau ini. Malaysia merupakan satu-satunya negara ASEAN yang membuka Hospital Medan untuk krisis Rohingya ini. Satu hospital yang lain adalah hospital dari Turki. Malaysia juga dibantu oleh negara-negara luar seperti Brunei Darussalam, Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu untuk memberi bantuan kepada pelarian Rohingya di sana. Hospital ini juga mendapat pujian dan pengiktirafan dari pelbagai agensi luar seperti *World Health Organization, Refugee Relief and Repatriation Commissioner* dalam Bangladesh dan *International Committee of the Red Cross (ICRC)* dan menjadi hospital rujukan di daerah berkenaan.

■1100

Sehingga kini sebanyak 81,698 kes telah dirawat di Hospital Medan ini. Kehadiran Hospital Medan juga meningkatkan hubungan baik dengan negara Bangladesh dan menjadi koperasi ini sebagai medan latihan untuk meningkatkan kesiapsiagaan ATM dalam menghadapi situasi bantuan kemanusiaan dan kesihatan. Hospital Medan Malaysia bukan sahaja memberikan bantuan perubatan dan kesihatan kepada pelarian Rohingya tetapi turut memberi khidmatnya kepada penduduk setempat. Jemaah Menteri telah bersetuju pada 2 Oktober untuk melanjutkan operasi Hospital Medan Malaysia sehingga selewat-lewatnya Disember 2021 iaitu lanjutan maksimum dua tahun.

Pengoperasian ini juga melibatkan Kementerian Kesihatan dan NGO-NGO yang berkaitan. Buat setakat ini hanya ATM yang terlibat dalam program tetapi selepas itu Kementerian Kesihatan juga akan terlibat.

Soalan kedua dalam soalan ialah berkenaan dengan kebanjiran pelarian Rohingya ke kawasan perairan Malaysia iaitu Selat Melaka Utara dan tempat lain. Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah melalui Markas Wilayah Laut 3 yang berpangkalan di Langkawi dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan operasi bagi memantau kemasukan pelarian Rohingya ke perairan negara.

Di samping itu kerjasama perisikan dengan tentera laut Thailand juga diwujudkan bagi tujuan perkongsian maklumat. Pada masa ini TLDM terlibat dalam operasi bantuan kemanusiaan yang diterajui oleh APMM Agensi Penguat Kuasa Maritim Malaysia. Fungsi TLDM dalam operasi ini adalah sebagai elemen bantuan yang membantu pihak APMM dalam pengoperasian. Untuk kawasan daratan tentera darat bersama dengan tentera darat Thailand juga terlibat dalam pengoperasian. Terima kasih.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab soalan ini. Soalan tambahan saya, tadi saya mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa akan dilanjutkan dua tahun dari segi bantuan kemanusiaan itu. Boleh tak Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan sama ada bantuan kemanusiaan lanjutan dua tahun ini kita kekalkan saiz bantuan ataupun kita kurangkan, kita tambahkan. Boleh huraikan tentang apa perancangan bantuan kemanusiaan dalam lanjutan dua tahun ini.

Tuan Liew Chin Tong: Saya buat lawatan pada bulan Mei ke Cox's Bazar dan operasi kita akan kekal tetapi sekarang ini operasi baru tahun depan tidak hanya ATM sahaja, bukan sahaja Angkatan Tentera Malaysia tetapi juga melibatkan Kementerian Kesihatan. Ini kerana dalam hospital atau sistem bahagian kesihatan Angkatan Tentera Malaysia memang doktor kita kurang. So kita perlukan bantuan Kementerian Kesihatan dan juga operasi tahun depan akan melibatkan NGO-NGO tetapi saiz operasi kita sama. Saiz operasi kekal tetapi dengan penglibatan anggota ATM, Kementerian Kesihatan dan juga doktor-doktor sukarelawan daripada NGO. Maka saiz masih kekal 50 kaki. Terima kasih.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri kita maklum bahawa krisis di Cox's Bazar itu berpunca pada penghijrahan rakyat Rohingya daripada Rakhine State di Myanmar. Saya sendiri bekerja di Rakhine State ketika bersama dengan NGO kemanusiaan di sana. Nampaknya krisis ini belum reda, jadi di Rakhine State sendiri adalah hampir 400,000 pelarian di *Internally Displaced People (IDPs)*. Jadi adakah pihak kementerian juga merancang untuk mengadakan kerjasama dan membuka Hospital Medan di IDP khususnya pelarian Rohingya yang berada di Rakhine State itu sendiri. Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong: Kementerian – terima kasih Ahli Parlimen Yang Berhormat daripada Sik. Kementerian tidak ada rancangan untuk membuka Hospital Medan di Rakhine State kerana itu perlu disetujui oleh negara Myanmar. Saya tak rasa negara Myanmar akan setuju dengan cadangan ini. Kami di peringkat kementerian dan juga kerajaan menumpukan usaha kita

di Cox's Bazar di Bangladesh kerana usaha ini dipersetujui oleh Kerajaan Bangladesh dan dianggap baik oleh Kerajaan Bangladesh. Saya rasa ini adalah satu usaha untuk kita membantu Bangladesh menghadapi krisis kemanusiaan yang begitu besar. Akan tetapi untuk menjawab soalan Ahli Parlimen Sik tidak ada rancangan. Terima kasih.

6. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan kedudukan Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 yang bertindak mengimbangi hak-hak petani dan hak pembiakan baka tumbuhan komersial dengan terma-terma yang ada di dalam Konvensyen UPOV 91 sama ada untuk diselaraskan ataupun tidak.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Sik, kementerian bercadang untuk meminda Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 bagi tujuan berikut:

- (i) mengelak pertindihan kuasa kepada akta-akta sedia ada seperti Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 [Akta 795], Akta Bio Keselamatan 2007 [Akta 678];
- (ii) mempercepatkan proses pemberian hak pembiak baka;
- (iii) mengiktiraf hasil usaha pembiak baka yang membangunkan varieti baru;
- (iv) melindungi varieti baru yang telah didaftarkan; dan
- (v) menambah baik hak-hak petani selaras dengan Konvensyen *International Union for the Protection of New Varieties of Plants* (UPOV) 1991.

Skop Rang Undang-undang Pindaan Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan ini hanya melibatkan varieti baru tanaman yang didaftarkan dan tidak menyentuh varieti-varieti sedia ada dalam negara. Pindaan rang undang-undang ini akan memberikan hak yang sama kepada semua pembiak baka sama ada petani, profesional, usahawan atau syarikat dalam mendaftarkan varieti baru yang dihasilkan. Sistem perlindungan di bawah rang undang-undang ini membolehkan pembiak baka mendaftarkan dan mendapat hak perlindungan pada varieti yang memenuhi syarat kebaruan, kelainan, keseragaman dan kestabilan (*Novelty, distinctness, uniformity and stability*).

Rang undang-undang ini membenarkan petani kecil untuk menghasilkan, menyimpan dan bertukar bahan tanaman sesama petani dari varieti yang dilindungi tanpa tujuan komersial mengikut definisi dan syarat yang telah ditetapkan di bawah rang undang-undang ini. Justeru itu, petani akan mempunyai banyak pilihan dalam memilih benih-benih dari pelbagai varieti baru atau varieti sedia ada yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak sama ada individu atau syarikat kecil mahupun syarikat gergasi. Petani pastinya akan cenderung untuk memilih varieti yang mampu memberikan pulangan yang tinggi pada harga yang setimpal kerana penerimaan sesuatu varieti

bukan bergantung kepada syarikat yang menghasilkannya tetapi kualiti dan potensi yang mampu diberikan oleh varieti tersebut.

Kementerian yakin pindaan akta ini kelak akan dapat melindungi hak petani dan membawa industri benih tanaman ke peringkat yang lebih tinggi melalui penghasilan pelbagai varieti baru tanaman yang dapat memberikan pelbagai pilihan dan membantu petani meningkatkan produktiviti melalui penggunaan benih-benih yang mempunyai ciri-ciri superior yang dihasilkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya itu mungkin tidak dijawab iaitu adakah pihak kementerian akan meratifikasi konvensyen UPOV 1991 itu. Dalam maksud kita melihat pindaan akta Rang Undang-undang 2004 ini sepatutnya melibat uruskan pihak petani yang menjadi perkara utama pemegang taruh kepada sektor pertanian kita.

■1110

Saya ingin bertanya adakah pihak kementerian telah pun membuat perundingan dengan persatuan-persatuan petani di seluruh Malaysia. Begitu juga, adakah pihak Kabinet sendiri telah bersetuju untuk pihak kementerian meratifikasikan Konvensyen UPOV 2021 ini di ketika mana dilaporkan Jabatan Pertanian telah pun menganggotai *East Asia Plant Variety Protection Association Forum* yang berpusat di Jepun.

Soalan terakhir saya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menyebut adakah benar bahawa harga benih padi khususnya yang menjadi isu sekarang ini akan naik apabila Akta PVV 2004 ini dipinda. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin: Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Sik, buat masa sekarang kerajaan masih dalam sesi rundingan dalam kerangka untuk UPOV 1991. Kita sedang libat urus dengan pelbagai pihak terutamanya dengan persatuan-persatuan petani dan NGO-NGO. Sesi libat urus telah dijalankan pada bulan Oktober seperti mana Yang Berhormat Sik tadi bangkitkan.

Sesi ini akan terus. Kita masih belum membuat ketetapan. Untuk isu bahawa adakah benih padi akan meningkat dan sebagainya. Benih padi ini dikawal oleh kerajaan, harga benih padi iaitu pada harga pintu kilang RM28. Jadi ini tidak akan menimbulkan harga padi. Ini memang ditentukan oleh kerajaan. Jadi isu-isu yang dibangkitkan, kita tahu bahawa petani ada kemusykilan dan juga kekhuatiran bahawa adakah hak mereka dan juga harga benih dan sebagainya akan meningkat.

Kita akan mendengar semua pandangan daripada semua pihak sebelum kita membuat keputusan yang akhir. Sekian, terima kasih.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri ada sebut tadi akan membentangkan rang undang-undang pindaan kepada Akta Perlindungan Varieti ini. Saya inginkan penjelasan, sejauh mana libat urus dilakukan oleh pihak kementerian Yang Berhormat Menteri dengan agensi seperti MARDI dan pihak-pihak

universiti yang terlibat dengan pertanian untuk menjaga kepentingan nasional kita dari segi baka pertanian ini. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Pasir Gudang. Sememangnya semua sesi libat urus ini melibatkan agensi kerajaan dan juga NGO-NGO. Ini termasuklah tadi MARDI dan juga universiti-universiti tempatan bahawa pandangan mereka harus diambil maklum.

Jadi kita tidak ada masalah untuk melibatkan lebih ramai lagi sesi libat urus. Kalau perlu kita akan adakan lebih banyak sesi libat urus untuk memastikan bahawa ini isu yang sangat penting UPOV 1991 ini. Isu yang serius dan mempunyai implikasi yang besar kepada sektor pertanian. Maka kita kena berhati-hati. Kementerian akan melaksanakan dengan penuh bijaksana dan berhati-hati. Terima kasih.

7. Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan usaha-usaha yang telah diambil demi meningkatkan lagi perdagangan antarabangsa khususnya dalam usaha menarik pelaburan asing ke Malaysia.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dr. Ong Kian Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Taiping atas soalan yang dibangkitkan. Tuan Yang di-Pertua, kedudukan Malaysia yang strategik serta persekitaran perniagaan yang kondusif membolehkan Malaysia terus dilihat sebagai sebuah negara yang kompetitif dan juga berdaya saing dan sentiasa menjadi destinasi pelaburan utama bagi pelabur-pelabur asing di rantau ini.

Bagi tempoh Januari hingga Jun 2019, Malaysia merekodkan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM92.0 bilion. Dari jumlah ini, pelaburan asing menunjukkan peningkatan memberangsangkan iaitu sebanyak 97.2 peratus iaitu RM49.5 bilion berbanding dengan 25.1 bilion yang dicatat pada pertengahan tahun pertama tahun 2018.

Dalam tempoh yang sama, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan adalah sebanyak RM33.15 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 76 peratus ataupun RM25 bilion pelaburan adalah daripada sumber pelaburan asing. Negara Amerika Syarikat dan China merupakan penyumbang pelaburan terbesar di dalam sektor perkilangan, masing-masing berjumlah RM11.7 bilion dan RM4.8 bilion yang direkodkan dalam tempoh ini. Ini menunjukkan bahawa pelaburan asing memainkan peranan penting dalam memacu perkembangan ekonomi pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, antara langkah yang diambil oleh kementerian untuk meraih pelaburan luar sekali gus mengukuhkan kedudukan negara sebagai destinasi pilihan pelaburan adalah;

- (i) melaksanakan pendekatan berfokus dan juga pendekatan ekosistem dalam usaha menarik pelaburan berkualiti dengan memberi penekanan kepada industri yang bernilai tambah tinggi ataupun *high value added industry*,

industri yang bersifat berintensifkasikan modal, industri berintensifkasikan pengetahuan serta aktiviti-aktiviti penyelidikan dan juga pembangunan. Dalam konteks ini, pelbagai usaha galakan pelaburan berbentuk fiskal dan bukan fiskal bagi mempromosikan industri tersebut telah diperkenalkan dan ditambah baik secara berterusan yang juga telah diumumkan dalam Bajet 2020;

- (ii) mengkaji dan membuat penambahbaikan secara berterusan terhadap pelaksanaan dasar dan juga polisi sedia ada supaya mesra pelaburan. Ini adalah bagi memastikan Malaysia sentiasa menjadi destinasi pelaburan yang kondusi;
- (iii) memperluaskan pembangunan rangkaian bekalan ataupun *supply chain* dengan melengkapkan hubungan rangkaian industri sama ada industri hulu dan hilir atau industri hiliran yang baru. Ini dilakukan dengan menyediakan platform untuk padanan perniagaan ataupun *business matching* di mana projek usaha sama ataupun *join venture project* dapat dilakukan bagi melaksanakan pengilang kontrak; dan
- (iv) program-program spesifik seperti misi perdagangan dan pelaburan ataupun *specific mission project* dan *supplier conference seminar* oleh kementerian dan agensi-agensi di bawah kementerian ini ke negara-negara pengeksport utama modal dan juga teknologi.

Kementerian akan bekerjasama dengan agensi untuk berkongsi maklumat terkini tentang peluang pelaburan dan juga kedudukan ekonomi negara yang kukuh ketika mempromosikan peluang-peluang pelaburan di Malaysia. Terima kasih.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang menyeluruh dan lengkap. Tahniah atas pencapaian setakat ini. Soalan seterusnya, minta nyatakan sasaran dalam nilai untuk tahun 2020 terhadap pelaburan asing dan sektor-sektor utama yang disasarkan. Terima kasih.

Dr. Ong Kian Ming: Terima kasih Yang Berhormat Taiping atas soalan tambahan itu. Buat masa sekarang, kementerian tidak ada satu *target* atau sasaran spesifik kerana memang kita lihat bahawa dari segi FDI ini ada banyak peluang lagi untuk menarik lebih banyak pelaburan akibat daripada perang perdagangan di antara Amerika Syarikat dan juga China.

Jadi *target* kita, saya rasa kita tidak perlu letak apa-apa *target* tetapi lebih penting ialah untuk menarik *high quality investment* ke Malaysia. Dari segi sasaran untuk industri ataupun untuk sektor pembuatan adalah sektor 3+2 ataupun *electrical, engineering products*. Nombor dua dari segi *aerospace* dan nombor tiga dari segi *medical devices*, nombor empat dari segi *petrol chemicals* dan nombor lima dari segi *services* juga.

Jadi saya rasa apabila kita menggabungkan semua aktiviti seperti ini, kita akan membekalkan pekerjaan yang berkualiti, yang lebih tinggi dan juga dengan upah yang lebih tinggi kepada warganegara Malaysia. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih.

Ipar duai jumpa di Serkat,

Rumah masih di bandar Pontian,

Tanjong Piai bukti muafakat,

Terima kasih sokong Barisan.

Soalan saya, pada 4 November laporan MITI dan MATRADE menyebut bahawa eksport untuk September susut 6.8 peratus kepada RM77.7 bilion. Import meningkat 2.4 peratus kepada RM69.4 bilion. Sembilan bulan pertama 2019, perdagangan antarabangsa susut 2.2 peratus kepada RM1.35 trilion.

■1120

Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapa perkara ini berlaku, dan apakah langkah untuk mengatasi? Seterusnya berapakah peratus dan nilai pelaburan itu, yang disebut tadi merupakan penjualan aset-aset milik Malaysia kepada entiti luar negara. Terima kasih.

Dr. Ong Kian Ming: Saya jawab soalan yang kedua dulu. Untuk memberi penjelasan yang tepat kepada Yang Berhormat Pontian, angka-angka yang saya kata tadi adalah *approve investment* ataupun pelaburan yang telah diluluskan. Pelaburan yang telah diluluskan adalah daripada segi pembuatan, *construction* dan daripada segi *services* dan sebagainya. Tidak ada sebarang pun dalam pelaburan yang telah diluluskan adalah dalam penjualan aset. Kalau hendak rujuk kepada penjualan aset lebih baik kalau Yang Berhormat Pontian rujuk kepada *balance of payment* ataupun imbuhan pembayaran yang dikeluarkan setiap *quarter* oleh Bank Negara dan juga DOSM.

Jadi apa yang saya kata daripada segi kementerian ialah *approve investment*. Jadi tidak ada melibatkan apa-apa penjualan aset juga.

Untuk soalan yang pertama, saya rasa apabila kita hendak kata tentang eksport dan import, ini memang tidak berkenaan dengan pelaburan, jadi saya rasa kita boleh jawab soalan itu lain kali. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Soalannya meningkatkan lagi perdagangan antarabangsa, itu soalannya. Perdagangan antarabangsa, import dan eksport Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Ong Kian Ming: Okey, saya boleh jawab, saya boleh jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Jawab Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr. Ong Kian Ming: Ada kemungkinan bahawa kesusutan daripada segi eksport untuk *quarter* ketiga iaitu dari bulan Julai hingga September adalah kerana akibat daripada perang perdagangan di antara Amerika Syarikat.

Akan tetapi pada masa yang sama kita juga boleh nampak bahawa *job in trade* di negara persekitaran seperti Thailand, Indonesia dan juga Singapura jauh lebih serius berbanding dengan Malaysia. Jadi apa yang kita perlu buat ialah kita perlu mengukuhkan lagi sistem perdagangan antarabangsa, dan saya hendak memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa akibat daripada *negotiation* yang begitu lancar, kita boleh menandatangani perjanjian RCEP pada tahun hadapan dan ini memang akan menambahkan perdagangan antarabangsa untuk negara seperti Malaysia. Terima kasih.

8. Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, statistik kemasukan pelancong asing ke dalam negara semasa berlakunya kegagalan teknikal dan gangguan sistem operasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) baru-baru ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian dan Jabatan Imigresen Malaysia tidak berkompromi daripada aspek keselamatan dalam memastikan kawalan di pintu masuk sentiasa dipantau sepanjang berlakunya gangguan teknikal pada sistem di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, KLIA1 dan KLIA2 pada bulan Ogos yang lalu.

Pihak JIM sentiasa melaksanakan prosedur mengikut tatacara standard operasi ataupun SOP seperti yang telah ditetapkan dan pegawai kaunter yang juga menurunkan *endorsement* keluar dan masuk setelah memastikan segala prosedur pemeriksaan serta syarat kemasukan pelawat dipenuhi selaras dengan prosedur yang telah ditetapkan daripada semasa ke semasa dalam menguatkuasakan Akta Imigresen 1959/63, Peraturan-peraturan Imigresen 1963, Akta Pasport 1966, dan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

Selain itu, pas khas untuk rujukan ke negeri yang ingin dilawati juga dikeluarkan kepada pelawat asing bagi tujuan semakan dan pemeriksaan yang lebih terperinci oleh Jabatan Imigresen Malaysia di negeri tersebut.

Sebagai langkah-langkah tambahan, rujukan Senarai Syak turut diedarkan kepada pegawai kaunter bagi semakan pelawat asing yang tersenarai dalam Senarai Syak jabatan sebelum penurunan cap keselamatan dibuat.

Berdasarkan statistik ketibaan dan pelepasan yang direkodkan oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sejumlah 368,042 orang pelawat asing telah tiba ke Malaysia melalui KLIA1 dan KLIA2 dari 21 sehingga 25 Ogos 2019. Manakala seramai 347, 981 orang pelawat asing telah berlepas keluar dari Malaysia melalui KLIA1 dan KLIA2 bagi tempoh yang sama. Pihak JIM turut merekodkan sejumlah 365 orang pelawat asing telah dikenakan arahan Notis Penolakan Masuk bagi tempoh yang sama iaitu 21 hingga 25 Ogos 2019.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kami ingin tegaskan di sini bahawa walaupun sistem itu tidak beroperasi ataupun *down*, pun begitu Jabatan Imigresen masih mampu untuk mengutip rekod-rekod ini dan juga mengelakkan daripada orang yang tidak sewajarnya kita benarkan

masuk, kita telah tahan dulu dan hantar mereka keluar. Pihak JIM di KLIA telah mengambil segala langkah kawalan sepanjang insiden kegagalan sistem *Total Airport Management System* (TAMS) dan sentiasa memastikan kawalan pintu masuk negara tidak dibolosi dengan mudah demi keselamatan negara. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Sebelum saya mengajukan soalan, saya hendak mengucapkan tahniah kepada Ahli Parlimen Tanjong Piai. Soalan tambahan, tadi lupa pula hendak bercakap.

Okey, saya menerima makluman apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya kepada kementerian adalah, adakah kementerian ada ataupun telah mencari satu formula dan juga satu pendekatan baharu, dengan memperkasakan sistem *Advance Passengers Clearance* yang mengenal pasti rekod jenayah yang melibatkan pelawat yang berisiko melakukan jenayah di Malaysia?

Bilakah kementerian akan mengguna pakai sistem *psychometric* di setiap pintu masuk negara terutamanya di lapangan terbang bagi memudahkan pihak penguat kuasa mengenal pasti niat dan tujuan para pelancong masuk ke negara ini. Terima kasih.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih dengan soalan tambahan tadi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap sesuatu masalah yang berlaku itu ada positif yang kita boleh ambil di sana. *At least* sekurang-kurangnya bila mana ia berlaku bermakna kita di masa akan datang kita boleh membuat persiapan yang rapi agar kejadian yang sama tidak berulang lagi.

Untuk itu pihak Kementerian Dalam Negeri, khususnya Jabatan Imigresen telah mengambil beberapa langkah untuk membincang dan meneliti, apakah yang perlu kita lakukan jika sistem itu *down* sekali lagi bagi mengelakkan agar keadaan yang sama tidak berulang.

Untuk Yang Berhormat sentuh tentang *Advance Passengers Clearance* itu sebenarnya itulah di antara elemen yang akan dimasukkan di dalam sistem yang kita sedang bangunkan dan *insya-Allah* akan diguna pakai apabila sistem ini lengkap nanti. Kita sebenarnya mengambil juga model yang sama yang diguna pakai oleh negara-negara seperti Australia, USA dan juga beberapa negara lain yang kita rasa sistem yang boleh buat *screening* awal agar pintu masuk kita ini dapat kita perketatkan. Terima kasih.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Ya. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai Jabatan Imigresen di Terminal Feri Tawau.

Kita ada pengimport ikan dari Tarakan/Nunukan yang datang 42 kapal, dia ada krew member ini yang terpaksa pergi cop pasport di dalam terminal ini. Itu Jabatan Imigresen saya mahu tanya, sama ada Jabatan Imigresen Malaysia yang caj mereka ini dengan duit RM15 masuk dan keluar, atau terminal feri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ini luar dari soalan ya. Ya, silakan Yang Berhormat Kota Melaka. Silakan.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin ambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada pengundi Tanjong Piai yang telah membuat keputusan, dan kita sudah dengar suara-suara daripada rakyat dan saya percaya Pakatan Harapan akan membetulkan di mana yang silap- kita akan memperbetulkan supaya memenuhi hasrat dan permintaan rakyat.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada statistik daripada tahun 2015 hingga 2018, seramai lebih kurang 21 ribu pelancong daripada Negara China tidak dibenarkan masuk ke Malaysia sungguhpun mereka sudah memohon visa. Salah satu daripada sebabnya ialah kerana kononnya mereka tidak membawa wang tunai yang secukupnya. Untuk makluman *style*, cara perbelanjaan orang China hari ini mereka menggunakan *eWallet*.

■1130

Jadi bolehkah kementerian mempertimbangkan tentang hal ini dan juga memandangkan pihak kementerian mengenakan syarat yang begitu ketat untuk melarang mereka yang tidak sepatutnya masuk ke Malaysia tetapi kita lihat hari ini Malaysia sudah menjadi satu pusat untuk sindiket dari negara China untuk datang sini, melakukan sindiket penipuan melalui telefon. Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak berkaitan Yang Berhormat. Itu tidak berkaitan. [*Ketawa*]

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ya apa yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Ia tidak...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak perlulah.

9. **Tuan Wong Tack [Bentong]** minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan adakah tapak pelupusan sisa radioaktif (PDF) Asian Rare Earth di Banjaran Kledang telah retak. Jika ya, nyatakan tahap pencemaran, tindakan yang telah diambil, kos terlibat dan apakah jaminan kerajaan bahawa ia tidak akan retak lagi.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pensampelan radiologi dan alam sekitar dilakukan empat kali setahun meliputi parameter aras sinaran luar, air, radon dan toron di kemudahan pelupusan sisa radioaktif Asian Rare Earth di Bukit Kledang. Pensampelan terkini telah diambil pada 18 September 2019 dan sampel tersebut sedang dianalisa oleh Agensi Nuklear Malaysia. Bacaan awal aras sinaran luar yang diambil telah merakamkan bacaan di sekitar tapak pelupusan sisa radioaktif di bawah had orang awam di bawah Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) iaitu 0.5 mikrosievert per jam.

Keputusan analisa radon dan toron yang terkini oleh Agensi Nuklear Malaysia berdasarkan bacaan yang diambil pada bulan Julai 2019 juga di bawah had orang awam selaras dengan Akta 304. Bacaan radon adalah 36.1 becquerel per meter padu di bawah had 200 becquerel per meter padu, manakala bacaan toron adalah 55.6 becquerel per meter padu di bawah had 500 becquerel per meter padu.

Bacaan yang dirakamkan dalam pensampelan sebelum dan pemeriksaan berkala sebelum ini juga tidak menimbulkan rakaman bacaan yang ganjil. Projek ini tertakluk kepada perundangan yang ketat dari pelbagai agensi kerajaan melalui Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA), sentiasa memantau kemudahan tersebut melalui pemeriksaan berkala yang dijalankan dan pemilik telah dilesenkan di bawah Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304). Sekian terima kasih.

Tuan Wong Tack [Bentong]: Tuan Yang di-Pertua, negara kita hilang 100 hektar hutan simpan di Banjaran Kledang untuk membina tong sampah radioaktif, Asian Rare Earth di Bukit Merah. Dengan izin, *with that our children will be burden by it* selama-lamanya. Tuan Yang di-Pertua, peraturan 21 pelesenan AELB (*Atomic Energy Licensing Board*), Pengurusan Sisa Radioaktif 2011 menyatakan bahawa sisa radioaktif tidak boleh disimpan di tempat yang terdedah kepada bencana alam. Adalah jelas, peraturan ini tidak dikuatkuasakan oleh AELB dan tidak dipatuhi Lynas kerana sekarang sudah dikumpul lebih daripada 600,000 tan sisa radioaktif di kilang Lynas. Saya ingin tahu:

- (i) mengapa AELB dan Lynas dibenarkan untuk melanggar peraturan ini; dan
- (ii) apakah deadline untuk Lynas mengeluarkan kesemua sisa radioaktif dari tapak kilang memandangkan AELB sendiri telah mengaku dan mengatakan bahawa ia perlu disegerakan disebabkan risiko banjir besar.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih atas soalan tambahan. Soalan ini berkaitan dengan Lynas dan saya kira saya pernah jawab dulu dalam Dewan yang mulia ini. Mungkin kalau tidak pun nanti saya akan bekalkan dengan jawapan bertulis sekali lagi kepada Yang Berhormat Bentong. Terima kasih.

Tuan Wong Tack [Bentong]: Tuan Yang di-Pertua, *in all fairness* saya *submit* lapan soalan tentang Lynas dan lima telah dijawab bersekali. Akan tetapi saya tidak dapat jawapan yang saya minta.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan bertulis lah. Sebab jawapan utama ini adalah mengenai Asian Rare Earth di Banjaran Kledang. Jadi untuk berlaku adil kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri perlu mendapatkan maklumat yang lebih lagi ya. Beri jawapan bertulis Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih. Kita ada tiga minit lagi.

11. Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan status penyiasatan repot polis bahawa pensijilan halal Malaysia tidak tertakluk di bawah bidang kuasa JAKIM dan Kerajaan Malaysia kini dipimpin oleh parti DAP. Apakah tindakan polis terhadap pihak-pihak yang mengeluarkan kenyataan membangkitkan sensitiviti perkauman, bangsa dan agama.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Kementerian Dalam Negeri dimaklumkan

bahawa satu laporan polis yang dibuat oleh Ahli Parlimen Kepong berhubung laporan berita di akhbar *The Star* mengenai petikan kenyataan Naib Presiden UMNO, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob yang juga Yang Berhormat Bera yang mendakwa persijilan logo halal kini di bawah Kementerian Kewangan yang dipimpin oleh Parti DAP.

Laporan polis tersebut diterima di IPD Dang Wangi pada 17 September 2019 dan perkara tersebut disiasat di bawah seksyen 505(c) Kanun Keseksaan mengenai kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam dengan niat hendak mengapikan atau yang mungkin mengapikan mana-mana golongan atau kaum, melakukan sesuatu kesalahan terhadap mana-mana golongan atau kaum lain.

Kertas siasatan telah dirujuk ke pejabat Timbalan Pendakwa Raya pada 23 Oktober 2019 untuk arahan dan pertimbangan selanjutnya. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui penguatkuasaan polis tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba mencetuskan huru-hara atau menimbulkan sebarang bentuk provokasi sama ada penulisan, ucapan atau penyebaran berita yang boleh menyebabkan keresahan di bawah masyarakat.

Pihak polis juga akan melakukan tangkapan dan pendakwaan terhadap mana-mana orang yang melakukan perbuatan sedemikian berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan mahupun Akta Komunikasi dan Multimedia 1988 bagi memastikan keharmonian antara kaum, bangsa dan agama terus terjaga.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin jelaskan di sini bahawa kertas siasatan telah pun dibuat dan telah pun diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada 21 Ogos, Ketua Polis Negara telah menyatakan individu bangkit isu perkauman terus ditangkap, tiada lagi amaran. Soalan saya, sejak kenyataan dibuat oleh IGP, berapa individu telah ditangkap kerana bangkit isu perkauman. Terima kasih.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Tuan Yang di-Pertua oleh sebab ini soalan berbentuk angka, izinkan saya untuk menjawab secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan kedua kalau ada di sebelah kiri. Ada? Tidak ada. Oleh itu di sini sesi soal jawab ditamatkan.

[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL
WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.38 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walau apa pun keputusan Tanjong Piai, tidak akan dibubarkan Parlimen ini. *Insyah-Allah* saya terus baca usul.

Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Sumber Manusia bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2020 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa, 19 November 2019.”

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020
DAN
USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2020
Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan Anggaran Pembangunan 2020 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Kelapan]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa]

**Maksud B.26 [Jadual] –
Maksud P.26 [Anggaran Pembangunan 2020] –**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.26 dan Kepala Pembangunan P.26 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan terbuka untuk dibahas.

■1140

Tuan Pengerusi: Seperti biasa.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulong.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: *[Berdiri]*

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Alor Setar.

Tuan Pengerusi: Saya hendak beritahu tentang masa yang dibenarkan. Seperti biasa, saya telah menerima senarai yang agak panjang. Jadi, had tempoh masa perbahasan di peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 2020 hari ini dihadkan selama 10 minit sahaja bagi setiap Yang Berhormat untuk berbahas. Kalau perlu dikurangkan, akan dikurangkan tertakluk pada jumlah yang akan diterima pada keseluruhannya dan Yang Berhormat Menteri akan diberi kesempatan untuk menjawab dalam lingkungan satu jam atau kurang kalau boleh.

Jadi untuk memulakan perbahasan, saya menjemput Yang Berhormat Beaufort. Disusuli Yang Berhormat Parit Sulong dan seterusnya. Silakan.

11.40 pg.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya sesungguhnya menyokong penuh usaha kerajaan untuk membangunkan kapasiti dan juga menambah nilai kebolehpasaran para siswazah dan juga anak-anak muda dalam negara ini terutama sekalinya anak muda yang berada daripada luar bandar.

Saya terus kepada Butiran 90000 – Skim Latihan Siswazah, Butiran 020100 – Penggalakan dan Pembudayaan Usahawan dan Butiran 020500 – Institut Keusahawanan Negara (INSKEN). Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, berapakah sasaran yang akan dilatih pada tahun 2020 di kalangan anak-anak muda para siswazah?

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Berapa ramaikah wanita dan juga adakah golongan OKU dimasukkan di dalam sasaran ini? Bolehkah GLC, GLIC dan syarikat-syarikat swasta diatur secara berkala mengadakan pertemuan dengan para siswazah di institusi-institusi pengajian tinggi dan juga mengadakan pertemuan dengan para usahawan muda di luar bandar? Apakah pendekatan bagi mengenal

pasti mereka yang sesuai dan berpotensi untuk dibangunkan sebagai usahawan dan seterusnya mereka ini dapat dibantu untuk dalam program-program pembangunan, dimasukkan dalam program-program pembangunan dan menyertai program-program yang dikelolakan oleh INSKEN? Bagaimana dengan usahawan muda yang sudah berniaga, tetapi mereka ini masih lagi memerlukan bimbingan untuk lebih berjaya khususnya orang-orang muda yang sedang berusaha di luar bandar? Saya cadang supaya mereka ini juga dikenal pasti dan dipelawa untuk mengikuti program-program pembangunan khususnya usahawan-usahawan yang berada di luar bandar yang memerlukan pendedahan kepada ilmu-ilmu yang sesuai dan teknologi terkini untuk menambah nilai lagi produk-produk mereka, kapasiti mereka untuk berniaga dan untuk menarik pasaran yang lebih luas.

Kita tahu bahawa di luar bandar memang ramai juga anak-anak muda kita yang telah selesai belajar, yang sama ada mendapat diploma ataupun belajar mengikuti program-program keusahawanan dan memulakan perniagaan mereka. Akan tetapi, banyak kali mereka ini tidak terlibat di dalam program-program yang diatur untuk usahawan. Ini kerana hanya usahawan-usahawan tertentu sahaja dan pihak-pihak tertentu sahaja yang dijemput menyebabkan mereka ini tidak mendapat ilmu dan pendedahan yang mereka perlukan untuk lebih berjaya. Sedangkan kita mahukan mereka ini mencapai kejayaan khususnya mereka anak-anak muda kita yang berada di negeri seperti kami iaitu negeri kami Sabah.

Jadi saya ingin tahu juga daripada sasaran yang ditetapkan oleh kementerian di bawah program-program di bawah butiran yang saya sebutkan tadi ini, berapa ramai yang disasarkan untuk negeri Sabah, daripada negeri Sabah itu sendiri. Ini supaya kita dapat melihat hasilnya nanti daripada sasaran yang ditentukan itu untuk tahun 2020, kita dapat nanti melihat keberhasilannya berapa ramai daripada anak-anak muda ini, daripada usahawan di luar bandar ini dan siswazah daripada luar bandar ini yang telah berjaya mendapat atau mempunyai nilai yang tinggi, dibolehpasarkan setelah mereka *graduate* dan setelah mereka mengikuti kursus-kursus ini, berapa ramai mereka yang telah memulakan perniagaan dan berapa ramai di kalangan mereka ini yang *sustain* dalam perniagaan mereka. Itu secara berterusan. Bukan kata orang hangat-hangat tahi ayam sahaja, lepas itu tidak ada lagilah, tinggal cerita lama sahaja.

Saya juga ingin tahu, adakah pihak kementerian menyediakan program-program *mentoring* untuk mereka ini iaitu di kalangan usahawan yang telah berjaya, mentor kepada usahawan-usahawan yang baharu atau mereka yang baharu memulakan perniagaan mereka ataupun mereka yang belum lagi memulakan perniagaan, tetapi ingin terlibat dalam perniagaan supaya mereka boleh berjaya. Ini kerana program-program seperti ini dilaksanakan di lain-lain negara di kalangan syarikat-syarikat yang besar dan juga di kalangan para peniaga atau usahawan yang berjaya membantu mereka yang belum lagi berjaya yang mahu memulakan perniagaan mereka.

Saya juga ingin bertanya di sini, adakah sistem di bawah kementerian ini untuk membantu mungkin di bawah program untuk membangunkan usahawan ini bagi belia ataupun

graduan yang belum lagi mendapat pekerjaan yang berhutang dengan PTPTN bagi memulakan perniagaan mereka agar mereka boleh membayar PTPTN mereka, di samping juga mereka menjadi orang yang terlibat dalam bidang perniagaan ini. Tentulah ini sesuatu yang lebih baik daripada kita menghukum mereka. Kita bantu mereka untuk memulakan perniagaan di samping dalam masa yang sama, kita dapat membantu mereka untuk membantu diri mereka membayar hutang mereka.

Saya juga ingin menyarankan di sini supaya kementerian perlu efektif untuk menyampaikan maklumat-maklumat ataupun program-program keusahawanan kepada para belia yang berada di luar bandar. Ini kerana kita dapati bahawa seperti yang saya sebutkan tadi, acap kali mereka ini tidak mendapat maklumat dan mereka ketinggalan. Saya juga ingin meminta kementerian supaya meneliti secara terperinci dengan bantuan perniagaan yang disampaikan kepada individu dan kumpulan. Ini kerana kita juga mendapati ada juga mereka yang telah diberikan bantuan ini tetapi tidak menggunakan bantuan yang diberikan ini dan ilmu yang diberikan untuk memulakan perniagaan mereka ataupun melaksanakan apa yang sepatutnya mereka laksanakan.

Saya juga ingin tahu sama ada melalui program-program pembangunan usahawan ini, adakah kementerian bekerjasama dengan NGO-NGO untuk melaksanakannya khususnya untuk NGOs yang berada di negeri Sabah dan di luar bandar supaya mereka dapat mengenal pasti siapakah sebenarnya kumpulan sasaran yang memerlukan bantuan ini yang perlu ditingkatkan kapasiti mereka, yang perlu ditambah nilai kebolehan mereka supaya mereka boleh lebih berjaya. Saya juga ingin tahu, ini adalah suara daripada orang-orang muda di luar bandar khususnya daripada kaum beliawanis yang bertanya, adakah program keusahawanan untuk golongan orang muda, wanita muda yang sudah pun berumah tangga, tetapi mereka mahu juga berniaga. Mereka mahu juga membantu pendapatan keluarga mereka dan mereka ini berasal daripada keluarga yang susah dan mereka ingin memulakan perniagaan. Mereka bersemangat sekali untuk berniaga. Adakah program-program khusus untuk mereka ini? Bolehkah ada *outreach program* untuk mereka yang berada di luar bandar kerana susah untuk mereka pergi ke bandar-bandar? Jadi, perlu ada kementerian mewujudkan program-program *outreach* untuk mereka ini.

Di samping itu juga untuk membantu lagi peniaga-peniaga kita berjaya, orang-orang muda juga bertanya, adakah usaha kementerian atau kerajaan merentasi kementerian-kementerian yang lain, bukan sahaja Kementerian Pembangunan Usahawan tetapi kerjasama dengan kementerian yang lain, mahu mewujudkan premis-premis perniagaan. Ini kerana mereka ini sudah belajar dan sudah mendapat ilmu. Mereka bersemangat untuk memulakan perniagaan, tetapi premis itu tidak ada. Bolehkah kerjasama diadakan dengan PBT, dengan kementerian yang lain untuk mewujudkan premis perniagaan yang sesuai untuk orang-orang muda kita yang ingin berniaga? Ini juga adalah permintaan daripada anak-anak muda kita di luar bandar.

Bagaimana pula dengan bantuan berkaitan dengan kontraktor?

■1150

Butiran 020200 berhubung dengan kontraktor. Saya tengok banyak peruntukan yang disediakan. Butiran 040300 juga membangunkan kapasiti kontraktor. Kita lihat banyak kontraktor-kontraktor bumiputera kita apabila mendapat kontrak kecil-kecilan, mereka akan ali baba kan projek-projek mereka, maka mereka tidak akan berjaya. Akan banyak dalam senarai mereka ini mendapat lesen sebagai kontraktor tetapi mereka tidak berjaya.

Apakah usaha kementerian ini untuk membangunkan kapasiti mereka supaya mereka benar-benar apabila mendapat projek itu, mereka akan laksanakan dan di situ mereka daripada semasa ke semasa akan terus berjaya. Mereka tidak akan terus menjadi tukang dapat projek dan jual, dapat projek jual dan akhirnya mereka akan terus berada dalam keadaan yang saya boleh katakan mereka orang yang susah juga, yang miskin juga yang tidak akan berjaya. Nama sahaja ada dalam senarai sebagai kontraktor tetapi tidak berjaya.

Jadi saya lihat ada program-program yang disediakan untuk mereka ini, saya minta supaya pihak kementerian dapat mengenal pasti para kontraktor kita khususnya bumiputera kerana inilah kaum yang masih lagi ketinggalan terutama sekali bagi kami yang di Sabah supaya ada usaha untuk membantu mereka.

Akhir sekali di bawah Butiran 020300 – Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia). Saya juga ingin mencadangkan di sini kerana peruntukan yang banyak RM30.6 juta yang banyak ini, tolonglah bantu lagi usahawan luar bandar, PKS kita yang ingin maju dan berjaya, mereka pun tidak mahu dianggap sebagai orang miskin. Apabila tengok luar bandar, miskin. Mereka juga ingin berjaya.

Akan tetapi saya minta supaya pihak kementerian, SME Corp turunlah, masuk lah ke luar bandar, masuk kampung tengok bagaimana kita boleh membantu dan bersama-sama dengan kementerian seperti pelancongan supaya apa usaha yang dibuat oleh kementerian ini dan lain-lain kementerian benar-benar menampakkan kejayaan. Tidak mahu ada pertindihan kerja tetapi ada kerjasama, koordinasi yang baik supaya usaha kerajaan yang baik ini akan mencapai hasil seperti mana yang diinginkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Parit Sulong diikuti oleh Yang Berhormat Tampin, kemudian Yang Berhormat Kuala Krau, Yang Berhormat Alor Setar dan Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Sila Yang Berhormat Parit Sulong.

11.52 pagi

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus sahaja kepada Butiran 020300 – SME Corp. Bagi butiran ini, saya ingin bertanya sejauh manakah kementerian memainkan peranan bagi membantu syarikat-syarikat SME untuk meneroka bidang-bidang baharu. Ini kerana daripada pengamatan saya majoriti SME khususnya bumiputera lebih cenderung untuk memilih industri tradisional seperti industri *food and beverage* dengan izin. Jadi,

memandangkan kita kena bergerak menuju ke arah IR 4.0 yang menumpukan kepada bidang *new economy* dan juga *digital economy*, apakah jenis bidang-bidang baharu yang telah diwujudkan dan sedang diperkasakan oleh SME Corp, di bawah SME Corp ini?

Seterusnya jika dilihat berdasarkan kajian Bank Dunia, wanita di negara ASEAN lebih cenderung kepada bidang tradisional berasaskan makanan runcit dan kecantikan sahaja. Jadi, seiring dengan perkembangan IR 4.0, apakah lagi pelan pembangunan yang telah dirancang di bawah kementerian bagi meningkatkan daya saing wanita untuk menceburi bidang-bidang yang lebih mencabar seperti bidang IT dan juga elektronik.

Seterusnya, saya dimaklumkan sejak tahun lepas kerajaan ada mengusahakan satu skim pinjaman khusus untuk usahawan wanita yang dinamakan MySMELady. Jadi, saya ingin bertanya setakat ini berapa ramai kah wanita yang telah berjaya mendapat pinjaman di bawah skim ini dan apakah jenis perniagaan yang paling banyak sekali memohon kepada skim pinjaman MySMELady ini? Seterusnya berapa ramai kah peserta yang terlibat dengan program TUBE dan apakah jenis perniagaan yang menjadi kejayaan program TUBE tersebut?

Seterusnya Butiran 00606 – Pembangunan Perusahaan Mikro. Seiring dengan perkembangan IR 4.0, soalan saya setakat ini berapa banyak perusahaan mikro yang berjaya diwujudkan daripada rumah dan daripada jumlah itu, berapa banyak bidang yang bukan daripada kelompok industri tradisional? Jika dilihat trend ekonomi digital banyak memberi manfaat kepada pemain industri kreatif contohnya bidang *graphic designer*, bidang *interior designer*, *fashion designer* dan bidang fotografi. Jadi, sejauh manakah kementerian membantu perusahaan mikro khususnya yang melibatkan *new industry* ini untuk terus berkembang dan mencapai tahap PKS pula?

Seterusnya Butiran 19530 – Program Peningkatan dan Pembangunan PKS. Bagi butiran ini, saya minta Yang Berhormat Menteri memperincikan apakah jenis pembangunan yang telah dijalankan yang melibatkan PKS luar bandar. Saya ingin memetik satu laporan kaji selidik pendigitalan PKS 2018 yang menyatakan bahawa banyak PKS pada hari ini menghadapi kesukaran untuk mendigitalkan perniagaan mereka kerana kurangnya tenaga kerja digital. Jadi, ada atau tidak sebarang kerjasama yang dijalankan antara kementerian bersama Kementerian Sumber Manusia bagi mencapai jumlah tenaga kerja digital yang optimum menjelang 2020 sebagai satu usaha untuk memperkasakan industri PKS dan jika ada, apakah jenis program tersebut? Minta Yang Berhormat Menteri untuk memaklumkan.

Selain daripada itu juga, kaji selidik pendigitalan PKS 2018 ada menyatakan hanya 25.2 peratus sahaja responden yang menyertai program kesedaran digital yang dianjurkan oleh MDEC. Jadi, apakah peranan yang dimainkan oleh kementerian dalam mendekati usahawan-usahawan PKS untuk turut serta dalam program-program digital anjuran MDEC ini?

Butiran 00514 – Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera. Seperti yang saya sebutkan sebelum ini kebanyakan usahawan bumiputera yang telah berjaya membawa produk ke luar negara ini kebanyakannya adalah dalam bidang tradisional seperti F&B, jadi soalan saya

selain daripada F&B ini, industri apakah yang mencatatkan potensi dan kualiti tinggi yang dieksport oleh usahawan bumiputera? Pada Bajet 2019 yang lepas, Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa kerajaan Jepun ada mengalu-alukan Malaysia untuk melakukan promosi barangan Malaysia di Olimpik 2020. Jadi, apakah status rancangan ini dan apakah antara produk dan barangan yang telah dirancang dan dipersetujui kementerian untuk dieksport dan dipromosikan di Olimpik 2020 nanti?

Seterusnya Butiran 030200 – Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Soalan saya adalah adakah terdapat sebarang usaha atau galakan yang diberikan pada masa kini untuk menggerakkan koperasi sebagai satu agen pembangunan ekonomi masyarakat di luar bandar? Di Malaysia kita belum lagi mencapai satu sasaran yang mana koperasi benar-benar boleh bertindak sebagai pemacu ekonomi khususnya untuk luar bandar. Saya percaya jika kerajaan menumpukan fokus kepada pembangunan koperasi dengan lebih agresif, kita dapat membina institusi koperasi yang hebat dan lebih banyak lagi seperti Bank Rakyat.

Jadi jika dahulu kita dapat lihat ada kedai-kedai koperasi di kampung tetapi kini agak kurang malah susah untuk kita jumpa kecuali di koperasi FELDA dan juga koperasi Peladang. Jadi soalan saya adalah apakah usaha kementerian untuk menghidupkan kembali institusi koperasi yang ramainya yang tidak aktif di kampung-kampung dan usaha untuk menggalakkan lebih ramai rakyat berkoperasi khususnya di peringkat bawahan bermula daripada peringkat keluarga hingga ke peringkat kampung.

Butiran 020500 – Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan Butiran 00603 – Program Keusahawanan. Seterusnya butiran INSKEN dan Program Keusahawanan. Menurut apa yang dikatakan, INSKEN adalah badan yang ditubuhkan untuk mengendalikan segala program-program keusahawanan. Tahun lepas dana pengurusan INSKEN tiada tetapi untuk tahun 2020 ada peruntukan sebanyak RM7.6 juta. Dana pembangunan INSKEN pula sebanyak RM15 juta. Di bawah Program Keusahawanan ada RM20 juta lagi.

Jadi, saya keliru kenapa ada banyak pertindihan di sini di bawah INSKEN, program keusahawanan apa yang dijalankan? Di bawah butiran Program Keusahawanan apa pula, apa bezanya dan mengapa tidak disatukan? Bagi program keusahawanan siapa yang mengendalikan programnya? Jika dahulu program keusahawanan dikendalikan di bawah SME Corp tetapi apabila INSKEN pula wujud, saya lihat banyak pertindihan. Jadi minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan apa beza program keusahawanan yang dikendalikan di bawah SME Corp, INSKEN dan lain-lain di bawah butiran lain-lain yang berkaitan.

■1200

Butiran 00607 -Pelan Induk PKS. Pelan Induk PKS jangka masanya daripada tahun 2012 hingga tahun 2020. Jadi melihat kepada peruntukan yang semakin menguncup pada tahun 2020 daripada RM34 juta tahun lepas hingga RM28 juta, jadinya apa sasaran yang digariskan di bawah pelan induk yang telah berjaya? Apakah tahap keberjayaan pelan induk ini menjelang tahun

2020? Minta Yang Berhormat Menteri memberikan ukuran keberjayaan dalam bentuk peratusan, apa yang kita tahu sama ada KPI yang telah kita tetapkan semenjak tahun 2012 berjaya dicapai.

Seterusnya, melihat kepada program SDSI yang dimulakan oleh BN. Adakah kementerian bercadang untuk mengecilkan lagi skop program ini? Mungkin kepada satu kampung satu industri supaya lebih banyak lagi produk IKS dapat dilahirkan.

Butiran 30000 - Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN). Pada butiran ini saya lihat ada peruntukan sebanyak RM105 juta tapi butiran pengurusan TEKUN, Butiran 020400 saya dapati tiada peruntukan langsung. Jadinya soalan saya, mengapa tiada langsung dana peruntukan untuk pengurusan TEKUN ini? Adakah pejabat TEKUN akan ditutup dan diuruskan di mana-mana unit di bawah kementerian atau bagaimana?

Seterusnya, saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan setakat ini, berapa banyak pinjaman tertunggak yang masih belum dilunaskan oleh para peminjam TEKUN? Apakah usaha kementerian untuk mengutip semula tunggakan tersebut? Berapakah hutang tertunggak pada akhir tahun 2018? Jadinya bagaimanakah statusnya sekarang? Saya harap Yang Berhormat Menteri juga dapat nyatakan berapa peratus jumlah usahawan wanita TEKUN yang dapat dicatat berbanding dengan keseluruhan jumlah usahawan TEKUN yang ada?

Seterusnya, Butiran 040400 - Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC). Sebelum ini di bawah RMKe-11, kerajaan ada menyatakan akan memperkenalkan program keusahawanan dengan kerjasama MaGIC untuk kendalian usahawan tani muda di bawah Program Pembangunan Agropreneur Muda. Jadinya soalan saya dengan dana sebanyak RM10 juta ini, berapa banyak kah usahawan yang telah tersenarai dan akan mendapat manfaat di bawah program ini? Adakah dana ini secara keseluruhannya untuk pembangunan agropreneur muda seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas? Adakah bahagian untuk program-program lain?

Sebelum saya berhenti Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin mengalu-alukan kehadiran rombongan Puteri UMNO Bahagian Parit ke dalam Dewan Rakyat Parlimen pada pagi ini. Sekian, terima kasih banyak dan saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk menjawab soalan yang saya timbulkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tampin.

12.03 pg.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih, kepada Tuan Pengerusi kerana memberi ruang kepada saya untuk membicarakan soal Bekalan 26, Butiran 020000 - Pembangunan Usahawan. Perkara yang saya akan sentuh ialah pertama Butiran 020100 - Penggalakan dan Pembudayaan Usahawan yang diperuntukkan oleh belanjawan pada tahun depan ialah lebih kurang RM4.1 juta.

Saya ingin bertanya kepada kementerian bagaimana ia dilaksanakan; golongan yang menjadi sasaran dan menjadi fokus kepada kementerian untuk menggalakkan soal pembangunan keusahawanan ini; sasaran yang hendak dicapai oleh kementerian; dan apakah bidang-bidang yang akan menjadi fokus kepada kementerian untuk menggalakkan pembangunan keusahawanan ini kepada masyarakat sama ada masyarakat desa ataupun belia, ataupun masyarakat wanita ataupun peringkat bandar?

Perkara kedua, saya hendak sentuh ialah Butiran 020200 - Pembangunan Kontraktor di mana peruntukan yang diberikan iaitu RM13.6 juta, lebih kurang begitu. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah bidang yang menjadi keutamaan? Apakah kontraktor yang baru ataupun kontraktor yang lama yang menjadi fokus kepada kementerian untuk membangunkan golongan kumpulan kontraktor ini? Bagaimana perkara ini hendak dilaksanakan? Apakah peruntukan yang diberikan itu dalam bentuk pinjaman ataupun dalam bentuk agihan untuk pembangunan kontraktor itu?

Perkara ketiga ialah Butiran 020500 - Institut Keusahawanan Negara (INSKEN). Peruntukan yang diberikan lebih kurang RM7.6 juta dan bidang yang menjadi fokus kepada institut keusahawanan ini- apakah hasil yang hendak dicapai yang menjadi sasaran kepada kementerian dalam memastikan keusahawanan ini dapat dibangunkan?

Saya juga ingin bertanya banyak perkara yang menyentuh soal kursus ataupun pembangunan keusahawanan ini diperuntukkan di dalam belanjawan ataupun bajet pada tahun 2020. Kita khuatir banyak skim latihan yang diberikan kepada kementerian ini akan berlaku pertindihan di kalangan ataupun di antara skim-skim yang diwujudkan itu. Bagaimana kementerian untuk mengelakkan supaya tidak berlakunya pertindihan di kalangan latihan-latihan yang diberikan kepada masyarakat kita sama ada di luar bandar ataupun di bandar?

Perkara keempat yang saya hendak sentuh ialah soal Butiran 040400 - Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) yang diperuntukkan sebanyak RM10 juta. Peruntukan ini adalah peruntukan yang agak besar dan saya melihat apakah fokus yang akan menjadi keutamaan kepada kementerian dan kumpulan sasaran menjadi fokus kepada kementerian?

Bagaimana kementerian memastikan bahawa pusat inovasi ini dapat melahirkan ataupun mencipta suatu perkara yang baharu dan juga mendapat standard antarabangsa yang boleh menjadi negara kita sebagai negara pengeluar kepada banyak jenama yang boleh diguna pakai di negara-negara lain? Selama ini kita hanya menjadi negara pengguna tetapi sewajarnya peruntukan yang diberikan begitu besar RM10 juta ini dapat melahirkan generasi ataupun masyarakat yang boleh mencipta inovasi dan kreativiti dan boleh diguna pakai ataupun diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Tahniah dan syabas kepada kementerian dan juga Kementerian Kewangan kerana telah memperuntukkan suatu peruntukan yang agak besar juga kepada skim latihan siswazah. Di mana kalau kita melihat bahawa siswazah yang lahir ataupun yang keluar daripada universiti tidak mendapat pekerjaan.

Jadi, ini usaha yang begitu baik untuk dilaksanakan dan untuk diterapkan kepada mahasiswa yang lahir daripada universiti untuk menjadi usahawan-usahawan iaitu skim latihan siswazah yang diperuntukkan walaupun tidak begitu banyak iaitu sekadar RM5 juta. Akan tetapi saya yakin dan percaya sekiranya kita gunakan dengan sebaik mungkin dan juga bidang yang akan diceburi terfokus dan juga orang yang akan melibatkan diri di dalam skim keusahawanan ataupun skim latihan siswazah ini dapat kita gerakkan mengikut perkara yang telah ditetapkan oleh kementerian.

■1210

Akhir sekali yang saya hendak sentuh ialah Butiran 00603 – Program Keusahawanan. Di mana jumlah yang diperuntukkan lebih kurang RM20 juta dan saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah golongan, siapakah yang menjadi fokus kepada kementerian dan bidang apakah yang menjadi keutamaan kepada kementerian untuk membangunkan usahawan-usahawan di dalam negara kita ini? Bagaimanakah peruntukan ini dikendalikan dan akhir sekali apakah hasil yang akan menjadi fokus kepada kementerian untuk melahirkan golongan usahawan di negara kita ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Krau kemudian diikuti oleh— sebenarnya Yang Berhormat Alor Setar, belum masuk lagi. Saya beri kepada Yang Berhormat Sungai Petani, selepas Yang Berhormat Kuala Krau. Silakan.

12.11 tgh.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020200 – Pembangunan Kontraktor. Sebagaimana Yang Berhormat Tampin juga menyuarakan tentang kebimbangan terhadap masa hadapan kontraktor di dalam negara kita, khususnya saya hendak sebut kontraktor bumiputera.

Anggaran Peruntukkan tahun 2019 sejumlah RM14.574 juta tetapi peruntukan bagi tahun 2020 diturunkan kepada RM13.69 juta. Jadi, sebagaimana Yang Berhormat Tampin nyatakan, rasa bimbang mengapa ada penurunan dari segi bajet bagi membangunkan kontraktor di dalam negara kita juga khusus saya sebut kontraktor bertaraf bumiputera. Ini kerana mereka ini adalah di kalangan B40 dan juga di kalangan masyarakat luar bandar yang sentiasa inginkan untuk menambah pendapatan isi rumah masing-masing.

Saya khuatir setelah Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan, tidak lagi banyak kerja-kerja dari segi kontraktor-kontraktor yang bernilai G1 dan G2. Jikalau dahulu kita sebut Kelas FELDA di bawah RM200,000 ke bawah, sekarang dia sudah tidak banyak lagi kerja-kerja kontraktor yang diagih-agihkan di seluruh negara dan akibatnya, Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) telah menyuarakan kebimbangan terhadap keadaan ekonomi negara dan juga masa hadapan nasib kontraktor dan keluarga masing-masing. Di mana, daripada 40,000 buah jumlah syarikat kontraktor bumiputera di seluruh Negara-negara kita, sebanyak 60 peratus Kelas

'D' dan juga Kelas 2 hingga kelas G7 ini didapati tidak aktif dan mempunyai masalah untuk mendapatkan projek di dalam negara kita.

Jadi, apakah usaha-usaha Kerajaan Pakatan Harapan Yang Berhormat Menteri untuk melihat khususnya kepada kontraktor bumiputera ini. Jadi kita tidak hendak peristiwa yang berlaku di Tanjong Piai berlaku di tempat-tempat lain. Saya simpati dengan parti Yang Berhormat Menteri kerana sepatutnya apabila Pakatan Harapan kalah, tidak ada Ketua-ketua Parti di dalam perikatan Pakatan Harapan mengatakan yang bertanding itu kalah adalah Parti Bersatu. Jadi, sepatutnya dia merasakan rasa dukacita, kenapa parti Pakatan Harapan ini kalah di dalam pilihan raya.

Jadi, semangat setia kawannya nampaknya begitu luntur di kalangan... *[Disampuk]*

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Ini butiran apa ini? Butiran apa?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Butiran?

Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]: Butiran salahlah.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kementerian Pembangunan Usahawan yang dipimpin salah seorangnya adalah Menteri Pembangunan P.24 iaitu membangunkan bumiputera di Tanjong Piai. Jadi, kena dengar...*[Disampuk]*

Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]: Video salah.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: ...elok-elok apa yang saya sebut. Saya sebut kontraktor, khususnya jangan jadi macam di Tanjong Piai, mereka terkial-kial hendak mencari projek-projek dan akhirnya saya bimbang apa yang berlaku di dalam Daerah Temerloh. Ada tiga parti di bawah kontraktor ini bergaduh sesama sendiri. Parti Keadilan, Parti Amanah, parti apa lagi yang saya lupa sudah, Parti Bersatu. Tiga buah parti ini dia bergaduh, ini patutnya saya nampak. Bukan-bukan ini Daerah Temerloh, Timbalan Menteri JKR adalah Ahli Parlimen Temerloh, Parti Amanah yang sepatutnya banyak dapat. Ini berlaku, bergaduh sesama sendiri.

Jadi, kita harap, akibat daripada pergeseran, pergaduhan ini Yang Berhormat Menteri banyakkkan lagi usaha-usaha untuk meningkatkan lagi projek-projek kecil khusus untuk membangunkan usahawan-usahawan, khususnya bagi kontraktor bumiputera yang di berada di luar bandar ini khususnya bagi G1 dan G2.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri, saya ingin merujuk kepada Butiran 020400 – TEKUN Nasional. Dahulu saya berbangga dengan TEKUN bagi Parlimen Kuala Krau, khususnya TEKUN di Jengka. Di mana salah satu persatuan atau salah satu daripada Jawatankuasa Permuafakatan TEKUN itu di peringkat Jengka itu menjadi satu masyarakat komuniti yang paling baik sekali di seluruh negara ini dalam tahap membuat bayaran. Jadi saya ingin tahu, bagaimanakah tahap pembayaran balik bagi pinjaman TEKUN pada Januari 2019 hingga Oktober 2019 tahun ini. Atau tidak dapat pun pada kadar tahun lepas. Bagaimanakah rekod

pembayaran balik, bagaimanakah rekod untuk Yang Berhormat Menteri memberikan kelulusan segera.

Jangan kata ada peruntukan kalau sebut ini, peruntukan sebanyak RM102.482 juta ini banyak tetapi tidak turun ke daerah-daerah, tidak turun ke TEKUN Daerah Temerloh, tidak turun ke kawasan Parlimen Kuala Krau, TEKUN di Jengka. Peruntukan yang disebut banyak tetapi apabila hendak buat pinjaman, proses untuk mendapatkan borang begitu susah, proses untuk mendapatkan kelulusan hingga kepada enam bulan. Jadi, mereka ini perlukan segera bantuan atau pinjaman daripada TEKUN Nasional ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya Yang Berhormat Kuala Krau. TEKUN. Jikalau mengikut buku ini, tidak ada sebarang peruntukan yang diberikan kepada TEKUN untuk tahun 2020. Pada tahun 2019, ada sebanyak RM2 juta. Jadi apa pandangan, sedangkan TEKUN ini Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga ini adalah usaha yang cukup baik untuk menambah usahawan khususnya bumiputera dan juga usahawan India.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya, kalau kita tengok Yang Berhormat Pontian, kita boleh tengok Butiran 020400 - TEKUN Nasional ini hanya peruntukan tahun 2019 sebanyak RM2 juta tetapi pada tahun 2020 iaitu pembangunan, tidak ada. Akan tetapi kalau kita rujuk kepada Butiran 30000 – Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN) ada peruntukan sebanyak RM100 juta bagi tahun 2019 dan tahun 2020 sebanyak RM105 juta. Jadi, apakah kenapa ada perbezaan di dalam Butiran 020400 sebagaimana Yang Berhormat Pontian kata tidak ada tetapi sebab apa tidak ada di bawah butiran ini tetapi di bawah Butiran 30000 ini ada tercatat.

Jadi seterusnya...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Itu keliru sedikit.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya, ya. Seterusnya Butiran 030000 – Pembangunan Koperasi. Saya ucap tahniah, terima kasih – Yang Berhormat Segamat ada apa?

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Hendak merujuk kepada Butiran 30000 tadi, sebab Yang Berhormat Pontian ada katakan mengenai masyarakat India. Saya difahamkan terdapat sebanyak RM20 juta di bawah TEKUN. Adakah ia termasuk dalam RM105 juta ini ataupun di bawah kementerian lain, minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya. Saya jadikan pencelahan daripada Yang Berhormat Segamat sebahagian daripada ucapan saya tujukan kepada Yang Berhormat yang *handsome* ini, Yang Berhormat Menteri. Terbaik. Harap dapat kita melihat bagaimana dengan kejadian di Tanjong Piai ini berlaku lagi.

Seterusnya, pembangunan koperasi Yang Berhormat. Dahulu kita ada Pembangunan Koperasi Belia Rakyat (KOBERA), dahulu kita ada Koperasi Belia Nasional (KOBENA). Jadi saya hendak tahu, apa nasib KOBERA, apa nasib KOBENA. Jikalau dahulu, orang kampung dia hendak buat koperasi ada dana untuk bantuan untuk menubuhkan koperasi, untuk pentadbiran,

untuk menjalankan peringkat awalan koperasi sebanyak RM20,000 hingga RM30,000. Adakah dana peruntukan untuk membantu menubuhkan koperasi ini masih ada lagi.

■1220

Jadi saya juga ingin tahu, pada tahun 2016 Kerajaan Barisan Nasional dulu menyediakan RM100 juta untuk diagihkan kepada sektor koperasi di seluruh negara, adakah masih ada lagi peruntukan ini.

Dan akhirnya tentang Butiran 040200 – Emolumen Kakitangan Kontrak. Saya ingin tahu, ada kenaikan daripada RM851 ribu kepada RM1.09 juta pada tahun 2020. Ini Pembangunan-emolumen kakitangan kontrak ini, adakah kementerian mengambil lebih ramai pekerja-pekerja kontrak, kakitangan kontrak. Kalau ada, di manakah mereka ini akan ditempatkan?

Akhirnya, tentang Butiran 1950 - Program Peningkatan dan Pembangunan PKS. Kalau kita baca dalam buku bajet yang asal ini, kita ada RM500 juta untuk jaminan baharu untuk usahawan wanita. Bilakah dapat diagih-agihkan, atau wanita ini diberikan peluang untuk mendapatkan pinjaman atau jaminan baharu RM500 juta ini untuk usahawan wanita dan juga saya ingin tahu, peranan SME Bank di dalam memberikan kelulusan RM500 juta, RM200 juta khusus untuk usahawan wanita bagi tawaran pembiayaan sehingga RM1 juta bagi setiap PKS, dan juga RM300 juta untuk menyokong PKS bumiputera yang berpotensi menjadi jaguh serantau.

Macam mana hendak dapat status jaguh serantau ini Yang Berhormat Menteri?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kuala Krau.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Adakah yang bertaraf seperti Yang Berhormat Menteri ini yang...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah tamat Yang Berhormat Kuala Krau.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: ...Memang jaguh serantau di dalam bidang pembangunan usahawan.

Jadi saya haraplah supaya Yang Berhormat Menteri juga melihat kepada- satu *last*, Butiran 90000 - Skim Latihan Siswazah, ada peruntukan RM5 juta. Saya ingin tahu, apakah bentuk-bentuk Skim Latihan Siswazah ini akan diberikan kepada lepasan universiti kita dan mereka ini apabila menamatkan skim latihan mereka ini, berapa bilangan kah yang akan diambil dan diserapkan di mana-mana kementerian atau jabatan kerajaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sungai Petani diikuti oleh Yang Berhormat Kemaman.

12.22 tgh.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mulakan dengan satu *statement*, "Bahawa di atas bahu kementerian inilah kita akan melihat usahawan-usahawan Malaysia, bukan sahaja bermula tetapi juga harus mencapai taraf dunia" Maknanya

kalau kita tengok nama kementerian ini pun Yang Berhormat Kuala Krau, kita naik gerun, nama kementerian sendiri pun “Kementerian Pembangunan Usahawan.”

Maknanya kementerian inilah yang akan membangunkan anak-anak desa, anak-anak bandar akhirnya bukan sahaja menjadi jaguh kampung tetapi juga jaguh antarabangsa. Maknanya gagal atau berjayanya anak-anak Malaysia dalam bidang usahawan, terletak di atas batu jemala Menteri kita. Maknanya- sebab itu saya ingin menyentuh bahawa betapa pentingnya kementerian ini. Ini bukan kementerian main-main. Ini kementerian *of the future*. Kalau kita hendak maju kementerian ini mesti disokong habis-habisan.

Oleh sebab itu, saya melihat Pembangunan Koperasi Yang Berhormat Menteri, 03000 memang penting. Bagaimana koperasi bermula sebenarnya di sekolah lagi, dan kita melihat banyak koperasi-koperasi aktif di sekolah-sekolah tapi malangnya selepas anak-anak kita keluar daripada sekolah, dia hilang begitu sahaja. Sepatutnya anak-anak kita yang telah pun dididik di sekolah-sekolah, harus memulakan karier mereka. Kalaupun tidak dapat 100 peratus tetapi *certain percentage*. Kita letakkanlah 20 peratus daripada murid-murid yang telah terdedah dengan koperasi ini meneruskan amalan koperasi ini.

Jadi harus saya hendak minta kementerian, ada tidak program untuk membuat *follow up*. Maknanya dengan Kementerian Pendidikan, kita tahu berapa murid-murid kita yang terlibat dengan koperasi dan mereka ini harus didik seterusnya untuk meneruskan karier mereka dalam bidang koperasi ini.

Ini saya rasa perlu kerana peluang-peluang harus diberikan kepada murid-murid yang mencebur dalam kegiatan koperasi ini untuk terus melanjutkan pelajaran mereka ke Institut Koperasi Malaysia. Mungkin juga di sinilah dilihat- mungkin diploma ataupun ijazah boleh dimulakan supaya murid-murid kita yang terdedah dengan koperasi ini memulakan karier mereka. Jadikan bidang koperasi ini satu karier yang dihormati.

Kedua Tuan Pengerusi ialah tentang 30000 – Tabung Ekonomi Usahawan Niaga (TEKUN). Saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Krau tadi, bahawa waktu suatu masa dahulu, bila sebut saja TEKUN kita tahu 99 peratus daripada peminjam-peminjamnya wanita- saya ucapkan tahniah kepada peminjam-peminjam yang tidak pernah *tuang* daripada membayar hutang balik ke TEKUN. Jadi TEKUN dan Amanah Ikhtiar Malaysia juga tapi TEKUN juga begitu.

Jadi isunya sekarang ini ialah kadang-kadang kita melihat bagaimana ada produk-produk kita yang dapat dijual ke luar negara tetapi bila datang order yang banyak, usahawan-usahawan kita tidak mampu buat. Contohnya katakanlah baulu yang pakai telur, baulu telur kampung. Kampung saya ada jual baulu telur ayam kampung mungkin rasa telur ayam kampung dengan telur ayam di pekan ia berbeza Yang Berhormat Kuala Krau- saya tidak tahu, macam mana rasanya tetapi tentu ada beza antara telur ayam kampung dengan ayam pekan.

Jadi isunya sekarang ini ialah, bila datang hendak order- orang makan sedap. Hendak order lebih daripada yang dia boleh buat. Maka dia tidak boleh buat. Sebab itu harus ada- saya kira supaya, saya mencadangkan dulu kita pernah memperkenalkan- “Satu Kampung, Satu

Daerah Satu Produk.” Jadi mungkin kembalikan- mengenal pasti supaya usahawan-usahawan kita ini, kalau dia hendak buat baulu. Katalah di kampung saya di Tikam Batu, di Sungai Petani, Kedah. Satu kampung itu ada 200 orang usahawan. Kita fokus untuk dia buat baulu sahaja, dan cop tidak boleh bubuh nama “Aminah”, nama “Hassan”, nama “Ali”, nama “Husin” tetapi pakai satu sahaja iaitu, “TEKUN MALAYSIA, Produk Kedah”; “TEKUN Malaysia, Produk Kelantan”; “TEKUN Malaysia Produk Selangor.”

Jadi bila order berkontena-kontena, sekali orang hendak baulu. Baulu *mai* lah Tikam Batu. Jadi dengan sendirinya kualiti dikontrol, harga dikontrol dan sebagainya. Saya ingat harus ada pemikiran yang luar daripada amalan biasa. Kita bagi RM10 ribu akhirnya dia tidak boleh berkembang, sebab masing-masing dalam bentuk yang skil yang kecil.

Seterusnya Tuan Pengerusi, ialah tentang program usahawan juga. Saya melihat – saya setuju dengan teman-teman yang ada *problem* sebenarnya. Kadang-kadang kita tidak mendapat maklumat. Kita terpaksa pergi ke banyak tempat untuk dapatkan maklumat bagaimana untuk mendapat pinjaman, dan mendapat latihan. Oleh sebab itu saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, supaya kalau boleh kita gunakan contohnya, apakah satu institusi yang amat *familiar* dengan rakyat Malaysia khususnya bumiputera.

Bank Simpanan Nasional contohnya, bekas *chairman* Bank Simpanan Nasional, Bagan Datuk dulu, saya yakin dia akan memberikan input yang baik. Bekas *chairman* Bank Simpanan Nasional Bagan Datuk dulu bagaimana memperkembangkan Bank Simpanan Nasional ini daripada satu yang tidak dikenali oleh masyarakat menjadi satu bank yang amat dihormati waktu dia jadi *chariman* dululah.

Jadi saya kira, kalau kita boleh gunakan bank ini sebagai satu *one-stop centre*. Mungkin kita boleh bincang dengan bank ini di samping dia berurusan dengan bank tetapi juga maklumat-maklumat tentang keusahawanan- ada satu kaunter. Sebab bank ini ada di mana-mana. Ceruk rantau, dalam mana-mana negeri ada- daripada kita hendak usahawan, tapi mereka hendak *pi tang* mana sebenarnya ini. Jadi ini ialah masalah-masalah yang kita ada- masalah komunikasi satu, masalah mendapat maklumat satu, dan masalah mendapat pinjaman satu.

Jadi kadang-kadang dia hendak berniaga semangat tetapi oleh kerana birokrasi, masalah itu dan banyak – dia pun *give up*. Oleh sebab itu saya mencadangkan supaya contohilah Bagan Datuk. Silakan Yang Berhormat Bagan Datuk.

Tuan Pengerusi [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Bagan Datuk.

Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Petani yang daripada dahulu, waktu di sini dan sekarang di sana, terus memberikan pandangan-pandangan yang positif terhadap banyak isu, kecuali beliau seharusnya bersama dengan kita semula selepas ini *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, kita lihat bahawa sistem perbankan ini telah berubah, dan perubahan ini telah berjalan bukan hanya soal prosedur, tetapi pendekatan termasuk kita tidak perlu lagi pergi ke kaunter sebaliknya semua transaksi dibuat secara atas talian. Maka pendekatan-

pendekatan pemasaran, pendekatan-pendekatan *educative* untuk pendidikan daripada segi gelagat simpanan, dan juga daripada segi *expending pattern*, dengan izin. Ia harus diubah dan ini memerlukan kombinasi antara pelanggan dan juga pihak bank. Adakah Yang Berhormat Sungai Petani bersetuju dengan saranan itu?

■1230

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Datuk.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas soalan Yang Berhormat Bagan Datuk itu. Dia tanya seolah-olah saya Menteri hendak jawab tetapi saya tala kan soalan itu kepada Menteri untuk jawab. Cumanya begini, saya melihat kita ada masalah untuk mendapatkan maklumat. Saya setuju dengan Yang Berhormat Bagan Datuk tadi bahawa banyak yang berlaku sekarang ini atas talian tetapi kadang-kadang Menteri, nasihat. Dia kena ada *face to face communication* untuk dapatkan motivasi. Dia kena ada *face to face communication* untuk mendapatkan program-program yang bersepadu.

Sekarang ini saya dimaklumkan oleh teman-teman bahawa ada lapan kementerian yang menghulurkan bantuan kepada rakyat Malaysia. Lapan kementerian. Jadi, bayangkanlah satu usahawan kalau dia hendak meniaga betul-betul lah, dia boleh pergi ke lapan kementerian. Akan tetapi, bayangkanlah macam mana dia hendak capai lapan itu sedangkan dia hendak meniaga kecil sahaja. Sebab itu, saya mencadangkan supaya di samping kita ada *one stop centre*, yang mungkin berpusat di Kementerian Pembangunan Usahawan, tetapi di peringkat mikro ini, di peringkat bawah sekali yang budak-budak kita yang baru keluar universiti ini hendak mula *tang* mana?

Sebab itu saya mencadangkan supaya harus ada *collaboration* dan saya mencadangkan di antara entiti yang paling dekat sekali dengan orang kampung contohnya ialah dengan BSN. Jadi, harus ada kerjasama dengan bank supaya ada satu kaunter yang satu *one stop centre* ini diturunkan ke BSN dan pegawai-pegawai BSN boleh diberikan maklumat tambahan dan mereka juga boleh menjadi sumber kepada apa-apa juga maklumat yang dikeluarkan oleh kementerian bukan sahaja oleh Kementerian Pembangunan Usahawan tetapi juga oleh kementerian-kementerian lain yang akhirnya *one stop centre* nya berlaku di Kementerian Pembangunan Usahawan. Sama ada Kementerian Pertanian ke, kementerian apa-apa juga lah kementerian yang akhirnya yang memainkan peranan menjadi *core, driver* nya ialah Menteri di Kementerian Pembangunan Usahawan. Jadi, saya mencadangkan supaya harus ada satu paradigma di sini...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya, Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya. Tadi Yang Berhormat Sungai Petani menyebut tentang gerakan koperasi. Saya terlewat ya. Masalah koperasi kita ini ialah dari segi pengurusan. Kita lihat Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) ditambah peruntukan. Apa

kata kalau semua pengurusan koperasi di seluruh negara dikursuskan kembali di INSKEN supaya mereka boleh mengatur koperasi dengan baik dan seterusnya mendapatkan keuntungan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sila.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya setuju apa pandangan Yang Berhormat Pontian tadi tetapi juga saya mengatakan bahawa kebanyakan sekolah ada koperasi. Akan tetapi, pelajar-pelajar yang amat terdedah dengan koperasi ini, selepas dia keluar sekolah, dia terus tinggalkan alam koperasi ini sebab dia tidak ada sambungan daripada sekolah itu, dia hendak pergi mana. Jadi itu di sini, saya mencadangkan tadi supaya kementerian melihat bagaimanakah boleh *recruit* pelajar-pelajar kita yang memang terdedah dengan koperasi ini melanjutkan pelajaran mereka ke institut ini ataupun mengambil bidang pengurusan koperasi di institut pengajian tinggi dan akhirnya kembali kepada kementerian dan kementerian boleh bina mereka sebagai pakar kepada pembangunan koperasi. Oleh kerana masa, terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Sekarang, saya jemput Yang Berhormat Kemaman.

12.33 tgh.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama berbahas di peringkat Jawatankuasa di Kementerian Pembangunan Usahawan pada pagi ini.

Pertamanya saya suka merujuk kepada Butiran 020400 – TEKUN Nasional serta Butiran 3000 – Tabung Ekonomi Usaha Niaga TEKUN. Saya dapati bahawa tiada peruntukan untuk TEKUN Nasional pada kali ini berbanding dengan peruntukan sebelumnya pada tahun 2019 yang diterima sebanyak RM2 juta. Oleh itu saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kenapa TEKUN Nasional tidak menerima peruntukan dalam pembangunan usahawan di negara kita sedangkan ianya merupakan suatu benda yang amat penting bagi membangunkan usahawan kita pada hari ini. Manakala dalam program TEKUN pula menerima peruntukan iaitu RM105 juta. Jadi, saya ingin tahu secara terperinci ke manakah peruntukan itu disalurkan yang jumlah RM105 juta yang diperuntukkan itu.

TEKUN Nasional merupakan salah satu platform yang menyediakan pembiayaan perniagaan kepada usahawan sekali gus menggalakkan perkembangan perniagaan Bumiputera melalui penyeliaan peluang perniagaan, khidmat bimbingan dan sokongan serta jaringan usahawan. Terlebih dahulu, saya menyambut baik usaha TEKUN Nasional yang telah diiktiraf patuh syariah sepenuhnya pada tahun 2017. Ini merupakan satu usaha yang baik dalam memastikan pembiayaan perniagaan kepada usahawan ini tiada sebarang unsur riba yang jelas diharamkan oleh syarak.

Saya difahamkan juga bahawa TEKUN Nasional telah menyediakan pembiayaan perniagaan berjumlah RM56 bilion kepada 435,995 orang usahawan dalam pelbagai sektor perniagaan termasuk 27,917 orang yang merupakan usahawan baharu. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sejauh mana sambutan pemohon-pemohon dari Bumiputera khususnya yang berada di luar bandar dan berstatus mikro khususnya anak-anak muda.

Tuan Pengerusi, saya juga minta penjelasan Menteri apakah program-program yang disediakan dalam memperkasakan TEKUN Nasional sekali gus melahirkan lebih ramai lagi usahawan baharu terutama golongan belia bagi tahun 2020. Saya kira TEKUN Nasional perlu lebih giat berperanan dengan lebih proaktif dalam membantu mendidik dan memberi tunjuk ajar kepada usahawan baharu khususnya terutama generasi muda agar mereka terus komitmen dan aktif dalam menjadi usahawan yang berjaya.

Saya juga ingin mengetahui sejauh manakah usaha TEKUN Nasional dalam membantu graduan-graduan yang menganggur khususnya untuk mendapatkan pekerjaan dan menjamin masa hadapan mereka ini.

Kedua, dalam Butiran 030000 – Pembangunan Koperasi berserta 030100 iaitu Pengurusan Koperasi. Suka saya mengharapkan penekanan yang perlu diambil secara proaktif oleh pihak kementerian melalui program-program dan juga inisiatif yang dilaksanakan dalam memperkemarkan dan membudayakan gerakan koperasi di persada negara kita pada hari ini.

Saya ingin mengetahui dengan peruntukan yang diterima dalam pengurusan koperasi yang semakin meningkat iaitu sebanyak RM1.1 juta, apakah usaha kementerian dalam menggalakkan rakyat melibatkan diri dalam koperasi ataupun berkoperasi secara aktif dan agresif? Kita melihat peranan gerakan koperasi sendiri yang begitu besar dalam menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negara sekali gus membantu meningkatkan pendapatan rakyat di negara kita.

Seterusnya merujuk kepada Butiran 030200 – Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Peruntukan yang diterima berkurangan sebanyak RM1.35 juta pada belanjawan akan datang ini. Saya melihat peranan SKM ini merangsang pembangunan koperasi dan sektor koperasi agar lebih teratur bagi mencapai objektif sosioekonomi di negara kita. Saya difahamkan sebanyak 14,417 bilangan koperasi yang wujud di seluruh negara dan hanya 9,941 sahaja bilangan koperasi yang aktif pada hari ini.

Oleh itu, dengan peruntukan yang diterima ini sejauh manakah pihak SKM ini dapat diperkasakan lagi sebagai penyumbang ketiga ekonomi negara kita selepas sektor kerajaan dan swasta. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang membabitkan libat urus dan perancangan yang dilaksanakan dalam menyediakan medan pekerjaan yang besar kepada rakyat di negara kita ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit berhubung dengan Butiran 90000 – Skim Latihan Siswazah. Saya kira skim ini bagus kerana bukan sahaja menyediakan

ilmu pengetahuan malah memberi peluang kerjaya kepada para siswazah kita yang menganggur untuk menjadi usahawan yang berjaya dalam sesuatu bidang yang diminati. Namun begitu, saya merasa agak sedikit kecewa apabila peruntukannya yang diterima masih lagi dalam keadaan yang sama. Tidak ada pertambahan kepada peruntukan dalam skim latihan siswazah ini.

■1240

Sepatutnya perlu ditambah peruntukan kerana di negara kita yang melibatkan para siswazah yang menganggur yang begitu ramai yang sepatutnya memberi rangsangan kepada para siswazah kita untuk melibatkan diri dalam usahawan-usahawan yang dirancang ini.

Seterusnya juga saya ingin tahu berapakah bilangan siswazah yang telah dilatih melalui program ini dan sejauh mana sambutannya dengan peruntukan yang diterima sebanyak ini, sebanyak yang diberi setakat ini?

Saya ingin penjelasan berapakah sasaran kementerian bagi tahun 2020 untuk mewujudkan golongan usahawan dari kalangan siswazah kita yang melibatkan Kementerian Pertanian dan beberapa buah kementerian yang lain yang peruntukan dan bantuan yang diusahakan oleh kementerian? Saya rasa itulah diharapkan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Kemaman boleh sedikit.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Saya mengharapkan pihak kementerian ini dapat ya. Sila.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Mengenai siswazah. Saya cuba mencari di sini satu Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE). Ia juga merujuk kepada usahawan siswazah. Kelihatan tidak ada di dalam mana-mana muka surat 269 hingga muka surat 270 dalam buku tebal itu.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat Kemaman bahawa Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) ini adalah satu program yang amat baik dan dia juga dapat melatih siswazah di dalam program itu. Program itu telah menunjukkan kejayaan antaranya dia berada dalam kem-kem latihan selama dua minggu diajarkan tentang teori perniagaan seminggu dan seminggu lagi ialah dari segi ketahanan fizikal. Selepas itu mereka kena buka syarikat siswazah berkenaan ataupun mereka yang dipilih itu kena buka syarikat kemudian diberikan geran sebanyak RM15,000 untuk memulakan perniagaan.

Ia adalah satu program yang baik akan tetapi saya tidak nampak dalam ini ada dimasukkan.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Saya menyambut baik cadangan yang diberikan dan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pontian. Masukkan ucapan dan saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pontian itu dalam ucapan saya.

Sepatutnya usaha-usaha yang seumpama itu perlu diberi penekanan kepada para belia kita khususnya kepada para siswazah kita bagi memastikan mereka mendapat input maklumat dalam usaha niaga ini bagi merangsang usaha mereka bagi mereka dapat bersama-sama

melaksanakan ataupun mencebur diri dalam usahawan ini. Saya rasa setakat ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Boleh minta jalan sedikit?

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Ya.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Kemaman. Saya tengok dalam butiran ini juga tidak ada satu program khusus yang kita lihat sekarang ini siswazah kita ini banyak yang terdapat dalam pasaran yang tidak lagi mempunyai pekerjaan dan mereka ini ada kelebihan berfikir.

Apabila kita sebut siswazah mereka belajar sampai tahap ke universiti sudah tentulah dari segi pemahaman kita mereka ada kelebihan berfikir. Jadi kita harap pihak pembangunan usahawan ini merancang untuk hendak menyarang – jadikan mereka ini SARANG mudah kita didik mereka oleh sebab mereka ada pemikiran.

Jadi, bila kita buat satu program sarang kepada siswazah ini, mereka akan lebih cepat. Program SARANG ini sudah lama sebenarnya ada cuma kita hendak tengok macam mana Kementerian Pembangunan Usahawan ini untuk hendak men-*elaborate*, membangunkan atau memurnikan lagi Program SARANG yang telah dibuat untuk program siswazah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat ini masa untuk Yang Berhormat Kemaman.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Jadi saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Kemaman?

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Pendang. Saya harap apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pendang tadi dimasukkan sebagai ucapan saya dan dapat kementerian ataupun Yang Berhormat Menteri memberi respons ataupun jawapan.

Oleh itu, akhirnya saya mengharapkan kementerian ini dapat memainkan peranan yang besar bagi memastikan dan membangunkan para usahawan di negara kita ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Alor Setar kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Bera.

12.44 tgh.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Saya cuma ingin hendak sentuh satu sahaja di bawah Bekalan 26 Butiran 030200 – Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan di bawah Butiran 030100 – Pengurusan Koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran koperasi di bawah Malaysia ini setakat tahun 2018 ada 14,245 koperasi yang berdaftar di mana seramai 6.5 juta ahli dan modal syer dia mencecah

sehingga lebih kurang RM14 bilion dan aset yang dipunyai ialah RM140 bilion dan diunjurkan bahawa keuntungan yang akan dijanakan ada lebih kurang RM42 bilion.

Maka bila kita nampak satu entiti yang cukup besar ini tetapi di antara koperasi ini dia separuh adalah syarikat dan pada waktu yang sama juga terlibat daripada juga pihak-pihak kakitangan kerajaan. Maka di sini saya rasa perlu kita usahakan dari segi mempertingkatkan pengurusan. Seperti yang saya nampak, dalam butiran Pengurusan Koperasi kena meningkat lebih kurang belanjawan RM1.2 juta. Walau bagaimanapun, untuk Butiran Suruhanjaya Koperasi kita kekalkan lebih kurang RM85 juta.

Di sini saya hendak bagi satu contoh di mana kita kadangkala ada nampak konflik berlaku. Pengalaman saya jadi ADUN di beberapa negeri ini saya pernah nampak ada koperasi yang ditubuhkan daripada kakitangan kerajaan sendiri contohnya Kakitangan Majlis Perbandaran yang tubuhkan koperasi pada waktu yang sama, sama ada projek sewa contohnya sewa tapak penjaja atau sewa papan tanda dianugerahkan kepada koperasi sedangkan yang luluskan adalah pentadbiran bawah bandaran tersebut. Mereka sendiri adalah ahli dalam koperasi tersebut.

Maka bukanlah kita hendak cuba halangkan untuk koperasi menjanakan keuntungan tetapi dari segi pekeliling pentadbiran ini saya nampak ada sedikit *conflict of interest* sekiranya pegawai-pegawai sendiri adalah ahli dalam koperasi dan juga adalah dalam kedudukan untuk meluluskan geran tersebut ataupun peluang tersebut kepada koperasi maka saya anggap adalah sedikit tidak sesuailah. Maka dalam bab ini, perlu ada pengurusan koperasi yang cukup mantap untuk kita semak kerana aset yang dipegang ataupun modal dari keuntungan akan datang ini makin meningkat.

Maka di sini saya cuma hendak tanya beberapa soalan tentang koperasi ini adalah pertama, setiap koperasi ini diminta untuk lantik *auditor* dan perlu lantik kalau di bawah Akta Koperasi perlu lantik tiga orang hingga lima orang dalam jawatankuasa audit ini. Akan tetapi oleh kerana syarikat dia kerana dia bukan bentuk syarikat dia koperasi, kalau syarikat biasanya kena lantik juruaudit yang didaftar di bawah Institut Akauntan Malaysia (IAM). Maka saya hendak tanya, bawah koperasi adakah juru audit yang perlu dilantik ini sama juga perlu berdaftar dengan Institut Akauntan Malaysia (IAM) ataupun juruaudit mana-mana di antara kalangan ahli sendiri ataupun tidak perlu daftar di bawah juruaudit ini.

Oleh sebab kita nampak keuntungan ini semakin meningkat maka perlulah ada satu semakan yang lebih mantap kerana walaupun dia bukan sahajalah langsung daripada kerajaan yang melibatkan dalam koperasi ini bukan semata-mata macam syarikat. Syarikat keuntungan sendiri tetapi koperasi ini dia merangkumi pemegang saham yang cukup ramai maka kita perlu pastikan pengurusan tersebut adalah cukup tertutup.

Maka saya hendak tanya kepada beberapa jawapan statistik khususnya di bawah Akta Koperasi 1933. Di bawah Seksyen 14 setiap koperasi perlu hantar secara berkala setiap tahun senarai anggota dalam ini. Maka saya hendak tanya sejauh manakah daftar tersebut ataupun

rekod daripada suruhanjaya kita, adakah semua di antara 14,000 koperasi tersebut hantar maklumat tersebut setiap tahun?

Kedua, di bawah seksyen 58 akta yang sama juga koperasi perlu hantar segala rekod perakaunan dan transaksi perakaunan dan seksyen 59 perlu menyediakan kenyataan kewangan dan seksyen 64 di bawah Akta Koperasi, suruhanjaya berkuasa untuk memeriksa setiap koperasi. Maka saya hendak bertanya di antara sebanyak 14,000 koperasi yang berdaftar ini sejauh mana berapa yang ada hantar kenyataan tersebut? Berapa yang kita sudah buat audit untuk semak sama ada koperasi tersebut memberi ataupun menyediakan satu catatan kewangan penyata yang jelas?

Di sini saya ingin hendak tanya oleh kerana terdapat koperasi juga serupa dengan syarikat yang terima kontrak ataupun segala kontak daripada pihak kerajaan, maka adalah tugas kita apabila kita menganugerahkan kontrak kepada koperasi kita kena pastikan koperasi tersebut jalan secara baik dan juga ahli-ahli mendapat manfaat dan pada waktu yang sama tidak ada penyelewengan.

■1250

Maka di sini adalah penting untuk kita semak sejauh mana laporan tersebut dihantar dengan tepat masa. Khususnya saya hendak tahu adalah bahawa- saya hendak tanya, apakah ataupun mana-mana koperasi yang pernah diberi konsesi pembalakan? Setahu saya pernah koperasi cuba bersaing dengan syarikat untuk dapatkan konsesi pembalakan. Ini tidak ada masalah tetapi oleh kerana koperasi melibatkan ahli-ahli yang ramai maka kita perlu tahu.

Juga di antara 14 ribu koperasi yang berdaftar ini, berapa di antara mereka ini dapat menjanakan keuntungan? Berapa cukai pendapatan yang telah disumbangkan kepada LHDN selama ini? Adakah banyak koperasi ini ia rugi, ia tidak dapat hendak bagi dividen kepada ahli lembaga ataupun pemegang saham? Atau mereka langsung tidak menyumbang dari segi keuntungan kepada pihak kerajaan sedangkan mereka juga melakukan perniagaan.

Apatah lagi kalaulah koperasi-koperasi ini yang diberi konsesi ataupun kontrak kerajaan maka perlulah kita memberi perhatian yang lebih supaya memastikan kontrak tersebut selepas diberi kepada koperasi, koperasi ini dapat menjana keuntungan dan keuntungan tersebut di lapor dan juga disumbangkan juga melalui LHDN kepada pihak kerajaan. Barulah kita boleh memastikan bahawa polisi kita hendak memperkuatkan koperasi ini secara tidak langsung membangunkan KDNK untuk negara Malaysia.

Akhir sekali, saya ingin pihak kementerian memberi satu penjelasan. Di manakah koperasi yang dianggap sebagai cemerlang boleh jadi contoh? Kalau boleh, contoh yang boleh kita senaraikan 10 atau 20 koperasi yang cemerlang. Cemerlang dari segi pentadbiran dan juga cemerlang dari segi penyumbangan pendapatan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri, barulah kita boleh tahu jejak mana yang kita boleh cuba usahakan. Ini kerana kita tidak ingin di mana banyak mereka ini hanya tubuhkan koperasi, hanya mengharapkan daripada kontrak dari kerajaan tetapi tidak menyumbang balik kepada pihak kerajaan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Alor Setar. Yang Berhormat Alor Setar, terima kasih. Koperasi antara yang terbaik ialah Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Bank Rakyat. Bank Rakyat yang terbaiklah dan ia bagi dividen yang tinggi. Adakah Yang Berhormat Alor Setar ingin Yang Berhormat Menteri menjawab kenapa selama sembilan tahun Lembaga Tabung Angkatan Tentera berturutan purata 14 peratus dividen tetapi baru-baru ini cuma dua peratus?

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Tidak apa, ini biar Yang Berhormat Menteri jawab. Akan tetapi saya hendak tahu di mana sebenarnya dalam senarai koperasi kita, daripada 14 ribu lebih itu sebenarnya 9,000 lebih adalah perniagaan yang kecil, yang lain adalah besar-besar. Maka kita hendak tahu, contohnya ialah NAFAS kah ataupun mana-mana koperasi. Bank Rakyat memang ia satu yang menjana keuntungan.

Akan tetapi, sejauh mana keuntungan tersebut menyumbang kepada tabung kerajaan? Walaupun pada waktu yang sama kerana mereka perlu membayar dividen kepada ahli-ahli. Akan tetapi, sejauh mana dari segi *income tax* yang kita dapat kutip daripada koperasi ini memanfaatkan? Ini kerana koperasi yang kita wujudkan ini sebenarnya bersaing dengan syarikat juga. Maka perlu kita ada satu persaingan yang sihat supaya kita dapat wujudkan koperasi ini bukan semata-mata untuk dapat kontrak kerajaan sahaja.

Maka dengan ini saya harap pihak kementerian boleh bagi penjelasan. Kalau boleh tunjukkan juga berapa cukai yang kita sudah kutip daripada koperasi yang menjana keuntungan ini. Maka dengan ini, saya ucap terima kasih kepada peluang yang diberikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Alor Setar. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Bera. Kemudian selepas *break* nanti diikuti oleh Yang Berhormat Masjid Tanah, Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Yang Berhormat Segamat dan Yang Berhormat Jempol.

Datuk Haji Shabudin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor]: Tasek Gelugor sekali.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila. Baik, sila.

12.54 tgh.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya dapati bajet Kementerian Pembangunan Usahawan ini amat kecil sekali iaitu RM325 juta, sedangkan kementerian ini amat penting khususnya di dalam membangunkan usahawan-usahawan bumiputera seperti usahawan di bawah TEKUN, usahawan di bawah koperasi, IKS dan sebagainya tetapi bajetnya terlalu kecil. Saya harap Kementerian Kewangan tambahkan lebih banyak lagi bajet untuk Kementerian Pembangunan Usahawan.

Saya ingin merujuk kepada Butiran 030000 – Pembangunan Koperasi. Kalau kita lihat jumlah koperasi di dalam negara berjumlah 14,474 dan ahlinya seramai 6 juta. Ia merupakan institusi yang amat penting kepada masyarakat B40 khususnya masyarakat luar bandar dan

mereka bergantung kepada perniagaan anak-anak syarikat koperasi. Namun, seperti kita tahu kebanyakan anak syarikat koperasi gagal untuk memberikan pulangan dividen yang tinggi kerana bentuk perniagaan mereka adalah perniagaan mikro dan sebagainya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh Ketua Pembangkang? Sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat saya hendak tahu, apakah Yang Berhormat juga mungkin merasakan bahawa kementerian ini memang perlu. Kalau kita lihat di negara-negara membangun, negara maju mereka meletakkan peruntukan yang begitu banyak untuk memastikan bahawa para *entrepreneur* ataupun usahawan-usahawan dapat dibangunkan. Apakah Yang Berhormat ingin bertanya kepada kementerian, apa sasaran kementerian ini? Berapa *entrepreneur* ataupun usahawan yang perlu diangkat daripada konvensional kepada usahawan yang betul-betul profesional dan maju? Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dengan soalan Yang Berhormat. Saya masukkan ke dalam ucapan saya untuk dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah koperasi mikro, koperasi kecil, koperasi sederhana dan koperasi besar? Kalau kita lihat sasaran perolehan kementerian melalui syarikat-syarikat koperasi pada tahun 2030 adalah sebanyak RM60 bilion.

Jadi, bagaimanakah boleh kita capai RM60 bilion ini kalau syarikat-syarikat mikro yang mendominasi syarikat-syarikat yang ada di bawah koperasi ini? Jadi, apakah perancangan Yang Berhormat untuk memastikan syarikat kecil menjadi syarikat besar dan juga untuk mencapai sasaran RM60 bilion tersebut?

Saya ingin tanya juga kepada Yang Berhormat, ada *rumors* yang mengatakan bahawa akan diwujudkan satu lagi ANGKASA. Sekarang sudah ada ANGKASA dan akan diwujudkan ANGKASA 2. Jadi saya harap perkara itu tidak betul kerana kalau diwujudkan ANGKASA 2 bermakna kementerianlah yang bertanggungjawab untuk memecahbelahkan koperasi-koperasi itu. Sedangkan ANGKASA telah pun diiktiraf sebagai APEX untuk badan induk koperasi malah diiktiraf oleh *International Cooperative Alliance (ICA)*. Jadi, saya rasa kalau tidak betul, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Saya juga ingin bangkitkan mengenai pengiktirafan syarikat-syarikat koperasi ini. Syarikat koperasi walaupun terlibat secara langsung di dalam perniagaan dan ada yang berjaya tetapi tidak dimasukkan di dalam kategori IKS. Jadi banyak *benefits*, dengan izin, daripada program IKS seperti pinjaman, pemasaran ke luar negara dan sebagainya tidak dapat dinikmati oleh syarikat-syarikat koperasi ini kerana ia tidak tergolong di dalam definisi IKS. Jadi saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri kalau boleh definisi IKS ini diperbesarkan bukan setakat syarikat-syarikat IKS biasa ini tetapi juga kepada syarikat-syarikat koperasi.

Saya ingin terus kepada Butiran 020400 – TEKUN Nasional. Kalau kita lihat rungutan daripada pihak peminjam TEKUN adalah masa menunggu. Walaupun pinjamannya RM5,000 hingga RM50 ribu tetapi jangka masanya panjang untuk mereka menunggu. Saya

mencadangkan kita balik kepada asal dahulu iaitu kalau pinjaman RM5,000 hingga RM50,000 diluluskan di peringkat daerah sahaja. Jumlah RM50 ribu ke atas atau mungkin hingga RM100 ribu di peringkat negeri dan seterusnya yang lebih besar di peringkat pusat dan sebagainya.

Kita juga mohon ditambahkan pinjaman untuk mengembangkan perniagaan usahawan-usahawan kecil ini. Ini kerana kelemahan usahawan kecil kita adalah dari segi *packaging, marketing, bottling product* dan sebagainya. Kalau pinjamannya terlalu rendah, jadi tentu sahaja mereka tidak akan terkeluar daripada budaya lama iaitu masalah *packaging, bottling* dan sebagainya, begitu juga *marketing*.

Jadi saya minta supaya kita tambahkan pinjaman. Mungkin sekarang kalau RM100 ribu maksimum, kita tambahkan lebih banyak lagi mungkin sampai RM200 ribu, RM300 ribu dan sebagainya. Kita harap TEKUN mengadakan latihan dari segi pemasaran, dari segi *packaging product* dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Bera, jam telah menunjukkan tepat pukul 1. Tidak apa, sambung selepas daripada ini.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Boleh saya habiskan sebab Dewan boleh ada 10 minit *extra*. Lagipun tinggal tiga minit lagi, saya hendak habis sudah ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Okey, baik. Saya beri laluan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Okey. Dari segi bajet TEKUN misalnya, untuk pinjaman. Kalau tahun lepas 2019, bajet untuk TEKUN ini pembangunannya RM100 juta dan pinjaman sahaja RM350 juta.

Untuk tahun 2020, sejumlah RM105 juta sahaja. Jadi bajet ini tidak mencukupi Yang Berhormat. Jadi kalau kita minta, kita tambahkan bajet untuk pinjaman ini supaya pinjaman yang lebih besar boleh diberikan kepada peminjam-peminjam.

Akhir sekali Yang Berhormat, NPL sentiasa tinggi TEKUN ini kita tahu. Kita mempunyai satu model yang kita ikut Gramin Bank iaitu menunjukkan teman TEKUN dahulu. Di mana teman TEKUN ini saya lihat amat berjaya sehinggakan NPL nya rendah. Jadi saya hendak tahu status teman TEKUN ini yang pertamanya. Keduanya status NPL setakat ini, berapa jumlah NPL dan sebagainya?

Akhir sekali Yang Berhormat, dari segi latihan kepada kontraktor. Kalau seperti yang kita tahu kontraktor-kontraktor ini dilatih oleh CIDB dan sekarang permohonan usahawan juga melatih kontraktor-kontraktor. Jadi, apakah perbezaannya antara latihan CIDB dan juga latihan di bawah TEKUN ini? Jadi Yang Berhormat saya tidak hendak memanjangkan masa, kawan-kawan pun hendak berehat untuk makan tengah hari. Saya tidak hendak ganggu jadual makan tengah hari mereka. Jadi setakat itu sahaja, terima kasih. Saya percaya Yang Berhormat Menteri boleh menjawab dengan baiknya. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Bera. Majlis mesyuarat bersidang semula.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan mulakan semula selepas waktu rehat dengan menjemput Yang Berhormat Masjid Tanah, Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Yang Berhormat Segamat, Yang Berhormat Jempol dan Yang Berhormat Tasek Gelugor. Dimulakan dengan Yang Berhormat Masjid Tanah, kemudian lima minit. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.05 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Tuan Pengerusi: Diteruskan perbahasan di Peringkat Jawatankuasa. Selepas ini setiap pembahas diberi lima minit sahaja ya.

Saya menjemput Yang Berhormat Masjid Tanah.

2.33 ptg.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus berbahas pada Butiran B03100 iaitu pengurusan koperasi. Saya lihat ada pertambahan daripada RM709 ribu kepada RM1.7 juta.

Jadi soalan saya, adakah ini untuk pertambahan daripada segi operasi, emolumen dan sebagainya. Adakah ianya akan dapat membantu daripada segi penubuhan koperasi-koperasi baru dan juga penguatkuasaan. Sebagaimana kita lihat pernyataan Yang Berhormat Menteri bahawa daripada 14 ribu koperasi yang ada dalam Malaysia, terdapat sebahagian daripada mereka yang 'tidur' dan bagaimanakah daripada sumbangan pihak kementerian ini untuk memastikan supaya koperasi ini terus bergerak kerana kita lihat antara masalahnya adalah kekurangan dan bagaimanakah kita ingin memberi nafas baru kepada koperasi-koperasi ini kerana sayang, kerana koperasi ini telah tertubuh sejak sekian lama dan sekiranya kita tidak membantu untuk mereka terus memberikan daya saing dalam arus perniagaan dan sebagainya. Sayang kerana hendak menubuhkan koperasi *it will takes time*, dan ia akan memakan bukan sahaja banyak masa tetapi juga usaha dan sebagainya.

Seterusnya saya ingin menyentuh pada pembangunan usahawan yang mana kita lihat-sebagaimana saya setuju sebagaimana Yang Berhormat Bera katakan RM325 juta itu tidak cukup, malah ia cukup kecil sekali dibandingkan dengan usaha-usaha yang perlu dimainkan oleh

pihak kementerian untuk membangunkan lebih ramai lagi usahawan-usahawan. Bukan sahaja usahawan-usahawan baru tetapi juga usahawan yang telah sedia ada dan untuk dipastikan mereka berada di dalam pasaran, supaya mereka dapat memberikan saingan dan juga menembusi pasaran luar negara.

Saya ingin menyentuh pada Butiran 020400 - TEKUN Nasional. Saya ingin bertanya yang RM2 juta itu untuk apa?

Dan Butiran P.26, 30000 iaitu RM105 juta yang diberikan kepada TEKUN. Walaupun kita lihat pertambahan RM105 juta ini tetapi saya yakin dan percaya dengan pertambahannya peminjam-peminjam TEKUN di luar sana, ianya masih satu jumlah yang tidak cukup. Adakah kerajaan bercadang untuk menambah lagi peruntukan Tekun ini.

Dan saya juga ingin menyentuh pada Butiran 020100 - Penggalakan dan Pembudayaan Usahawan, dan saya ingin bertanya, berapa banyak geran yang sudah diberikan kepada usahawan bumiputera, dan bagaimanakah pendekatan-pendekatan untuk membantu usahawan-usahawan bumiputera yang pernah jatuh ataupun bankrap dan mereka bangkit semula. Sebab banyak kita tengok daripada segi profil-profil usahawan yang selama ini yang berjaya, sebelum ini mereka pernah jatuh dan mereka bangkit kerana atas bantuan dan juga sokongan daripada kerajaan, dan bagaimanakah kementerian membantu usahawan-usahawan ini bagi menghadapi kenaikan harga, kos sara hidup, dan juga masalah berkenaan dengan isu pekerja asing.

Seterusnya saya ingin menyentuh pada Butiran 025000 - INSKEN, pertambahan daripada RM7.6 juta pada tahun 2019 tidak ada. Dan saya ingin tengok pada P.26, 96000, RM15 juta. Saya hendak tahu, apakah perancangan dan apakah keutamaan yang diberikan oleh pihak INSKEN ini kerana kita lihat bahawa dalam *Facebook* yang telah pun INSKEN keluarkan ada dinyatakan tentang tiga kursus asas iaitu dobi, restoran, bengkel kereta, dan tetapi bagaimanakah- kita ingin melihat bahawa fokus mereka adakah hanya terhad kepada *coaching* dan juga *training* yang memakan masa empat bulan dan modul. Adakah dengan pertambahan RM15 juta ini terdapat perubahan atau pertambahan daripada segi modul pihak INSKEN? Saya ingin penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri.

Begitu juga dengan di Butiran P.26, 00601 dan P00603 - Dana Pembangunan dan Pembiayaan PKS. Bagaimanakah peruntukan tambahan RM65 juta ini dapat mengukuhkan daya saing oleh pihak PKS, dan bagaimanakah PKS ini dapat diperkasakan melalui pembangunan inovasi kerana kita lihat hari ini PKS, mereka menghadapi masalah daripada segi pelaksanaan Revolusi Industri 4.0, sebab kurangnya bakat, kurangnya modal dan juga kestabilan kewangan yang tidak begitu baik dan juga mereka berhadapan dengan masalah untuk mendapatkan sumber yang sesuai bagi perniagaan mereka.

Bagaimanakah usahawan itu perlu mengambil bahagian dalam program dan juga bimbingan, latihan keusahawanan oleh pihak kementerian?

Begitu juga saya lihat di P00606 - Pembangunan Usahawan Mikro, RM2 juta. Tahun lepas pun RM2 juta.

Saya mengambil satu rungutan daripada salah seorang yang telah pun mendapatkan bantuan daripada SME Corp. Dia kata kalau RM2 juta kalau dekat Melaka dapat RM25 ribu sahaja. Yang Berhormat Pak Wan, macam mana- RM250 ribu ini hendak bantu. Contoh dekat Melaka RM250 ribu celah gigi Yang Berhormat, kan? Jadi kita tengoklah....

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Masjid Tanah, jangan, bukan Pak Wan. Di luar.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: [Ketawa] Yang Berhormat Menteri, minta maaf. Jadi saya rasa itu sajalah. Saya ada banyak lagi butiran. Tidak apa saya mencelah sekali. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pendang. Di Pendang pun ramai Pak Wan kan, Kedah. Tidak apalah, sekali sekala sebut.

2.38 ptg.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Akan tetapi sebenarnya lebih rapat, ukhuwah, bila manja. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Terima kasih saya, saya hendak sebut sekali lagi, saya ini selalunya malang. Sampai dekat saya, lima minit. Selalu sudah, tiga, empat kali sudah ucapan. Akan tetapi tidak apa, saya terus kepada ini.

Tuan Pengerusi, berdasarkan kepada Pelan Induk PKS 2012/2020, Malaysia masih lagi ketinggalan mencapai sasaran makro iaitu 41 peratus. Sumbangan kepada KDNK dan 23 peratus sumbangan kepada nilai eksport. Apakah halangan utama yang dihadapi PKS.

Selain program *GO X* ataupun *Going Export* di bawah MATRADE, apakah lagi mekanisme yang terdapat di bawah kementerian untuk membantu para usahawan PKS menembusi pasaran luar negara dan mencari pelabur yang strategik supaya ia selaras dengan visi pelan induk PKS yang mahu mewujudkan lebih ramai PKS yang kompetitif di peringkat global.

Selain itu saya juga meminta pihak kementerian untuk memperincikan apakah tindakan yang sedang diambil untuk mentransformasikan orientasi keusahawanan tradisional kepada orientasi keusahawanan digital. Berdasarkan kepada laporan *Global Entrepreneurship Index 2018*, Malaysia hanya mencatatkan harga terendah iaitu 9 peratus, *technology absorbtion* ataupun penyerapan teknologi.

■1440

Ini menunjukkan tahap keusahawanan Malaysia dalam ekonomi digital masih belum menggalakkan, di tahap yang rendah. Kenapa ini berlaku? Sekiranya kita dibandingkan dengan Indonesia, sumbangan PKS dan KDNK negara hanya mencapai kadar 37 persen pada tahun 2018 berbanding dengan PKS Indonesia 56 persen, bergantung pada *population* jugalah. Selain itu, PKS Indonesia jauh mendahului kita dalam menjana pekerjaan iaitu 97 persen berbanding

PKS Malaysia 66 persen. Malah kita ketinggalan di belakang Thailand yang berada pada kadar 80 percent.

Oleh itu kementerian perlu agresif untuk membudayakan para usahawan PKS supaya dapat meningkatkan produktiviti mereka. Saya berharap, agar pihak kementerian dapat merealisasikan objektif ini. Ini kerana kami di kawasan luar bandar di Pendang, kalau kata agresif, akan *spill over* sampai ke kawasan Pendang, mengisi peluang pekerjaan kepada anak-anak muda kita yang banyak tidak ada pekerjaan sekarang ini, *dok* naik motor angkat tayar satu sahaja.

Seterusnya saya hendak pergi ke Butiran 020100 – Penggalakan dan Pembudayaan Usahawan. Tuan Pengerusi, butiran ini menunjukkan berlaku penyusutan di antara tahun 2019 dan tahun 2020 iaitu kira-kira RM860 juta. Walhal, kementerian perlu memfokuskan lebih banyak ke arah membudaya sikap dan minda keusahawanan dalam kalangan rakyat kerana Malaysia menuju ke arah Negara Keusahawanan Unggul tahun 2030.

Dalam butiran ini juga, saya ingin mendapatkan penjelasan tuntas daripada pihak kementerian berhubung konsep perusahaan sosial yang mula mendapat perhatian di dalam dan luar negara mutakhir ini. Saya juga telah meneliti empat kriteria yang telah ditetapkan bagi mendapatkan status perusahaan sosial antaranya ialah 51 peratus daripada keuntungan diperuntukkan untuk mencapai misi sosial alam sekitar dan 51 peratus tenaga kerja adalah daripada golongan kurang bernasib baik.

Saya mencadangkan kepada kementerian untuk menjalin kerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri bagi membangunkan konsep wakaf tunai agar banyak lagi perusahaan sosial boleh dilaksanakan seperti mana yang telah dirintis oleh Waqaf An-Nur Corporation Berhad di bawah JCorp. Boleh juga dengan wakaf-wakaf di negeri-negeri kerana ini di bawah jabatan agama majlis negeri-negeri. Jadi Menteri keusahawanan boleh *link*, boleh berbincang untuk bagaimana kita hendak membangunkan modal insan yang ada di negeri-negeri ini.

Seterusnya yang ketiga iaitu berkenaan dengan penggalakan dan pembudayaan usahawan. Sebagai galakan Tuan Pengerusi kepada para usahawan, saya ingin mendapatkan perincian daripada pihak kementerian berhubung pemberian geran penyelidikan. Geran penyelidikan ini sangat penting khususnya untuk menggalakkan program inovasi dan meningkatkan produktiviti melalui penambahbaikan nilai produk yang sedia ada. Adakah wujud satu platform yang boleh menggabungkan para usahawan PKS, kumpulan penyelidik dan juga pemain industri untuk melaksanakan sesuatu penyelidikan? Ini juga perlu diberi perhatian. *Collaboration* ini bagus kerana memberi *outcome* yang baik kepada negara.

Selain itu, saya ingin bertanya mengenai Geran Penyelidikan dan Pengkomersilan Vendor Bumiputera (GPPV) yang telah diperkenalkan sebelum ini. Sejauh mana geran ini telah dimanfaatkan dan apakah hasil-hasil projek yang telah dibangunkan menerusi geran ini? Saya juga ingin meminta penjelasan daripada kementerian mengenai *Demand-Driven Innovation Project*.

Adakah ia berkesan untuk membantu para usahawan membangunkan produk berasaskan teknologi? Saya difahamkan masih ramai lagi usahawan yang tidak mendapat maklumat berhubung geran-geran penyelidikan yang ditawarkan. Saya berharap, agar lebih banyak lagi geran diwujudkan di samping menggiatkan promosi geran tersebut agar banyak produk PKS yang berpotensi boleh dihasilkan.

Masa sudah habis. Saya menghormati masa walaupun ada dua muka surat lagi, dua butiran. Tidak apa, terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pendang, *waalaikumussalam.* Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Padang Serai.

2.44 ptg.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terus pergi kepada Butiran 020300 – Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia). Apakah cadangan Kerajaan Persekutuan bagi memberikan insentif kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME) untuk menggalakkan pembangunan PKS terutamanya di kawasan luar bandar?

Kedua, diminta Kementerian Pembangunan Usahawan memberi penerangan yang lebih terperinci tentang pelan pembangunan PKS terutamanya strategi kementerian untuk memastikan pihak luar bandar tidak ketinggalan terutama sekali kaum-kaum India. Seterusnya, apakah Kerajaan Persekutuan dapat memberi butir-butir terperinci tentang penyediaan khidmat dari segi penasihat dan kewangan kepada peniaga?

Seterusnya, Butiran 020500 – Institut Keusahawanan Negara (INSKEN). Apakah pelan Kementerian Pembangunan Usahawan bagi menyelaraskan dan memudahkan penyampaian latihan dan program keusahawanan terutama bagi pihak yang menduduki kawasan luar bandar? Kedua, apakah insentif-insentif yang akan diperuntukkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan bagi menggalakkan usahawan menyertai latihan dan program?

Seterusnya, Butiran 030200 – Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Setakat ini, adakah pihak kementerian mempraktikkan budaya bekerjasama dengan *business* dan pihak tertentu untuk membangunkan sosioekonomi negara? Kedua, apakah rancangan Kerajaan Persekutuan bagi memantau dan menyelaraskan aktiviti pembangunan koperasi dengan cara yang lebih efektif? Seterusnya, kementerian haruslah membantu membangunkan generasi dari desa. Desa dibangunkan, negara akan makmur.

Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Yang Berhormat Pengkalan Chepa tidak ada? Yang Berhormat Rantau Panjang, silakan.

2.46 ptg.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Maksud B.26 Kementerian Pembangunan Usahawan.

Tuan Pengerusi, kalau kita melihat daripada peruntukan yang telah disediakan di bawah kementerian ini, kita lihat banyak item yang telah dikurangkan peruntukan. Jadi saya ingin tahu, sejauh mana kejayaan kementerian setakat ini dalam mencapai visi dan misi kementerian khususnya dalam membina suasana ekosistem keusahawanan yang dapat melahirkan usahawan yang seimbang dan mampan. Begitu juga, sejauh mana peranan kementerian untuk menyedarkan masyarakat terutama Bumiputera supaya mereka dapat bersaing sama ada di peringkat nasional dan antarabangsa.

Jadi saya ingin menyentuh Butiran 010200 berkaitan Dasar dan Perancangan Strategik. Jadi saya ingin tahu, apakah program pembangunan yang telah berjaya setakat ini dan apakah program ini telah dibawa ke negeri-negeri dan begitu juga termasuk Malaysia Timur? Apakah cabaran utama dalam pemeraksanaan usahawan PKS ini untuk meningkatkan lagi kualiti PKS khususnya?

Begitu juga saya ingin menyentuh Butiran 020000 – Pembangunan Usahawan dan Butiran 020100 – Penggalakan dan Pembudayaan Usahawan. Berapakah usahawan yang telah mendapat pembiayaan setakat ini daripada tahun 2015 sehingga tahun 2019? Apakah bidang keusahawanan yang mendapat minat terutamanya di kalangan usahawan muda hari ini? Berapakah usahawan yang telah berjaya terutamanya yang melibatkan usahawan wanita, belia dan usahawan baru?

Saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan Butiran 020200 – Pembangunan Kontraktor. Saya ingin tahu, berapakah jumlah kontraktor Bumiputera yang telah aktif dan berapa jumlah kontraktor yang tidak aktif, yang lemah? Apakah usaha yang telah dibuat untuk memastikan kontraktor-kontraktor yang tidak berdaya maju ini dapat diaktifkan semula? Apakah usaha untuk memastikan supaya tidak ada diskriminasi berlaku terutamanya yang melibatkan kontraktor Bumiputera?

Saya ingin tahu juga 020400 – TEKUN Nasional. Apakah kejayaan setakat ini yang telah diraih di bawah program ini dan kenapa peruntukan dalam Bajet 2020 tidak disebutkan dalam peruntukan TEKUN Nasional? Setakat ini, apakah cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan program-program di bawah itu ataupun adakah program-program baru yang sedang dirancang oleh pihak kementerian untuk memastikan kejayaannya?

■1450

Begitu juga saya ingin tahu berkaitan dengan Butiran 0300 iaitu berkaitan dengan koperasi. Saya ingin tahu daripada jumlah koperasi yang ada, berapa jumlah koperasi yang aktif dan berapa jumlah koperasi yang gagal. Sejauh mana pergerakan koperasi ini menjadi jentera pembangunan ekonomi terutama di peringkat luar bandar.

Jadi, apa usaha untuk memastikan supaya sasaran koperasi ini boleh menjadi pemangkin kepada ekonomi terutama masyarakat di kawasan pendalaman dan khususnya di kawasan Rantau Panjang sendiri. Apakah program-program yang telah dibuat oleh pihak kerajaan setakat ini.

Begitu juga saya ingin penjelasan berkaitan dengan Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia yang mana mendapat peruntukan RM10 juta. Jadi saya ingin tahu program-program setakat ini yang telah dilaksanakan di bawah pusat inovasi ini dan siapakah sasarannya.

Begitu juga saya ingin penjelasan berkaitan dengan Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera. Setakat ini berapakah pencapaiannya dan apakah bidang keberhasilan yang dicapai setakat ini. Berapakah Bumiputera yang telah berjaya di peringkat antarabangsa khususnya dalam bidang pengeksportan ini.

Begitu juga saya ingin menyentuh Butiran 9000 - Skim Latihan Siswazah yang melibatkan peruntukan RM5 juta. Saya ingin tahu berapakah siswazah yang terlibat dan berapa orang di kalangan mereka yang telah mendapat latihan sebelum ini yang telah mendapat peluang pekerjaan. Apakah cabaran utama yang dikenal pasti oleh pihak kementerian dalam pelaksanaan program ini.

Apakah pembaharuan yang akan dibuat untuk memastikan supaya semua graduan kita, siswazah kita dapat memberi sumbangan, dapat dimanfaatkan ilmu dan pengalaman mereka untuk perkembangan ekonomi negara. Banyak lagi *point* saya. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, setakat itu dahulu Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Segamat. Tidak ada? Yang Berhormat Tasek Gelugor.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Ada. Ada.

Tuan Pengerusi: Silakan.

2.52 ptg.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Perkara 020200 - Pembangunan Kontraktor. Jadi bolehkah kita mengetahui tentang perkembangan penyertaan ataupun pendaftaran kontraktor-kontraktor Kelas F yang baru dibuka oleh pihak kerajaan baru-baru ini. Adakah penyertaan itu atau penglibatan itu amat menggalakkan. Kemudian yang keduanya adakah ia memberi satu kesan kepada bertambahnya jumlah kontraktor Kelas F tetapi projek semakin berkurangan.

Jadi oleh yang demikian, dengan adanya peruntukan sebanyak RM13,697,000 adakah cukup untuk melaksanakan program pemantapan kepada kontraktor-kontraktor Kelas F khususnya kontraktor-kontraktor yang baharu.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada Perkara 030200 - Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Ini di mana kalau kita melihat bagi anggaran Bajet 2020, peruntukan adalah RM85,100,000 sedangkan peruntukan sebelumnya adalah RM86 juta. Kita sedia maklum bahawa Suruhanjaya

Koperasi Malaysia adalah merupakan satu agensi yang ditubuhkan untuk menggalakkan pertumbuhan koperasi dan juga untuk menggalakkan perkembangan koperasi bagi mencapai maksud matlamat bagi meningkatkan ekonomi negara.

Namun begitu, apabila bajet tidak ditambah malah berkurangan lebih RM1 juta ini melambangkan kepada kita bahawa kerajaan tidak serius untuk membangunkan koperasi-koperasi. Saya difahamkan pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebenarnya begitu aktif membuat program-program mempromosikan penubuhan koperasi dan juga memberikan bantuan sumbangan awal modal kepada koperasi yang berkelayakan.

Namun begitu, kalau kita tidak memberikan penambahan kepada peruntukan bagi Suruhanjaya Koperasi, mungkin ini akan melambatkan proses untuk kita membangunkan koperasi. Jadi, sehubungan itu, saya menyeru kepada pihak kementerian supaya memberikan tambahan lebih lagi bajet kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia supaya perkembangan koperasi dapat dibangunkan dengan begitu maju nanti.

Kemudian merujuk kepada Perkara 96000 INSKEN ataupun Institut Keusahawanan Negara. Jadi apakah inisiatif-inisiatif baharu yang diperkenalkan oleh INSKEN dalam program-program keusahawanan yang dibuat oleh pihak INSKEN bagi memajukan program latihan keusahawanan dan sebagainya. Ini kerana kalau kita lihat di sini kerajaan telah memberikan penambahan peruntukan yang daripada dahulunya RM5 juta telah meningkat kepada RM15 juta.

Jadi, kalau dapat pihak kementerian menjelaskan, Yang Berhormat Menteri menjelaskan kepada kita apakah signifikan kepada penambahan peruntukan ini dan apakah program-program inisiatif baru yang diperkenalkan oleh INSKEN.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Rantau Panjang bahawa Skim Latihan Siswazah di bawah Perkara 90000. Sekarang ini oleh kerana kita melihat siswazah yang tidak mempunyai pekerjaan begitu ramai dan jumlah siswazah yang bertambah dari semasa ke semasa. Jadi Skim Latihan Siswazah ini adalah merupakan salah satu instrumen untuk melatih pembangunan tenaga kerja muda yang berpendidikan, berpengetahuan dilatih pula dengan kemahiran melalui Skim Latihan Siswazah akan memberi kesan yang amat besar kepada pembangunan ekonomi negara.

Jadi sehubungan dengan itu, persoalan saya ialah kalau kita melihat peruntukan yang diberikan dahulunya adalah RM5 juta dan sekarang ini pun diberikan RM5 juta juga, jadi saya rasa pihak kementerian perlu menimbang semula. Ini kerana siswazah adalah aset kepada negara. Kalau siswazah yang muda, berilmu malah nanti diberikan latihan dan kemahiran yang cukup hebat, maka mereka akan menjadi sumber yang terbaik bagi tenaga kerja kepada negara. Jadi, sehubungan dengan itu saya cadangkan pihak kerajaan menambah peruntukan bagi meningkatkan skim latihan kepada siswazah. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Tasek Gelugor. Yang Berhormat Sibuti. Tidak ada?

Yang Berhormat Pengkalan Chepa silakan.

2.57 ptg.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 010200 - Dasar dan Perancangan Strategik. Tuan Pengerusi, SME Corporation Malaysia, SME Corp yang bernaung di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan telah mengambil inisiatif awal untuk melaksanakan visi baharu memacu perkembangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Selepas tahun 2020 iaitu PKS 2.0. Kita perlu menilai secara jujur sejauh mana pelan induk yang sedia ada dan akan berakhir pada tahun hadapan telah mencapai objektif secara keseluruhan.

Selain itu, adakah pihak kementerian bercadang untuk memperincikan butiran pencapaian tersebut. Pada masa yang sama, kementerian juga telah melancarkan Dasar Keusahawanan Nasional 2030. Apakah perbezaan DKN 2030 dengan PKS 2.0. Saya juga prihatin tentang pencapaian negara dalam indeks antarabangsa berkaitan keusahawanan. Mengapa kementerian tidak meletakkan *outcome* untuk mencapai kedudukan yang lebih baik dalam indeks antarabangsa. Contohnya *Global Entrepreneurship Index* dan *Global Competitiveness Report* dan *Global Innovation Index*.

Berdasarkan statistik sumbangan PKS kepada ekonomi negara pada tahun 2018, PKS mencatatkan 98 peratus jumlah perniagaan di Malaysia. Namun penjanaan pekerjaan masih lagi rendah iaitu 66 peratus berbanding Indonesia 97 peratus dan Thailand 80 peratus. Indikator ini tidak dinyatakan dalam *outcome* kementerian. Begitu juga Malaysia masih lagi ketinggalan dalam isu pekerja berpendidikan iaitu 63 nisbah 140, *starting a business* 122 nisbah 190 dan penambahbaikan perundangan mengenai PKS. Mengapa indikator ini tidak dinyatakan secara jelas dalam *outcome* kementerian. Adakah ia tidak penting?

Kemudian Tuan Pengerusi butiran berkaitan juga. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian berhubung dengan SME Bank.

■1500

Berdasarkan butiran ini sebanyak RM210 juta telah diperuntukkan untuk projek di bawah kendalian SME Bank. Apakah projek yang dinyatakan tersebut dan bagaimana perkembangan semasa projek berkenaan? Adakah RM20 juta yang telah disalurkan pada tahun ini dan tahun hadapan adalah bertujuan untuk pelaburan baharu khususnya dalam pasaran ekuiti dan juga pembelian aset tetap SME Bank. Selain itu saya ingin juga minta penjelasan berdasarkan kepada perkembangan terkini. Bulan Oktober lepas, Bank Negara Malaysia akan menggabungkan SME Bank, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, EXIM Bank dan juga Dana Jamin Nasional Berhad kepada satu institusi sahaja.

Persoalannya adakah sudah ada perincian perjanjian berhubung penggabungan tersebut. Keempat-empat institusi tersebut mempunyai fokus tertentu dan adakah penggabungan ini tidak akan menjejaskan objektif asal penubuhan mereka. Seterusnya adakah penggabungan ini juga akan menjejaskan penarafan kredit dan pelaburan kepada setiap institusi? Bagaimana

pula jaminan kerajaan terhadap semua institusi ini sekiranya ia digabungkan. Adakah kemungkinan berlakunya *retrenchment* pekerja dalam keempat-empat institusi ini.

Kemudian butiran terakhir iaitu Butiran 030100 – Pengurusan Koperasi. Secara teknikal berlaku peningkatan besar lebih RM1 juta untuk Butiran Pengurusan Koperasi pada tahun 2020. Peningkatan tersebut berlaku pada Kod 10000 – Emolumen, mengapa berlaku peningkatan mendadak sebanyak RM1 juta bagi butiran ini? Apakah tujuan penambahan tersebut? Antara perkara yang perlu diberikan perhatian serius ialah 80 peratus daripada koperasi-koperasi yang tidak jelas statusnya, sama ada mereka tidak lagi berfungsi ataupun tidak...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan sikit.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tumpat pun sama.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Hendak '*perabih*' ini, hendak habis ini.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan sikit.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Sila, sila. Saya agak terlewat sikit tadi apabila Yang Berhormat Pengkalan Chepa menyentuh mengenai penggabungan SME Bank, Bank Pembangunan dan EXIM Bank. Soalan saya, difahamkan bahawa bank-bank ini adalah merupakan bank yang berteraskan kepada perbankan Islam. Jadi *merger* ini tentunya akan menjejaskan perkembangan kewangan Islam yang sebelum ini subur di Malaysia dan diiktiraf oleh negara-negara luar. Hari ini juga banyak universiti di negara kita yang menawarkan program-program daripada diploma hingga ke peringkat PhD dalam pengajian *Islamic Finance*. Bahkan pelajar-pelajar dari luar negara pun ramai yang datang ke Malaysia, melanjutkan pengajian di bidang *Islamic Finance* ini.

Jadi apabila bank-bank Islamik ini digabungkan sudah tentu peluang pekerjaan dalam bidang ini akan menguncup dan pembangunan *Islamic banking* itu sendiri pula akan turut menguncup. Minta pandangan Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat. Ya, kita faham bahawa di antara kejayaan kerajaan sebelum daripada ini ialah menjadikan Malaysia sebagai hab perbankan Islam terulung dalam dunia yang menjadi contoh dan *benchmark* kepada negara-negara lain termasuk negara-negara Timur Tengah. Jadi saya mengharapkan dengan usaha kerajaan, penggabungan tadi tidak menjejaskan status ataupun mengurangkan kadar status kita sebagai hab perbankan Islam terulung yang ada di dunia.

Terakhirnya Tuan Pengerusi, selain itu saya ingin merujuk kepada satu laporan berita *The Star* pada 8 Jun 2019 yang menyebut tentang sindiket *loan scam*. *Scam* ini telah memalsukan slip gaji penjawat awam dan juga pekerja GLC. Laporan tersebut mendakwa ia ada kaitan dengan ANGKASA. Selain itu dikatakan juga *loan payout* yang diberikan kepada pemohon pinjaman hanya 50 peratus sahaja. Mengapa perkara ini boleh terjadi? Adakah sudah ada siasatan yang dijalankan oleh pihak kementerian? Jika ada apakah hasil siasatan tersebut?

Adakah pihak kementerian juga bercadang untuk menggubal atau meminda akta yang sedia ada untuk melindungi pengguna dan memastikan urusan pinjaman dan pembiayaan yang ditawarkan dapat dilakukan secara adil kepada kedua-dua pihak. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Sekarang yang menjemput Yang Berhormat Segamat.

3.04 ptg.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk kepada Butiran 020100 – Penggalakan dan Pembudayaan Usahawan di mana saya mendapati daripada RM5 juta dikurangkan sedikit kepada RM4.61 juta. Saya hendak tanya mengapa dan juga sebagainya. Pada masa yang sama Yang Berhormat Menteri, apakah strategi ataupun taktikal yang akan dilakukan oleh kementerian mahupun melalui agensi pelaksanaannya. Agensi manakah yang akan dipertanggungjawabkan di bawah kementerian?

Adakah kementerian juga akan memastikan bahawa usahawan khususnya di kawasan kampung ini dibimbing. Ini kerana kita mendapati ramai masyarakat Melayu khususnya belia yang berkelayakan tetapi mereka duduk di FELDA dan juga persekitaran kampung-kampung. Kita mendapati mereka mempunyai minat dan sebagainya tetapi masalah pertamanya ialah walaupun mereka mempunyai idea yang bagus.

Contohnya di mana banyak tanah-tanah terbiar didapati di kawasan perkampungan dan juga sebagainya mahupun tanah kerajaan, maka industri bunga boleh dimajukan dan kemudiannya contohnya di Johor Utara boleh dihantar ke Singapura. Ia merupakan satu pendekatan yang harus kita kaji kembali kerana kita mendapati bahawa industri bunga ini adalah amat besar dan ada di antara negara ia boleh mencapai sampai RM100 juta dan sebagainya. Ini suatu yang harus kita kaji kembali.

Butiran 00603 – Program Keusahawanan. Saya difahamkan terdapat RM20 juta. Pada masa yang sama saya hendak tahu juga apakah fokus ataupun sektor mana yang akan diberi keutamaan serta agensi pelaksanaannya. Saya juga ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri bagaimana pejabat Ahli Parlimen seperti saya sendiri yang ingin membantu kementerian kerana saya ini kurang bernasib baik. Saya antara penerima *Ernst and Young* yang kebetulan jadi Ahli Parlimen, yang lain jadi *billionaire*, saya tidak jadi *billionaire* maka saya jadi Ahli Parlimen.

Akan tetapi saya hendak bantu kerajaan, bagaimana saya boleh bantu kerajaan? Maksudnya kementerian tidak perlu bayar saya, tetapi saya bolehlah sama-sama berkongsi idea, pendapat bagaimana kita dapat bantu anak-anak muda termasuk anak-anak belia Melayu dan juga masyarakat India mahupun masyarakat Cina. Akan tetapi ini merupakan suatu yang saya ingin bantu, terpujanglah kepada kementerian jika hendak guna pakai saya.

Seterusnya mengenai Butiran 020400 – TEKUN Nasional. Saya mendapati 2019 terdapat RM2 juta. Walaupun tahun 2020 tidak diberikan ini mungkin kerana ia merupakan *one-*

off. Sama ada bangunan, sistem ataupun OE tambahan pada tahun 2019. Mungkin sedikit perincian.

Butiran 30000 – Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN). Saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian kerana terdapat sikit pertambahan menjadikannya sebagai RM105 juta pada tahun 2020. Saya juga difahamkan pada awal pembentangan oleh kementerian lain, iaitu di bawah Kementerian Perpaduan dan juga Kementerian Hal Ehwal Ekonomi terdapat RM20 juta disediakan untuk pembangunan usahawan masyarakat India. Adakah duit RM20 juta itu termasuk dalam yang ini? Jika termasuk maka saya mendapati duit RM105 juta ini amatlah kurang kerana hampir lebih kurang 20 peratus daripada duit ini untuk satu- so, saya hendak tanya mungkin perlukan pertambahan ataupun sebagainya.

Akan tetapi pada masa yang sama untuk duit RM20 juta untuk masyarakat India ini, saya ingin bertanya dulu ada satu agensi pelaksana yang dipanggil sebagai SEED di bawah MIC dulu, sekarang SEED itu sudah tiada. Maka siapakah akan bertanggungjawab? Adakah akan ada satu jawatankuasa dan sebagainya untuk membantu mereka mengenal pasti usahawan-usahawan ataupun program-program pinjaman yang harus kita boleh jalankan bersama.

Maka Yang Berhormat Menteri sekali lagi saya menawarkan diri, bukan memohon gaji ataupun jawatan. Setakat belanja teh-O di kafe pun sudah cukup tetapi saya sanggup menyumbang seandainya diperlukan. Begitu juga kita ambil dari pengalaman SEED yang daripada dulu yang tidak berjaya. Walaupun RM20 juta itu diberikan tetapi kita tidak mendapati dari segi *outcome*-nya, *quantitative outcome*. Berapa ramai usahawan yang berjaya? Adakah mereka berjaya membayar cukai dan sebagainya? Jika mereka berjaya mereka membayar cukai saya hendak tahu berapa ramai.

Butiran 020500 – Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan juga khususnya Butiran 90000 – Skim Latihan Siswazah. Ini satu perkara yang saya ingin membentangkan sambil saya menggulung. Kita mendapati bahawa- ini adalah fakta ya di mana kita mendapati ekonomi pada tahun 2018 usahawan adalah 36 peratus akan naik kepada 41 peratus menjelang tahun 2020. Ini adalah Sinar pada hari Isnin 18 November 2019. Begitu juga mengatakan bahawa kita mendapati bahawa belia khususnya pengangguran di kalangan belia telah pun mula meningkat daripada empat peratus pada tahun 2017 kepada 4.3 peratus pada tahun 2018 dan kemungkinan besar ia sudah pun ke 4.8 peratus pada masa ini.

Maka kita mendapati bahawa kita perlu bekerjasama dengan kementerian Yang Berhormat Menteri, Kementerian Pembangunan Usahawan untuk mengatasi masalah pengangguran. Ini kerana masalah pengangguran ini satu masalah yang besar kerana masalah pengangguran di kalangan graduan adalah lebih kurang tiga hingga empat peratus dan ia terus menambah. Maka kita perlu cari cara penyelesaian.

■1510

Saya yakin bahawa melalui Kementerian Pembangunan Usahawan ini kalau kita dapat melatih graduan dan juga siswazah. Sekali lagi saya menghulurkan bantuan seandainya

diperlukan, terpulanglah kepada kementerian untuk kita gunakan- saya rasa ramai di antara Ahli Parlimen ini mempunyai pengalaman dan sebagainya, maka kita bolehlah bekerja bersama-sama dengan kementerian untuk menjayakan program ini bersama. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Segamat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jempol.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Lepas itu Nibong Tebal ya Tuan Pengerusi.

3.10 ptg.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya saya ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri- oh, Yang Berhormat Timbalan sudah keluar. Tadi dua-dua ada, bagus.

Jadi saya terus kepada butiran Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN), anggaran perbelanjaan tahun 2020 sebanyak RM105 juta. Fungsi, menyediakan perniagaan kepada usahawan seterusnya menggalakkan perkembangan perniagaan bumiputera melalui menyediakan peluang perniagaan, perkhidmatan bimbingan, sokongan serta jaringan usahawan.

Jadi, TEKUN ini dahulu ditubuhkan oleh sebab ketika itu rakyat, banyak peniaga meminjam kepada *Ah long* dan juga ceti haram. Maka, tubuhalah TEKUN ini bagi memudah cara dan mengurangkan birokrasi yang ada.

Jadi, sekarang ini TEKUN berada dalam lingkungan 20 tahun. Jadi peruntukan yang dahulunya RM10 ribu pinjaman, meningkat kepada RM100 ribu. Jadi, tahniah dan syabas kepada TEKUN. Jadi oleh sebab Kerajaan Pakatan Harapan ini memikirkan untuk rakyat, saya mencadangkan agar peruntukan ini ditambah kepada RM200 ribu, daripada RM100 ribu ke RM200 ribu. Juga, penerima pembiayaan ini dianggarkan akan meningkat kepada 2020 ini. Berapa peratuskah terkini kepada pembayaran balik?

Kita tahu bahawa isu-isu bayaran balik ini adalah kekangan kepada peniaga-peniaga yang di luar bandar. Skim ini amat baik dan apakah kementerian bercadang terus untuk meningkatkan peruntukan terutama di kawasan Jempol? Dahulunya Jempol 2019 mendapat peruntukan RM2.8 juta. Ini bersamaan dengan 200 mereka peniaga baharu yang mendapat pinjaman. Jadi, saya harap di Jempol ini banyak generasi muda, anak-anak kampung yang tidak mendapat pinjaman bank oleh sebab kepercayaan ataupun banyak birokrasi bank. Maka, saya harap ia akan bertambah dari segi peruntukan kepada RM10 juta khas untuk Jempol. Ini kerana anak-anak muda kawasan kampung ini memang mengharapkan pinjaman tersebut.

Butiran 90000 – Skim Latihan Siswazah, anggaran perbelanjaan tahun 2020 sebanyak RM5 juta. Ini bagi saya satu peruntukan yang telah diturunkan. Dahulunya 2018 RM10 juta, sekarang diturunkan kepada RM5 juta. Jadi kita tahu berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan, hampir 60 peratus di peringkat ijazah pertama ke atas masih menganggur. Jadi kalau ia masih menganggur, sepatutnya kementerian lebih menambah lagi peruntukan. Apakah justifikasi kementerian dengan mengekal dan tidak meningkatkan peruntukan tersebut, apa

sebabnya? Berapakah jumlah usahawan yang baharu yang dilahirkan sepanjang 2019-kemampuan sebenar skim latihan tersebut. Apakah kementerian berhasrat untuk meningkatkan kadar peruntukan agar selari dengan pengangguran semasa?

Butiran 00607 – Pelan Induk PKS, anggaran perbelanjaan tahun 2020 sebanyak RM28 juta. Isu keseimbangan Pelan Induk PKS 2012-2020, pelan Perusahaan Kecil dan Sederhana telah diperkenalkan untuk memberi peranan sebagai satu lonjakan sumbangan PKS terhadap ekonomi negara. Hasil pelan tersebut menunjukkan prestasi yang baik walaupun secara relatifnya sumbangan PKS kepada Keluaran Dalam Negara Kasar dilihat masih rendah, 98.5 peratus pertumbuhan niaga dalam negara daripada usahawan PKS.

Jadi, apakah terdapat sebarang pembaharuan yang telah dirancang bagi meneruskan keseimbangan pelan tersebut? Berapakah kadar sumbangan semasa PKS terhadap KDNK dan anggaran sumbangan pada tahun 2020? Apakah jenis bantuan yang disediakan bagi bantuan usahawan PKS? Sejauh manakah tindakan kementerian bagi mempercepatkan pembangunan PKS ke arah menerapkan budaya digital?

Terakhir, oleh sebab masa lima minit ini, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, di mana dalam butiran tersebut, Bahagian Pembangunan Francais? Ini adalah sangat penting ia dipindahkan kepada KPDNHEP. Jadi kita tahu bahawa usahawan yang ada di bawah kementerian ini perlu mendapatkan ia- saya tak faham. Sepatutnya keusahawanan ini diletakkan di bawah kementerian ini kerana sistem francais sekarang ini terlalu banyak anak-anak muda yang mahu melibatkan diri, di samping SME Bank, PUNB yang lain-lain memberi pinjaman.

Jadi, adakah kementerian ini mengawal juga? Mengawal dari segi francais yang ada walaupun ia bukan kementerian usahawan, tetapi ia adalah kaitan bersama, kolaborasi bersama iaitu saya melihat bahawa akhir-akhir ini pelbagai produk yang ditawarkan daripada luar negara contohnya daripada Taiwan, *Xing Fu Tang*, *TeaLive*, *Chatime*, *The Alley*, dan makanan Korea.

Jadi, mereka ini mengenakan lebih kurang RM500,000 hingga RM600,000 per francais dan sudah pastilah anak-anak muda untuk hendak menceburkan diri dalam bidang perniagaan ini amat sukar oleh sebab dia punya francais yang cukup mahal. Saya harap kementerian juga boleh memikirkan bagaimana kolaborasinya antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Kementerian Pembangunan Usahawan. Itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Beluran. Silakan.

3.16 ptg.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin menyentuh dua butiran iaitu Skim Latihan Siswazah dan Pembangunan Usahawan. Saya melihat bahawa terdapat RM5 juta untuk Skim Latihan Siswazah. Walaupun dari segi amaun merupakan satu amaun yang boleh tahan banyaknya, tetapi kalau kita agihkan mengikut negeri,

satu negeri lebih kurang RM300 ribu dan diagihkan mengikut kawasan Parlimen, tentu sekali lebih kurang RM10 ribu-RM15 ribu bagi setiap kawasan.

Apa program-program yang telah disenaraikan untuk latihan siswazah ini, sama ada peruntukan tahun lalu itu berkesan untuk tahun-tahun sebelum ini? Ada RM20 juta pada tahun yang sebelum ini, sama ada berkesan dalam menempatkan siswazah dalam mencari pekerjaan-*employability* mereka, sama ada latihan dengan ini menambahkan *soft-skill* mereka untuk mendapatkan pekerjaan? Sejauh mana keberkesanan program ini untuk manfaat siswazah-siswazah yang masih ramai yang belum mendapatkan pekerjaan setakat ini?

Saya juga ini tahu sama ada Program Keusahawanan yang dikendalikan di atas nama PKS sekian lama juga melibatkan usaha kementerian untuk melahirkan lebih ramai usahawan digital di kalangan bumiputera sama ada program ini diberi perhatian khusus oleh kementerian untuk melahirkan lebih ramai usahawan digital ekonomi di kalangan bumiputera yang saya rasa pada peringkat ini, ketika ini, bumiputera masih jauh ketinggalan dalam usahawan digital ini.

Saya melihat bahawa Kementerian Kewangan melalui bajet tahun ini memberi insentif yang *substantial* bagi ekonomi digital sama ada kementerian ini akan terlibat sama untuk mempromosikan usahawan, melahirkan usahawan digital, mempromosikan digital ekonomi di kalangan usahawan-usahawan bumiputera. Kementerian ini penting, sebahagian besar daripada usahawan PKS adalah bumiputera dan ia perlu dibantu. Saya melihat bahawa kehendak kerajaan untuk melahirkan- menceburi ekonomi digital ini harus diberi manfaat sepenuhnya kepada kumpulan bumiputera ini dan kementerian ini harus mengolah program-program yang sesuai agar lebih ramai usahawan digital bumiputera dapat dilahirkan oleh kementerian menjelang tahun-tahun mendatang ini.

Jadi saya ingin tahu, apa program-program yang akan ditumpukan oleh kementerian? Sejauh mana pendekatan yang akan dibawa oleh kementerian agar seiring dengan kehendak kerajaan untuk menceburi ekonomi digital ini dan agar bumiputera akan dapat manfaat daripada usaha kerajaan ke arah ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Beluran. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sibuti.

3.19 ptg.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya memulakan perbahasan, saya ingin mengalu-alukan kehadiran ke dalam Dewan pelajar-pelajar Universiti Teknologi Melaka (UTeM), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan. Selamat datang ke Dewan Parlimen... [Tepuk]

■1520

Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak banyak perkara ingin dibangkitkan. Saya ingin terus pergi kepada Butiran 040400 – Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC). Sebanyak RM10 juta peruntukan disediakan dan juga saya ingin mengetahui apakah status pusat

inovasi yang diletak di Bandaraya Kuching iaitu Borneo744. Adakah ia masih beroperasi? Ini kerana sebelum ini banyak program dan aktiviti yang diusahakan oleh MaGIC dilaksanakan di Borneo744.

Juga, adakah kementerian mempunyai cadangan untuk mewujudkan lagi satu pusat inovasi yang terletak di utara Sarawak? Ini kerana kalau kita lihat dari sudut geografi, pusat inovasi yang terletak di Kuching adalah sangat jauh bagi usahawan-usahawan muda terutamanya di utara Sarawak ataupun mewujudkan satu pusat inovasi di Sabah untuk memudahkan pergerakan utara Sarawak untuk melibatkan aktiviti keusahawanan yang diusahakan oleh pihak MaGIC.

Juga, bagi butiran ini saya ingin membangkitkan berkenaan tentang apakah usaha-usaha oleh pihak kementerian untuk menggalakkan digital ekonomi bagi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan. Saya juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Beluran, memandangkan digital ekonomi ini merupakan teras kedua yang diperkasakan di dalam Belanjawan 2020.

Seterusnya, saya ingin pergi kepada Butiran 90000 – Skim Latihan Siswazah iaitu sebanyak RM5 juta peruntukan telah disediakan untuk Belanjawan 2020. Saya ingin mendapatkan perincian adakah kesan daripada Skim Latihan Siswazah yang dijalankan sebelum ini memberi manfaat kepada mahasiswa yang baru sahaja menamatkan pelajaran dan juga apakah modul-modul yang diberi kepada Skim Latihan Siswazah ini? Adakah penekanan kepada ekonomi digital dan juga apakah modul-modul bersesuaian dengan peredaran zaman pada masa kini?

Juga, berkaitan tentang Butiran 96000 – Institut Keusahawanan Negara (INSKEN). Sebanyak RM15 juta di bawah Kepala Butiran P.26. Saya ingin mengetahui berapa banyak kah program-program *coaching* diteruskan bagi usahawan ataupun usahawan-usahawan muda di negeri Sarawak? Ini kerana saya melihat program *coaching* ini sangat berkesan untuk menambah baik dan juga meningkatkan- *enhance* kebolehan usahawan-usahawan terutamanya usahawan-usahawan bumiputera.

Juga, bagaimanakah kita untuk mempelbagaikan *coaching* ini. Bukan sahaja untuk tertumpu kepada usahawan-usahawan bumiputera tetapi mendapatkan *coaching* ataupun *coaches*, pelatih-pelatih atau pengajar-pengajar di kalangan usahawan ataupun *businessman* daripada golongan bukan bumiputera terutamanya masyarakat Cina yang kita lihat memang lebih pandai berniaga. Juga, saya merasakan agar program-program di bawah Institut Keusahawanan Negara ini dapat diperkasakan dan juga dapat diperluaskan. Itu sahaja Tuan Pengerusi, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Hulu Terengganu. Silakan.

3.24 ptg.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dengan masa yang diberi saya terus kepada Maksud Pembangunan 26, Butiran 19530 – Program Peningkatan dan Pembangunan PKS yang mana peruntukan pada tahun 2019 sebanyak RM15 juta manakala pada tahun ini meningkat menjadi RM21 juta.

Apa yang ingin saya bangkitkan di sini Yang Berhormat Menteri ialah berkaitan dengan apakah program-program yang dirancang untuk fokus ini dan apa yang pengalaman saya di dalam beberapa tahun yang lepas, apabila kita pergi ke KLIA ataupun KLIA2 ataupun di lapangan-lapangan terbang, kita ada kios yang menjual hasil-hasil daripada PKS-PKS ini di buka. Akan tetapi, sekarang nampaknya kios itu telah tidak wujud lagi. Apakah kementerian bercadang untuk mewujudkan semula kios ini agar ia akan mendapat memberi peluang dan kesempatan kepada PKS untuk menjual hasil-hasil mereka?

Kemudian saya berpindah kepada Butiran 19900 – Pembangunan Vendor iaitu daripada sejumlah RM18 juta menurun kepada sebanyak RM8 juta. Penurunan yang saya rasa begitu signifikan iaitu sebanyak RM10 juta. Kenapakah ia berlaku? Apakah kementerian tidak mempunyai fokus yang jelas terhadap pembangunan vendor-vendor ini? Ini kerana kita merasakan bahawa vendor-vendor yang ada ataupun vendor-vendor yang baharu perlu diwujudkan untuk meningkatkan lagi PKS ini di negara kita.

Kemudian saya berpindah kepada Butiran 00603 – Program Keusahawanan. Iaitu meningkat sebanyak RM10 juta yakni 100 peratus. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri yang telah berjaya meningkatkan bajet untuk Program Keusahawanan ini. Kita di Terengganu khususnya, kita ada Yayasan Pembangunan Terengganu yang membantu usahawan-usahawan di negeri Terengganu untuk maju. Kita berharap dengan adanya Program Keusahawanan ini dengan peningkatan bajet yang begitu besar ini agar negeri Terengganu tidak di ketepikan, banyak bantuan boleh dihulurkan ke Terengganu.

Walaupun Terengganu hari ini di bawah kerajaan yang berlainan daripada Kerajaan Pusat, tetapi kalaulah kerajaan negeri tidak menyokong, saya merayu ataupun membuka tangan untuk Hulu Terengganu membantu pihak kementerian agar mengadakan program-program ini di Hulu Terengganu khususnya atau menjadikan Hulu Terengganu sebagai tempat untuk melatih ataupun mengadakan program-program keusahawanan untuk negeri Terengganu.

Seterusnya, saya berpindah kepada Butiran 90000 – Skim Latihan Siswazah. Di mana peningkatan tidak berlaku pada tahun 2019 iaitu sebanyak RM5 juta manakala pada tahun depan juga dijangka akan diperuntukkan sebanyak RM5 juta. Persoalan saya, apakah program yang diadakan pada tahun ini tidak- ataupun persoalan saya berapa persen kah duit yang diperuntukkan pada tahun ini dibelanjakan pada RM5 juta tersebut.

Apakah tidak ada peningkatan sehinggakan kerajaan tidak menambah peruntukan pada Skim Latihan Siswazah ini. Ini kerana kita dapati bahawa hari ini ramai siswazah yang menganggur yang dilahirkan ataupun dikeluarkan oleh universiti-universiti sama ada universiti

awam ataupun universiti swasta. Jadi, kita berharap dengan adanya Skim Latihan Siswazah ini sekurang-kurangnya akan mengurangkan pengangguran di kalangan siswazah dan membuka ruang kepada siswazah-siswazah untuk mencari pekerjaan.

Pada pelancaran DKN 2030, Yang Berhormat Menteri ada mengumumkan bahawa pada dalam masa lima tahun akan datang kementerian akan mengusahakan sebanyak 250 ribu usahawan yang akan menjana pekerjaan sebanyak satu juta pekerjaan. Apakah perancangan yang dibuat oleh kementerian untuk mencapai hasrat tersebut untuk melahirkan 250 ribu usahawan dalam masa lima tahun akan datang?

Apakah dengan adanya program Skim Latihan Siswazah ini akan mampu untuk merealisasikan hasrat kerajaan mencapai sebanyak 250 ribu usahawan? Saya yakin daripada 250 ribu usahawan ini yang terasa berdaya maju, yang boleh dibawa ke depan ialah usahawan-usahawan daripada siswazah. Jadi, kita berharap pihak kementerian membuat perancangan yang rapi, perancangan yang mantap untuk pastikan Skim Latihan Siswazah ini dapat mencapai sasarannya. Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tasek Gelugor tadi bahawa RM5 juta yang di peruntukan ini ialah tidak mencukupi. Saya rasa itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Tinggi. Silakan.

3.28 ptg.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasihlah Yang Berhormat Menteri ada. Hai, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah tiada... *[Menunjuk kepada YB Lumut]*

Saya ingin merujuk kepada Butiran 19530 – Program Peningkatan dan Pembangunan PKS. Kita tahu kementerian telah pun melancarkan Dasar Keusahawanan Negara 2030 Yang Berhormat Menteri yang dijangka melonjakkan dan kononnya akan memartabatkan Malaysia sebagai negara keusahawanan unggul menjelang 2030. Kita harap benar-benar berlakulah. Itu pun kalau sempat Pakatan Harapan ya. Saya hendak tahu apakah *target* yang diletakkan oleh kementerian dalam memastikan pembangunan PKS ini mampu- sebenarnya mampu meningkatkan ekonomi negara dan seterusnya apakah sasaran kepada KDNK negara pada tahun hadapan?

Seterusnya, berdasarkan kepada peruntukan yang diletakkan untuk program ini, kita perhatikan peruntukan itu telah dipotong sebanyak RM6 juta pada tahun 2020 berbanding dengan 2019. Adakah ini bermakna bahawa program pembangunan PKS ini pada tahun 2020 akan dikurangkan kah? Atau kementerian mempunyai cadangan lain yang lebih efektif dan lebih mampu untuk mengurangkan bajet. Namun, dalam masa yang sama tidak menjejaskan langsung produktiviti PKS.

■1530

Seterusnya saya juga ingin mendapat maklumat daripada Yang Berhormat Menteri. Apakah program yang dirangka untuk memberikan lebih banyak pendedahan kepada usahawan PKS ke arah pembangunan ekonomi digital? Sejauh mana agaknya kesediaan PKS luar bandar terutamanya kerana kawasan saya banyak PKS-PKS luar bandar dalam memastikan PKS luar bandar ini tidak akan terpinggir dengan kepesatan ekonomi digital ketika ini.

Sehingga kini Yang Berhormat Menteri, berapa peratus kah usahawan PKS yang benar-benar telah bersedia ke arah peralihan ekonomi digital? Apakah aspek yang perlu ditekankan bagi menjamin peralihan ini tidak sama sekali akan mengganggu gugat periuk nasi PKS-PKS terutamanya di kawasan luar bandar.

Seterusnya Tuan Pengerusi, bagi Butiran 00514 – Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera. Berdasarkan statistik, hanya 200,000 ataupun kira-kira 20 peratus daripada sejuta usahawan bumiputera dalam sektor PKS menyertai program Galakan Eksport Bumiputera (GEP) di peringkat antarabangsa. Saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri, agaknya apa bentuk kajian yang dilakukan bagi mengenal pasti mengapakah penyertaan ini masih di tahap yang rendah serta sejauh mana agaknya refleksi bahawa sektor PKS kita ini masih belum bersediakah untuk menerokai parasan global pada ketika ini.

Malahan, pada tahun 2020 peruntukan bagi program pembangunan eksport bumiputera ini nampaknya telah pun dikurangkan sedikit. Jadi, apakah agaknya justifikasi kementerian berkaitan dengan isu ini? Ini kerana sepatutnya kita beri lebih banyak fokus dan galakan kepada usahawan PKS supaya mereka dapat terus aktif hingga ke peringkat antarabangsa.

Terakhir Tuan Pengerusi, Butiran 30000 – Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN). Adakah terdapat peningkatan yang ketara dalam aspek pembayaran balik pinjaman Yang Berhormat Menteri atau adakah pembayaran balik pinjaman ini masih di tahap yang rendah. Adakah terdapat apa-apa insentif baharu yang diperkenalkan agar dana TEKUN ini terus mampu diberikan secara adil dan saksama kepada semua kaum sama ada di bandar ataupun di luar bandar, lebih-lebih lagi di luar bandar. Sehingga kini, berapakah jumlah permohonan yang telah pun ditolak oleh TEKUN? Apa agaknya masalah yang berlaku sehingga permohonan usahawan ini terpaksa ditolak.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan, adakah terdapat kaedah lain lagi yang dapat membantu Yang Berhormat Menteri bagi mengurangkan kebergantungan usahawan-usahawan ini terhadap TEKUN. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bagan Serai.

3.33 ptg.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 030200 – Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Saya agak bimbang melihat dana yang

dikurangkan daripada RM86.4 juta turun kepada RM85.15 juta sedangkan kita hendak bercakap tentang bagaimana hendak jadikan koperasi ini lebih baik daripada dahulu.

Seingat sayalah, koperasi ini daripada saya sekolah lagi ada koperasi sekolah. Budak-budak sekolah belajar berniaga, belajar buat *business*. Kemudian koperasi berterusan sampai sekarang saya tengok koperasi-koperasi- tanya seorang pakcik, rambut sangat putih. Ada seorang pakcik rambut pun tidak ada, gigi pun tidak ada. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri punyai lain, Yang Berhormat Menteri punya rambut ada putih, ada hitam. Itu cantik, itu *handsome*. Ini saya cerita sudah- saya hendak menggambarkan sangat tuanya dia, pegang satu beg, beg koperasi. Saya tanya pakcik hendak pergi mana, dia hendak pergi mesyuarat koperasi. Jadi, ini suasana yang kita dapat lihat.

Koperasi itu digambarkan sebagai kecil, miskin, *scale* yang kecil dan miskin luar bandar. Ini yang kita hendak ubah sekarang sebenarnya. Sepatutnya koperasi hari ini patutlah kita jadikan sebagai model untuk meningkatkan ekonomi rakyat seiring dengan Wawasan Kemakmuran Bersama ini.

Bagaimana koperasi ini dapat memberikan peluang pekerjaan yang lebih baik, yang lebih kualiti dengan gaji yang lebih tinggi. Ini yang kita hendak tengok sebenarnya, koperasi. Apabila saya hendak bahaskan butiran ini, kita hendak lihat bagaimana kerajaan hendak buat perkara ini. Kalau tidak buat perkara ini, daripada dahulu 40 tahun dahulu, 50 tahun dahulu sehinggalah sampai bila-bila pun koperasi itu bawak beg digambarkan pakcik yang sangat tua yang rambut pun tidak ada, gigi pun tidak ada, pegang beg koperasi. Jadi nampak kecil hari ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak koperasi ini *revision* dilihat kembali. Bagaimana ia dapat kita angkat sebagai satu aktiviti yang strategik dan seiring dengan Revolusi Industri 4.0 ini. Bagaimana koperasi ini dapat di-*manage*, dengan izin, dapat di jaga, di monitor dengan secara yang lebih efektif dengan secara lebih profesional, cara yang lebih profesional. Contohnya di Jerman, koperasi ini *high technology*, teknologi tinggi, barangan yang berkualiti, pekerjaan yang baik dan gaji yang tinggi. Ini gambaran yang kita dapat hari ini. Jadi, cabarannya bagi kerajaan hari ini, bagaimana untuk mengangkat darjat koperasi supaya koperasi menjadi seperti apa yang kita hendak hari ini, ini sebagai satu cabaran.

Tuan Pengerusi, saya hendak bagi contoh di komuniti setempat. Komuniti setempat, aktiviti yang strategik. Contohnya di Parlimen Bagan Serai. Parlimen Bagan Serai boleh jadi contoh. Satu pertanian moden, buat pertanian bukan pertanian macam dahulu, pertanian moden. Ini supaya anak muda hendak buat bersawah padi, anak muda tengok, oh! pendapatan boleh sampai RM4,000 hingga RM5,000 sebulan umpamanya.

Jadi, ini pertanian moden. Bagaimana kita dapat lakukan ataupun nelayan-nelayan moden. Kalau di *Japan* itu, nelayan pakai satelit cari ikan. Tidak ada lagi sudah *kais pagi, makan pagi, kais petang, makan petang* untuk nelayan tidak wujud dengan pemodenan koperasi ini. Bagaimana koperasi dapat kita gunakan, *agro-production*, agro! Pertanian umpamanya.

Di US dan di Jerman, *technology in precision farming*. Bagaimana sains dan teknologi digunakan dan bagaimana koperasi mengambil bahagian. Itu yang wujudnya seperti contoh *Idaho Potato, Washington Apple* benda kecil-kecil, benda kecil tetapi sudah jadi besar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, minta penjelasan sedikit boleh?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kraf tangan, *tourism*. Ini saya melihat gambaran jauh, gambaran jauh. Oleh sebab saya tengok butiran ini dengan suruhanjaya yang ini kita hendak supaya koperasi diperkasakan, dipergagahkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Baru orang hendak buat koperasi. Ini koperasi bawa beg ini, bawa beg – silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya. Saya setuju Yang Berhormat dan saya sokong ucapannya dan sebahagian ucapan saya nanti kira yang dialah. Akan tetapi, adakah Yang Berhormat sedar di antara kejayaan besar koperasi ialah dalam zaman BN ialah menubuhkan Bank Rakyat dan juga Koperasi LTAT. Pada zaman moden ini ialah penubuhan kereta terbang. Ini adalah koperasi-koperasi yang akan menjana sesuatu kekuatan kepada koperasi itu. Apakah Yang Berhormat setuju dengan saya?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau sejak balik dari Tanjung Piai ini tinggi – Tuan Pengerusi, meroyan? Seronok, seronok bukan meroyan, seronok. Jadi Tuan Pengerusi, akhirnya, akhirnya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jangan ikut perangai *Speaker* komen saya macam itu Yang Berhormat, Yang Berhormat doktor bukan.

Tuan Pengerusi: Macam mana saya masuk dalam ini.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *Speaker* hendak suruh saya tarik balik ke? [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Dekat sudah.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Pengerusi, jadi berkenaan koperasi hari ini, kita keluar daripada tradisional, kita pergi kepada *go for modernization*. Pergi kepada bagaimana kita hendak modenkan koperasi ini supaya koperasi hari ini lebih bermakna untuk rakyat menjamin kerajaan dan menjamin kesejahteraan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Parit. Silakan. Yang Berhormat Arau lambat lagi. Hujung sekali.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi di bawah Peraturan Mesyuarat 35(1) *Speaker*. Walaupun nama tidak tersenarai tetapi hak saya sebagai Ahli Parlimen Peraturan Mesyuarat 35(1). Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ada, nama ada, di bawah sekali ya, lambat. Silakan.

3.38 ptg.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak terus menyentuh Butiran 020100. Menerusi butiran ini saya mendapati peruntukan Penggalakan dan Pembudayaan Usahawan ini telah menurun pada tahun 2020. Saya ingin mengetahui adakah peruntukan yang sedia ada ini mencukupi untuk menjalankan program penggalakan pembudayaan usahawan terutamanya di kawasan luar bandar.

Melalui peruntukan ini juga saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah terdapat sebarang bentuk program kolaborasi keusahawanan yang sedang direncanakan dan akan dilaksanakan di antara pihak kerajaan dan juga pihak swasta. Apakah bentuk program memperkasa usahawan yang akan dilaksanakan oleh kementerian bagi menggalakkan penyertaan golongan muda untuk menyertai bidang keusahawanan khususnya di kawasan luar bandar.

■1540

Apakah bentuk program peningkatan serta pengembangan usahawan mahupun perusahaan kecil sederhana yang akan dilaksanakan oleh kementerian? Apakah sasaran yang telah diletakkan oleh kementerian bagi tujuan ini?

Seterusnya Butiran 020200 – Pembangunan Kontraktor. Menerusi peruntukan sedia ada ini, apakah bentuk program pembangunan kontraktor yang akan dijalankan oleh kementerian? Berapakah jumlah sasaran kontraktor dan usahawan binaan bumiputera baru yang dihasilkan menjelang akhir tahun 2020? Apakah mekanisme yang diguna pakai oleh kementerian dalam memastikan keutamaan dan pengukuhan penyertaan bumiputera dalam perolehan kerajaan dari segi nilai projek kontrak, projek kerajaan? Seterusnya...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Gerik.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Apa guna kalau kontraktor banyak tetapi projek tidak ada, tidak ada guna Yang Berhormat Parit. Apakah pandangan Yang Berhormat Parit?

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Itu Yang Berhormat Menteri kena jawab. Sepatutnya melalui bajet ini diberikan khususnya kepada kementerian ini lebih banyak lagi supaya kontraktor-kontraktor yang cukup banyak ini dapat memanfaatkan apatah lagi hasilnya itu juga akan dapat untuk kita membangunkan negara. Jadi, saya mencadangkan supaya kementerian agar dapat memohon lagi peruntukan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Seterusnya Butiran 020400 – TEKUN Nasional. Kita tidak dapat menafikan TEKUN Nasional telah diuruskan dengan baik sewaktu pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional dan telah berjaya membantu ramai usahawan di Malaysia. Kalau kita tengok bagaimana usahawan-usahawan kecil kita, mereka dapat diberikan bantuan sehingga mereka berjaya menjadi usahawan yang cukup hebat. Contohnya mereka mendapat permulaan mungkin RM5,000 kemudian RM10,000 dan sebagainya. *Alhamdulillah*, sekarang mereka telah pun berjaya.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah justifikasi kementerian apabila tidak meletakkan sebarang peruntukan kepada TEKUN Nasional di dalam butiran ini? Saya tidak tahu apakah di dalam item-item yang lain. Akan tetapi secara asasnya, TEKUN sebelum daripada ini telah pun memainkan peranan yang cukup penting untuk kita mengangkat dan juga mengapung khususnya usahawan-usahawan PKS yang berada di kawasan luar bandar. Saya inginkan penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya iaitu Butiran 030100 – Pengurusan Koperasi. Koperasi merupakan sebuah model keusahawanan sosial yang tidak menjadikan keuntungan sebagai matlamat utama, sebaliknya memberikan manfaat dan kesejahteraan kepada anggota dan juga masyarakat. Jadi, kalau kita tengok sebagaimana yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi peranan koperasi cukup penting dan ia juga sekali gus mampu untuk bersama-sama seiring dalam KDNK di dalam negara kita.

Jadi saya hendak bertanya kepada kerajaan Yang Berhormat Menteri, apakah usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kementerian bagi menggerakkan koperasi supaya memainkan peranan dalam membantu golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) di bandar dan ada juga di luar bandar bagi menangani kos sara hidup ini? Apakah program galakan koperasi yang telah dijalankan oleh kementerian kepada golongan muda terutamanya di luar bandar bagi menggalakkan penyertaan koperasi dalam golongan muda? Kita juga sedia maklum khususnya kerajaan sebelum daripada ini telah pun menggalakkan supaya koperasi-koperasi diwujudkan di peringkat sekolah di mana proses pendidikan koperasi itu sebenarnya telah pun ada di kalangan anak-anak ataupun di peringkat pelajar-pelajar lagi.

Jadi, justeru itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah jaminan khususnya kementerian untuk membantu koperasi-koperasi ini supaya mereka juga mampu berdaya saing? Jadi, rasa saya cukup sekadar itu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Parit. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Nibong Tebal, silakan.

3.44 ptg.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam peringkat Jawatankuasa ini. Saya ingin terus kepada Butiran 010200 – Dasar dan Perancangan Strategik kementerian yang diperuntukkan sebanyak RM6.1 juta.

Di sini saya bersetuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang turut menyuarakan kehairanan kenapa bajet yang begitu kecil diberikan. Malah yang tercorot sekali kalau dibandingkan dengan lain-lain kementerian dalam peruntukan Belanjawan 2020 ini. Padahal peranan Kementerian Pembangunan Usahawan adalah cukup penting dalam usaha untuk kita menyusun semula masyarakat dan juga untuk menangani kemiskinan. Ini kerana dengan pembinaan keusahawanan ini, melatih rakyat kita untuk berdikari, berusaha sendiri

meningkatkan pendapatan mereka melalui bekerja sendiri. Malah dengan usaha-usaha itu, maka pendapatan mereka dapat ditingkatkan dan usaha untuk mengurangkan jurang perbezaan, *in equality* ataupun kesenjangan pendapatan juga taraf ekonomi dapat dikuncupkan.

Dalam hal itu Tuan Pengerusi, saya ingin menyarankan agar kementerian ini diperkasakan dengan memberi mandat untuk memantau dan menyelaras kesemua program pembangunan keusahawanan bukan sahaja dilaksanakan oleh kementerian ini tetapi juga di lain-lain kementerian yang terdapat pada masa sekarang ini. Umpamanya dalam Kementerian Belia dan Sukan, ada program pembangunan usahawan.

Kemudian Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ada juga program usahawan. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pun ada, Kementerian Pembangunan Luar Bandar pun ada. Jadi kesemua ini menjurus untuk membangunkan keusahawanan dan juga budaya keusahawanan dalam negara. Jadi, apa salahnya kalau kementerian ini diberi kuasa dan diberi mandat untuk menyelaraskan semua program ini supaya ia lebih berkesan dan lebih sistematik untuk dilaksanakan. Itu yang pertama Tuan Pengerusi.

Keduanya, saya ingin menyebut Butiran 90000 – Skim Latihan Siswazah yang diperuntukkan sebanyak RM5 juta. Skim ini diwujudkan sebagai inisiatif untuk menangani isu pengangguran di kalangan belia khususnya mahasiswa. Isu ini adalah isu lama tetapi usaha untuk menanganinya belum lagi berkesan. Dalam tahun 2011, kerajaan memperkenalkan Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan tempatan iaitu menjadi kumpulan sasaran yang pertama. Ketua Audit Negara dalam tahun 2018 dalam laporannya telah membuat teguran bahawa program ini tidak dilaksanakan dengan cekap khususnya dalam aspek pengumpulan data graduan-graduan yang terdapat.

Ini sekali gus adalah berkenaan masalah akses kepada peluang ini. Keduanya, terdapat kelemahan dalam hal pengurusan kewangan, pengurusan perolehan, pendaftaran dan pemantauan terhadap syarikat-syarikat yang mendapat kontrak kerajaan serta proses untuk memperakukan syarikat yang layak untuk mendapat potongan cukai berganda (DTD).

Pada Januari 2018, Kerajaan Pakatan Harapan menjenamakan semula program SL1M ini kepada program *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ). Kita difahamkan laporan audit tadi telah mengemukakan beberapa syor bagi pihak kementerian mengatasi kelemahan-kelemahan yang berbangkit. Justeru, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah langkah-langkah yang boleh diambil ataupun dirancang oleh kementerian untuk memastikan kelemahan-kelemahan seperti yang disebutkan oleh Ketua Audit Negara itu tidak berulang? Sejauh manakah program ini dapat menangani isu pengangguran siswazah? Bagaimanakah kita boleh menggalakkan lagi lebih ramai siswazah yang menganggur ini untuk mengambil bahagian dalam hal ini?

Satu lagi Tuan Pengerusi ialahlah Butiran 020400 – TEKUN Nasional berserta dengan Butiran 30000 – Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN). Butiran 020400 – TEKUN Nasional, tidak diberikan sebarang peruntukan. Saya faham bahawa ini adalah untuk perusahaan

pengurusan kerana mungkin kerajaan berfikir bahawa TEKUN sebagai sebuah organisasi adalah *sustainable* dan boleh berdikari dengan caj perkhidmatan yang dikenakan kepada usahawan-usahawan.

■1550

Namun demikian, saya rasa perlu juga kerajaan mempertimbangkan semula peruntukan sebab sebagai organisasi, perlu juga untuk menjalankan program-program latihan, program-program kebajikan, karnival usahawan untuk membuat jaringan dan lain-lain kepada kepentingan kakitangan-kakitangan TEKUN sendiri.

Satu lagi berkenaan dengan dana pembiayaan yang diberikan. Ramai Ahli Yang Berhormat telah mempersoalkan itu. Saya tidak ingin sebut dengan itu. Cuma ingin saya tanyakan, apakah perancangan pihak TEKUN untuk mencapai sasaran pembiayaan dalam tahun 2020 ini? Berapa peratus kutipan bayaran balik yang disasarkan supaya TEKUN boleh berdikari ataupun *sustainable* dalam operasinya?

Seterusnya ialah mungkin pihak kementerian dapat memberi pencerahan sedikit kemajuan pelaksanaan program-program ataupun produk sampingan TEKUN Nasional seperti SPUMI yang ditujukan khas kepada golongan India, Program AR RAHNU TEKUN, TEKUN Niaga, Teman TEKUN dan lain-lain program yang dijalankan oleh TEKUN. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Nibong Tebal. Seterusnya, Yang Berhormat Kuala Nerus, silakan.

3.51 ptg.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Membaca selawat]* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Pertama, saya hendak merujuk kepada Butiran 010200 — Dasar dan Perancangan Strategik. Saya mohon untuk Menteri menjelaskan mengenai fokus dan hala tuju TVET di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan berbanding apa yang dilaksanakan sebelum ini di bawah kementerian lain seperti KBS, MOHR dan juga KPM. Itu yang pertama.

Kedua, tentang Butiran 020000 — Pembangunan Usahawan. Keusahawanan ini perkara yang sangat penting termasuk dalam Islam sendiri, Allah Taala sebut dalam al-Quran [*Membaca sepotong ayat al-Quran*], "*Cari sebahagian kurniaan Allah SWT*". Dalam usaha kerajaan untuk menyasarkan 50,000 usahawan setahun dan juga 18,000 usahawan baru dalam tahun 2020, saya minta Menteri menjelaskan pendekatan yang dirancang dan dilaksanakan khusus bagi menarik penyertaan golongan yang masih lagi menganggur sekarang, tidak mempunyai pekerjaan dan sumber pendapatan. Satu.

Kedua, adakah kementerian juga berhasrat untuk berbincang dengan Kementerian Pendidikan untuk menjadikan subjek keusahawanan sebagai subjek yang menjadi pilihan kepada para pelajar di peringkat sekolah menengah agar minat keusahawanan boleh kita bina daripada

awal lagi? Ini kerana kebanyakan rakyat kita di kampung, mereka diajar bekerja untuk makan gaji sahaja. Ibu ayah mereka mengajar anak-anak untuk masuk universiti, keluar universiti, kemudian kerja dengan orang, bukan untuk menjadi seorang usahawan.

Maka bagi saya penting untuk pembangunan usahawan ini kita bina dari peringkat sekolah menengah lagi. Maka adakah pihak kementerian bersetuju atau berhasrat untuk bincang dengan Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan lagi tahap kesedaran masyarakat untuk terlibat dalam keusahawanan?

Kemudian juga tentang modul yang diguna pakai sekarang di pelbagai bahagian pembangunan keusahawanan. Adakah masuk di dalamnya modul berkaitan kewajipan zakat pendapatan, zakat perniagaan dan juga perkara lain melibatkan keberkatan kepada para usahawan?

Saya mohon Menteri menjelaskan program pembangunan usahawan yang disediakan khas untuk golongan seperti orang kelainan upaya, orang buta dan sebagainya?

Kemudian saya pergi kepada Butiran 030000 — Pembangunan Koperasi. Kalau kita bandingkan data tahun 2018 iaitu bulan Jun 2018 hingga Jun 2019, bilangan koperasi yang berstatus aktif menurun daripada 9,941 koperasi, daripada asal 11,073 koperasi. Pada masa yang sama kita lihat juga bilangan koperasi juga berstatus tidak aktif ataupun normal pula meningkat masing-masing daripada 1,555 koperasi kepada 1,997 koperasi dan juga daripada 1,466 koperasi kepada 2,497. Jadi kenapa berlaku perkara yang seumpama ini? Saya minta Menteri menjelaskan faktor yang menyumbang kepada keadaan yang berlaku seumpama ini.

Kedua, kalau kita lihat realiti ini, apakah langkah proaktif yang diusahakan oleh kementerian untuk mencapai sasaran dua *percent* koperasi yang kita naik taraf mengikut kluster?

Kemudian, kalau tempoh yang selalu kita lihat, nilai aset koperasi juga meningkat sebanyak 2.35 *percent* sahaja daripada RM143 bilion kepada RM143 bilion. Bagi tahun 2020, peratusan koperasi bersasarkan enam *percent*. Bagaimana kementerian hendak mencapai hasrat tersebut?

Itu sahaja daripada saya Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi: *Walaikumussalam warahmatullah.* Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Sekarang Yang Berhormat Jelutong, silakan.

3.55 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 010200 — Dasar dan Perancangan Strategik. Sebenarnya saya, walaupun tidak ada rancangan FELDA ataupun FELCRA di kawasan saya, saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk tanya kepada Menteri, apakah yang akan dilakukan oleh kementerian untuk membantu nasib 348 peserta FELCRA Bukit Tandak, Rantau Panjang yang

mengadu mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan telah menebang lebih kurang beberapa ekar pokok getah yang diusahakan oleh mereka sejak tahun 1980.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Butiran mana ini, butiran mana?

Tuan Pengerusi: Butiran...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Itu butiran apa itu?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya merujuk kepada Butiran 010200 — Dasar dan Perancangan Strategik. Saya ingin tanya, bagaimanakah Kementerian...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Keluar tajuklah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bagaimanakah Kementerian — biarlah saya tanya Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Tanyalah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Biar Menteri jawab. Ini adalah isu yang melibatkan rakyat di Rantau Panjang, Kelantan. Kalau pihak PAS dan UMNO tidak menyuarakan...

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan Yang Berhormat Jelutong. Itu kawasan saya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya akan bahaskan perkara ini. Yang Berhormat duduk dulu, tidak menggunakan kesempatan...

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Mahkamah telah memutuskan. Ini ada sudah keputusan di mahkamah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Duduk dulu, biar Menteri jawab. Ini melibatkan rakyat di Kelantan. 348 peserta FELCRA Bukit Tandak di Rantau Panjang...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Jangan cakap kalau benda tidak tahu. Jangan bercakap.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Butiran mana itu?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang mengadu mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan rakus menyalahgunakan kuasa.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Benda sudah selesai sudah. Ini sengaja ambil peluang untuk memperlekehkan Kelantan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak, ini adalah...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jelutong, khusus kepada butiranlah. Ini peringkat Jawatankuasa.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri...

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Jelutong keluar daripada tajuk.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Jelutong, itu hari kempen di Tanjong Piai? Tanjong Piai pergi kempen atau tidak Yang Berhormat Jelutong?

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Bercakap mengelirukan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya ingin tanya kepada Menteri, apakah...

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Tukar kementerian.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Ini bukan Kementerian Pembangunan Usahawan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kementerian ingin membantu peserta-peserta FELCRA ini?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri, mana hendak jawab ini?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Pengerusi, saya rasa kena buat kursus di luar Parlimen untuk Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, ini melibatkan...
[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi: Sudah, sudah Yang Berhormat. Itu memang tidak khusus kepada butiran Yang Berhormat Jelutong. Teruskan dengan butiran yang lain.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya rasa lebih baik duduk Yang Berhormat Jelutong daripada memalukan diri sendiri.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, sebenarnya Yang Berhormat, saya ingin tanya.

Tuan Pengerusi: Peringkat Jawatankuasa.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: ...memalukan diri sendiri.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Tidak sempat kempen di Tanjong Piai, itulah cakap di sini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya ingin tanya kementerian, apakah rancangan untuk membantu mereka?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Duduklah, tidak payah bercakap. Bercakap pun merapu. Pening kah atau mabuk ini?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini kerana adalah melibatkan peserta-peserta FELCRA...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Pengerusi, buat kursus di luar lah untuk Yang Berhormat Jelutong, memalukan kita Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Ramai yang sedang...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, ini melibatkan— saya menerima aduan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini degil ini, gantung dua hari.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Ada aduan pun, cari tempat yang...
[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi: Ini sudah menyentuh isu lainlah. Khusus kepada butiran sebab ini peringkat Jawatankuasa. Saya pun tidak tahu bagaimana Menteri akan menjawab kalau dibangkitkan isu sebegini. Khas kepada butiran.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, terima kasih.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Jelutong mabuk ini.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Macam cerita kartun di Parlimen ini. Yang Berhormat Jelutong, sila duduk. Macam cerita kartun...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tumpat pun, jangan jalankan kuasa *Speaker*. Sila duduk. [Ketawa]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jelutong...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Tumpat kurang pandai, mungkin bodoh, tidak faham di mana isu yang saya bangkitkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hah! Nampak atau tidak? Tarik balik.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi: Tidak payahlah Yang Berhormat Jelutong, tarik baliklah. Tarik balik, tarik balik.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalau degil juga cabut dia punya *mike*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tarik balik kuota *mike*. Kalau tidak, cabut.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Cabut, cabut, Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey, saya tarik balik perkataan "bodoh". Saya gunakan istilah 'kurang pandai'.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bentara, tolong cabut...[Ketawa]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi yang bodoh sebenarnya Yang Berhormat Jelutong.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Jelutong “bodoh”, saya tarik balik, ‘tidak pandai’.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Akan tetapi yang melibatkan penduduk ini Tuan Pengerusi, ini melibatkan 348 peserta FELCRA di Bukit Tandak...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: FELCRA ini kementerian...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi: Bukankah saya sudah buat keputusan, teruskan dengan butiran lain. Ini bukan khusus untuk butiran.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jadi saya minta...

Dato’ Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tidak ada butiran Tuan Pengerusi, tidak ada butiran sudah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya cuma...

Dato’ Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Kalau Yang Berhormat Jelutong tidak hendak tarik perkataan “bodoh” pun, kalau dari Yang Berhormat Jelutong, saya tidak ada apa-apa pun...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi: Tidak ada tarik balik? Yang Berhormat Tumpat sudah tarik balik? Silakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih, mungkin perkara ini tidak berani disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana. Jadi DAP mempersoalkan perkara ini...

Dato’ Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ini menyalahgunakan Dewan...

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini melanggar peraturan...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jelutong, teruskan dengan butiran lain. Perkara ini sudah tutup, tutup.

Dato’ Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Buang masa sahaja.

■1600

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya mohon jawapan dan maklum balas.

Dato’ Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Mengelirukan Dewan ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Perkara ini melibatkan rakyat Kelantan yang mereka tidak berani suarakan. Terima kasih.

Dato’ Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ini mengambil kesempatan. Benda yang sudah selesai di mahkamah.

Dato’ Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Pengerusi mungkin Tanjong Piai ini kalah teruk oleh sebab Yang Berhormat Jelutong ada pergi kempen.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jelutong tidak pergi kempen di Tanjong Piai. Dia hendak Bersatu kalah, DAP hendak Bersatu kalah, tahu?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau, giliran di bawah sekali. Silakan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jumlah 15,000 tidak banyak.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Jumlah 15,000 hilang deposit, separuh. Jadi bingung Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Paya Besar. Bagi kesempatan pada Yang Berhormat Paya Besar pula. Silakan.

4.00 ptg.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi, saya tidak berniat untuk memanjangkan apa yang berlaku sebentar tadi kerana kita harus menumpukan kepada butiran. Jangan keluar daripada butiran walaupun kalah 15,000. *[Ketawa] [Tepuk]*

Saya hendak menyentuh kepada Butiran 020100 – Penggalakan dan Pembudayaan Usahawan. Tuan Pengerusi...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Paya Besar syok sendiri.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Betul lah Yang Berhormat Jelutong. Betul.

Tuan Pengerusi: Tepat pukul 4.01 petang. Sudah, bukan fasal Yang Berhormat Arau.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Butiran 15086.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...P.M. 36(12) dekat Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Sangkaan jahat kepada saya ini mengelirukan Dewan. *[Ketawa]* Saya tidak boleh pecat Tuan Pengerusi tetapi Tuan Pengerusi kena...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Setakat peringatan daripada Tuan Pengerusi sahaja Yang Berhormat Arau.

Tuan Pengerusi: Saya hanya menyatakan apa yang sekarang ini berlaku pada pukul 4.00 petang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi melawak ataupun tidak? Kalau tidak, 36(12) saya bawa.

Tuan Pengerusi: Baik, nanti saya fikirkan. *[Ketawa]*

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Arau. Pagi tadi Tuan Pengerusi tidak berapa gembira. Ni dah petang ini, *alhamdulillah* nampak ceria.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi, saya –eloklah Yang Berhormat Jelutong keluar, elok sangat. Tidak apa lah pergi buat *istikharah*.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Sudah panas.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak berminatlah Yang Berhormat Paya Besar. *Don't waste my time*.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Jumlah 15,000 bukan sikit tau, 15,000. *[Ketawa]*

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Kasihan, kasihan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jelutong, kalau anak jantan tunggulah.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Keluar lah, keluar lah. Saya sanggup. Elok keluar jangan masuk dalam Dewan ini. Dua hari keluar.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak benarkan bercakap tanpa kebenaran saya. Sekarang ini adalah *floor* Yang Berhormat Paya Besar. Silakan.

Seorang Ahli: Garangnya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Garang, memang garang.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Sudah dua minit Tuan Pengerusi, saya minta tambah dua minit.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada tiga minit saja lagi.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Mana boleh Tuan Pengerusi, tidak adil kita biarlah adil. Kita di Tanjong Piai pun adil.

Tuan Pengerusi, Butiran 020100. Saya memuji Yang Berhormat Menteri mempunyai sasaran yang cukup baik untuk menyasarkan 40 peratus KDNK negara melalui PKS. Akan tetapi apa yang berlaku Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri, apabila World Bank membuat laporan seolah-olahnya menunjukkan bahawasanya walaupun ada peningkatan dalam *The World Bank Doing Business 2020*, kita meningkat lebih kurang tiga anak tangga kepada 12 daripada 15 pada tahun lepas.

Akan tetapi ada satu elemen sub indeks dalam laporan ini menunjukkan bahawasanya *start a doing - starting a business* agak menjunam. Walaupun kita mempunyai ruang lingkup *doing business* yang baik tetapi elemen-elemen yang kecil seperti *starting a business* ini merudum dan saya mengharapkan sangat supaya Yang Berhormat Menteri melihat kenapa Khazanah Research Institute dalam kajiannya *School-to-Work Transition Survey* (SWTS) yang selalu saya ulang dan ulang telah menunjukkan bahawasanya anak muda tidak ada kemahiran dalam bidang usahawan, Yang Berhormat Menteri.

Anak muda juga tidak sedar tentang apakah bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan. Saya tidak mahu menyalahkan mana-mana kerajaan Yang Berhormat Menteri. Cumanya atas dasar anak muda, atas dasar belia harus kita memberi penekanan kerana apa, laporan yang dibuat oleh Khazanah Research Institute jelas menunjukkan bahawasanya perniagaan bukanlah pilihan pertama kepada anak-anak muda.

Akan tetapi dengan mewujudkan sebuah kementerian yang dihidupkan semula merupakan satu iltizam yang cukup baik untuk melihat keusahawanan ini merupakan satu pilihan yang pertama bagi rakyat Malaysia bukanlah sebagai penyelesaian kepada kes pengangguran. Itu yang amat penting sekali.

Ketiganya, bagaimana kita melihat isu pendigitalan PKS Yang Berhormat Menteri kerana apa dalam *Global Competitive Index*, dalam GCR Report telah menunjukkan bahawasanya *absorption technology* hanya sembilan peratus sahaja Yang Berhormat Menteri. Kita bercakap tentang *Industry Revolution 4.0* tetapi *International Report* telah menunjukkan bahawasanya hanya sembilan peratus. Bagaimana kita hendak pergi kepada Industri Revolusi? Belum lagi kita bercakap tentang *e-commerce*, e-dagang Yang Berhormat Menteri tetapi perkara ini telah dilaporkan.

Kalaulah kementerian Yang Berhormat Menteri telah melakukan banyak perkara dan saya yakin dengan penubuhan Dasar Keusahawanan 2030. Baru ini saya pun berlari bersama Yang Berhormat Menteri tetapi lima kilometer Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi maknanya yang paling pentingnya adalah Dasar Keusahawanan Negara 2030 yang telah dipamerkan pada tempoh hari jelas menunjukkan usaha pihak kerajaan sangat besar. Akan tetapi bagaimana *International Agency* tidak mengutip perkara-perkara ini - Tuan Pengerusi, dua minit. Minta sangat.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila rumuskan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Ini kerana apa yang paling pentingnya Yang Berhormat Menteri, saya mengharapkan sangat Dasar Keusahawanan 2030 ini akan memberi lebih ruang kepada anak muda. Saya Yang Berhormat Menteri juga ingin melihat bagaimana program di bawah INSKEN, Butiran 020500. Bagaimana INSKEN ini boleh membuka pintu kepada Orang Asli kerana apa program Orang Asli untuk mereka keluar daripada kelompok bukan sahaja mencari rezeki di hutan tetapi dalam usahawan *business* ini. Kerana apa? Walaupun mereka berniaga di tepi-tepi jalan tetapi kalau tidak ada ilmu keusahawanan mereka juga akan ketinggalan.

Saya amat suka sangat program yang dibuat di bawah 040400 – Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC). Sama juga Yang Berhormat Menteri. [Ketawa] *Global Innovation Index* juga menunjukkan bahawasanya Malaysia turut jatuh dan saya tahu MaGIC ini sudah dibekalkan dengan RM10 juta dan saya hendak tahu beberapa perkara bagaimana MaGIC bekerjasama dengan negara-negara luar dan bagaimana pemantauan syarikat yang berjaya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sebelum ini MaGIC dapat RM50 juta masa zaman kita. Setahun.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Saya tahu itu Yang Berhormat Menteri jawab, Yang Berhormat Pontian. [Ketawa] Pelan Induk PKS Tahun 2012–2020 dan saya minta sangat Yang Berhormat Menteri saya hendak tahu, apakah status terkini pelan induk ini kerana tahun depan sudah tahun 2020, *what's next* untuk Pelan Induk PKS.

Terakhirnya, saya mengharapkan sangat Yang Berhormat Menteri supaya Yang Berhormat Menteri kena melihat Dasar Keusahawanan ini ikut trend dan saya hendak tanya apakah pendirian Yang Berhormat Menteri? Saya sudah mendengar pendirian Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkaitan *vapping industry*, *vape industry* dan bagaimana Yang Berhormat Menteri melihat perkara ini.

Yang Berhormat Menteri kasihan 50,000 peniaga-peniaga *vape* ini yang saya hendak tahu juga Yang Berhormat Menteri tolonglah bagi bantuan TEKUN kepada mereka ini kerana mereka pakai duit sendiri untuk menjadi *business* dan saya harap Yang Berhormat Menteri tolong beritahu Yang Berhormat Menteri Kesihatan pastikan *vape industry* ini di *legalkan* di Malaysia.

Terakhirnya, saya harap...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *Last* ini.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Saya dapat sedikit maklumat berkaitan Parlimen Paya Besar berkaitan TEKUN. Berapa ramai peminjam-peminjam TEKUN yang berdaftar di bawah Parlimen Paya Besar dan berapa banyak pinjaman-pinjaman yang telah diluluskan. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan saya yakin Yang Berhormat Menteri dapat menyelesaikan masalah usahawan anak muda. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Saya menjemput kalau dari sebelah kanan saya yang hendak berbahas. Saya jemput Yang Berhormat Batu, sila.

4.08 ptg.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang saya untuk berbahas. Saya terpanggil untuk membahaskan isu berkaitan TEKUN di mana saya melihat kewujudan TEKUN ini mampu membantu usaha kerajaan dan badan pertubuhan bukan kerajaan untuk memperkayakan golongan sasaran seperti anak muda dan ibu-ibu tunggal agar jadi usahawan yang berjaya di mana fokus utama untuk golongan-golongan ini agar suatu masa kelak mereka mampu menjadi pembayar cukai dan pencarum zakat.

Tuan Pengerusi, pun begitu saya juga terpanggil untuk mengetahui berapakah nilai dana yang telah dikeluarkan oleh TEKUN pada tahun 2019 dan berapakah peratusan penggunaan dana jika dibahagikan mengikut pecahan bangsa. Dari nilai peratusan dan statistik ini kita dapat mengenal pasti apakah jenis sokongan yang harus diberikan kerana ia akan dimasukkan di dalam fokus utama bagi usaha-usaha untuk menjayakan golongan-golongan sasaran untuk menjadi usahawan berjaya.

Saya juga melihat adalah harus bagi kementerian untuk meningkatkan nilai dana peruntukan kepada TEKUN agar mereka mampu melipat gandakan pengeluaran usahawan baharu. Selain daripada itu, saya juga mencadangkan agar TEKUN menjadi sebuah badan yang

lebih *flexible*, dengan izin kerana hari ini pinjaman hanya diberi jika usahawan tersebut telah memiliki premis perniagaan.

■1610

Bagaimana jika usahawan tersebut memerlukan dana permulaan perniagaan? Sebagai contoh, jika senarionya seorang usahawan yang berniaga menjual kek, beliau aktif menjual kek melalui laman media sosial seperti *Facebook* dan *Instagram*. Beliau mempunyai nilai pelanggan yang memberangsangkan, tetapi beliau tidak mampu menyediakan dana permulaan untuk membuka premis.

Seperti yang kita ketahui, untuk membuka premis, seseorang usahawan harus berdepan dengan masalah modal yang besar seperti deposit sewaan premis sebanyak dua ke tiga bulan, deposit utiliti, deposit elektrik, deposit air dan sebagainya. Perkara ini membebankan usahawan dan apabila usahawan ini memohon untuk pinjaman TEKUN, mereka dikategorikan sebagai tidak layak kerana mereka tidak mempunyai premis perniagaan tetap. Dengan kewujudan syarat seperti ini, urusan perniagaan tersebut tidak dapat diperkembangkan. Secara tidak langsung, kerajaan dilihat gagal untuk meningkatkan daya saing masyarakat dan kerajaan akan kerugian kutipan cukai dan zakat.

Tuan Pengerusi, kita tidak dapat memberi nilai statistik bagi golongan belia sebenar kerana tiada sebarang kemaskinian di laman sesawang *www.data.gov.my* dan statistik kerajaan. Saya tidak mahu memetik nilai statistik yang dikeluarkan oleh badan bebas tetapi apa yang pasti, jumlah belia akan bertambah saban tahun dan nilainya terus berkembang dari semasa ke semasa. Persoalan saya, bagaimana kementerian ingin menggalakkan pertubuhan usahawan anak muda terutama di kawasan bandar seperti kawasan perumahan PPR? Saya melihat apabila belia aktif dalam perniagaan, peratusan pengaruh baik seperti ini dapat dipertingkatkan.

Selain daripada itu, kerajaan hari ini berusaha untuk mempertingkatkan pemasaran di atas talian. Era pemasaran digital terus diperkenal. Kempen untuk menjalankan transaksi di atas talian juga ingin diperbesar. Saya melihat ini adalah satu peluang yang baik untuk usahawan memajukan perniagaan mereka. Golongan ibu tunggal juga tidak akan ketinggalan walaupun mereka berhadapan dengan kekangan masa untuk menguruskan urusan anak-anak, mereka mampu memasarkan perniagaan mereka hanya di atas talian. Saya melihat adalah wajar untuk TEKUN untuk mempunyai satu skim pinjaman bagi usahawan digital.

Selain daripada itu, saya juga dimaklumkan apabila pinjaman gagal membayar pinjaman mereka, nama mereka akan tersenarai hitamkan dan dimasukkan ke dalam maklumat *trade reference* seperti CTOS dan RAMCI. Oleh kerana perkara seperti ini, mereka tidak mampu untuk memperkembangkan perniagaan mereka. Untuk menjadi salah satu pembekal kepada pasaran *hypermarket* juga menjadi sukar oleh kerana nama mereka berada di dalam maklumat *trade reference*. Apakah kementerian mempunyai cara lain untuk membantu golongan peminjam bermasalah seperti ini? Adakah akan diberi potongan jika mereka cuba membayar hutang mereka secara penuh? Itu sahaja daripada saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Batu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Lipis.

4.13 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan 'salam 15086'. *[Dewan ketawa]*

Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya turut serta dalam perbahasan bagi pembangunan usahawan anggaran perbelanjaan bagi tahun 2020. Saya pergi kepada Butiran 02000 iaitu RM20,000. Saya merasa peruntukan ini yang dibentangkan oleh pihak Kerajaan PH satu langkah yang agak baik kerana peruntukannya sebanyak lebih kurang RM56 juta.

Langkah ini adalah bertepatan dengan bagi menaikkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang merangkumi 97 peratus daripada jumlah perniagaan di Malaysia dan setakat 2018, telah menyumbang sebanyak 38.3 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Malah, 65 peratus pekerjaan yang ditawarkan di negara ini adalah daripada IKS serta menyumbang 18 peratus daripada keseluruhan eksport negara.

Objektifnya adalah untuk memainkan peranan kepada kementerian untuk membantu para usahawan di Malaysia secara khusus masih lagi saya anggap samar-samar Yang Berhormat Menteri. Ramai yang telah membangkitkan isu berkaitan keputusan sama ada benar, mungkin Menteri boleh menjawab selepas ini, menghentikan geran percuma kepada usahawan Bumiputera. Sebelum ini Yang Berhormat Menteri sendiri mengeluarkan kenyataan bahawa Putrajaya tidak lagi memberi geran percuma kerana tidak mahu usahawan terlalu bergantung kepada bantuan ini.

Menurut kata usahawan, kebanyakan usahawan bumiputera hanya mengharap kepada bantuan kerajaan sebenarnya. Mereka memerlukan pengkhususan, kursus sebagainya dan bantuan secara kecil-kecilan dan mereka ini sebenarnya ingin sangat menceburi bidang perniagaan. Akan tetapi, apa yang perlu kita lakukan adalah kenapa dan mengapa geran tersebut perlu dihentikan? Ini kerana usahawan tidak mungkin akan boleh berdaya saing ataupun boleh maju dalam masa sekelip mata.

Jadi, ini yang mereka harapkan di kalangan usahawan untuk mengatasi perkara-perkara ini, sedangkan usahawan yang bankrap pun apabila mereka dapat bantuan kembali, boleh kembali untuk membina perniagaan mereka itu sendiri. Jangan dikatakan sebab Melayu itu malas. Melayu ini sebenarnya rajin tetapi kadang-kadang pengkhususan yang mereka lakukan, mereka tidak mendapat ruang dan peluang kepada itu. Oleh sebab itu, saya menafikan bahawa Melayu itu malas. Melayu ini sebenarnya ruang dan peluang itu yang perlu kita berikan bagi menaikkan taraf atau menyamaratakan lagi peluang ekonomi bumiputera dan bukan bumiputera.

Ramai juga yang menggesa Kementerian Pembangunan Usahawan supaya kalau dihentikan, ini suara yang saya dengar, kalau dihentikan bantuan-bantuan seperti ini, elok lebih

baik tidak ada Kementerian Pembangunan Usahawan. Oleh kerana mereka inilah harapan mereka, bergantung kepada ini. Akan tetapi dalam soal ini, kita perlu memastikan bahawa membantu usahawan ini adalah agenda besar yang mesti kita iktirafkan di dalam negara kita. Agenda ini wajib diteruskan sehinggalah ia mencapai objektif. Mungkin bukan satu masa yang mudah untuk memastikan bahawa pembangunan untuk usahawan ini...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Silakan Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tadi Yang Berhormat Lipis sebut tentang PKS. Akan tetapi kalau kita lihat Pelan Induk PKS dalam Butiran 00607, kelihatan peruntukannya sentiasa dipotong. Tahun 2018, RM47 juta. Tahun 2019 turun kepada RM34 juta. Tahun 2020 turun kepada RM28 juta. Apa pandangan Yang Berhormat Lipis? Turun tiap-tiap tahun ini, sedangkan kita hendak meramaikan usahawan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Ini yang saya ucapkan awalan saya. Saya hendak supaya usahawan ini boleh dinaikkan taraf. Dalam keadaan sekarang ini, kita semua tahu sebab itu 15086, salah satu punca komoditi jatuh dan sebagainya. Bursa saham jatuh, ruang perniagaan 40 ke 50 peratus jatuh. Jadi kalau kita tidak menggalakkan perkara-perkara seperti ini, maka ia akan lebih menjadi satu barah kepada kerajaan sendiri. Ini saya beritahu. Oleh sebab itu 15086, sebab dah jadi barah. Sedikit sahaja Tuan Pengerusi, saya ambil tidak sampai 1 minit.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila rumuskan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Oleh sebab itu, berdasarkan laporan berhentian kerja dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja bagi Januari 2019 sehingga September sahaja, 24,600 orang pekerja telah dilaporkan berhenti dan pelbagai sektor. Secara puratanya, 2,700 orang pekerja telah diberhentikan setiap bulan. Apa lagi pilihan selain mereka untuk melaksanakan perniagaan? Saya percaya ramai anak-anak muda yang keluar universiti tidak dapat pekerjaan yang baik, *waima* balik luar negara pun tidak dapat pekerjaan.

Maka, inilah Kementerian Pembangunan Usahawan lebih mempromosikan dan menggalakkan supaya mereka lebih minat di dalam bidang usahawan. Saya sebenarnya banyak lagi poin Tuan Pengerusi, tetapi masa lima minit dan tidak sepatutnya kementerian seperti Kementerian Pembangunan Usahawan ini lima minit sahaja. Sekurang-kurangnya kita dapat dua butiran. Ini satu butiran tidak dapat ke butir sebenarnya. Jadi, jadi, jadi elok daripada Yang Berhormat Jelutonglah saya cakap ini. Yang Berhormat Jelutong tidak ada dah di dalam Dewan tetapi walau bagaimanapun, lebih baiklah. Terima kasih Tuan Pengerusi mengizinkan saya. *Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan. Penjelasan. Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dah habis Yang Berhormat Arau. Sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak. Apakah Yang Berhormat sedar, Yang Berhormat sedar yang pasaran saham telah naik hasil daripada keputusan pilihan raya?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sebelah sini ada? Sila Yang Berhormat Pasir Gudang, lima minit. Terima kasih.

■1620

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan Butiran 030100 – Pengurusan Koperasi dan berkaitannya juga dengan Butiran 13005 – Pembangunan Koperasi. Saya melihat bahawa negara kita Yang Berhormat Menteri, satu negara ekonomi terbuka dan fokus saya adalah kepada masyarakat Melayu yang mana ketinggalan dalam bidang perniagaan (*business*).

Kalau kita melihat di bandar-bandar besar jarang kita boleh jumpa bangunan-bangunan milik usahawan Melayu, syarikat Melayu tetapi kita boleh jumpa bangunan-bangunan atas nama koperasi orang-orang Melayu. Jadi, ertinya digembleng kan tenaga orang-orang Melayu itu dalam perniagaan melalui gerakan koperasi ini, mereka boleh membangunkan perniagaan mereka. Ini termasuk juga di bandar-bandar kecil.

Jadi saya melihat sekarang ramai graduan universiti yang menganggur dan sebagainya. Ertinya kita ada bakat, ada kepakaran dan ada kepandaian, mungkin kerajaan boleh fokuskan daripada kita membina peniaga-peniaga usahawan ini secara individual juga difikirkan juga kalau digembleng kan tenaga mereka ini secara gerakan koperasi. Ertinya susah hendak dapat peniaga *bankers* Melayu membina satu bank orang Melayu sendiri. Akan tetapi kita tengok ada Bank Rakyat umpamanya bank yang berjaya, besar dan kalau kita tengok keluar daripada Parlimen ini bangunan Bank Rakyat yang mencakar langit dan sebagainya, itu satu gerakan koperasi.

Saya rasa sudah sampai masanya bahawa satu sistem ekonomi yang mengutamakan dan memaksimumkan keuntungan satu sistem yang mendahulukan keuntungan daripada kebajikan bersama ini kita kena kaji semula. Saya rasa ini peranan pihak kementerian untuk melihat semula pada awal-awal selepas kita merdeka dahulu begitu berminat sekali terutama di kalangan masyarakat Melayu yang mundur untuk maju melalui gerakan koperasi. Akan tetapi perkembangan itu kemudian merosot. Jadi, sudah sampai masanya kita kembali untuk cergaskan gerakan koperasi ini dan peranan kementerian ini sangat penting.

Saya percaya Ahli-ahli Parlimen ertinya akan membantu dan umpamanya di kawasan saya di Pasir Gudang sendiri. Ertinya ini satu usaha yang kami telah lakukan iaitu menubuhkan koperasi-koperasi untuk menggembleng kan penglibatan rakyat dalam pengusaha, perniagaan dan sebagainya. Itu sahaja satu fokus yang saya ingin berkongsi di sini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kuala Kangsar, antara yang terakhir. Sila Yang Berhormat Kuala Kangsar.

4.24 ptg.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke Butiran 040000 – Program Khusus dan Butiran 00514 – Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera. Dalam usaha kerajaan dalam mengetengahkan ekonomi digital, kementerian seharusnya mencari jalan terbaik kepada para usahawan bumiputera berpotensi untuk mengeksport produk-produk mereka ke luar negara.

Dalam hai ini, kementerian perlu bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk mengenal pasti ruang-ruang yang perlu. Pengurangan peruntukan ini menarik perhatian saya. Jadi, daripada peruntukan sebanyak RM25 juta, apakah usaha kementerian untuk mengenal pasti pengusaha-pengusaha usahawan dan usahawan-usahawan yang berpotensi dalam produk halal bumiputera yang tidak pernah mengeksport produk halal hasil mereka? Apakah peruntukan yang dikhususkan kepada mereka? Minta Yang Berhormat Menteri memperincikan jumlah peruntukan mengikut sektor atau jenis produk halal yang akan dibantu menerusi peruntukan ini.

Saya teruskan kepada Butiran 020000 – Pembangunan Usahawan. Butiran 020300 – Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp). Program Nasional *Mark of Malaysian Brand* yang dilancarkan pada tahun 2009 yang diterajui oleh SME Corp sewajarnya dilihat semula Yang Berhormat Menteri dan program yang melibatkan 15 kementerian termasuk Kementerian Pembangunan Usahawan perlu direncanakan semula dari segi peranan dan panel penasihatnya supaya betul-betul dapat membantu usahawan bumiputera yang kini jauh ketinggalan walaupun berbagai-bagai usaha telah dibuat.

Antaranya adalah melihat semula kriteria-kriteria kelayakan untuk mendapatkan pensijilan ini memandangkan ramai dalam kalangan usahawan kecil luar bandar tidak mampu mencapai kriteria sedia ada seperti beroperasi daripada premis yang sah, mencapai sekurang-kurangnya tiga bintang di bawah Penilaian Skor SME Corp Malaysia, syarikat dalam sektor makanan dengan pensijilan HACCP ataupun ISO 22000 dan juga mempunyai jenama yang berdaftar. Manfaat-manfaat seperti platform pengiklanan antarabangsa dan liputan media perlu diakses semula kerana ia merupakan faktor penarik kepada penglibatan lebih ramai pengusaha atau usahawan PKS untuk mencapai standard kualiti yang ditetapkan di bawah pensijilan ini.

Dengan kenaikan peruntukan sebanyak RM665,000 kementerian perlu mempergiatkan lagi aktiviti promosi berkenaan program ini di kawasan luar bandar di seluruh negara dan betul-betul diberi kefahaman dan menambah baik perusahaan mereka untuk melayakkan mereka menerima pensijilan *Malaysian Brand* ini dan dapat menyediakan segala bentuk pemudah cara daripada pengenalpastian masalah yang dihadapi oleh golongan PKS supaya mereka dapat mencapai hasrat mereka.

Berkenaan dengan pengauditan yang dijalankan dalam program ini, ingin saya bangkitkan dua persoalan. Bagaimanakah satu-satu proses audit terhadap perusahaan PKS dilakukan? Mohon Yang Berhormat Menteri jelaskan *sequential process* dengan izin, yang

terlibat dalam setiap *auditing* yang dibuat? Berapakah yuran yang dikenakan sekarang? Adakah yuran dikenakan kepada pemohon iaitu perusahaan PKS digunakan 100 peratus untuk tujuan *auditing*?

Saya terus kepada Butiran 90000 – Skim Latihan Siswazah. Sekiranya skim ini dikelolakan dengan tersusun dan bersasar, ia akan menjadi satu skim yang akan menyuntik galakan kepada graduan-graduan baharu untuk menceburi dunia keusahawanan mengikut *forte* masing-masing, dengan izin. Untuk skim ini saya ingin membangkitkan beberapa persoalan. Berapakah jumlah sasaran graduan baharu atau *fresh graduate* yang menyertai skim ini? Adakah ia terbuka untuk semua? Tidak kira graduan dalam atau luar negara? Apakah fungsi serta matlamat utama perwujudan skim ini? Apakah *comparative advantages* yang di tawarkan oleh skim ini berbanding Skim Latihan 1 Malaysia yang diilhamkan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang terbukti berjaya? Sejauh manakah skim ini dapat menjamin kepada penyusutan kadar pengangguran yang dilihat semakin tenat di bawah Kerajaan Pakatan Harapan?

Akhir sekali, mengenai TEKUN Nasional. Sekarang tidak ada peruntukan selain daripada peruntukan di bawah Butiran 30000 – Butiran Tabung Ekonomi Usaha Niaga sebanyak RM105 juta. Saya mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan apakah nasib kakitangan-kakitangan TEKUN Nasional di ibu pejabat dan pejabat-pejabat cawangan di seluruh negara pada tahun 2020 sebab peruntukan tidak ada. Bagaimanakah gaji bulanan mereka akan dibayar untuk tahun 2020? Sumber kewangan apakah yang akan digunakan untuk membayar gaji-gaji mereka?

TEKUN Nasional Yang Berhormat Menteri yang selama ini menjadi tulang belakang kepada kejayaan-kejayaan usahawan Melayu khususnya *rural entrepreneurs* dengan izin saya mohon, tolonglah supaya peruntukan TEKUN ini dikembalikan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Saya jemput di sebelah sini ada kalau tidak ada sebelah sini saya jemput Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat di bawah 35(1) Peraturan Parlimen, orang yang berdiri akan dijemput. Dia orang tidak berdiri Tuan Pengerusi jemput.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ada senarai. Yang Berhormat Arau yang ke...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Senarai-senarai ini tidak ikut Peraturan Mesyuarat Parlimen oleh sebab Peraturan Mesyuarat Parlimen ialah bangun dan Tuan Pengerusi akan panggil. Ini panggil orang tidak ada yang saya bangun daripada pukul 12 tadi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sampai sekarang.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Keputusan saya melihat apa yang ada sekarang. Baik terima kasih...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya tidak apa, gunakan kuasa veto, kita jumpa di akhirat.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Kena tanya Setiausaha Agung selepas ini. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Setiausaha Agung cantas kah apa?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila.

■1630

4.30 ptg.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Tuan Pengerusi Butiran 020100 – Penggalakan dan Pembangunan Usahawan.

Saya percaya bidang ini penting dan mampu untuk meningkatkan kegiatan ekonomi bagi rakyat khususnya di kalangan bumiputera. Walaupun saya lihat berlaku penurunan lebih kurang RM891,800 dari segi peruntukan sebelum ini, namun saya harap walaupun berlaku pengurangan dari segi bajet, saya faham dengan kedudukan kewangan negara. Akan tetapi dengan bajet yang kurang ini tumpuan telah diberi kepada bidang-bidang yang penting yang mampu untuk bersaing bukan hanya dalam negara ini tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Oleh sebab itu saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri dengan kekangan kewangan ini, bagaimana sasaran untuk melahirkan usahawan sebanyak 250,000 itu boleh direalisasikan. Berkaitan dengan Butiran 030000 – Pembangunan Koperasi. Ini satu lagi perkara yang cukup penting...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat, boleh mencelah sedikit? Boleh sedikit, sedikit sahaja.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Boleh, boleh.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih. Bersetujukah Yang Berhormat kalau kita minta Yang Berhormat Menteri mengusahakan dan mengadakan promosi khas usahawan-usahawan bumiputera di luar negara? Apa yang berlaku sekarang ini banyak promosi ekspo-ekspo dan sebagainya untuk orang yang besar-besar sahaja. Tidak nampak pun usahawan bumiputera IKS kah apa kah. Begitu kedekut sekali kerajaan berbelanja. Tidak banyak, saya sudah lama sudah, saya tahulah Yang Berhormat ini menafikan saya ada, ada. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Setuju, setuju.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jumlah 15,000 tahu.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Saya bersetuju masukkan sebahagian daripada ucapan saya supaya promosi dibuat di luar negara. Kita boleh pilih usahawan-usahawan berjaya boleh diketengahkan. Begitu juga dalam pembangunan koperasi, saya tidak bersetuju kalau Yang Berhormat Bagan Serai kata koperasi ini imejnya bawa beg sahaja, memang ada.

Akan tetapi perlu diingat bahawa kita telah pun capai tahap yang cukup tinggi misalnya Bank Rakyat, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan banyak lagi sebenarnya koperasi-koperasi yang berjaya. Cuma model yang dibuat oleh koperasi yang berjaya ini kalau boleh diperturunkan dan koperasi-koperasi ini bolehkah Yang Berhormat Menteri untuk mereka melahirkan ataupun menjadikan koperasi-koperasi yang ada di negara ini sebagai mentor mereka, *mentee* mereka untuk membolehkan mereka mendidik atau memberi peluang-peluang perniagaan daripada kejayaan koperasi mereka.

Saya ada juga hendak sentuh berkaitan dengan Butiran 020300 dan Butiran 020100 – berkaitan dengan pembangunan usahawan tadi. Di kawasan Parlimen saya kita ada Institut Kemahiran Tinggi Mara, ada kolej komuniti dan di kawasan saya adalah kawasan yang dibangunkan sejak dahulu Pusat Pekasam Negara yang terbesar dalam negara ini.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri supaya kita adakan semacam kerajaan terdahulu kita buat NBOS. Maknanya universiti, institut pendidikan dan usahawan digandingkan supaya usahawan-usahawan yang begitu banyak ini dipilih yang terbaik dengan teknologi maka bolehlah kita pasarkan di peringkat yang lebih tinggi.

Ini boleh dibuat dengan cara NBOS – *New Blue Ocean Strategy* melibatkan pelbagai kementerian supaya kita harap bahawa IKS-IKS yang ada di kawasan saya ada 25 IKS yang berjaya tidak lagi boleh bersaing sesama sendiri. Mana-mana mereka yang ada keupayaan mesti diketengahkan tetapi mestilah diberi pelbagai galakan.

Dahulu Yang Berhormat Parit Sulong biasa bawa di bawah MATRADE untuk memasarkan produk-produk usahawan-usahawan kecil ini. Saya percaya kementerian Yang Berhormat lah yang patut memainkan peranan. Kalau kita tidak boleh berjaya banyak saya rasa ini lebih baik. Saya harap kalau Yang Berhormat tumpu perkara ini ia lebih hebat daripada kereta terbang, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Lenggong. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Arau tidak berdiri. Sila Yang Berhormat Arau. Dia berdiri lebih awal. Sila. [*Dewan ketawa*]

4.35 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ucap tahniah sebab Tuan Pengerusi telah menjalankan tugas yang diamanahkan oleh Allah dengan sebaiknya sebab dia melihat saya bangun berkali-kali nama saya telah tidak disenaraikan sebab saya terpaksa keluar sekejap tadi berjumpa dengan orang besar negara. Jadi, itu sebab saya tidak dapat hendak tanya soalan nombor satu. Pertama sekali..

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Jumpa siapa itu kena beritahu.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Pergi jumpa Tun.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Rahsia. Siapa saya jumpa adalah rahsia. Pertama sekali Tuan Pengerusi, kementerian ini namanya Kementerian Pembangunan Usahawan. Ada Menteri, ada KSU, ada rentetan pegawai tetapi peruntukan yang dibagi adalah yang paling terendah dalam dunia ini. Bekalan cuma RM214.310 juta, pembangunan RM325 juta dan jumlahnya ialah RM539,810,000.

Yang Berhormat, yang ini adalah sebuah kementerian, Kementerian Pembangunan Usahawan tetapi peruntukan yang dibagi hanya untuk menguruskan belacan, cencaluk dan budu. Ini kita perusahaan dan dibagi dalam peruntukan yang bentuk tergantung. Sepatutnya peruntukan khas Menteri Kewangan itu diberikan kepada kementerian ini. Hendak bangunkan usahawan. Ini adalah sesuatu yang memalukan negara.

Yang Berhormat Menteri yang mempunyai latar belakang yang hebat tentang keusahawanan ini sudah pasti ini satu benda yang cukup memalukan. Yang Berhormat kena masuk dalam kabinet minta kenapa peruntukan khas hanya diberi kepada Menteri Kewangan. Apa ini Yang Berhormat hendak uruskan RM500 juta? Apalah Yang Berhormat ini duduk dalam Kabinet yang kementerian lain dapat berbilion di hadapan, Yang Berhormat RM500 juta ini untuk usahawan.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bagan tidak bagi kot, Yang Berhormat Bagan tidak bagi, Yang Berhormat Bagan potong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi Yang Berhormat, jangan dituduh bahawa kementerian cap ayam tetapi Yang Berhormat adalah kementerian yang berwibawa. Minta itu, kami Ahli Parlimen minta benda itu Yang Berhormat. Kalau sekiranya katakan suara kami tidak didengar, suara kami didengar di Tanjong Piai dan akan didengarkan di beberapa tempat lagi.

[Dewan Ketawa]

Pertama adalah pengurusan sumber manusia, Tuan Pengerusi. Saya hendak ucap terima kasih dan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah berjaya mewujudkan manusia-manusia yang diurus dengan baik. Makna, mereka telah mengadakan pilihan raya kecil di Tanjong Piai dengan aman dan damai. Tahniah kepada SPR, tahniah kepada polis dan tahniah kepada anggota perkhidmatan awam yang telah menguruskan pilihan raya dengan baiknya. Terbaiklah, pilihan raya terbaik. Terima kasih juga sebab memberi sokongan dalam undi pos dan juga undi awal kepada Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau, butiran mana itu, butiran.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Di bawah Pengurusan Sumber Manusia.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, pengurusan.

[Dewan ketawa]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, terima kasih. Macam Yang Berhormat Jelutong tadi cakap tidak ada *law* lah orang kata dengan izin. Dia cakap butiran

FELCRA, mana kementerian ini hendak jawab FELCRA. Saya kurang-kurangnya sumber manusia yang ada hubung kait. Jadi, saya tidak mahu kementerian ini dituduh kementerian cap ayam.

Keduanya ialah Butiran 020100 – Penggalakan dan Pembudayaan Usahawan. Jadi saya minta supaya Kelas 'F' termasuk di bawah kepala [*Tidak jelas*] supaya Kelas 'F' ini kita kena tengok peningkatannya, Yang Berhormat. Peningkatannya daripada Kelas 'F' ke kelas yang berikutnya supaya ada peningkatan untuk membolehkan mereka meningkat, mereka hendaklah dibagi projek bukan dalam keadaan sekarang ini hanya dibagi projek untuk hendak membaharui lesen tetapi bukan untuk membangunkan mereka. Tidak adil kita buat macam itu.

Dahulu kita pernah buat kursus supaya sekurang-kurangnya kita wujudkan 1,000 Kelas 'F' untuk menjadi kelas yang lebih baik dan mereka bukan diberi peruntukan ataupun projek hanya untuk memperbaharui lesen. Ini adalah satu perbuatan yang menyalahi kehendak kemanusiaan.

Butiran 020400 – saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Kangsar tadi. TEKUN Nasional ini dibunuh kosong. Jadi di mana TEKUN Nasional. Dalam ucapan Belanjawan Menteri Kewangan baru-baru ini secara keseluruhannya disebut bahawa orang-orang Melayu mendapat RM555 juta bagi tahun 2018, tahun 2020 – RM445 juta, Cina daripada RM80 juta kepada RM100 juta, orang India daripada RM50 juta kepada RM20 juta. Had yang inilah Yang Berhormat Jelutong patut cakap kenapa orang India diturunkan. Kenapa orang Melayu bumiputera diturunkan. Itu persoalannya.

Kalau hendak berjuang ini cara berjuang. Tengok ini ucapan belanjawan butiran di bawah muka surat 268 tengok yang itu, ucapan Menteri Kewangan yang nampaknya ada peminggiran dari segi perjuangan untuk orang Melayu dan orang India. Kemudian saya setuju dengan kawan-kawan tadi supaya di bawah TEKUN Nasional itu dimasukkan juga pemikiran untuk industri *vape* ini. Seramai 50,000 orang ini bukan satu benda yang calang-calang Kalau akhirnya kita buat mengharu-birukan keadaan, 50,000 lagi hilang pekerjaan dan juga peluang pendapatan.

■1640

Bagilah peluang sebab ini sumber– bagi sebab kita sudah berbincang dengan panjang berhubung dengan merokok, berhubung dengan *vape*. Jadi kita hendaklah bagi pendekatan yang lebih hebat. *Vape* ini maksudnya ialah kawan saya di sana sebut '*wipe*', kawan saya sini sebut '*wape*', saya sebut *vape*. Jadi benda yang sama ya.

Kemudian, akhir sekali ialah sebab saya tidak hendak ambil masa sebab Tuan Pengerusi bagi peluang kepada saya. Butiran 90000 – Skim Latihan Siswazah. Tuan Pengerusi, inilah peluang untuk kementerian ini bagi perhatian yang serius. Yang Berhormat Menteri bagi RM5 juta ini untuk apa saya tanya? Siswazah yang menganggur ini terlampau ramai di bawah saya. Kalau sekiranya peruntukan khas diberi kepada kementerian ini uruskan, inilah yang terbaik. Jadi saya cadangkan supaya kita hendak beri kepada siswazah RM500 dan juga kepada majikan

RM300, ini mesti diuruskan oleh pihak kementerian. Untuk itu, saya ingat RM5 juta ini untuk apa? Kita pening hendak memikirkan RM5 juta ini untuk apa.

Jadi sekiranya Yang Berhormat Menteri hendak jadikan kementerian ini betul-betul membangunkan usahawan seperti yang dibuat oleh negara-negara dahulu tidak maju seperti Korea dan Jepun, negara tidak maju tetapi melalui pendekatan usahawan ini mereka telah menjadi negara yang maju. Bukan sahaja negara yang maju, usahawan-usahawan yang diwujudkan itu telah menjadi kepala-kepala industri dalam dunia. Semuanya bermula daripada usahawan yang disebutkan.

Jadi kita tidak boleh main-main pada hari ini. Saya sendiri akan menyokong supaya kementerian ini diluluskan dengan pindaan tambah RM3 bilion daripada peruntukan khas Kementerian Kewangan dimasukkan ke kementerian ini. Kalau tidak Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri akan jadi satu kasta dalam Kabinet. Ini Menteri kelas ketiga, ini Menteri kelas satu, Menteri kelas kedua. Mana boleh macam itu? Nanti orang kata '*porah*', tidak boleh. Yang Berhormat kena wujudkan keadaan sebagai Menteri, Menteriilah. Fasal apa Menteri kelas satu, kelas dua dan kelas ketiga?

Jadi oleh itu Yang Berhormat kena ada peruntukan yang sesuai dengan nama usahawan. Esok pergi luar negara, orang sebut Kementerian Pembangunan Usahawan, tengok-tengok RM500 bilion. Selepas itu peruntukan ke luar negara pun berada di peringkat cincai. Jangan jadi kementerian cincai, jadi kementerian yang betul-betul berusaha untuk membangunkan usahawan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi sekali lagi saya ucapkan terima kasih...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kepada puak-puak Barisan Nasional, kami bersyukur ke hadrat Allah SWT, kami sujud syukur kami menang dengan banyak ini semua. Saya setuju dengan A. Kader Jasin, Penasihat Media kepada Perdana Menteri bahawa mereka akan buat *post-mortem* yang begitu brutal untuk melihat bagaimana mereka boleh kalah. Oleh sebab mereka hendak tengok 10,000 pengundi itu sebenarnya datang daripada mana. Mungkin daripada DAP...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Betulkah daripada Jelutong?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, ini komen A. Kader Jasin.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Ingat Yang Berhormat Jelutong sabotaj kot, Yang Berhormat Jelutong sabotaj.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, jangan sabotaj sama...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sudahlah, jangan syok sendirilah. Sudahlah, menang satu sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tanjong Karang.

4.43 ptg.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kementerian Pembangunan Usahawan, saya menyokong penuh 100 peratus apa Yang Berhormat Arau cakap tadi kerana peruntukan yang disediakan amat sedikit sekali. TEKUN sebagai contoh yang telah banyak disebut, ini Butiran 020400 – TEKUN Nasional. Ia peruntukan perkhidmatan dan bekalan, dahulu RM2 juta, sekarang ini sudah kosong, sudah tidak ada peruntukan. Kecuali yang Butiran 30000 – Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN), ini dia bagilah RM105 juta. Mungkin RM100 juta ini untuk bumiputera dan RM5 juta lagi mungkin untuk golongan orang India, RM5 juta untuk TEKUN.

Saya hendak menyentuh butiran ini seperti mana Yang Berhormat Arau kata tadi bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan ini betul-betullah membangunkan usahawan. Dahulu zaman Barisan Nasional, saya Menteri yang terakhir menjadi Menteri Pembangunan Usahawan. Kita sudah tutup kementerian ini. Sekarang ini apabila PH memerintah, dia hidupkan semula. Akan tetapi hidupkan semula saya tengok kementerian ini tidak seperti kementerian waktu saya jaga dahulu. Banyak agensi yang dahulu di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan ini sudah tidak ada, sudah hilang ghaib, sudah diracik-racik kepada kementerian-kementerian lain.

Jadi macam mana Yang Berhormat kata tadi, Kementerian Pembangunan Usahawan ini – Yang Berhormat Menteri pun seorang tokoh usahawan, jadi hendak kena minta kepada kerajaan. Sebagai contoh MARA, MARA ini patut diletak di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan, bukan di Kementerian Luar Bandar. Dahulu di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan sebab MARA juga ramai melatih usahawan-usahawan. Jadi, bagaimana Yang Berhormat Menteri hendak tengok kejayaan yang kementerian ini capai? Oleh sebab banyak kementerian yang ada pembangunan usahawan ini.

Saya hendak balik kepada TEKUN ini. TEKUN ini saya hendak minta tolonglah kalau PH supaya– rakyat sudah marah dengan PH ini sebab itu rakyat sudah tolak PH ini. Kalau ada PRK lagi, akan tolak lagilah. Jadi sebelum ditolak sampai tertiarap ini, saya hendak minta tolong, sebab ambil contoh satu sahaja, jangan cerita fasal manifesto sudah Yang Berhormat Menteri. Fasal TEKUN ini, hendak dapat pinjaman TEKUN ini bukan main susah.

Saya bersetuju seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bera tadi. Oleh sebab TEKUN ini pernah diletak di bawah Kementerian Pertanian dahulu, di bawah kementerian saya juga. Dahulu patutnya hendak pinjam RM5,000 ini Yang Berhormat Menteri tidak payahlah sampai ke ibu pejabat, *empower*lah. Bagilah kepada pegawai-pegawai di bawah setakat RM5,000. Kita hendak tolong usahawan-usahawan kecil, pertama.

Kedua, saya baru ini pergi kedai gunting rambut. Dia hendak pinjam TEKUN, saya kata pinjamlah TEKUN. Dia kata tidak boleh Tan Sri. Fasal apa? Dia kata hendak pinjam TEKUN hari ini. Dia hendak buka kedai gunting rambut, dia kata TEKUN letak syarat kena sewa kedai dahulu. Sebelum itu ada dua atau tiga orang jumpa saya, syarat yang sama. Kalau salah, Yang Berhormat Menteri kena beritahu saya. Mungkin maklumat saya dapat salah. Dia kata suruh sewa kedai dahulu. Ada seorang beritahu saya, *'saya sewa kedai ini sudah tiga bulan, duit saya habis bayar sewa kedai lebih banyak daripada yang saya hendak pinjam daripada TEKUN'*.

Jadi saya hendak cadang, balik macam dahululah. Kalau hendak sewa kedai, betul. Dahulu tidak letak syarat, siapa hendak sewa pinjam TEKUN, hendak buka kedai, berilah kelulusan bersyarat. Okey, beri kelulusan bersyarat berapa kelulusan yang diberi, RM20 ribu, RM15 ribu dengan syarat mesti mendapat pinjaman kedai mesti sewa dan sebagainya dan bagi tempoh dalam enam bulan. Kalau enam bulan dia tidak boleh sewa kedai, maka automatik habis.

Jadi memberikan peluang kepada usahawan-usahawan ini untuk mereka meniaga. Sekarang ini suruh sewa kedai, ini seperti saya kata tadi. Jadi ramai usahawan muda-muda ini Yang Berhormat Menteri, jadi itu sebab budak muda pun sudah lari daripada PH ini, janji tidak ditepati. Jadi saya hendak tolong kerajaan supaya jangan menyusahkan rakyat. Berilah – dipermudahkan untuk memberi pinjaman TEKUN.

Kemudian, mengenai Butiran 020500 – Institut Keusahawanan Negara (INSKEN). Saya hendak tahu berapa ramai yang telah dilatih? Apakah kategori-kategori usahawan yang boleh dilatih seperti ini? Juga kalau boleh, mereka yang telah dilatih ini diberikan satu jaminanlah. Habis latihan, *at least* sijil ini mesti diberi pengiktirafan. Dengan adanya sijil daripada institut ini, dia boleh pinjam di mana-mana institusi kewangan.

Apa yang lebih baik lagi, kementerian sediakan peruntukan. Habis kursus dia hendak buat meniaga apa, bagilah modal dia meniaga sikit. Ini kursus dapat, sijil dapat, akhirnya mereka yang sudah hadir buat latihan ini dia hendak pinjam seperti orang tiada kursus. Jadi lebih baik mereka jangan hadir apa-apa kursus.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya, sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu ada agropreneur muda ingat atau tidak Kementerian Pertanian dahulu?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita latih dan selepas itu mereka dijamin dapat pinjaman untuk berniaga.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya, betul. Saya masih ingat dahulu ini Menteri ada. Zaman kita dahulu, apabila kita latih, kita ada RM10 juta,. Saya ingat lagi RM10 juta kita sedia. Kita hendak bagi peluang. Apabila kita latih paling tidak kita bagi dia modal mula untuk mula berniaga. Jadi, ini saya harap Yang Berhormat Menteri tolong tengok balik kementerian ini walaupun kementerian ini semakin kecil. Sepatutnya semakin besar sebab kita

ini hendak melahirkan usahawan. Jadi, tengok di kementerian lain pula lebih banyak memainkan peranan.

Jadi, saya hendak minta Yang Berhormat sebagai Menteri, bawalah *paper* rombak dalam Kabinet. Mintalah MARA diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan ini supaya dapat tolong. Oleh sebab banyak— kita tahu bahawa MARA banyak yang melatih usahawan-usahawan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan perenggan 57. Untuk menyokong pembangunan usahawan bumiputera, geran sebanyak RM445 juta akan diberikan dari segi akses kepada pembiayaan, penyediaan premis perniagaan dan juga latihan keusahawanan.

Daripada jumlah ini, satu sen pun tidak termasuk di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan tetapi Yang Berhormat Menteri sebut untuk membangunkan usahawan. Ini kita lihat bahawa tidak adil kepada kementerian ini, RM445 juta ini satu sen pun tidak dimasukkan bawah kementerian.

■1650

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kuat sokong itu Yang Berhormat Menteri. *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, apakah Yang Berhormat hendak minta supaya Yang Berhormat Menteri ini minta balik ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan ini yang disebut dengan hebatnya? Yang Berhormat tepuk tangan, saya nampak tepuk tangan. Tengok-tengok tidak masuk bawah kementerian dia. Apa ini merupakan satu malu yang cukup besar?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Tanjong Karang rumuskan. Baik, terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya sokong dan ucapan Yang Berhormat Arau itu masukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya kerana memang benar bahawa tujuan kerajaan untuk menubuhkan balik kementerian ini hendak membangunkan usahawan. Saya memang sokong. Akan tetapi janganlah akhirnya, hendak menyusahkan usahawan.

Ini yang kita minta dan mestilah menjadikan kementerian yang lebih hebat daripada kementerian-kementerian yang lain kerana bila kita hendak jadi usahawan, hendak berniaga, kita kena ada modal. Ini RM400 juta lebih, RM445 juta dapat. Ini patut semua letak di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan. Barulah Yang Berhormat Menteri ada semangat hendak tolong usahawan-usahawan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Ahli Yang Berhormat, kalau ikut senarai, semua telah berucap dan saya ingin menjemput, saya bagi ruang satu lagi. Yang Berhormat Kota Marudu, sila.

4.51 ptg.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberi peluang kepada saya memberi input kepada perbahasan di bawah B.26 Kementerian Pembangunan Usahawan. Saya ingin menyentuh sebahagian daripada apa yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat yang lain.

Satu, kementerian ini sememangnya begitu penting sekali. Hampir empat atau lima penggal dulu diberi kepada kementerian-kementerian lain dan pada kali ini, ia kembali sebagai kementerian yang *full ministry*. Akan tetapi memang mengecewakan peruntukan RM600 juta sahaja keseluruhan. Yang Berhormat Menteri seorang usahawan yang *seasoned*. *I think* amat mengecewakan. Dalam soal *entrepreneurship* ini, fokus-fokus sebelum ini adalah kepada SME, SMI. Itu yang sangat maju dan diangkat, dibantu untuk menaik taraf kepada *full fledged* usahawan.

Akan tetapi satu sektor di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan ini adalah yang 'PKKF', yang di bawah itu. *Nobody is handling this*. Akan tetapi *graduate*, kita punya usahawan kata apa yang lebih tinggi. *You have to settle the bottom*. Ini bukan saja di Sabah dan Sarawak. Masih komuniti kita buka gerai di tepi jalan, jual hasil-hasil pertanian, keropok-keropok. Dia kasi gantung saja itu tin sardin. Siapa yang beli, masuk tin. *I mean, you go to Korea, Japan*, dia punya SME, SMI, *along the way, centres of the productivity*.

Semuanya standard *labelling*, semuanya *IT-based*. Kita punya Yang Berhormat Menteri masih— orang Melayu pun dua kali lima juga di gerai-gerai kecil. *Who is going to deal with this?* Kalau kita hendak bantu *middle to SMI and to the highest*, tidak ada *feeder*, dia pun boleh potong. Saya rasa ini sangat penting dan peruntukan harus diadakan dan program yang lebih dahsyat, program yang lebih menyeluruh hendaklah dibuat.

TEKUN itu – *these are the people, to be graduated* kepada SME, SMI dan banyak yang berkaliber di peringkat itu untuk digunakan. Begitu juga Amanah Ikhtiar punya *participant*, kecil-kecil tetapi mereka perlu dibantu untuk naik taraf. Jangan fokus saja kepada SME, SMI dan seterusnya, *because the feeder must come in the bottom*. Lagipun kebanyakannya kumpulan B40. Jadi, saya mintalah pihak kementerian meneliti perkara ini supaya ada *master plan*, pelan induk untuk kumpulan usahawan kecil-kecilan khususnya di luar bandar.

Seterusnya saya pun terkejut mengenai dengan TEKUN Nasional ini yang tiada peruntukannya kecuali ini dimasukkan di dalam Butiran 30000 – Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN). Terus saya bertanya, apakah program di bawah Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN) ini dan adakah dia mengambil alih program-program sebelum ini yang dibuat oleh TEKUN Nasional?

Begitu juga suruhanjaya, satu lagi Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Ini antaranya agensi yang paling lama di negara kita ini Akan tetapi dia mempunyai peranan yang sangat penting. Namun begitu Tuan Pengerusi, suam-suamlah. Penubuhan koperasi banyak tetapi kalau *check* tentang biodata, berapa peratus sebenarnya yang berjaya dan boleh berterusan? Ini kerana sering kali sekadar hidup untuk dua atau tiga tahun selepas itu, lenyap semuanya. *First three years*, dua tahun adalah bantuan geran, dana. Selepas itu, *I think a number* lah. Kalau ada 30 peratus daripada semua koperasi di negara kita ini yang kecil-kecilan, SMI, maka syukurilah.

Akan tetapi saya tahu di kawasan saya sendiri walaupun suruhanjaya aktif juga membantu penubuhan tetapi tiada *follow through* dan sayang kerana di sini boleh belajar hal-hal perniagaan dan membentuk usahawan secara berkelompok. Saya harap Yang Berhormat Menteri memberi perhatian kepada perkara ini khususnya bagi di negeri Sabah dan negeri Sarawak. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baiklah Yang Berhormat Kota Marudu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi, boleh? Bagi peluang kepada saya. *Last*.

Seorang Ahli: Tiga minit.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila. Terakhir.

4.56 ptg.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya amat bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Marudu tadi. Bila kita bercakap soal pembangunan keusahawanan, kita bukan saja boleh berpuas hati dengan apa kejayaan kita di peringkat IKS ya. Kalau kita hendak melihat bumiputera ini maju dalam bidang ekonomi, perniagaan, tentunya kita ingin melihat keusahawanan di peringkat yang lebih tinggi.

Kalau kata pemaju hartanah, perusahaan ataupun pengilangan, usahawan. *But their big skill, big time*, usahawan. *Businessman is a* usahawan. Sebagai Yang Berhormat Menteri, dengar cerita seorang usahawan yang kelas tinggi. Jadi dengan sebab itu, ekonomi bumiputera tidak sampai dua atau tiga peratus. *Participation*, penyertaan bumiputera dalam ekonomi negara tidak sampai pun lima peratus. 10 peratus itu, laporan itu perlu dilihat semula.

Jadi kita ini jauh ketinggalan ke belakang dari segi perniagaan, dari segi ekonomi. Maknanya, usaha kena lebih gigih, lebih besar lagi usaha yang perlu dilakukan dan perlukan peruntukan yang banyak sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Arau itu. Jangan malu dan jangan segan. Kena memohon peruntukan yang secukupnya. Kalau usahawan bukan bumiputera, dapat macam-macam bantuan termasuk dari segi bantuan daripada bank-bank dan sebagainya, pinjaman yang besar-besar, ratusan juta.

Kenapa tidak usahawan-usahawan bumiputera? Bantuan daripada EPF, banyak syarikat bukan bumiputera, *big time developer* pun, ataupun *big time manufacturer*, dia dapat kemudahan pinjaman bank beratus juta. Kenapa tidak bumiputera? Mereka pun ada masanya tidak boleh bayar pun duit bank. Dalam masa krisis ekonomi, dalam tahun 80-an, 90-an, berapa ramai yang kena kerajaan tolong, *bail out some of the companies*.

Jadi kita jangan *apologetic*. Jangan segan dan jangan silu kalau bumiputera ini setakat orang kata bagi *lips service* ataupun '*melepaskan batuk di tangga*'. Peruntukan TEKUN itu, okey *but we want to see more than that*. Ini pergi ke luar negara, banyak promosi yang saya tengok pada masa-masa yang lalu, bawa *big time business*. Usahawan yang sudah maju dan berjaya, mereka boleh buat sendiri, tidak perlu bantuan daripada kerajaan pun. Mereka yang perlu kerajaan bantu bawa dan sebagainya, itu adalah usahawan-usahawan yang masih ketinggalan.

■1700

Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan lebih berani dan bersemangat lagi untuk melihat kemajuan ekonomi bumiputera ini. Banyak peranan umpamanya perlu dimainkan— GLCs patut bantulah usahawan bumiputera. Apa peranan GLCs dari segi untuk menolong syarikat Bumiputera, mempromosi atau menjual produk mereka.

Saya *remember*— ingat lagi dahulu Tun Dr Mahathir semasa jadi Perdana Menteri yang keempat. Dia jadi *number one salesman* kepada sesetengah syarikat bukan bumiputera. Bawa ke Jepun, bawa ke Korea dan mereka menjadi besar dan kaya raya disebabkan dia sanggup menjadi *salesman*. Kenapa tidak untuk menjadi *salesman* kepada syarikat bumiputera?

Menteri-menteri boleh bawa— bawa ke mana, ke peringkat antarabangsa. Jadi komitmen itu kadang-kadang kita bila berhubung kait dengan bumiputera, kita berasa malu. Berasa segan, berasa takut untuk melakukan apa yang terbaik. Jadi, saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri supaya meningkatkan iltizam dan usaha. Kita hendak tengok bumiputera ini berjaya Yang Berhormat Menteri. Tak cukup dengan IKS, hari itu saya beri contoh keropok. Bukan maksudnya keropok sahaja, IKS. *You have to upgrade the Malay achievement* sampai ke peringkat jadi jutawan, bilionwan. Kalau mereka boleh kenapa kita tidak boleh? Betul atau tidak?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *The challenge is yours now*. Saya haraplah begitu, terima kasih. Kalau tak mampu esok, kitalah ambil alih pula. Macam mana nak buat.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Ahli-ahli Yang Berhormat, seramai 35 Ahli-ahli Yang Berhormat telah berbahas. Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan untuk menjawab. Tempoh masa 60 minit daripada pukul lima sehingga pukul 6 petang. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jawab dengan dahsyatnya.

5.02 ptg.

Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berbahas hari ini kerana memahami— yang memahami...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Tahniah Tanjong Piai sekali.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: ...Nanti sekejap, itu *second part*. [Ketawa] Kerana memahami fungsi Kementerian Pembangunan Usahawan. Betapa pentingnya ia menjadi satu kementerian untuk memacu pembangunan ekonomi negara yang berlandaskan kemajuan usahawan-usahawan yang menjadi teras kepada Dasar Keusahawanan Nasional yang kita telah lancarkan bulan Julai 2018.

Kalau kita lihat dalam ucapan Bajet, kita diperuntukkan sebanyak lebih kurang RM540 juta dan kita ada RM325 juta untuk perbelanjaan pembangunan dan RM214 juta untuk perbelanjaan pengurusan. Sukacita diingatkan di sini, Kementerian Pembangunan Usahawan yang diwujudkan pada tahun 2018 ada fungsi-fungsi tertentu yang kita faham apakah tugas-tugas yang perlu kita laksanakan untuk membangunkan usahawan.

Kementerian Pembangunan Usahawan tidak melibatkan dalam sebarang perolehan aset dan sebagainya ataupun dalam aktiviti-aktiviti melibatkan pembelian. Jadi kalau kita lihat dari sudut perbelanjaan itu sendiri, kalau dibandingkan dengan kementerian-kementerian yang lain maka kita tidaklah boleh rasakan yang Kementerian Pembangunan Usahawan ini menerima bajet yang tercorot sebab kita sendiri memahami tugas-tugas kita yang ada dalam dasar-dasar Kementerian Pembangunan Usahawan.

Jadi kita berhala tuju, kita bersasar. Kita tidak mahu mengadakan perbelanjaan yang contohnya dalam masa 12 bulan, adakah kita mahu membelanjakan RM4 bilion, RM5 bilion dari sudut membangunkan usahawan. Kita kena ingat dalam masa kita menubuhkan Kementerian Pembangunan Usahawan, kita mahu membudayakan rakyat Malaysia, apakah itu keusahawanan. Mereka mahu dibawa ke peringkat global, adakah ini akan memakan belanja berbilion ringgit? Kita mahu membawa satu nilai-nilai yang lebih berintegriti, adakah ini melibatkan peruntukan berbilion ringgit?

Saya rasa itu tidak perlu sebab segala peruntukan yang diberikan adalah mempunyai sasaran tertentu yang kita boleh ukur keberhasilan itu. Memang kalau kita lihat kecil, memang saya bersetuju sangat kita kena ada peruntukan yang lebih tetapi kita mengukur setakat 12 bulan dan kita akan menggunakan dalam masa sepuluh tahun yang akan datang Dasar Keusahawanan Nasional yang mendukung Wawasan Kemakmuran Bersama untuk memastikan dengan inisiatif yang kita telah bukukan dalam dasar itu sendiri lebih selari dengan apa yang kita mohon dalam peruntukan yang akan datang.

Kita kena faham Dasar Keusahawanan Nasional 2030 yang selari dengan Wawasan Kemakmuran Bersama...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tunggu *sat*, tunggu *sat*. Dengar, tunggu *sat*. Wawasan Kemakmuran Bersama bermula 2021. Apabila Kementerian Pembangunan Usahawan merangka bajet itu sendiri, tidak mengambil kira inisiatif-inisiatif yang akan kita laksanakan daripada tahun 2021 ke tahun 2030. Jadi, sukacita saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan jangkakan Bajet 2021 akan lebih— kalau dianggap hari ini tercorot, kita ada sasaran. Contohnya dalam 2021 ini, lebih daripada RM2 bilion. Walau bagaimanapun...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Walau bagaimanapun, kita sedang berbincang di peringkat kementerian-kementerian tertentu supaya ada sedikit pindaan untuk memberi rangsangan kepada pembangunan usahawan itu sendiri. Contoh baru-baru ini Jemaah Menteri di Kabinet telah bersetuju kalau dilihat dalam Ucapan Bajet, peruntukan untuk industri halal RM10 juta, *alhamdulillah* oleh sebab kita mahu lihat rangsangan itu diberikan lebih untuk membawa usahawan-usahawan ke peringkat global, maka Kabinet telah bersetuju untuk meminda yang sedang diperhalusi angkanya setinggi RM20 juta.

Ini satu pendekatan yang kita bawa. RM1 yang kita gunakan kalau kita tak cukup kita ada kaedah untuk meminda, untuk memastikan sasaran itu boleh diukur mengikut keberhasilan itu sendiri. Kita lebih berhasrat tuju. Jadinya saya tak mahu menceritakan lagi sama ada kita ini tercorot atau tertinggi, kita mempunyai asas-asas tertentu untuk mengadakan peruntukan untuk Belanjawan 2020.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Muka surat— Yang Berhormat Menteri tengok ini. Ucapan Menteri Kewangan. Perenggan 57, 58, kemudian 59, 60. Perenggan 57, peruntukan yang dibagi pada tahun 2019 ialah RM555 juta. Pembangunan Usahawan Bumiputera Geran tapi pada tahun 2020 dia hanya bagi RM445 juta. Perenggan 59, peruntukan kepada orang-orang Cina iaitu dahulu dibagi RM80 juta, sekarang dibagi kepada RM100 juta.

Kemudian kepada orang India dahulu dibagi RM50 juta, sekarang diturunkan kepada RM20 juta. Dia sebut ini usahawan. Yang Berhormat Menteri, di bawah 57 ketiga, RM133 juta akses pembayaran melalui TEKUN Nasional, SME Bank dan juga pelaburan hartanah...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Itu tadi Yang Berhormat telah— Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tapi dalam...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tadi telah disebutkan, saya akan ulas.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dalam peruntukan ini, kosong...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Ya, saya akan ulas. Bagi masa saya hendak ulas.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tapi di sini disebut RM133 juta.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Boleh saya ulas?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bukan...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Menteri baru mula ya Yang Berhormat Arau.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Sebelum spesifik kepada peruntukan RM445 juta, bagi saya menjawab beberapa soalan spesifik daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini ya.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Mohon mencelah.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tadi Yang Berhormat Parit Sulong...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Ya. Bagi saya...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Belum spesifik. Yang Berhormat Menteri cakap tentang *preamble* ini. Saya hendak masuk *preamble* ini fasal bajet ini. Boleh? Tuan Pengerusi, saya memahami Yang Berhormat Menteri sebut tadi RM500 juta diberikan kepada kementerian Yang Berhormat Menteri walaupun baru setahun lebih. Cumanya saya hendak melihat Audit Report 2018. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: 2018?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen.

■1710

Bagaimana anggaran pada tahun 2018 RM14.7 juta, tetapi kementerian Yang Berhormat hanya menggunakan RM10.8 juta bagi Program Peningkatan dan Pembangunan PKS. Program Pembangunan Vendor anggaran 2018 RM9.8 juta, tetapi kementerian Yang Berhormat hanya guna RM1.3 juta. Jadi, adakah mana ini? Saya hendak tanya Yang Berhormat sebab...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Ya okey. Boleh saya jawab? Ia sebenarnya dalam kita mewujudkan...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Sekejap. Sedikit Yang Berhormat, sedikit.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: ...Dasar keusahawanan itu sendiri, ia melibatkan *stakeholders beneficiaries*. Hari ini kalau kita lihat, saya hendak memberi kefahaman sedikit. Kebanyakan masyarakat di negara ini adalah orang panggil *reluctant followers*. Apa sahaja bentuk yang kita telah adakan untuk membangunkan keusahawanan itu sendiri, sambutan daripada masyarakat selain dari mahu menerima duit percuma, adalah amat berkurangan. Saya amat sedih. Hari ini kita membuka macam-macam peluang dan ruang, tetapi sambutan dari usahawan itu sendiri datang berjumpa MED mahu cuma duit percuma. Jadi...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh Yang Berhormat ulang itu?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Saya boleh ulang.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mereka hendak duit percuma, ulang itu. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan mengatakan bahawa orang ramai cuma minat untuk dapat duit percuma.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *[Bangun]*

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tak. Saya boleh ulang. Yes, bukan semua. Ada yang datang ke pejabat mahukan geran percuma sebelum...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, sedikit, sedikit.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tidak, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Jadinya, kita tidak boleh memberi satu bantuan tanpa hala tuju...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tidak betul ini Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, tidak betul.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Jadi kalau disebutkan tadi kita tidak wujudkan bantuan, itu akan dibawa kepada program-program vendor...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak, saya hendak katakan tadi Yang Berhormat menuduh orang ramai cuma hendak duit percuma. Itu bukan?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: *...development program. Vendor development program*, kita ada contohnya dan kita memakan masa untuk melaksanakan itu tanpa membazirkan peruntukan itu...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Peraturan mesyuarat. Semua duduk. Semua duduk. Peraturan mesyuarat.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, bagi Lenggong sedikit, menyambung yang...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat menghina orang di luar sana.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tidak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sekali lagi menghina.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, bagi peluang sedikit...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Dia kena faham...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Menghina. Tidak boleh begitu. Itu sebab rakyat marah, selalu dihina. Malaslah, duit percumalah.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Bukan. Saya tidak pernah. Saya tidak pernah

mengatakan...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, sedikit pasal peruntukan tadi.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Ya, ya.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli]: Tadi Yang Berhormat Pasir Salak yang cakap.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Saya faham. Saya faham tentang kekangan kewangan kerajaan, apatah lagi Yang Berhormat Bagan mungkin tak nak tolong sangat usahawan bumiputera ini. Tidak mengapa, tetapi saya hendak sebut...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tarik balik, tarik balik. Yang Berhormat Lenggong, tarik balik.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tarik balik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Lenggong, itu kenyataan yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Lenggong melampau.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kenyataan yang tidak bertanggungjawab.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Yang Berhormat Lenggong tarik balik. Itu adalah satu kenyataan yang tidak betul, lari daripada dasar kita sendiri...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Peraturan Mesyuarat 36(6).

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Heboh.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Siapa kata Yang Berhormat...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang adalah *floor* Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, *it is your floor now*.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita minta Yang Berhormat Menteri jangan menghina orang ramai.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri menjawab apa yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat sebelum ini. Sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat. Saya gunakan Peraturan Mesyuarat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya dulu, saya dulu.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya dulu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya dulu. Saya bawa keluar daripada tadi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya gunakan dulu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak. Saya dulu. Saya dulu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta Yang Berhormat Lenggong tarik balik kenyataan mengatakan bahawa Yang Berhormat Bagan tidak mahu membantu usahawan Bumiputera.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Nampak, ketidakadilan telah berlaku. Saya dahulu yang bangun.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri, *this is your floor now* Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat, saya sebut tadi...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Ahli Yang Berhormat, bagi saya beri sedikit kefahaman atas Dasar Keusahawanan Nasional dan juga dasar kerajaan itu sendiri. Kita kena tengok balik dalam kita hendak membangunkan negara...

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Tidak, sebab...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, saya sambung balik yang tadi Yang Berhormat Menteri. Pasal bajet tadi.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Bukan sahaja pembangunan...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Nombor satu, secara keseluruhannya kita mahu mengurangkan jurang pendapatan. Contoh kena faham.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, betul, betul. Tidak Yang Berhormat Menteri...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, saya sambung sedikit pasal bajet tadi.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Nombor dua, kita ada program-program hendak membangunkan usahawan untuk memastikan jurang pendapatan ini akan dikecilkan. Jadi, kita tidak boleh hendak sebut mengatakan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, dengan izin Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, minta...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tidak mahu membantu usahawan bumiputera, itu satu kenyataan yang mengundang kepada satu situasi yang membangkitkan kemarahan. Ini kita tidak mahu bawa dalam dasar kita.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Betul. Tidak bertanggungjawab langsung.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, saya sebut...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya beri. Yang Berhormat Menteri, saya minta peraturan mesyuarat Yang Berhormat Jelutong. Sila.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dengan izin Tuan Pengerusi. Tadi apabila bertanyakan soalan, Yang Berhormat Lenggong secara tidak langsung menuduh Yang Berhormat Bagan - secara langsung mengatakan bahawa Yang Berhormat Bagan tidak mahu membantu usahawan bumiputera. Itu merupakan kenyataan yang tidak bertanggungjawab, yang menyalahi Peraturan Mesyuarat 36(6).

[Dewan riuh]

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Saya sebut tadi mungkin, mungkin.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalau hendak bantu, bagilah peruntukan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sebutlah peraturan berapa.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Saya sebut Yang Berhormat Bagan mungkin tidak mahu bantu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: No. Itu adalah- Tidak sebut mungkin.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalau dia hendak bantu, bagilah peruntukan banyak...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawabnya.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tuan Pengerusi, meneruskan perbahasan saya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Minta penjelasan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Perangai UMNO yang rasis daripada dahulu. Perangai UMNO. Kurang ajar.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong, sila duduk Yang Berhormat Jelutong.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Saya ingin menjawab...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri teruskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, kalau Tuan Pengerusi benarkan, DAP ialah sebuah parti yang...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau, sila duduk.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Yang Berhormat Sungai Petani dan Yang Berhormat Bera yang melibatkan koperasi...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau kami rasis, kami tidak boleh menang

dengan hebatnya di Tanjong Piai.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebab fitnah macam itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bukan. Awak kata UMNO rasis. UMNO disokong...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebab gunakan fitnah macam itu.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang adalah waktu Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Saya sebutkan sekali lagi, banyak...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi kena buat *ruling* apa yang dimohon oleh Yang Berhormat Jelutong. Dia kena tarik balik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya. Saya minta Yang Berhormat Lenggong tarik balik. Minta maaf.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Lenggong melampau. Itu sangkaan jahat di bawah Peraturan Mesyuarat 36(6). Tuan Pengerusi kena buat *ruling*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta Yang Berhormat Lenggong tarik balik dan minta maaf.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Dia kena tarik balik dan minta maaf.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta penjelasan Yang Berhormat Lenggong. Sila.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kenyataan menyatakan Yang Berhormat Bagan tidak mahu membantu usahawan Bumiputera adalah kenyataan yang sungguh rasis.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, saya hendak beritahu...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta Yang Berhormat Lenggong tarik balik kenyataan yang tidak bertanggungjawab.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Perenggan 57...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Saya sebut tadi mungkin Yang Berhormat Bagan tidak mahu bantu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: 2019, dia bagi peruntukan sebanyak RM550 juta...

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat. Sila duduk, sila duduk. Sila duduk. Yang Berhormat Pendang, sila duduk Yang Berhormat Pendang. Minta Yang Berhormat Arau, sila duduk. Baik, saya minta Yang Berhormat Menteri untuk meneruskan.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Boleh saya teruskan Tuan Pengerusi? Saya...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi dengan izin, saya minta maaf. Tuan Pengerusi perlu membuat *ruling* minta Yang Berhormat Lenggong tarik balik kenyataan bahawa Yang Berhormat Bagan tidak mahu membantu usahawan bumiputera. Itu kenyataan yang tidak bertanggungjawab.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Sekarang Yang Berhormat Menteri, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Lenggong. Saya pun tadi ada dengar. Minta Yang Berhormat Lenggong. Saya kata Yang Berhormat Lenggong, bukan Yang Berhormat Arau. Saya minta Yang Berhormat Lenggong, bukan Yang Berhormat Arau.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Peraturan mesyuarat dekat Yang Berhormat Jelutong, dia kata UMNO rasis.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Saya sebut tadi...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang lain duduk. Saya minta Yang Berhormat Lenggong. Saya dengar.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Peraturan Mesyuarat 36(6), Peraturan Mesyuarat 36(6).

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Jelutong, duduklah. Duduk.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Peraturan Mesyuarat 36(6).

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Gantung Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Rasah duduk dahulu. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Lenggong, *statement* yang dikatakan oleh Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Arau, sila duduk Yang Berhormat Arau.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Saya sebut tadi, saya faham tentang masalah kewangan negara. Apatah lagi mungkin Yang Berhormat Bagan tidak mahu membantu usahawan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No, no, no.* Tidak. Jangan *U-turn* Yang Berhormat Lenggong. Kamu buat tuduhan tadi. Kamu memang buat tuduhan, kami dengar.

[Dewan riuh]

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Jelutong sebut UMNO rasis lagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tarik balik kenyataan *you*. *You say it*, tarik balik.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Jelutong tadi sebut apa? UMNO rasis tadi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tarik balik kenyataan dahulu. Tarik

balik kenyataan...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Betul, kami dengar...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, duduk. Benda yang sama juga. Yang Berhormat Lipis duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kenyataan Yang Berhormat Lenggong tidak bertanggungjawab.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kata UMNO rasis tadi.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta semua Ahli Yang Berhormat duduk, sila duduk. Yang Berhormat Lipis sila duduk. Yang Berhormat Pendang sila duduk. Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri meneruskan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, saya minta maaf. Saya minta Yang Berhormat Lenggong tarik balik kenyataan yang telah beliau ulangi.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Kita tidak boleh lepaskan Yang Berhormat Lenggong. Kita tidak boleh lepaskan Yang Berhormat Lenggong atas kesalahan...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Izinkan saya...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tarik balik kenyataan itu. Minta maaf.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak.

■1720

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Saya sebutkan tadi Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Lenggong...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Lipis duduk, duduk. Saya dengar Yang Berhormat Lenggong sebut tadi. Saya minta masing-masing tarik balik apa yang telah dinyatakan, dia bermula daripada Yang Berhormat Lenggong tadi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta Yang Berhormat Lenggong tarik balik dulu.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: UMNO rasis, tarik balik Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sudah, sudah...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tarik balik dulu, kenyataan.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Tadi saya sebut, saya sebut saya faham tentang masalah kewangan negara. Apatah lagi mungkin Yang Berhormat Bagan tidak mahu bantu usahawan bumiputera. Mungkin.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Lenggong jangan hendak menegakkan benang basah...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tarik balik kata-kata itu.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: ...Kamu sudah terlanjur kata...

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tarik baliklah, tarik balik.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Untuk apa saya tarik balik?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: ...Mengaku silap.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang patut tarik balik ialah Yang Berhormat Jelutong...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tarik balik.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: ...Sebab dia kata UMNO rasis.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak, itu kemudian...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak, kamu yang mulakan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Dia berpunca daripada Yang Berhormat Lenggong.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Lenggong kalau sudah silap...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Soal... *[Pembesar suara dimatikan]*

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik Yang Berhormat Lenggong, tadi ada perkataan tidak membantu usahawan bumiputera, minta tarik balik.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Tuan Pengerusi saya kata...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Itu *opinion* Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: ...Saya kata saya faham tentang kekangan kewangan kementerian...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Itu *opinion*.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: ...Apatah lagi mungkin Yang Berhormat Bagan tidak mahu membantu usahawan bumiputera, mungkin.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak ada, tidak ada salah situ...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Apa salah?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Tak adapun salah.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ya, tidak ada salah, *opinion*.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak ada salah.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *Opinion* berdasarkan...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak ada salah, tidak ada salah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Lenggong itu bukan ayat sebenar. Kamu buat tuduhan jahat terhadap Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Alah, kamu... [*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: *Shut up, you shut up!*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tarik balik.

[*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pendang, duduk Yang Berhormat Pendang. Yang Berhormat Lipis duduk. Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri untuk teruskan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Itu Tuan Pengerusi bagus.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Pengerusi Yang Berhormat Lenggong belum tarik balik lagi.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: ...Meneruskan menjawab...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak, ini peraturan Dewan Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Inilah Tuan Pengerusi, inilah rakyat benci ini...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: ...Mohon, mohon...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: ...Ini salah satu sebab...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak betul.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: ...Mereka kalah Tanjong Piai ini. Rakyat benci perangai mereka.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Ini bukan soal menang kalah.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Mereka...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Ini tuduhan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: ...Sampai Menteri dia orang tuduh orang lain.

[*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Saya telah terima penjelasan daripada Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Lenggong kamu tidak menyatakan tidak ada bantuan kepada usahawan bumiputera.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Perkataan mungkin tadi Tuan Pengerusi, kan saya sebut ada mungkin tadi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada mungkin, boleh rujuk kepada verbatim?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tuan Pengerusi...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: ...Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: ...Izinkan saya meneruskan...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sekejap, sekejap.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sekejap, sekejap.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: ...Menjawab soalan-soalan yang telah...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, baik.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: ...Dibangkitkan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau begitu memang menunjukkan bahawa dulu, kini dan selamanya UMNO memang rasis.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Macam mana...

[Dewan riuh]

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Tengok, tengok Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong... *[Dewan riuh]* Saya minta kedua-duanya tarik balik. Sini tarik balik, sana tarik balik. Minta Yang Berhormat Lenggong tarik balik ayat. Perkataan. Yang Berhormat Lipis, jangan menggunakan perkataan tersebut. Saya minta Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Lenggong kedua-duanya tarik balik. Tarik balik, Dewan yang mulia ini.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Tuan Pengerusi saya kata, saya faham tentang kekangan kewangan kerajaan. Apatah lagi mungkin Yang Berhormat Bagan tidak mahu membantu usahawan bumiputera.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Perkataan mungkin itu ada.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Okey, kalau mungkin itu tidak membantu tarik balik perkataan itu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya kata mungkin Yang Berhormat rasis.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Bukan bermakna saya kata...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebab itu saya kata Yang Berhormat mungkin rasis.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya. Yang Berhormat Jelutong, tarik balik juga perkataan tadi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tarik balik kalau tidak awak memang komunis.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi saya sedia tarik...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kedua-duanya tarik balik perkataan tadi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...Tuan Pengerusi saya sedia akur dan tarik balik...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Bagus, bagus...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...Kalau Yang Berhormat Lenggong tarik balik.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: ...Lain kali jangan buat lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, Yang Berhormat Lenggong sila tarik balik Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Tuan Pengerusi...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apa kata mungkin itu sahaja...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: ...Saya ulang, saya kata tadi faham tentang kekangan kewangan kerajaan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Jelutong ini selalu *belah*, langgar Perdana Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini pemikiran komunis.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pendang saya minta duduk.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Dia tidak pernah kena lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Rasis.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Dia ini bukan setakat kurang ajar...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Okey saya cakap...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: ...Mentallah dia ini.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: ...Saya tidak habis cakap saya tadi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Saya kata saya faham dengan kekangan kewangan kerajaan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Betul. Maksudnya tarik balik kalau ada betul, tarik balik.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: ...Dan mungkin Yang Berhormat Bagan tidak mahu membantu usahawan bumiputera. Mungkin.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tarik mungkin lah, tarik mungkin. Yang Berhormat Lenggong tarik mungkin.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tuan Pengerusi izinkan saya meneruskan?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri, baik sila teruskan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Saya hendak...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Jelutong keluar.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: ...Saya hendak memohon...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak sila duduk, duduk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Hari itu saya kena gantung, ini kenapa tidak boleh kena gantung ini?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila duduk, sila duduk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Gantung, gantung.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila duduk Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dua hari, dua hari. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Saya memohon Ahli-ahli Yang Berhormat sabar, bertenang sebabnya kita kena faham butiran belanjawan itu sendiri. Saya hendak menerangkan apa sahaja bentuk soalan-soalan dengan jawapan yang merujuk kepada butiran apa yang kita bahaskan hari ini. Jadi, izinkan saya teruskan menjawab pertanyaan mengenai koperasi daripada Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Alor Setar, Yang Berhormat Sungai Petani dan Yang Berhormat Bera.

DKN 2030, kita telah tetapkan dalam strategi kita koperasi sebagai pemangkin pembangunan B40. Kita ada SKM, kita ada hari ini 6.5 juta ahli koperasi, kita ada 14,000 lebih koperasi, 9,000 nya lebih kurang aktif, selainnya dalam peringkat pemantauan SKM sama ada mereka dibubarkan atau mereka diberi peluang untuk dibangunkan semula.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Kita ada di dalam koperasi berbagai-bagai *outreach programme*, berbagai-bagai inisiatif untuk orang kata itu menukarkan imej koperasi itu sendiri daripada yang disebutkan membawa beg koperasi kepada satu agensi yang boleh menjadi pemacu kepada pembangunan ekonomi negara dari sudut membangunkan usahawan. Contoh hari ini kita telah pun mendapat persetujuan dari Majlis Tindakan Kos Sara Hidup sebagai contoh untuk memastikan koperasi menjadi satu agen yang boleh membantu menurunkan kos sara hidup.

Kita membelanjakan melalui Tabung Modal Pusingan umpamanya dan juga sedikit bantuan dari kerajaan untuk mewujudkan infrastruktur di mana kalau harga beras di Perlis RM10 di Johor baru pun RM10 dan ini kita boleh dapat seragamkan dalam rantai bekalan itu sendiri untuk memastikan kos sara hidup itu akan turun. Kalau itu tidak cukup, koperasi digabungkan

dengan TEKUN untuk memastikan mereka dan telah pun melaksanakan program tertentu dan status setakat ini mewujudkan pusat pemborongan dan peruncitan dengan mengambil barangan keluaran daripada usahawan-usahawan tempatan.

Bukan itu sahaja, kita menggalakkan usahawan-usahawan daripada TEKUN untuk diberi latihan, datang untuk diberi latihan dalam usaha kita untuk meningkatkan daripada menjadi usahawan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak ya, dari segi jeruk contohnya kepada usahawan yang menggunakan...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Menteri sikit. Minta sikit.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: ... pemodenan, penggunaan inovasi dan juga...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sikit sahaja.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: ...Kaedah pendigitalan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Jadi ini ada satu pendekatan yang dibawa oleh Kementerian Pembangunan Usahawan untuk memastikan usahawan itu ditingkatkan, bukan sahaja...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tahniah. Saya cuma hendak bagi tahu kata hendak tolong, ini Koperasi Peserta Seberang Perak sudah berpuluh-puluh juta ini kerajaan hutang tidak bayar ini, apa fasal? Dia orang hendak bungkus sudah. Hendak bayar gaji pun tidak mampu.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: *Insyah-Allah* kita cari fakta itu atau makluman itu...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Betul.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: ...Dan kita akan uruskan, hari ini saya tidak ada data itu...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Koperasi Peserta Seberang Perak saya sebut nama.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: ...Akan tetapi izinkan kami melihat SKM kita ada, *regulator* saya serah untuk...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tolong...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: ...Memastikan perkara ini diuruskan dengan cara yang baik.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Tolong koperasi ya, tolong.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Menteri sikit hendak tambah.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Pembangunan...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Menteri sikit tadi itu. Saya setuju itu...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Saya ada 60 minit ini. Saya sudah tinggal 30 minit macam mana hendak jawab semua ini.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sikit sahaja, sekejap ini. Masalah hendak melatih pembangunan...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri tidak bagi laluan ya.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: ...Anak-anak muda kita dalam pembangunan usahawan yang dianjurkan oleh kementerian sekarang ini, saya yang jadi wakil rakyat pun, Ahli Parlimen pun tidak tahu macam mana mereka hendak datang, hendak dilatih menjadi seorang usahawan. Ini maknanya dari segi *marketing*, dari segi sebaran am sampai ke kampung-kampung ke luar bandar mesti kena dibuat.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Secara tidak langsung ataupun setelah saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Sungai Petani...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ini sekarang tidak ada ini. Budak-budak tidak tahu di luar bandar ini.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: ...Contohnya, itu sebab kita kena baca, Iqra', kita kena baca...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ya lah bukan semua.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Hari ini di setiap negeri dan juga zon-zon kita ada pusat sehenti keusahawanan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kena arah mereka itu supaya sampai ke bawah. *Walk a talk*. Itu yang *walk the talk* itu.

■1730

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tiap-tiap bulan kita mengadakan program-program koperasi...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tak sampai.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Program-program TEKUN di setiap bahagian dan negeri. Di situlah kita membawa pendekatan dalam...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Persatuan sebab itulah datang jumpa saya. Yang Berhormat, tidak adakah program kerajaan di bawah pembangunan usahawan. Saya kata ada ini.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Lain kali saya rasa kena hantar *register letter* kepada Yang Berhormat supaya dapatkan program-program itu.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ya, elok saya setuju sangat.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Akan tetapi itu akan meningkatkan perbelanjaan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *Marketing, marketing, marketing*. Ia jadi tanggungjawab kita kepada rakyat. Belanja pun kena belanjalah. Bagi taklimat dekat MPs.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Jadi, baru sebutkan tadi kita kena mendekati kaedah penggunaan teknologi. Saya mohon Yang Berhormat *download* segala maklumat dalam MED punya *website*...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Bukan semua pandai benda macam ini. Saya bolehlah.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Hei, kalau tak pandai kena belajar. Baru di sebutkan tadi kena ada peningkatan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sebab itu kena usaha, kena kita latih.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Kita tak boleh duduk di sini. Itu sebab kita kena ajar...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Pembangunan usahawan kena *train*, kena latih *them*. Kalau tak latih macam mana nak tahu. Ha! Apa ini!

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Ya, betul. Itu sebab antara yang lain kita kena latih pemimpin untuk memimpin.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kami pun tak dipanggil untuk pergi taklimat.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: *Train* dari mana? Kita ada banyak taklimat. Kalau nak tahu program itu saya sarankan Yang Berhormat *download* maklumat di *med.gov.my*

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya ingat panggil MP kerajaan sahaja kot, pembangkang tak panggil ini yang kami tak tahu.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: *Allahuakbar*.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri akan menjawab apa yang dibangkitkan semasa jawatankuasa sahaja.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang lain-lain itu cakap kemudianlah.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Kalau kita sebutkan pembangunan koperasi dalam dasar DKN2030 koperasi sebagai pemacu pembangunan sosioekonomi yang inklusif memperkasakan gerakan koperasi dalam kalangan B40 saya sebutkan sekali lagi, masyarakat luar bandar termasuk koperasi komuniti dan juga anak-anak muda. Membangunkan kapasiti dan keupayaan koperasi dalam sektor utama melalui perluasan akses yang setara dengan PKS. Mentransformasikan landskap ekosistem koperasi, anjakan paradigma terhadap struktur agensi koperasi serta meliberalisasikan kerangka undangan ataupun perundangan koperasi itu sendiri.

Begitu juga antara yang kita bawa hari ini adalah mengantarabangsakan koperasi dan juga mengantarabangsakan usahawan-usahawan supaya mereka boleh mendekati multinasional. Syarikat-syarikat besar di luar negara dan ini saya hendak menjawab satu soalan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bunyinya hebat, bunyinya hebat, pelaksanaannya tak ada, merosot. Meleset.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Ada. Baca, *iqra*, baca. Oleh sebab kalau kita lihat hari ini dalam masa 12 bulan kebelakangan ini tiap-tiap bulan kita membawa usahawan-usahawan ke luar negara, ke China, Eastern Europe, Jepun...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Cuba bagi tahu Yang Berhormat Menteri, apa produk yang dibawa? Apa syarikatnya?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Bawa, syarikat-syarikat pembuatan barangan halal.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya siapa cuba beritahu.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Saya akan bagi *list* kepada Yang Berhormat dalam masa terdekat. Saya mohon pegawai-pegawai kementerian bagi *lists* syarikat yang kita sudah bawa dengan produk-produk yang telah diterima pakai oleh masyarakat antarabangsa. Contoh hari ini kalau kita lihat Kerajaan Jepun, telah pun menerima baik dan telah pun mengadakan satu tempat untuk lebih kurang 60 usahawan untuk duduk di *Olympic Village* yang akan ada tumpuan pelancong sebanyak 40 juta.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Arigato gozaimasu.*

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: *Arigato haisan.*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, bagi sikit saya bangkitkan perkara tadi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, boleh tanya mengenai koperasi?

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Tadi saya bangkitkan tentang perlunya untuk kita pasarkan produk usahawan tempatan ke peringkat antarabangsa. Yang Berhormat Menteri sebut Jepun ada membantu untuk 60 usahawan, tetapi itu sebenarnya kecil...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Lebih kurang dan selalunya lebih lagi. Terpujang itu saya sebutkan tadi pada dasarnya, pada asasnya...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Okey tak apa, tak apa. Okey sekejap saya sebut...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Sekejap saya hendak bagi kefahaman sikit.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Okey.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Kita ada satu cabaran. Hari ini kalau kita lihat masyarakat di negara kita bukan sahaja di kalangan usahawan tetapi di kalangan pemimpin sekalipun...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Okey.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Adalah kita ini adalah orang kata dipanggil *hesitance follower*. Macam mana kita hendak memimpin kalau kita buat kaedah baru pun *they are sceptic about it*.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Okey.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Dia tertawa sendiri apa yang kita hendak bawa. Macam mana kita hendak jadi seorang pemimpin kalau kita menjadi *hesitance follower*. Kita tak adapun *confident*, tak ada keberanian, tak ada kreativiti.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Ya betul, saya faham itu Yang Berhormat Menteri. Baik saya setuju, saya setuju.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Jadi macam mana ini cabaran kita sebagai Menteri Pembangunan Usahawan untuk memastikan usahawan itu dibudayakan

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Baik saya setuju, saya setuju.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Lebih berani dibawa keluar negara. Ada usahawan-usahawan hari ini yang telah pun berjaya di peringkat antarabangsa. Contoh dalam industri saya sebutkan sekali lagi, contoh dalam industri air mobiliti. Siapa yang dalam global indeks, siapa yang peringkat atasan sekali yang telah *dicertifykan* dengan izin oleh PriceWaterhouse.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Habis sudah, belum habis?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Usahawan daripada negara Malaysia.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Okey, baik saya bersetuju saya harap...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Hari ini kalau saya hendak bawa contoh *space travel* dengan membangunkan usahawan-usahawan di Langkawi, di Kedah dan di Sarawak di Sabah ada juga ahli-ahli bahagian yang mengatakan ini apa cerita.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Ya, saya harap segerakanlah kereta terbang kedua, ketiga dan keempat. Tak selesai lagi.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Akan tetapi inilah pendekatan yang kita bawa hendak mengeluarkan usahawan itu daripada membuat jeruk kepada *space aviation, desterilization*.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Ya, betul saya setuju. Akan tetapi janganlah impian sahaja Yang Berhormat. Kereta terbang pertama pun tak siap sudah *announce* yang kedua, cuba saya hendak...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Itulah kehendak-kehendak Ahli Yang Berhormat. Saya ingin menjemput siapa yang berkelapangan pada hari Khamis sila datang ke... [*Tidak jelas*] untuk melihat sendiri saya naik kereta terbang.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu dron atau kereta?

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat, saya hendak sebut tadi Yang Berhormat tadi sebut tentang ada syarikat Jepun menyediakan peluang dalam 60. Okey tak apa, itu satu perkara yang baik. Akan tetapi, apabila kerajaan hari ini bertindak menjual beberapa aset dan syarikat keluar misalnya IHB Berhad yang dijual ke Jepun tadi nilainya lebih tinggi.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Kita menceritakan Tuan Pengerusi, tak ada kena mengena segala keputusan yang dibuat baik atau kurang baik adalah satu keputusan. Yang mungkin Yang Berhormat sendiri tidak memahami apa sebab keputusan itu dibuat.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Saya ingat melalui syarikat itu lebih banyak usahawan boleh dilahirkan. Usahawan dalam bidang perubatan dan sebagainya. Jadi satu kerugian bila kerajaan bertindak sedemikian.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Yang mungkin Yang Berhormat sendiri tidak memahami apa sebab keputusan itu dibuat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri ini ingat kita ini semua bodoh tidak memahamilah itulah inilah, *come on man!*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri, ini saya sudah berdiri lama sudah ini. Bagilah peluang Pontian.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Sila Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya. Jadi Yang Berhormat Menteri menyebut 14,000 buah koperasi di Malaysia, 9,000 aktif. Bererti Yang Berhormat Menteri tak sebut bererti ada 5,000 yang tak aktif. Apa yang hendak dibuat oleh Kementerian Pembangunan Usahawan untuk memastikan 5,000 koperasi yang tidak aktif itu boleh jadi aktif sebab dia melibatkan saya rasa mungkin puluhan ribu orang dalam koperasi yang 5,000 yang tidak aktif itu.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Saya hendak kongsi satu saya dijemput untuk menghadiri satu Mesyuarat Agung Koperasi. Antara 5,000 koperasi yang mungkin akan dibubarkan. Saya bertanya kepada mereka dalam ucapan perasmian saya, saya boleh tengok akaun dia. Contoh ya ini bagi contoh, kalau kita sebut pasal koperasi. Dia punya pendapatan satu tahun RM200,000, contoh. Perbelanjaan RM260,000. Apa yang kita boleh buat? Adakah kita teruskan dengan suntikan dana untuk memastikan mereka hidup? Mereka kena ada satu *business plan* yang boleh memberi keyakinan kepada kementerian untuk memberi dana kepada mereka untuk membangunkan aktiviti mereka. Untuk membangunkan koperasi itu sendiri

Ada juga koperasi yang 9,000 itu tadi telah berjaya. Kita tengok Bank Rakyat nombor satu, kita ada Koperasi FELDA, kita ada Koperasi FELCRA, kita ada Koperasi Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Kita ada banyak koperasi yang baru yang lebih ada *business model* yang saya nampak hari ini bertukar wajah daripada contoh kebanyakan kalau disebutkan 5,000 koperasi itu lebih kepada meminta dana daripada kerajaan untuk memberi pinjaman kepada ahli-ahli. Kurang ROI dan kurang pulangan. Jadi, kita membuat pendekatan membawa aktiviti-aktiviti keusahawanan yang akan memanggil masa untuk mereka dilatih, memahami, untuk mereka dibawa keluar menerokai pasaran antarabangsa dan sebagainya.

Bukan semua produk yang buatan di Malaysia boleh diterima pakai di pasaran antarabangsa. Piawaian-piawaian kena diikuti. Inilah antara usaha-usaha kita di Kementerian Pembangunan Usahawan untuk memberi kefahaman, memberi latihan untuk membudayakan mereka sendiri, untuk mereka lebih *resilient* di peringkat antarabangsa. Ini adalah satu usaha kita.

Adakah ini melibatkan belanja berbilion ringgit? Kalau kita ikut butiran saya rasa tidak. Akan tetapi saya sebutkan sekali lagi, Dasar Keusahawanan Nasional yang mendukung Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 bermula tahun 2021. Jadi saya sebutkan sekali lagi dalam Bajet 2021, kita lebih orang kata menggunakan dasar itu sendiri untuk memastikan Kementerian Pembangunan Usahawan akan dapat lebih peruntukan.

Walau bagaimanapun, saya sebutkan sekali lagi, kita sentiasa mengenal pasti apa sahaja bentuk hala tuju yang kita akan lalui dan ukuran keberhasilan program-program kita

dengan meminda perbelanjaan itu sendiri seperti saya sebutkan tadi untuk membawa usahawan ke Jepun, untuk mengadakan perkampungan pemasaran produk-produk dari Malaysia, kerajaan telah bersetuju untuk menambah dari RM10 juta kepada lagi RM20 juta maksudnya ada pindaan yang kita boleh perhalusi untuk memastikan apa sahaja sasaran kita, kita lebih dapat ukur dari segi kejayaan itu sendiri.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat...

■1740

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Izinkan saya teruskan...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri, boleh?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Koperasi Kementerian Pembangunan Usahawan melalui...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tahun 2030 ini sempat kah?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Memberi pendekatan kepada program-program penggalakan pembangunan koperasi di Malaysia. Fokus pembangunan koperasi kepada enam sektor utama termasuk – tadi saya tidak perincikan, termasuk pemborongan, peruncitan antara program pembangunan usahawan adalah:

- (i) pembangunan kedai;
- (ii) koop komuniti;
- (iii) pembangunan rangkaian nilai koperasi (BA100);
- (iv) program penggalakan koperasi;
- (v) program bantuan bukan perniagaan koperasi; dan
- (vi) program pembangunan kapasiti modal insan koperasi.

Silakan Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih...

Tuan Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Menteri, saya memang setuju sangat dengan pandangan Yang Berhormat yang mengatakan perlu peruntukan untuk membantu usahawan khususnya menerokai pasaran antarabangsa. Akan tetapi kalau kita tengok dalam butiran ini, nampaknya secara signifikan peruntukan kepada SME Corp dan juga SME Bank berkurangan. Bagaimanakah dengan adanya kekangan ini – kenapa tidak minta lebih daripada Kementerian Kewangan untuk kita memperbanyakkan? Ini kerana SME adalah pemacu ekonomi negara.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Ya.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Apakah cara dalam keadaan yang tersepit ini, apakah peruntukan yang boleh diminta supaya kita merencanakan ekonomi? Kalau tidak akhirnya kalau SME tidak boleh hidup bermaksud pertumbuhan ekonomi juga terjejas. Dana dari mana dapat dan boleh atau tidak tambah?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Faham.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya sokong kalau ditambah.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Itu sebab saya sebutkan tadi ada inisiatif-inisiatif untuk meminda tetapi kita berhala tuju dan lebih bersasar supaya apa sahaja penambahbaikan dari peruntukan dalam butiran itu, kita tambahkan. Tahun 2021 apabila kita bermula dalam usaha kita untuk menuju ke Wawasan Kemakmuran Bersama, DKN adalah satu dasar utama untuk mendukung dan menyokong wawasan itu sendiri. Di situlah kita boleh memperlihatkan di mana peruntukan boleh diselaraskan menuju kepada perbelanjaan yang diurus oleh Kementerian Pembangunan Usahawan.

Hari ini kalau disebut Kementerian Pembangunan Usahawan itu sendiri dari sudut peruntukan, kita lihat ada di MARA tetapi MARA bukan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan. Ada juga di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Industri Utama, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pengangkutan tetapi cara kita mengurus...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Menteri, boleh atau tidak disatukan?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: ...Nanti sekejap. Cara kita mengurus sebab itu kita ada *what we called* NESDC. Satu jawatankuasa bawah Kabinet untuk memastikan semua kementerian yang ada peruntukan untuk pembangunan usahawan diselaraskan di bawah jawatankuasa itu sendiri. Maksudnya tadi, kita boleh mengukur keberkesanan itu dengan jawatankuasa itu sendiri memantau prestasi kementerian-kementerian yang melibatkan diri dalam pembangunan usahawan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri, boleh tanya?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Silakan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tadi hendak mendapatkan penjelasan sebab mungkin saya salah dengar mengenai *Olympic Village* itu yang dipohon.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Yes.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Hari itu Yang Berhormat Menteri ada beritahu dalam Dewan ini bahawa kerajaan akan melantik empat buah syarikat.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Yes.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Untuk menguruskan...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: *Anchor*.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: ...*anchor*. Pada masa itu saya tanya, adakah kerajaan mengeluarkan dana untuk menjalankan program? Yang Berhormat Menteri ketika itu bercakap tidak ada, tidak dikeluarkan. Akan tetapi hari ini Yang Berhormat Menteri kata RM20 juta...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Yes.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: ...kerajaan keluarkan. Jadi yang mana satu yang betul?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Hari ini...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Adakah kerajaan akan belanja RM20 juta ataupun hanya terus bagi kepada *anchor*, empat syarikat ini untuk menguruskan?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tidak, tidak. Orang kata itu kita *facilitate*, memudahcarakan. Contoh kita hendak membangunkan tempat itu sendiri, Kerajaan Jepun cuma memberikan kawasan. Kita kena membangunkan *booths* dan *halal kitchen* dan sebagainya. Ia adalah *partnership* di antara usahawan itu sendiri dengan kerajaan.

Kita memudah cara dengan menokok tambah perbelanjaan untuk memastikan dia boleh menjadi satu perkampungan yang mana 40 juta pengunjung Olimpik boleh datang menikmati makanan, memerhatikan produk-produk usahawan tempatan dan ia ada pulangan yang begitu besar.

Contoh Olimpik Jepun dianggarkan mempunyai pasaran barangan halal sahaja sebanyak RM1.2 bilion. Jadi ini kita tidak boleh lepaskan peluang. Itu sebabnya saya sebutkan tadi kerajaan amat peka dan membuat pindaan itu sendiri dengan meluluskan peruntukan selain daripada RM10 juta yang disebutkan dalam ucapan Bajet 2020 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Ini kita punya pendekatan— kita kena mengukur *outcome* itu sendiri.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Soalan saya, berapa kerajaan sediakan?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: RM20 juta.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: RM20 juta?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Maksimum RM20 juta.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey, terima kasih.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Izinkan saya terus memberi sedikit perkongsian maklumat dalam menjawab koperasi itu sendiri tadi. Berdasarkan 100 indeks koperasi terbaik, antara koperasi terbaik adalah Bank Rakyat, Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad, Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad, Koperasi NLFCS Berhad, Koperasi Peserta-peserta FELCRA Malaysia Berhad, Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad. Kalau kita lihat dari segi perolehan oleh koperasi-koperasi yang aktif, 9,000 lebih koperasi, nilai perolehan pada tahun 2019 sebanyak RM42 bilion. Aset yang terkumpul adalah RM140 bilion dan kapitalnya sebanyak RM14 bilion.

Kementerian Pembangunan Usahawan melalui SKM menyediakan bantuan pembangunan koperasi. Ini ada hendak menjawab, sehingga RM300,000 bagi membantu koperasi-koperasi untuk menaiktarafkan dan mengembangkan perniagaan koperasi. Sepanjang Rancangan Malaysia Kesebelas ini, sebanyak 413 buah koperasi telah menerima bantuan dengan jumlah RM18 juta bagi tahun 2016 hingga tahun 2019.

Bantuan bagi penubuhan koperasi tidak lagi disediakan namun SKM menyediakan bantuan dalam bentuk *start up*, kalau hendak disebutkan ini bantuan percuma, kalau boleh dikategorikan inilah antara kita punya bantuan sehingga RM50,000 bagi meningkatkan keupayaan koperasi dalam melaksanakan perniagaan.

Macam minggu lepas baru-baru ini, kita memberikan bantuan menerusi SKM kepada lima buah koperasi di kawasan saya di kawasan Alor Gajah sebanyak RM20,000 untuk sebuah koperasi dan ini koperasi sekolah. Koperasi sekolah tadi yang disebutkan di mana budaya keusahawanan itu kena dibawa ke peringkat pengajian tinggi dan juga pengajian rendah. Di sinilah kita memberi bantuan kepada koperasi-koperasi di kawasan-kawasan tertentu di mana koperasi itu kena menunjukkan prestasi dari sudut bagaimana aktifnya atau tidak aktifnya.

Dana bantuan kepada koperasi masih ada melalui peruntukan pembangunan kerajaan dan Tabung Modal Pusingan SKM. Saya sebutkan tadi kita gunakan sebanyak lebih kurang RM40 juta untuk mengadakan infrastruktur, untuk menurunkan kos sara hidup dengan menggunakan bekalan-bekalan daripada ahli koperasi yang berusaha dan juga menggunakan kaedah *digitalization* tadi, *e-commerce* dan sebagainya. Untuk memastikan kita dalam satu ekosistem, sejumlah 6.5 juta ahli boleh dimanfaatkan oleh semua rakyat Malaysia dari sudut penurunan harga barang.

Namun bantuan kewangan kini perlu dibekalkan secara bersasar. Tumpuan kepada aktiviti keusahawanan koperasi dalam aktiviti mempunyai nilai tambah tinggi seperti pembuatan, logistik, peruncitan, pemborongan bukan hanya tertumpu kepada aktiviti kredit yang selalunya dilakukan, dijalankan, dilaksanakan oleh kebanyakan koperasi.

Ini bagi membantu rakyat meningkatkan taraf hidup dan mengurangkan beban kos sara hidup. Bantuan pembangunan masih ada terbuka kepada koperasi bagi membantu membiayai sebahagian aktiviti. KOBENA contohnya sebelum ini bermasalah dan diambil alih oleh SKM bagi tujuan pemulihan dan telah diserahkan kembali kepada anggota melalui mesyuarat agung tahunan pada 2019.

Institut Koperasi Malaysia dalam menjawab apakah fungsi kita untuk membantu melatih usahawan dalam bidang koperasi. Institut Koperasi Malaysia (IKM) melalui anak syarikat Kolej iCOOP menawarkan program-program diploma pengurusan koperasi secara sepenuh masa bagi melatih pelajar lepasan SPM untuk menjadi pengurus koperasi. Selain itu, IKM juga menawarkan program-program jangka pendek dalam bidang pengurusan koperasi untuk meningkatkan tahap profesionalisme ahli lembaga koperasi dan pengurus-pengurus koperasi. Sedikit statistik daripada iCOOP besar jumlah koperasi adalah 281, *turnover* ataupun perolehannya sebanyak RM38 bilion.

■1750

Koperasi sederhana, jumlah koperasi adalah sebanyak 545 buah. *Turnover* ataupun perolehan dia adalah sebanyak RM1.21 bilion. Koperasi kecil, jumlah koperasi adalah sebanyak

1,589 buah, jumlah perolehan sebanyak RM657 juta. Koperasi mikro adalah sebanyak 11,000 buah. Kebanyakannya, cuma menyumbang sebanyak RM295 juta.

Dalam menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Beaufort dan Yang Berhormat Kuala Pilah. Menyentuh BPKU, kontraktor bumiputera. BPKU hari ini melakukan pemantauan bagi memastikan senarai bumiputera kontraktor yang bukan Alibaba dan mempunyai kapasiti untuk menjalankan kerja yang ditugaskan. Antara usaha yang telah dilaksanakan termasuk kursus asas keusahawanan, kursus peningkatan kapasiti ke arah industri 4.0, kursus peningkatan kontraktor dan juga kursus untuk memahami pengurusan kewangan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Kuala Pilah bukan sebelah sini, sebelah sana. Dia Timbalan Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Yang Berhormat Kuala Krau, *sorry* Yang Berhormat Kuala Krau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Kuala Krau, okey.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Yang Berhormat Kuala Krau, minta maaf. MED turut berusaha bagi memastikan terdapat perbekalan kerja yang cukup bagi kontraktor bumiputera. Kalau hari ini disebutkan masih tidak cukup, kita sedang memastikan perolehan kerajaan boleh diperuntukkan untuk golongan kontraktor yang bertaraf bumiputera. Bukannya selalu disebut – saya tidak mahu sebutkan yang bukannya orang kata itu menggunakan *front* sebagai bumiputera.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Silakan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Koperasi sudah habis?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Koperasi ada lagi.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ada lagi?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Ada lagi. Kalau hendak tanya, sila tanya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ada dua soalan...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Oleh sebab masa tidak mengizinkan ini – boleh jawab.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Okey, yang pertama ANGKASA II tadi. Okey.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Itu belum sampai.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Oh! Belum sampai.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tadi...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Kedua, tentang takrifan IKS yang tidak memasukkan koperasi di dalam IKS. Jadi, *benefit* IKS seperti SME Bank dan sebagainya, koperasi tidak boleh hendak buat permohonan.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Jawapan pertama, terus jawab sebelum menunggu yang tertulis. Kalau kita lihat hari ini, koperasi sebenarnya adalah satu gergasi yang tidur. Jadi, ada kenyataan menyatakan perlukah kita mewujudkan ANGKASA II. *Yes! ANGKASA is already the APEX of* koperasi. Jadi, kita menunjukkan *narrative* itu, bukan orang kata itu sebagai satu

perkara yang mudah untuk mewujudkan ANGKASA II tetapi untuk memberi pendekatan kepada ANGKASA itu sendiri yang pentingnya kita ada *competition*. Kita tidak mahu mereka leka dalam usaha kita hendak membangun gergasi koperasi itu sendiri.

Jadi ini masih lagi kita dalam peringkat perbincangan antara ANGKASA juga, adakah perlu kita hendak wujudkan ANGKASA II dalam masa terdekat, belum ada keputusan yang muktamad. Kita cuma meneliti adakah perlu. Ini telah pun— orang kata itu merangsang ANGKASA untuk lebih giat untuk memastikan mereka ini membantu untuk membangunkan koperasi-koperasi di bawah payung mereka.

Nombor duanya, apa tadi? IKS dan juga koperasi. Koperasi ini adalah dikawal selia dan diuruskan oleh SKM. Undang-undangnya berbeza, IKS adalah di bawah SSM— syarikat. Ada hari ini kita sedang drafkan undang-undang koperasi untuk mengadakan satu kaedah. Tidak perlu sebenarnya kita mengadakan, meletakkan koperasi itu di bawah IKS. Koperasi itu sendiri boleh mewujudkan *subsidiary*. Boleh didaftarkan kepada SSM untuk mereka dimasukkan dalam kategori IKS. Terima kasih.

Daripada persoalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Tampin, orang kita ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tampin tidak ada.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Yang Berhormat Parit Sulong, melibatkan program latihan. Antara program untuk usahawan muda adalah program baharu di bawah – kita panggil PROTÉGÉ. MED menetapkan sasaran untuk melatih seramai 15,000 orang graduan setahun melalui Program *PROTÉGÉ Ready To Work (RTW)*, *PROTÉGÉ Booster*, *PROTÉGÉ Uni-Preneur*, *PROTÉGÉ Reach Out*. Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera juga ada. Kita panggil TUBE 6.0 di bawah kawal selia SME Corp. Program Tunas Usahawan Baitulmal di bawah kawal selia SME Corp. Kit Panduan bagi Perniagaan Permulaan SME Corp, Program Pembangunan Usahawan Fertigasi atau kita panggil Fertigreneur.

Berapakah jumlah yang telah dan akan dilatih bagi belia dan graduan terutamanya di Sabah? Soalan daripada ataupun perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Beaufort. Tidak ada di sini ya?

Tuan Pengerusi: Tidak ada. Bertulislah.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Juga Yang Berhormat Beaufort. Latihan siswazah di bawah INSKEN. Jadi secara keseluruhannya, INSKEN adalah Institut Keusahawanan Negara. Di situ kita ada banyak program latihan untuk usahawan. Contohnya kita ada *mentor mentee programme* di bawah INSKEN. Kita ada latihan yang melibatkan usahawan-usahawan yang mahu melibatkan diri dalam bidang *homestay*, dalam bidang *wellness*, dalam bidang kecantikan, dalam bidang F&B dan sebagainya. Ini telah memberi keberhasilan yang kita boleh ukur, yang kita boleh bagi laporan mengenai berapakah, berapa orang kah yang kita telah latih dalam bentuk— *insya-Allah* dalam bentuk butiran-butiran yang tertulis.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Adakah ada— Yang Berhormat Menteri, saya minta penjelasan sementara Yang Berhormat Menteri mencari-cari itu.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Sila, sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Adakah usahawan urut kaki diwujudkan? Oleh sebab saya tengok urut kaki ini semuanya dibuat oleh orang-orang luar. Orang luar dari Thailand, dari China dan sebagainya. Ada atau tidak orang tempatan yang usahawan yang diwujudkan untuk urut kaki? Dialah perusahaan perkhidmatan yang terbaik di antaranya. Ini bukan melawak, serius Yang Berhormat Menteri ya.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tidak, tidak – serius. Saya boleh jawab secara serius juga. Baru-baru ini, contoh kalau kita lihat, ini usahawan yang melibatkan *wellness*. Melibatkan urut-urut dan sebagainya, urut-urut yang sihat. Kita telah menjenamakan, contoh hari ini kalau kita ada MY Thai untuk urut-urut kaki dari Siam dan urut-urut kaki dan badan dari China dan kita membawa tradisional urutan Melayu untuk lebih inklusif dengan mengadakan penjenamaan yang kita panggil MY Tradisi.

Jikalau Yang Berhormat Arau mahu– *who wants to experience*, dengan izin MY Tradisi, sila pergi kepada satu pusat di *Mid Valley* di mana itu menjadi satu *anchor* untuk membangunkan usahawan MY Tradisi juga kepada yang melibatkan ibu-ibu tunggal di seluruh Malaysia. Di mana kita akan mewujudkan sebanyak 50 buah MY Tradisi *wellness center*. Ini sebagai maklumat, kalau Yang Berhormat Arau.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *Share location* lah.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: *Share location* di Mid Valley.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan isu ini sedikit sahaja. Saya hendak tahu...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Parit Sulong tidak setuju.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Urut yang dimaksudkan ini adakah mengikut patuh syariah? Maknanya pengurut perempuan, ibu tunggal mesti mengurut orang wanita.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Ya.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Jadi kalau ibu tunggal hendak urut Yang Berhormat Arau, ini masalah lain ini.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Ini saya– Yang Berhormat Rantau Panjang ya. Sila pergi ke MY Tradisi. Itu *syariah compliance*. Saya sarankan Yang Berhormat Rantau Panjang juga boleh. Kita tengok orang-orang yang memberi rawatan itu daripada golongan-golongan ibu tunggal untuk wanita. Saya sendiri sudah melawati. Dia ada surau pun kalau tidak sempat, kalau kena *que*. Kita ada pelbagai cara kaedah yang diuruskan dengan pendekatan kepada disebutkan *syariah compliance* itu tadi.

Dijenamakan semula satu pusat rawatan ini, kalau kita lihat MY Thai, China, India, Bali dan sebagainya, kita sedang membangunkan usahawan-usahawan yang melibatkan ibu tunggal di satu tempat yang dijenamakan MY Tradisi, yang bukan kerajaan laksanakan, tetapi kita memudahcarakan daripada usahawan-usahawan yang mahu melibatkan diri dalam industri itu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri, so Yang Berhormat Arau kalau pergi, *confirm* bagi ibu tunggal yang urut.

Saya hendak tanya ini, fasal INSKEN tadi. Selain daripada latihan yang diberi, tadi saya ada tanya, adakah kementerian bercadang untuk menyediakan modal permulaan perniagaan khusus kepada mereka yang telah menjalani latihan terutamanya di INSKEN ini?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Banyak. Mengadakan dana-dana tertentu bukan sahaja di INSKEN tetapi kita ada *start-up grant* dan juga *matching grant* di bawah SME Corp. di bawah MaGIC.

■1800

Akan tetapi, kita ada *start-up grant* dan juga *matching grant* di bawah SME Corp, di bawah MaGIC. MaGIC ini adalah satu agensi yang saya agak boleh memberi keberhasilan yang begitu efektif sebab ia merangkumi penglibatan usahawan-usahawan dan juga *start-up* usahawan daripada seluruh dunia.

Baru-baru ini contoh kita mengadakan satu sesi kohort, satu sesi ICS melibatkan 67 negara di mana kita pilih dan memberi hadiah dalam bentuk latihan dan juga *start-up*. Hari ini juga kerajaan telah bersetuju kalau ada usahawan-usahawan berinovasi kita membangunkan semula Cyberjaya sebagai satu pusat ataupun satu *test pad* untuk *innovation and invention* di mana kita boleh memberi galakan menerusi *cyber view* supaya mereka diberikan *start-up facility* tanpa melibatkan sebarang kos dan juga ada cadangan yang kita sedang perhalusi di Majlis Pembangunan Negara untuk memastikan mereka diberi *exemption* dari segi cukai dan sebagainya.

Ini satu galakkan kepada *start-up* syarikat-syarikat ataupun *start-up* usahawan-usahawan yang baru bermula. So, banyak lagi bantuan-bantuan yang tidak berbentuk pemberian wang percuma. Kita lebih kepada geran padanan. Kita tengok komitmen mereka. Adakah mereka serius? Ada yang datang ke kementerian menyatakan saya hendak menjadi usahawan, saya hendak duit RM50,000. Saya kata hendak buat apa? Yang Berhormat, beritahulah apa yang saya boleh buat. So, macam mana kita hendak uruskan perkara itu?

Itulah sebabnya usahawan itu kena datang pada diri mereka sendiri. Hari ini kalau kita lihat banyak usahawan yang datang, yang tahu apa yang mereka hendak lakukan. Di situlah kita memberi bantuan secara bersasar.

Kalau kita sebutkan MaGIC tadi. Kita ada MaGIC Agritech Bootcamp yang kita buat dalam September 2019, ada 13 *team*, 31 peserta untuk *identify new solution* dan kita fokus kepada inovasi dalam *agriculture* untuk menaikkan *income* kepada *agripreneur*. Kita ada *mentor mentee programme* juga di bawah MaGIC dan banyak lagi program yang saya boleh terangkan

di sini yang melibatkan— contoh tadi penggabungan institusi-institusi pendidikan dengan juga Kementerian Pembangunan Usahawan dan juga *angel investor* ataupun pelabur-pelabur untuk memastikan sebarang inovasi dari universiti boleh kita komersialkan untuk membawa *inventor* itu sendiri ataupun orang yang menginovasi itu menjurus kepada aktiviti-aktiviti keusahawanan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Menteri sikit?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Jadi contoh, kalau kita tidak buat begitu — untuk pengetahuan Universiti Pertanian Malaysia mempunyai *invention and innovation* sebanyak lebih kurang 280. 280 tetapi tidak diguna pakai dan ia mungkin duduknya di muzium. Itulah pendekatan yang kita bawa contoh UiTM, UPM kita ada *university challenge* dan sebagainya untuk memastikan kesedaran itu ataupun *invention* itu diketengahkan kepada bakal-bakal pelabur bukan sahaja dalam negara tetapi juga di luar negara.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Menteri, sikit Menteri?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Silakan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh fasal MaGIC ini. Bila Yang Berhormat Menteri sebut tadi Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia ini merupakan satu perkara yang melibatkan inovasi kepada anak muda dan universiti.

Saya sokong sangat dan saya memuji kerana MaGIC ini diteruskan dan dikembangkan. Cumanya ia akan berkait rapat dengan *intellectual property* di bawah MyIPO. Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, macam mana Yang Berhormat Menteri hendak tolong? Ini sebab, saya sudah tanya kepada kementerian sebelum ini, Kementerian Pengguna...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: KPDNHEP.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Ya. Mereka nyatakan adalah mereka akan menunggu di pejabat untuk menerima permohonan. Itu kaedah lama Yang Berhormat Menteri. Bagaimana Yang Berhormat Menteri melihat daripada kementerian Yang Berhormat supaya lebih proaktif daripada kita *outreach*, baik kita *reach out* supaya kita melihat produk-produk anak muda ini terus dinasihatkan oleh kementerian Yang Berhormat, IP terus sebab saya takut ada daripada mereka tidak IP terutama anak muda di luar bandar, mereka akan hilang nilai inovasi dan kreativiti mereka. Saya minta tolong Yang Berhormat Menteri demi anak muda Malaysia.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: *Insyah-Allah*, kita akan bantu. Tidak lagi— kita berbincanglah terus dengan KPDNHEP supaya memastikan di IP tadi dapat disegerakan untuk didaftarkan untuk membantu anak-anak muda membangunkan usaha-usaha yang melibatkan inovasi dan *invention*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, persoalan daripada Yang Berhormat Batu dan saya tidak dijawab langsung?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tunggu *sat*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kasihan Yang Berhormat Batu ini, orang suruh berhenti pula, *but you don't have to worry so much*, dengan izin masuk Barisan Nasional.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Yang Berhormat Batu ada bertanya mengenai fasal statistik TEKUN...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Fasal...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Nanti sekejap...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia minta supaya...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Dia ada minta Yang Berhormat Arau — saya hendak menjawab Yang Berhormat Batu tadi hendak membantu memberi maklumat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Ini bukan jawapan yang saya rasa amat kritikal...

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Tidak relevan.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: ...sebab banyak disebutkan fasal TEKUN— butiran mengatakan RM105 juta dan juga tidak cukup untuk ada yang bimbang daripada Yang Berhormat Kuala Kangsar menyatakan gaji tidak boleh dibayar dan sebagainya.

Sukacitanya saya maklumkan di sini, pengurusan TEKUN telah ditambahbaikkan. Jadi kalau kita ada bajet RM10 juta untuk kepentingan yang lain dan kita tidak perlu menggunakan bantuan dari kerajaan, kita tidak perlu sebab TEKUN hari ini, contoh dengan dana suntikan awal dahulu RM5.46 bilion kalau tidak silap saya, kita telah dapat pulangan sebanyak- memungut kembali RM4.67 bilion.

Jadi kita tahun lepas contoh walaupun peruntukan RM120 juta tetapi kita membelanjakan untuk pembangunan usahawan TEKUN sebanyak RM330 juta. Tahun ini kalau kita dapat RM105 juta, *insya-Allah* kita menambah dengan dana kita sendiri sebanyak RM250 juta. Sebab penambahbaikkan pengurusan itu sendiri dapat kita gunakan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, apa Yang Berhormat Batu tanya fasal, adakah bantuan...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: ...Apa yang kita pungut— Yang Berhormat Batu tanya tadi berapa *percent*...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Usahawan *online*. Saya tolong dia sebab orang tidak hendak tolong dia. *Don't worry*, kita akan beri pembelaan kepada Yang Berhormat Batu. Jangan berhenti, okey.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Yang Berhormat Batu sudah terjawab. Saya rasa dia tanya berapa banyak yang kita telah belanjakan ataupun *the outcome from* TEKUN punya pembiayaan.

Saya sebutkan sekali lagi pulangannya begitu memberangsangkan. Jadi kita tidak perlu runsing Yang Berhormat Kuala Kangsar, yang kita tidak mempunyai dana untuk menguruskan TEKUN. *In fact, the performance* dengan izin TEKUN hari ini saya sungguh bangga, kerana lebih

menyasar, kita bukan memberi pembiayaan tetapi kita membangunkan usahawan. Itu pendekatan yang kita buat.

Kalau kita dulu kita bagi wang untuk kita bantu mereka tapi kita bantu lebih membantu membangunkan usahawan bukan membantu pembiayaan. Jadi naratif sudah bertukar, sudah bertukar sedikit untuk memberi kefahaman. Kalau disebutkan ada pengurangan dari segi tenaga kerja, *in fact* kita telah menambah di setiap negeri dengan adanya dana pengurusan yang kita boleh belanjakan tanpa mengharapkan bantuan kerajaan tanpa menggunakan duit kerajaan — hari ini setiap negeri kita telah melantik Pegawai Pembangunan Usahawan TEKUN. Dulunya tidak ada. Dulu Pegawai Memberi Pembiayaan. Hari ini kita telah tambah dengan kaedah menggunakan Pegawai Pembangunan Usahawan TEKUN.

Jadi dia akan menjadi bapa angkat untuk memastikan RM10,000 yang diberi ada *immediate outcome*, ada ukuran *performance* dan sebagainya dan secara— ada yang kita terlihat dalam masa 12 bulan ini pun kita telah memberi dana yang lebih sebab mereka telah memberi pulangan, kita *double up* ada yang telah diberi RM50,000 dalam masa terdekat telah membayar balik, kita gandakan dari segi untuk membangunkan kapasiti, dari segi untuk *automation* kaedah penggunaan mekatronik dan sebagainya.

Contoh, orang usahawan dari Sabah hari ini telah kita beri pembiayaan untuk *automation* ibu tunggal untuk mengeksport kuih cincin di Kanada. Kalau dulunya di Malaysia sahaja tetapi oleh sebab kapasiti itu ada kita memberi pembiayaan untuk eksport ke negara Kanada. Ini contoh di antara lain yang kita lakukan. Ini statistik yang saya boleh bagi, di mana penurunan NPL itu sendiri sebab kita lebih mendekati usahawan sebagai rakan kepada TEKUN itu sendiri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, tadi saya tanya fasal *vape* dan juga skim siswazah. Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak mahu jawab tidak apalah saya...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Bukan saya tidak hendak jawab. Saya cuma boleh memberikan pendapat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau Yang Berhormat tidak dapat jawab, saya hendak tarik balik ucapan saya tadi boleh tidak, Yang Berhormat Tuan Pengerusi? Saya hendak tarik balik ucapan tadi, saya minta supaya tambah peruntukan, dia tidak mahu. Jadi saya tarik balik boleh tidak?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Saya tidak kata tidak mahu, kita ada pindaan-pindaan yang berhala tuju. Contohnya, dengan mengukur apa yang kita mahu laksanakan dengan adanya proforma keberhasilan itu sendiri. Jadi kita tidak kata...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat takut dekat Yang Berhormat Bagan?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Saya tidak takut dekat Yang Berhormat Bagan, saya tidak takut dengan siapa-siapa, saya takut dengan Allah SWT.

[Tepuk]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat akan jawab semua soalan tentang TEKUN ini ataupun bertulis?

■1810

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Saya sebab banyak orang kata itu soalan-soalan yang berbangkit ketika saya mahu menjawab secara spesifik, kalau hendak dikatakan TEKUN lagi, pencapaian bayaran balik dari Januari ke Oktober 2019, pencapaian sebanyak RM402 juta bersamaan 80 peratus. Ini melambangkan kalau dahulu kalau kita tidak boleh pungut 38 peratus, hari ini kita telah kurangkan kepada sebanyak 19 peratus. Manakala bagi Parlimen Kuala Krau, pencapaian sebanyak RM1.3 juta bersamaan 68 peratus berbanding RM1.9 juta. Yang Berhormat Kuala Krau ada? Tiada?

Tuan Pengerusi: Dia dah balik.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Peruntukan SPUMI untuk masyarakat India sebanyak RM20 juta, adakah termasuk dalam bajet yang telah diluluskan sebanyak RM105 juta. Peruntukan RM5 juta adalah daripada peruntukan pembangunan dari baki RM15 juta adalah penggunaan dana dalaman TEKUN.

Berapa peratuskah bilangan, ini daripada Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Menteri. Saya hendak mencelah sedikit sahaja.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Dipersilakan.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Saya hendak hanya memandangkan ada beberapa kali ada pihak memberitahu katanya dahulu TEKUN sebanyak RM50 juta dan sekarang sebanyak RM20 juta. Sebenarnya untuk masyarakat India, sebelum kerajaan lepas pun sebanyak RM20 juta, sekarang pun sebanyak RM20 juta. Sejumlah RM50 juta adalah untuk sekolah-sekolah Tamil dan sejumlah RM100 juta kepada SEDIC, sekarang kepada MITRA. Maknanya, tiada pengurangan. Diharap...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Ya. Akan tetapi SEDIC adalah diuruskan oleh kementerian yang lain.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Ya, RM100 juta. Akan tetapi, TEKUN itu bukan daripada RM50 juta, memang RM20 juta kepada RM20 juta. Terima kasih.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Yes. Akan tetapi yang lain itu macam SEDIC, diuruskan oleh kementerian lain. Walaupun ada saranan supaya kita uruskan, tetapi kita mahu menguruskan kita biarkan mereka uruskan dan kita ada cara-cara untuk mengukuhkan keberhasilan itu sendiri.

Yang Berhormat Parit Sulong ada bertanya berapa peratus bilangan usahawan wanita yang telah mendapat...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat. TEKUN tadi sebanyak RM50 juta, sekolah SJK(T) sebanyak RM50 juta. Itu mungkin tidak berapa tepat daripada Yang Berhormat Segamat.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tiada kaitan. SJK(T), tiada. Itu untuk usahawan.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Itu tadi yang maksudnya bila dikatakan dahulu TEKUN dahulu untuk masyarakat India dapat sebanyak RM50 juta...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Para 15.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Akan tetapi, tadi yang dibawa sebanyak RM50 juta. Akan tetapi berdasarkan apa yang saya semak adalah RM20 juta, RM20 juta. Tiada pertambahan dan tiada pengurangan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Segamat. Baca ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan para 60. Yang Berhormat, saya ada, maklumat saya lengkap. Tidak ada masalah. Bila disebut peruntukan orang India pada 2019 sebanyak RM50 juta, sekarang turun tinggal sebanyak RM20 juta pada tahun 2020.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Para 16?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Buka para 60, TEKUN.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Okey, saya hendak menjawab Yang Berhormat Parit Sulong. Yang Berhormat Parit Sulong ya.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Para— RM20 juta.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Okey Yang Berhormat Menteri, saya menunggu ini jawapan untuk Parit Sulong.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Muka surat berapa?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Yang Berhormat Parit Sulong, berapa peratus bilangan usahawan wanita yang telah mendapat pembiayaan TEKUN. Tahun 1998 hingga 31...

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Menteri. Ini saya hendak *just* pastikan, hendak tolong juga.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau mengelirukan Dewan.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Muka surat mana Yang Berhormat Arau? Perenggan mana dan muka surat mana? [*Sambil menunjukkan senaskhah dokumen*]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, pertama sekali untuk 2018. Pada tahun 2018...

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Muka surat mana dan perenggan yang mana?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekejap ya. Pada tahun 2018, Melayu sebanyak RM555 juta. Kemudian pada tahun 2020, sebanyak RM445 juta. Cina sebanyak RM80 juta dan sekarang naik sebanyak RM100 juta. Orang India daripada sebanyak RM50 juta turun ke RM20 juta. Kemudian, ini dimasukkan dalam ucapan ini, tidak disebut ini. Yang Berhormat tengok peruntukan pada tahun 2018, 2019.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Para 20.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Walau bagaimanapun, tidak ada masalah sebab telah direkodkan dalam Parlimen ucapan saya dengan hebatnya.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Ada 20.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Para 20 yang tahun depan, tetapi...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Sejak tahun 1998, Yang Berhormat Parit Sulong...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat, itu Yang Berhormat Pekan punya bajet *kot*.

Tuan Pengerusi: [*Ketawa*] Kita ambil jawapan Yang Berhormat Menteri ya.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Sejak tahun 1998 hingga 31 Oktober 2019, ini untuk Yang Berhormat Parit Sulong. TEKUN telah menyalurkan sejumlah RM2.7 bilion daripada keseluruhan RM5.6 bilion iaitu hampir 50 peratus daripada nilai pembiayaan kepada usahawan wanita. Dekat sebanyak 50 peratus itu. Banyak itu tidak?

Akan tetapi, saya hendak nyatakan di sini, hendak tahniahlah kepada usahawan-usahawan wanita TEKUN ini. Mereka adalah masyarakat yang berdisiplin untuk membayar balik kepada TEKUN dan ini memberi kita keyakinan untuk memberi bantuan yang lebih. Dari segi bilangan pula, TEKUN telah menyalurkan sebanyak 319,803 pembiayaan daripada keseluruhan sebanyak 575,870 iaitu 56 peratus daripada usahawan wanita.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri. Okey, terima kasih di atas *figure* yang diberikan. Cuma saya hendak tanya, daripada jumlah peminjam lelaki, berapa peratus sahaja yang membayar?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: [*Ketawa*] Kalau kita ikut kadar NPL yang saya sebutkan tadi yang telah menurun bawah daripada 20 peratus...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jangan jawab, nanti terhina lelaki.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Ia lebih bawah daripada 20 peratus, kebanyakannya adalah daripada golongan adam. Itu sahaja boleh sebutkan. *Overall, about less than 20 percent* kebanyakan dari golongan adam dan wanita adalah atau kaum hawa adalah lebih berdisiplin dalam menunaikan tanggungjawab untuk membayar balik kepada kerajaan. [*Tepuk*]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya sokong sebab ibu kita ialah wanita.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Yang Berhormat Parit Sulong ada juga bertanya TEKUN akan [*Tidak jelas*] atau dibubarkan di bawah MED. Kalau apa pun dia akan ditingkatkan. Ada juga perbincangan untuk menjadikan TEKUN sebagai institusi kewangan untuk membantu *micro entrepreneurship*.

Itu terpulang kepada kerajaan sama ada kita boleh menjenamakan atau strukturkan semula TEKUN tanpa pergantungan kepada kerajaan. Ini sebab kita TEKUN, dari segi kesihatan kewangan itu sendiri, tahun hadapan kita akan mula membayar balik kepada kerajaan sebanyak lebih kurang RM20 juta satu tahun. Jadi, ini adalah orang kata untuk membaiki dari segi pengurusan di mana kita sudah mula pun membayar balik kepada kerajaan dengan dana yang diterbitkan dahulunya sebanyak RM5.6 bilion.

TEKUN telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif untuk memulihkan hutang lapuk daripada peminjam. Kejayaan TEKUN Nasional mengutip balik sejumlah RM135 juta ataupun

sebanyak 26 peratus daripada jumlah RM520 juta hutang lapuk. Maksudnya kita walaupun dahulu ada *write-off*, hari ini kita *write-back* sebanyak 50 peratus. Dekat 50 peratus hari ini di mana kita masukkan balik kepada tabung TEKUN untuk kita salurkan kepada usahawan-usahawan untuk membangunkan mereka.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Daripada Bera boleh?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Sila.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ada dua perkara besar yang saya bangkitkan tadi. Pertama, dari segi kelewatan kelulusan sesuatu permohonan. Saya dah cadangkan tadi supaya kalau yang sejumlah RM5,000 hingga RM50,000 itu, proses di peringkat daerah sahaja dan kelulusan di peringkat daerah. Itu yang pertama.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Ya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Kedua, dari segi jumlah pinjaman. Saya percaya kita hendak memperbesarkan perniagaan usahawan kita. Tadi Yang Berhormat Pasir Salak sebut usahawan kita ini banyak fokus kepada makanan, kerepek dan sebagainya. Kalau kita hendak kembangkan perniagaan mereka, yang pertama dari segi *packaging*, itu mesti baik. Kalau setakat dalam plastik dan ditampal fotostat sahaja, *sticker* sahaja dari segi produk tersebut, tidak menarik dan tidak boleh hendak bawa ke pasar raya dan sebagainya.

Jadi, bukan sahaja di antarabangsa, di peringkat antarabangsa tetapi di peringkat *local* pun, di *supermarkets* tidak akan dibenarkan masuk produk-produk seperti itu. Ini kerana *packaging very important*. Jadi, kalau setakat sebanyak RM5,000 atau setakat sebanyak RM50,000 atau sebanyak RM100,000, jadi mungkin tidak mampu untuk mereka membuat *packaging* yang baik dan sebagainya termasuklah *marketing*. Jadi, saya cadangkan tadi supaya ditingkatkan dari segi jumlah pinjaman sehingga ke RM300,000 dan sebagainya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini sama, mengenai TEKUN.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Dalam pendekatan dari sudut pembaikan bantuan TEKUN itu sendiri Yang Berhormat, kita membawa pendekatan yang baharu. Contohnya, untuk *upscaling*, untuk *capacity building* dengan adanya kelompok-kelompok tertentu, jadi kita melantik *anchor*. Contohnya di Terengganu, kita memberi usahawan TEKUN untuk melibatkan diri dalam usaha-usaha bekerja industri fertigasi.

Kita mengadakan satu kelompok. Kita melantik seorang *anchor* yang berpengalaman yang boleh menguruskan kewangan itu sendiri. Jadi, kita ada 20 usahawan yang kita latih iaitu usahawan TEKUN yang mahu berusaha dalam industri fertigasi. Seorang kita bagi sebanyak RM20,000. Itu kos yang kita nampak untuk membangunkan usahawan itu untuk menjana pendapatan lebih daripada RM4,000 sebulan, contoh.

■1820

Kita adakan kelompok itu sendiri dalam *scale* yang besar, kita bawa ke pasaran dalam *scale* yang besar. Kalau 20,000 kali 20 orang kita mendapat dana yang besar dari segi mewujudkan infrastruktur untuk fertigasi itu sendiri. Jadi itu menjawab soalan itu tadi. Kita tidak mahu *cap*-kan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri sikit.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Sebarang bantuan untuk usahawan itu kepada 5,000, 10,000 ataupun 20,000. Secara dasar, kita ada orang kata *to a blanket guideline* mengatakan 100,000. Kita tidak boleh hendak menyatakan kita hendak mengadakan 200,000. Akan tetapi secara sasarannya kalau ada usahawan TEKUN yang melibatkan pembangunan mereka sendiri yang memerlukan dana yang lebih kita akan teliti supaya mereka diberi bantuan dengan mengukur keberhasilan itu sendiri, dengan kefahaman daripada pengurusan TEKUN itu sendiri, ya.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri sikit fasal fertigasi tadi.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Ini dulu Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak sambung maksud proses pinjaman.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Proses pinjaman itu kalau..

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak sebut sebagai proses juga.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Ya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tadi saya hendak tanya, adakah dasar ataupun peraturan yang betul kalau kita orang hendak pinjam kedai, hendak pinjam hendak meniaga, hendak guna kedai maka syaratnya kena sewa kedai dulu, baru boleh dapat pinjaman? Adakah diberikan? Macam dulu kita buat kelulusan bersyarat ertinya kita bagi lulus dulu baru cari kedai. Sekarang ini kena cari kedai dulu baru boleh pinjam. Jadi, itu betul atau tidak betul?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Rata-rata perkara ini bukan sahaja di TEKUN, di SME Bank pun ada juga peminjam-peminjam yang datang jumpa saya menyatakan perkara yang sama. Jadi, saya telah mengarahkan nombor satu, supaya kita kaji semula. Kalau kita boleh luluskan pinjaman TEKUN dahulunya dalam masa seminggu, hari ini 14 hari kita pasti kita boleh kurangkan lagi. Kita sedang menggunakan kaedah teknologi terkini menggunakan *digitalization in economy or so called*. Dalam bulan depan SME Bank contohnya akan melancarkan skor akses di mana dalam satu hari kita boleh memastikan sama ada dia layak atau tidak dan ini akan dikembangkan kepada TEKUN, dikembangkan kepada Co-opbank contohnya dalam satu platform *e-commerce* yang boleh mengadakan data-data kepada peminjam.

Kalau contohnya SME Bank kata dia tidak layak meminjam sebanyak ini di SME Bank secara automatik dalam masa 24 jam akan dilihat ataupun dikaji oleh TEKUN menggunakan skor

akses itu sendiri. Ini pendekatan baharu supaya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bera tadi, di mana kita mahu kurangkan masa untuk meluluskan pinjaman itu dan juga kita hendak *decentralize*. Dengan adanya skor akses itu tadi, pegawai-pegawai pembangunan TEKUN yang dilatih boleh mendekati usahawan itu sendiri untuk memastikan dia layak dan boleh memberi jaminan yang mereka diberi bantuan secepat mungkin.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih, sikit fertigasi.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Itu saya harap menjawab Yang Berhormat Bera. Silakan Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Pengerusi: Ya silakan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Kalau TEKUN ini membuat *capping* RM25,000 saya ada pengalaman Yang Berhormat Menteri buat fertigasi.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Kita tidak ada *capping*.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Jadi cumanya apabila dia berikan RM20,000 ini, saya ingat ia tidak mencukupi kerana apa yang paling pentingnya adalah pasaran itu.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Betul.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Jadi kalau RM20,000 hanya dapat dalam 1,500 pokok ia tidak mencukupi Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tidak, itu sebab saya sebutkan tadi.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Itu sebab saya cadangkan supaya apabila kita hendak bagi kepada anak-anak muda ini, kita mesti ada dua dana. Dana untuk memulakan dengan dana untuk *extend*. Apabila anak muda terpaksa buat dahulu Yang Berhormat Menteri, bukan mudah membuat fertigasi Yang Berhormat Menteri, bukan sesenang kita cakap kerana apa ia melibatkan banyak perkara.

Itu sebabnya saya cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya pegawai TEKUN ini harus begitu terbuka dalam untuk meluluskan dan saya harap sangat RM20,000 ini jangan sampai ke peringkat

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Fertigasi RM5,000 tidak cukup, RM10,000 tidak cukup tetapi kita membuat analisis sendiri dan membuat perbandingan dengan Kementerian Asas Tani di mana untuk menjalankan aktiviti fertigasi oleh usahawan-usahawan, kapasiti sendiri atau kebolehan itu sendiri kita boleh berisiko sebanyak RM20,000 hari ini.

Itu *start up* tetapi kalau kita lihatkan ada kemajuan dari segi membangunkan industri itu kita akan tambah. Apa yang pentingnya kita tidak mahu usahawan ini tidak ada keyakinan apabila keluaran itu tidak dapat pasaran, itu yang mustahak. Kalau hari ini di Terengganu dengan pendekatan kita kepada *mentor-mentee* atau *anchor* itu sendiri, kita telah ada 4,000 usahawan yang melibatkan diri dalam fertigasi dan kita akan membangunkan secara berskala dalam masa yang akan datang *insya-Allah*.

Tuan Pengerusi: Mungkin Yang Berhormat boleh menggulung sekarang, masa kesuntukan.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Jadi masa pun sudah singkat. Tadi saya sudah sebutkan pelbagai fungsi Kementerian Pembangunan Usahawan. Sukacitalah saya hendak maklumkan sekali lagi kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, fungsi Kementerian Pembangunan Usahawan ini adalah untuk membentuk budaya keusahawanan. Tidak melibatkan perolehan yang besar, ia melibatkan perbelanjaan untuk skim-skim latihan, skim-skim pembukaan pasaran, skim-skim perbadanan dan juga skim-skim untuk...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Soalan ini sebab Yang Berhormat ini, saya hendak tanya kenapa peruntukan kepada orang India dikurangkan daripada RM50 juta kepada RM20 juta. Pada tahun 2018..

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Goreng nasi goreng basilah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Masyarakat India telah diberi RM50 juta untuk Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga yang akan memanfaatkan 35,000 usahawan tetapi pada tahun lepas hanya diberi RM20 juta. Itu sebab saya – peminggiran berlaku. Ini untuk jawapan kepada Yang Berhormat Segamat tengok.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri sudah hendak gulung.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Bagi RM50 juta, RM30 juta curi, RM20 juta juga bagi sama juga.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Saya habiskan ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini cakap apa ini Tuan Pengerusi saya tidak faham.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Ini tidak sekolah kah ini?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri sedang menggulung.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Cakap berdasarkan fakta.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Kita hendak membentuk..

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jangan ikut Yang Berhormat Pokok Sena.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Fungsi kita tadi saya sebutkan ialah untuk melatih membentuk budaya usahawan dan juga membentuk pemimpin yang boleh memimpin usahawan itu sendiri. Contohnya hari ini kita lihat masyarakat Malaysia. Kita ini *hesitant followers*, apa saja bentuk inovasi amat sukar untuk kita majukan di negara kita sendiri. Ini bercanggah dengan pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat di sini yang saya lihat perlu diberi kefahaman yang kita kena bergerak selari dengan pembangunan dunia.

Penggunaan *e-digitalization in economy* dipanggil, *bilateral relationship* dengan negara-negara yang mahu menggunakan kepakaran kita sendiri. Itu adalah tugas kita untuk memastikan usahawan-usahawan ini diberi kesedaran dan juga pemimpin usahawan itu diberikan kesedaran. Contoh, inovasi-inovasi yang kita galakkan yang bermula daripada hobi kita mahu menjadikan satu industri.

Kalau disebutkan tadi *air mobility* contohnya saya hendak ulangi jemputan saya kepada yang Ahli Yang Berhormat, hari Khamis ini saya akan sendiri naik *flying vehicle* ataupun *two main vehicle* dan saya jemput kalau Yang Berhormat Paya Besar hendak datang pun hendak ambil gambar, duduk atas yang terbang itu kita bolehlah sama-sama duduk sebelah.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Hati-hati Yang Berhormat, hati-hati.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ada insurans tidak? Ada insurans tidak?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Ini yang saya sebutkan tadi, *Malaysians dengan izin, are hesitant followers*. Jadi kita hendak galakkan satu-satu tempat itu dibangunkan dengan kaedah penggunaan teknologi *super drone, electric business jet* tetapi ada juga orang kata suruh pakai dengan buluh. Itu adalah langkah ke belakang.

Jadi pemikiran pemimpin kena dibuka untuk memimpin usahawan itu bukan saya seorang yang bertanggungjawab, semua kita bertanggungjawab sebagai pemimpin sama ada di peringkat kerajaan atau pembangkang untuk memastikan masyarakat Malaysia ini dibentuk dalam usaha kita untuk membangunkan Malaysia sebagai negara keusahawanan dalam tahun 2030. Secara langsung ketika itu *insya-Allah*, kemakmuran bersama dapat kita capai dan juga..

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, fasal *vape*. Usahawan *vape* 50,000 orang ini ke mana hendak di bawa mereka.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Okey, kalau itu sebahagian dari penggulungan, kalau disebutkan industri *vape* itu kita masih lagi dalam peringkat perbincangan untuk memperhalus ekosistem tersebut. Bagaimana kita hendak memantau sekiranya dipersetujui untuk diteruskan, bagaimana kita hendak membawa kaedah pemantauan itu untuk tidak mengekang pembangunan industri *vape* itu sendiri. Ini melibatkan kementerian yang lain dan juga melibatkan Kabinet untuk memastikan kita membuat keputusan yang betul, untuk memastikan tidak mengekang kepada pembangunan usahawan itu sendiri di sektor-sektor yang disebutkan tadi.

Akhir sekali saya hendak ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, yang nampaknya faham apa yang sedikit sebanyak yang saya boleh terangkan. Soalan-soalan yang ditujukan kalau tidak sempat dijawab kerana kekangan masa kita akan jawab secara bertulis terutamanya dari fakta-fakta yang melibatkan butiran daripada Belanjawan 2020.

Dengan itu sekian terima kasih, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

■1830

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi Tuan Pengerusi tidak dijemput untuk melihat kereta terbang? *[Ketawa]*

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Saya jemput kalau ada masa hari itu tidak ada persidangan dalam masa lepas pukul dua petang, sila datang ke Subang.

Tuan Pengerusi: *Insyah-Allah*.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Malam boleh terbang ke? Malam. Malam.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Malam?

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Tuan Pengerusi tidak senang. Hari malamlah, kita *special* bagi Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Kita kena ikut undang-undang. Itu saya sebutkan tadi. Kita mencari pelbagai cara untuk menidakkan kemajuan. Kita kena tukar. Tukar minda kita. Kalau tidak ada undang, kita tukar undang-undang. Jangan kita perlekehkan. Ini anak muda punya usaha. Anak muda yang disebutkan belia-belia yang bawa hobi ini dan hari ini contoh ya sebagai—minta maaf Tuan Pengerusi. Hari ini kita menggalakkan contohnya sekolah-sekolah latihan, kalau kita lihat *aviation industry* itu hari ini pertumbuhan kosong, kita hendak menggalakkan pertumbuhan industri itu dengan bermulanya melatih anak-anak muda membawa *air mobility* mendekati *air mobility* itu. Terima kasih.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Kereta terbang tidak jadi hendak *landing* ke Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Baiklah.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Parit Sulong pun ikut sekali.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Boleh, duduk sebelah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau boleh ikut tidak?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Yang Berhormat Arau, *what is your weight?*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ha?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Berapa berat badan?

Tuan Pengerusi: Dia tidak hendak beritahu.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dengan ini, saya tamatkan perbincangan ataupun perdebatan kita dalam Dewan ini. Saya sebutkan sekali lagi sekiranya jawapan tidak menepati apa yang disoalkan, *insya-Allah* kita akan jawab secara bertulis oleh sebab masa dan juga banyak *interruption* daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih sekali lagi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Seterusnya, Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM214,310,900 untuk Maksud B.26, di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM214,310,900 untuk Maksud B.26, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM325,500,000 untuk Maksud P.26 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2020 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM325,500,000 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2020]

**Maksud B.46 [Jadual] -
Maksud P.46 [Anggaran Pembangunan 2020] –**

Tuan Pengerusi: Seterusnya, Kementerian Sumber Manusia. Kepala Bekalan B.46 dan Kepala Pembangunan P.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia terbuka untuk di bahas. Jadi, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jeli. Silakan untuk memulakan perbahasan.

6.33 ptg.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tuan Pengerusi, lepas Yang Berhormat Jeli, siapa? Lepas Yang Berhormat Jeli siapa?

Tuan Pengerusi: 10 minit.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Salam sejahtera. Pertama Tuan Pengerusi, 010900 – ILMIA. Saya hendak tahu setakat mana ILMIA ini telah berjaya untuk menjadi pusat rujukan utama bagi hal-hal berkaitan dengan statistik perburuhan di beberapa buah negara Amerika dan lain-lain umpamanya. Ia memainkan peranan yang penting untuk memberi hala tuju kepada anak muda dan universiti bagi menentukan kerjaya mereka termasuklah pangkalan data. Dari sudut *staff* dan kakitangan, adakah ia mempunyai sumber yang mencukupi, RM4 juta ini yang diperuntukkan tahun hadapan? Adakah mencukupi untuk menjadikan satu *premier* agensi untuk menjana angka-angka yang lebih baik tentang isu-isu perburuhan.

Sehubungan itu, adakah ilmiah juga sudah mula kerja-kerjanya buat kajian tentang pekerjaan masa hadapan ataupun *future of work*. Bidang-bidang seperti *sharing economy*, *digital economy* dan lain-lain, inilah masa hadapan. Sama ada ILMIA bercadang untuk menjadi institusi unggul berada di barisan hadapan bagi menentukan Malaysia tidak akan terlepas daripada perubahan-perubahan dalam landskap pekerjaan dalam negara kita.

Kedua Tuan Pengerusi, berkaitan pembangunan kemahiran, Butiran 020000. Kita tahu bahawa kemahiran adalah penting dalam konteks untuk menambah pendapatan B40, penting dalam konteks Wawasan Kemakmuran Bersama, penting dalam konteks untuk menaikkan pendapatan taraf hidup rakyat. Maka, saya melihat aspek ini adalah satu aspek yang amat penting bagi Kementerian Sumber Manusia.

Untuk itu, kita hendak tambah dengan pelajar yang menyertai TVET kepada 32 peratus umpamanya. Kita ada skim latihan *dual national*, *Dual Training Programme* yang berasas kepada sistem Germany. Maka, kita hendak tahu setakat mana kejayaan SLDN ini dari segi peratusannya, bilangannya? Adakah skim ini telah mendapat sambutan yang baik daripada syarikat-syarikat swasta? Kita meletakkan harapan yang tinggi kepada sektor ini untuk memastikan rakyat Malaysia menikmati pendapatan lebih tinggi dalam usaha untuk menambah pendapatan mereka membaiki taraf hidup dalam konteks kesempitan hidup dan dalam konteks

kenaikan kos sara hidup. Maka, apabila kemahiran mereka bertambah, harapan kerajaan ialah pendapatan bertambah dan meringankan beban mereka.

Tuan Pengerusi, ketiga ialah berkaitan dengan 050800 – Karnival Kerjaya. Inilah satu inisiatif yang amat penting kerajaan. Saya hendak tahu setakat mana ia telah berjaya untuk mengurangkan umpamanya tenaga asing. Buruh asing ini satu isu yang besar dan melalui karnival ini, ia dapat menyumbang kepada usaha-usaha untuk mengurangkan penggunaan tenaga buruh asing. Peruntukan RM2.7 juta ini adakah ia mencukupi untuk memastikan inisiatif ini benar-benar memainkan peranan untuk menyebarkan peluang-peluang pekerjaan termasuklah daripada kampung-kampung. Jadi, kita hendak pastikan bahawa inisiatif ini berterusan. Masa hadapan, adakah kementerian bercadang untuk menggiatkan lagi, mengaktifkan lagi program Butiran 050800 – Karnival Kerjaya ke seluruh pelosok tanah air melibatkan sektor swasta dan juga kerajaan bagi memastikan bahawa kadar pengangguran dapat dikurangkan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, berkaitan dengan tiga institusi utama iaitu bahagian pembangunan termasuk naik taraf institusi latihan. Ada beberapa institusi latihan di bawah Kementerian Sumber Manusia termasuklah ILP, ADTEC dan Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM). Jadi, dari segi ADTEC dan ILP dan ILJTM ini merupakan agensi yang penting dalam membangunkan kemahiran rakyat Malaysia. Cumanya, dari segi komunikasinya mungkin rakyat kurang faham apa peranan ILP, ADTEC dan ILJTM ini. Adakah dari segi pelajar-pelajarnya mencukupi ataupun adakah beberapa institusi ini mengalami kekurangan dari segi minat pelajar-pelajar? Adakah ada tempat kosong? Kenapa ini berlaku dalam institusi ini?

Sehubungan ini, saya hendak tahu juga dari segi *equipment*, peralatan yang sudah pasti akan diubahsuai daripada masa ke semasa berdasarkan perubahan dalam landskap pekerjaan dalam negara kita. Isu yang dibangkitkan dalam hal menaik taraf dan juga *equipment* ini adalah setakat mana mencukupi untuk memenuhi keperluan pekerjaan semasa termasuklah kerja-kerja penyelenggaraan ataupun kerja-kerja *maintenance*. Kita kadang-kadang ada mendapat *complain*, aduan tentang ketidakcukupan peralatan ataupun peralatan yang kurang diselenggarakan.

Satu model yang terbaik mungkin adalah Penang Skills Development Centre (PSDC) yang merupakan institut latihan yang unggul dan ulung dalam negara kita tetapi ia memerlukan pelaburan yang besar. Adakah kerajaan punyai perancangan untuk menambah bilangan pusat-pusat latihan kemahiran tinggi seperti PSDC disebar ataupun diadakan di beberapa kawasan di seluruh negara?

Jadi Tuan Pengerusi, itu empat perkara yang saya hendak bangkitkan. Pokoknya, Kementerian Sumber Manusia berperanan besar untuk memastikan bahawa rakyat Malaysia dilatih mendapat kemahiran supaya pendapatan dapat ditingkatkan. Oleh yang demikian, kerja-kerja ini harus ditingkatkan lagi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Parit Sulong. Silakan.

6.39 ptg.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya terus kepada Butiran 020100 – Pembangunan Tenaga Manusia. Di Malaysia ini Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) adalah sektor utama yang membantu kerajaan membangunkan sumber tenaga manusia kepada industri. Soalan saya berkaitan dengan butiran ini adalah, sejauh manakah penerimaan majikan terhadap lulusan TVET di Malaysia? Mengapakah pekerja lulusan TVET masih dilihat sebagai kelas kedua di negara maju? Golongan ini dipandang kelas kedua sedangkan di negara maju golongan ini dipandang tinggi serta mendapat tempat sewajarnya dari segi pendapatan dan pengiktirafan.

■1840

Saya hendak mohon juga supaya kementerian menyatakan jumlah tawaran pekerjaan sedia ada yang telah ditawarkan di syarikat tempatan dan juga syarikat antarabangsa dalam negara ini bagi graduan TVET sejak transformasi TVET dilaksanakan pada tahun 2013. Apakah bentuk kerjasama strategik antara kementerian dengan pihak industri dalam menyediakan platform pekerjaan yang lebih luas ? Selain pendapatan lumayan dalam pelbagai sektor kemahiran bagi graduan di dalam bidang TVET. Apakah perancangan yang dilakukan antara kementerian bersama-sama dengan pihak lain yang berkenaan dalam meningkatkan TVET secara seperti kursus dan kepakaran yang diperlukan? Agar ia sepadan dengan standard industri antarabangsa. Jadinya soalan yang terakhir untuk butiran ini adalah, apakah ada terdapat sebarang program dan intervensi yang diterajui industri bagi memastikan graduan TVET selaras dengan keperluan industri negara?

Butiran 020200 – Pembangunan Kemahiran. Teknologi robotik, objek rangkaian Internet, *artificial intelligent*, simulasi dan integrasi sistem digital adalah antara elemen baharu yang mula mengambil alih fungsi pekerjaan dan sistem sedia ada. Hasil dapatan Laporan Pekerjaan Masa Hadapan 2018 yang dirumuskan *World Economic Forum* dalam persidangannya di Switzerland menyatakan bahawa menjelang tahun 2022, dianggarkan 133 juta jenis pekerjaan di dunia akan berubah jadi pekerjaan baharu. Manakala 75 juta lagi akan pupus akibat perkembangan teknologi. Soalan saya berkaitan dengan ini adalah, adakah kementerian telah mengenal pasti jenis pekerjaan serta sektor yang berkemungkinan tinggi terjejas ekoran ledakan era digital ini? Sekiranya ada, apakah kementerian telah mewujudkan satu senarai ataupun data khas yang boleh dirujuk dan diguna pakai oleh pihak berkepentingan dalam menambah baik sektor pekerjaan dan kemahiran pekerjaanya? Agar ia menepati tuntutan pasaran kerja teknologi tinggi pada masa hadapan. Soalan seterusnya adalah, apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi meningkatkan kemahiran teknologi para pekerja khususnya yang berada di kawasan

luar bandar? Supaya mereka boleh mengambil peranan digital lebih besar dan lebih baik di dalam industri.

Butiran 030100 – Tenaga Kerja. Pada 4 November 2019, Yang Berhormat Menteri berkata terdapat lebih 600,000 peluang pekerjaan sedia ada dalam pelbagai bidang tidak diisi kerana kurang mendapat sambutan terutama di kalangan golongan muda. Soalan saya yang berkaitan adalah, sejauh manakah kementerian telah membuat kajian terperinci untuk mengenal pasti sebab mengapa pekerjaan ini masih gagal menarik minat pekerja tempatan khususnya graduan? Adakah pekerjaan yang ada ini tidak menawarkan *career development* ataupun kemajuan kerjaya yang bersesuaian dengan latar belakang pendidikan atau kemahiran mereka?

Soalan seterusnya adalah apakah usaha proaktif yang dirangka oleh kementerian untuk menambah baik peluang pekerjaan sedia ada? Agar Malaysia tidak terus kehilangan rakyat berkemahiran tinggi ke negara-negara lain terutamanya seperti Singapura yang menawarkan prospek yang lebih tinggi dan habuan gaji yang lebih tinggi. Soalan seterusnya, apakah langkah-langkah yang diambil bersama pihak lain berkenaan dalam mewujudkan peluang pekerjaan yang bertepatan dengan kelayakan akademi serta kemahiran golongan belia? Apakah pelan jangka pendek dan jangka panjang yang telah dan akan dilaksanakan bagi mewujudkan lebih banyak program atau mekanisme bagi membantu belia mendapatkan pekerjaan?

Seterusnya Butiran 08400 – Program Skim Geran Galakan Untuk Orang Kurang Upaya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh saya mencelah sedikit?

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Okey.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kita difahamkan oleh kementerian bahawa ada lebih 600,000 kerja kosong. Akan tetapi saya difahamkan lebih daripada 500,000 daripada 600,000 itu adalah kerja-kerja asas yang bergaji rendah. Oleh kerana itulah ia tidak dipenuhi sehingga sekarang walaupun diuar-uarkan begitu rupa. Hanya 200,000 lebih kurang begitu yang gajinya agak tinggi sedikit. Jadi, apakah peranan kementerian untuk memastikan pekerjaan bergaji tinggi yang sesuai dengan kemahiran bagi menambah kepada Yang Berhormat Parit Sulong?

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Okey, masukkan sebahagian daripada saya punya ucapan untuk Yang Berhormat Menteri sendiri ada mendengar. Butiran 08400, soalan saya berkaitan dengan ini adalah, berapakah jumlah penerima di bawah Skim Galakan Untuk OKU ini? Apakah langkah dan usaha yang telah dilaksanakan kementerian bagi menggalakkan lebih ramai golongan OKU memohon geran ini? Selain daripada penyediaan geran pada OKU, adakah kementerian ada memberikan sokongan, bimbingan kepada mereka bagi memastikan geran yang mereka terima ini membuahkan hasil dan menjamin kelangsungan perniagaan mereka?

Seterusnya Butiran 90000 – *Talent Corporation*. Berdasarkan kenyataan Yang Berhormat Menteri dalam soal lisan sesi lepas, Yang Berhormat Menteri ada menyatakan sepanjang Mei tahun 2018 sehingga Mac tahun 2018 terdapat sebanyak 243,000 peluang

pekerjaan yang berjaya diwujudkan. Soalan saya berkaitan ini adalah, berapakah banyak pekerjaan yang berkemahiran tinggi yang berjaya diwujudkan daripada jumlah Yang Berhormat Menteri nyatakan tadi? Apakah usaha yang sedang dilaksanakan kementerian dengan kerjasama *Talent Corporation* untuk mewujudkan lebih banyak *high value job* dan *knowledge workers*?

Butiran 50800 – Karnival Kerjaya. Saya melihat peruntukan ada sebanyak RM2.7 juta untuk tujuan Karnival Kerjaya 2020. Soalan saya adalah berkaitan lokasi di mana Karnival Kerjaya ini akan dilaksanakan. Adakah dia bersifat setempat ataupun berbentuk jelajah? Setakat ini berapa banyak kah penyertaan daripada pihak majikan yang berjaya diperoleh? Adakah semua GLC dan IPTA akan bekerjasama dan melibatkan diri di dalam kerjaya ini? Adakah kawasan Parlimen Parit Sulong salah satu daripada lokasi yang boleh melaksanakan Karnival Kerjaya ini?

Seterusnya butiran yang terakhir adalah Butiran 010900 – *Institute of Labour Market Information and Analysis*. Merujuk kepada isi kandungan *Conference Future of Works* anjuran ILMIA pada awal tahun yang lalu terdapat top 10 pekerjaan yang semakin merosot menjelang tahun 2022. Antaranya *data entry clerk, accounting book keeping, payroll clerk, factory workers, customer service and auditors*. Menjelang tahun 2022, sebanyak 75 juta pekerjaan melibatkan bidang ini dijangka akan hilang dan diganti dengan top 10 pekerjaan baharu. Soalan saya adalah berkaitan dengan ini adalah berdasarkan kajian ILMIA ini, sejauh manakah Malaysia kini bergerak seiring dengan *new industries*? Menurut kajian dan jangkaan, adakah tahun 2020 akan menyaksikan Malaysia mengalami kadar pengangguran yang semakin tinggi disebabkan oleh *emerging market* ini? Adakah bidang pendidikan ditawarkan Malaysia kini dapat memenuhi keperluan pasaran kerja terkini? Ini kerana berdasarkan statistik *Emerging Jobs Report 2018* permintaan pekerjaan melibatkan bidang data saintis melibatkan peningkatan 15 kali ganda. Jadi, adakah Malaysia dalam masa terdekat ini sehingga tahun 2022 mampu mencapai permintaan tersebut? Atau adakah menurut kajian ILMIA permintaan ini jauh melebihi penawaran yang wujud? Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai perkara ini.

Dengan itu saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menjawab persoalan-persoalan yang saya utarakan dalam perbincangan kali ini Tuan Pengerusi. Terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Seterusnya di sebelah kanan Yang Berhormat Rasah bangun awal tadi ya? Okey. Biar saya ambil nama semula. Selepas Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Alor Setar...

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Sandakan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Padang Serai.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Sandakan.

■1850

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sandakan. Yang Berhormat Pasir Gudang dan Yang Berhormat Tebrau. Betul, lengkap ya? Selepas ini tidak adalah ya.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Sibuti juga, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Jangan risau Yang Berhormat Sibuti, saya sudah ada nota Yang Berhormat Sibuti. Ada dalam *list*. Silakan Yang Berhormat Rasah.

6.50 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang yang diberikan untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan untuk Kementerian Sumber Manusia. Ada beberapa perkara ataupun butiran yang saya hendak sebutkan.

Pertama, di bawah Butiran 040300 – Mahkamah Perusahaan. Saya nampak peruntukan di bawah Bajet 2020 lebih kurang sama dengan tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM23.7 juta. Saya anggap, bagi saya, Mahkamah Perusahaan merupakan satu platform yang sangat penting, mustahak untuk membolehkan pertelingkahan ataupun apa-apa permasalahan di antara pekerja dengan majikan dapat diselesaikan dan ia adalah satu platform yang perlu diberikan perhatian.

Jadi saya hendak sebutkan secara spesifik hari ini sebab saya tahu Yang Berhormat Menteri ketika Yang Berhormat Menteri menjadi Ahli Pembangkang di sebelah sana, Yang Berhormat Menteri antara pejuang yang sentiasa menggunakan platform yang ada untuk memperjuangkan supaya Mahkamah Perusahaan sentiasa relevan, sentiasa memberikan yang terbaik untuk menyelesaikan sebarang pertelingkahan perusahaan yang wujud di negara ini.

Jadi saya hendak kemukakan satu perkara yang saya percaya Yang Berhormat Menteri sendiri lebih arif, lebih tahu, lebih banyak pengalaman berbanding dengan saya berkenaan dengan tempoh khidmat Pengerusi. Kita panggil Pengerusi ya, Yang Berhormat Menteri, Pengerusi Mahkamah Perusahaan. Apa yang saya tahu, Pengerusi Mahkamah Perusahaan ini adalah lantikan kontrak berdasarkan pengalaman dan mereka yang dilantik itu, memang ada *qualification*, kelayakan dengan pengalaman tertentu. Bukan sebarang orang boleh dilantik. Bukan kita suka dia, kita lantik dia tetapi kelayakan yang saya anggap sangat tinggi, yang mana sekiranya mereka ini terus berada di peringkat ataupun di sektor korporat, di sektor swasta, mereka boleh senang sahaja, mudah sahaja mereka mendapat gaji bulanan lima *figure* ke atas.

Jadi pelantikan dua tahun ini bagi saya adalah satu ruang ataupun satu peluang untuk Yang Berhormat Menteri untuk tambah baik supaya kalau boleh kita lantik yang pertama, tempoh masanya lebih lama supaya mereka boleh lebih memberikan tumpuan, fokus dalam mengadili apa-apa pertelingkahan kes yang dibawa ke Mahkamah Perusahaan.

Juga sistem sekarang saya difahamkan, pelantikan dua tahun itu walaupun *renewable*, boleh diperbaharui setiap dua tahun tetapi selalunya, pembaharuan tersebut hanya dibuat selepas tamat tempoh dua tahun tersebut. Maknanya, kalau katakan dua tahun bersamaan 24 bulan, sebelum genap dua tahun, ada permohonan untuk lanjutkan kontrak dua tahun seterusnya. Akan tetapi kelulusan untuk perlanjutan tersebut hanya diberikan selepas genap dan tamat tempoh dua tahun yang pertama. Jadi berlaku satu tempoh *vacuum* di mana mereka tidak dapat bertugas termasuk kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada mereka ditarik balik.

Jadi pada tempoh ini, saya percaya, apabila berlaku tempoh *vacuum* sebegini, ia akan menjejaskan kualiti Mahkamah Perusahaan tersebut dalam menangani ataupun mengadili apa-apa pertelingkahan yang dibawa kepada mereka.

Jadi saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sendiri yang saya percaya dia lebih tahu ataupun Yang Berhormat Menteri sendiri mempunyai apa-apa kaedah. Saya cadangkan supaya sekiranya yang dua tahun itu kita teruskan, perlanjutan tempoh itu diberikan sebelum genap dua tahun tersebut. Jangan tunggu selepas dua tahun supaya ia ada keselamatan ataupun jaminan perjawatan tersebut untuk mereka supaya kelangsungan tugas mereka dapat diteruskan dengan lebih baik, lebih profesional. Oleh sebab daripada kita mengharapkan kualiti kerja daripada Pengerusi Mahkamah Perusahaan ini, kita juga perlu memberikan yang terbaik, jaminan perjawatan kepada mereka supaya kita boleh harapkan yang terbaik. Itu baru adil untuk mereka. Yang Berhormat Menteri, jadi itu perkara pertama.

Kedua, di bawah Butiran 060000 – Dasar Baru, Butiran 060100 – Mahkamah Rayuan Pekerjaan Malaysia. Saya nampak RM5 juta diperuntukkan di bawah Belanjawan 2020 pada kali ini. Saya rasa itu perkara baru dan saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah fungsi ataupun peranan RM5 juta ini sama ada untuk naik tarafkah, untuk memperkenalkan pendekatan baru, mekanisme baru dan sebagainya? Saya rasa rakyat berminat untuk tahu apakah perancangan daripada pihak kementerian.

Di bawah Maksud Pembangunan 06200 – Naiktaraf Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia di Negeri Sembilan. Kalau tahun sebelumnya hanya RM100 ribu sahaja diperuntukkan, kali ini lebih RM2 juta. Saya ucapkan terima kasih, tahniah kepada pihak kementerian dan Yang Berhormat Menteri sebab saya dari Negeri Sembilan. Tidak silap saya institut ini di Pedas. Memang banyak kerja naik taraf perlu dilakukan di institut tersebut supaya institut ini sentiasa kata orang bersesuaian dengan teknologi pada masa kini.

Oleh sebab kalau kita gunakan teknologi ataupun peralatan yang telah ketinggalan zaman untuk latih anak muda kita, macam mana mereka hendak sesuaikan diri dalam kerja di peringkat swasta yang telah menggunakan teknologi canggih. Jadi saya mengalu-alukan RM2 juta ini dan saya percaya RM2 juta ini amat bermakna kepada institut di Pedas tersebut supaya dapat menaik taraf, memperbaiki kelengkapan yang sedia ada ataupun membawa masuk teknologi baru supaya anak-anak muda yang menjadi pelatih di situ akan mendapat manfaat akhirnya.

Butiran seterusnya adalah di bawah 09500 – Kemajuan Guna Tenaga Manusia. Tahun lepas RM5 juta diperuntukkan dan kali ini sekali ganda RM10 juta. Saya hendak tanya, apakah ada apa-apa program khusus di bawah tajuk ini yang akan membawa manfaat kepada guna tenaga manusia di negara kita khasnya kepada pekerja-pekerja tempatan? Ini disebabkan kita pun sedia maklum kita hendak kurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Butiran seterusnya adalah di bawah Butiran 95000 – PPP/PFI - Bayaran Sewa Bangunan. Kalau tahun sebelumnya kosong, tahun ini sebanyak RM34.7 juta diperuntukkan.

Satu lonjakan penambahan peruntukan yang sangat mendadak, sangat tinggi. Jadi saya mohon penjelasan dan penerangan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah RM34.7 juta ini akan digunakan untuk manfaat ataupun setakat bayaran sewa? Apakah sewa tersebut dengan begitu jumlah yang begitu besar?

Perkara terakhir yang saya hendak sebutkan pada petang ini adalah berkaitan dengan strategi kelima yang digariskan di bawah belanjawan pada kali ini iaitu meningkatkan peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia di bawah tajuk, "*Malaysia kerja, graduan kerja, wanita kerja*" yang mana kalau sesiapa graduan yang tidak bekerja selama 12 bulan, masuk balik kerja akan dapat insentif RM500 setiap bulan untuk tempoh dua tahun manakala majikan dapat RM300. Sama juga untuk wanita yang sebelum ini telah tidak bekerja untuk tempoh lebih 12 bulan, dapat insentif yang sama dan insentif itu akan dimasukkan ke dalam KWSP.

Saya hendak tanya, berapakah peruntukan yang diperuntukkan di bawah ini? Adakah peruntukan ini di bawah Kementerian Sumber Manusia? Ini kerana saya nampak dalam buku itu, dalam butiran-butiran tersebut, dalam pecahan itu tidak nampak ada mana-mana tajuk khas berkenaan dengan program ini. Apakah ia terletak di bawah ini ataupun di bawah kementerian lain? Sekiranya di bawah Kementerian Sumber Manusia, berapakah jangkaan peruntukan yang diperlukan untuk pelaksanaan program ini?

Jadi itu sahaja daripada saya. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Rasah. Seterusnya Yang Berhormat Batang Lupar, tidak ada? Yang Berhormat Sibuti, silakan.

6.59 ptg.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya terus pergi kepada Butiran 010900 – *Institute of Labour Market Information and Analysis* (ILMIA). Saya ingin mengetahui, apakah perancangan pihak ILMIA berkenaan apakah jenis bentuk-bentuk pekerjaan pada masa akan datang memandangkan negara kita menekankan kepada teras yang kedua iaitu pembangunan *digital economy* dan juga penggunaan IR 4.0 di dalam pembangunan ekonomi negara? Apabila kita menyentuh mengenai IR 4.0, maka banyak penggunaan mesin ataupun teknikal di dalam sektor pekerjaan dan juga ini akan berlaku pengurangan dalam penggunaan tenaga manusia. Apakah bentuk-bentuk pekerjaan yang dapat diramalkan dalam tempoh 10 ke 15 tahun yang akan datang?

■1900

Saya merasakan adalah wajar pihak kerajaan mengkaji apakah bentuk-bentuk ekonomi masa depan dan juga bentuk pekerjaan masa depan yang akan dapat membantu perancangan kerjaya terutamanya pelajar-pelajar universiti pada masa kini.

Juga saya ingin menyentuh sedikit berkenaan tentang 010700 – Pengurusan Maklumat di mana saya melihat bilangan jawatan sebanyak 30. Saya ingin bertanyakan kepada pihak kementerian dan juga Menteri, adakah perjawatan ini disediakan untuk mengkaji penggunaan *big*

data di dalam mengenal pasti apakah paten-paten dan juga trend permohonan di dalam Kementerian Sumber Manusia. Apabila saya mengakses laman web JobsMalaysia dan juga saya klik di bahagian statistik, saya melihat banyak angka yang terdapat di dalam statistik yang disediakan. Sebagai contoh, senarai jawatan yang tertinggi hanya sekadar perjawatan N11 ataupun H11. Jumlah permohonan hampir 6,000 untuk satu jawatan.

Maka saya merasakan adalah penting di bahagian sumber pengurusan sumber maklumat ini untuk mengkaji ataupun kerajaan menggunakan *machine learning* di dalam konteks *analytics* ataupun *big data* untuk mengetahui. Ini akan banyak membantu kerana di dalam Parlimen sendiri kita banyak bercakap berkenaan data dan juga saya merasakan Kementerian Sumber Manusia wajar menggunakan teknologi *analytic* ini.

Juga saya terus pergi kepada Butiran Bekalan 46 iaitu 050200 – Emolumen Kakitangan Kontrak di mana kita melihat terdapat peningkatan daripada RM1 juta kepada RM2.885 juta. Saya ingin mendapatkan perincian apakah bentuk kakitangan kontrak yang diambil bagi tahun 2020.

Seterusnya berkenaan tentang 050500 – Elaun Pelajar Pra Perkhidmatan di mana saya melihat baru diwujudkan sebanyak RM3 juta. Apakah yang dimaksudkan elaun pelajar pra perkhidmatan? Adakah ini perkara yang telah dibangkitkan oleh Menteri Belia dan Sukan berkenaan tentang *internship* yang bermaruah, ini saya ingin tahu.

Saya ingin menyentuh Butiran 050600 – Geran Pembangunan Kesatuan Sekerja yang baru sahaja diwujudkan sebanyak RM3,153,150. Berapa banyak kah kesatuan-kesatuan NGO ini yang menerima geran? Apakah bentuk-bentuk kesatuan sekerja yang boleh memohon untuk geran ini?

Seterusnya berkenaan tentang 050100 – Elaun Pelajar Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia. Adakah ini merupakan peruntukan untuk pembayaran elaun-elaun seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rasah?

Saya juga ingin menyentuh berkenaan tentang satu Butiran P.46 di mana saya melihat terdapat dua butiran yang mempunyai tajuk yang sama, 00600 – Kemajuan Guna Tenaga Manusia yang berjumlah RM215 juta dan juga Butiran 09500 mempunyai tajuk yang sama juga, Kemajuan Guna Tenaga Manusia untuk Pembangunan P.46. Mengapa wujud dua tajuk yang sama? Apakah fungsi kemajuan guna tenaga manusia tersebut?

Saya juga ingin membangkitkan berkenaan tentang 07000 – Naik Taraf Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia di Sarawak. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di mana kita dapat melihat peningkatan yang agak ketara daripada tahun lepas sebanyak RM58 juta diperuntukkan. Saya ingin mengetahui perincian setiap institut latihan di bawah Jabatan Tenaga Manusia dan juga salah satu institut tersebut adalah ILP di bandar raya Miri.

Memandangkan bandar raya Miri dikenali sebagai bandar industri minyak dan juga ILP di bahagian Miri menyediakan kursus berkaitan tentang *piping* untuk industri *oil and gas*, saya ingin mengetahui berapakah jumlah pelajar yang akan diambil untuk pengambilan 2020. Juga

institit latihan manakah yang akan menerima naik taraf dan juga adakah keperluan-keperluan asas perindustrian lengkap di setiap institusi latihan di bawah Jabatan Tenaga Manusia.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan tentang Karnival Kerjaya, Butiran 050800 dan juga 050900 – Program Ekspresi JobsMalaysia dan Outreach. Di sinilah saya ingin menyentuh sekali lagi berkenaan tentang penggunaan *big data*. Saya juga ingin mengetahui dengan peruntukan sebanyak RM2.7 juta untuk tahun 2020, berapakah jumlah peluang pekerjaan yang ditawarkan di dalam karnival kerjaya.

Selain daripada itu, saya ingin menarik pandangan Menteri dan juga kementerian, adakah selain daripada menawarkan peluang pekerjaan di dalam negara, adakah pihak kementerian mempunyai satu cadangan ataupun satu perancangan untuk mengadakan karnival kerjaya khusus bagi tawaran kerja di luar negara. Ini bermaksud dapat memberi peluang kepada rakyat Malaysia yang ingin mencuba nasib ke luar negara tetapi peluang-peluang pekerjaan tersebut haruslah tidak menawarkan peluang pekerjaan yang menjadikan rakyat Malaysia sebagai kuli di negara luar tersebut.

Kita haruslah menawarkan peluang pekerjaan yang mempunyai kelayakan yang tinggi. Memandangkan tidak semua rakyat Malaysia mahu mencuba nasib di Malaysia kerana ada isu berkaitan tentang gaji yang rendah, mungkin kita keluar di luar kotak untuk mengadakan satu karnival kerjaya khusus peluang-peluang pekerjaan di luar negara. Ini berlaku di Sarawak, kebanyakan rakyat Sarawak mencuba nasib kalau tidak di Semenanjung Malaysia tetapi banyak mencuba nasib di Singapura dan negara-negara luar. Untuk JobsMalaysia, kalau kita lihat ataupun kalau kita...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Sibuti, Pontian.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Okey.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya lihat dalam JobsMalaysia ini ada dua sahaja kerja kosong untuk jawatan sektor awam. Satu gred B41 – Pereka, yang kedua ialah Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Sokongan. Itu sahaja yang dipamerkan. Adakah kerana kerajaan tidak lagi mengambil pekerja-pekerja? Satu lagi, adakah JobsMalaysia tidak mencari dalam sektor awam ini agensi-agensi yang berkaitan dengan kerajaan supaya mereka juga mengiklankan kerja kosong di situ. Agensi-agensi kerajaan saya lihat tidak ada. Ya, sila.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Saya baru klik laman web JobsMalaysia. Kalau kita pergi ke bahagian statistik, memang ada lagi seperti Lembaga Getah Malaysia menawarkan tawaran kerja tetapi apa yang menjadi masalah adalah tawaran kerja tersebut tersangat sedikit tetapi jumlah permohonannya agak tinggi. Saya ingin juga memberi satu cadangan kepada pihak kementerian, apabila kita mengakses aplikasi JobsMalaysia di *Google Store* ataupun *Apple Store*, kita dapat melihat banyak kritikan dan juga cadangan-cadangan berkenaan tentang aplikasi yang mempunyai '*bugs*' ataupun masalah. Saya berharap agar pihak kementerian dapat mengambil perhatian berkenaan tentang aplikasi JobsMalaysia tersebut.

Saya sekali lagi menekankan agar adalah wajar kepada pihak kementerian untuk mengambil berat berkenaan tentang *analytic* dan juga *big data* bagi mempelajari trend-trend dan juga peluang-peluang pekerjaan yang ada di Malaysia. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Selepas ini saya terpaksa hadkan ke lima minit ya, terlalu panjang. Silakan Yang Berhormat Bandar Kuching.

7.09 mlm.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya memang tidak akan memakan masa yang panjang. Saya cuma akan menyentuh beberapa butiran.

Butiran pertama adalah berkenaan kawasan Sarawak, 07000 – Naik Taraf Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia di Sarawak. Saya memang berterima kasih kepada kementerian kerana telah menggandakan peruntukan kepada butiran tersebut. Akan tetapi seperti *colleague* saya dari Sibuti, saya juga ingin bertanya di manakah secara terperinci, di manakah ini akan digunakan? Institut mana yang akan dinaiktarafkan kerana ada tiga institut seperti yang saya tahu.

■1910

Saya juga ingin bertanya, apakah status atau *progress* Institut Latihan Perindustrian (ILP) yang sepatutnya dibina di Serian? Apakah projek itu diteruskan? Apakah *progress* dan status projek itu? Bagi saya, pembinaan institut tersebut di Sarawak memang sangat penting untuk meningkatkan keluaran tenaga kerja mahir bagi keperluan industri untuk negara dan juga di Sarawak. Di Sarawak kita hendak mempromosikan lebih TVET disebabkan banyak orang muda di Sarawak terutamanya di kawasan luar bandar, mungkin mereka itu begitu pandai secara akademik atau secara kognitif tetapi mereka sangat mahir dengan secara praktikal atau tenaga kerja, tenaga tangan mereka. Jadi, saya memang menyeru agar projek tersebut kalau boleh diteruskan. Kalau tidak dibina di Serian, binalah di Bandar Kuching.

Butiran 050800 - Karnival Kerjaya. Saya memang melihat satu peruntukan yang besar diperuntukkan di sini. Akan tetapi saya juga ingin bertanya, bagaimana program ini akan dilakukan? Jika boleh, sekali lagi saya menjemput ke kawasan untuk lakukan satu karnival kerjaya. Akan tetapi saya hendak tanya, apakah prosedur atau apakah *the plan* untuk program ini? Ini kerana kalau kita selalu lakukan apa yang kita lakukan seperti dahulu, kita menyewa satu tempat yang besar, hotel yang mewah, kita buat banyak *booth* atau karnival, memang satu pelan yang baik, tetapi adakah kita memikirkan cara-cara inovatif yang lain?

Sekarang kita banyak *internet of things*. Kita ada *artificial intelligence* kita ada *big data*. Mungkin kita boleh *develop* satu *software* dengan *artificial intelligence* di mana pekerja boleh *apply through the system* dan AI tersebut dapat menapis pekerja-pekerja yang memohon dan dapat membina satu ekosistem di mana mereka dapat *connect* terus kepada majikan yang benar-benar memerlukannya. Saya percaya kalau kita, *we invest* ke dalam *artificial intelligence* atau

sistem yang baharu, kita dapat menjimatkan duit dalam jangka masa panjang dan mungkin dapat menapis semua permohonan yang ada supaya mereka dapat mencari pekerjaan yang lebih sesuai dan majikan yang lebih sesuai bagi mereka.

Butiran 030200 berkenaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Saya ingin menyentuh sedikit tentang SOCSO atau PERKESO, tentang pusat rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak yang beroperasi sejak 2014 yang bertempat di Melaka. Memang pusat ini *world class*. Ini memang penting untuk membantu orang berinsurans PERKESO ataupun pekerja untuk dipulihkan secara fizikal dan vokasional dan akhirnya kembali ke alam pekerjaan.

Saya ingin meminta, ini *wish list* sayalah. Saya ingin meminta agar satu dapat diwujudkan di Sarawak juga kerana kita tahu di seluruh *east Malaysia*, kalau kita ada pekerja seperti itu, mereka kena terbang jauh ke Melaka, ditempatkan di Melaka, tinggal untuk satu masa yang lama dan juga akhirnya kena terbang balik ke Sarawak ataupun Sabah.

Jadi, saya harap kita boleh wujudkan satu di Sarawak. Saya dengar satu akan diwujudkan di Perak. Memang saya menyambut baik jika banyak pusat rehabilitasi ini diwujudkan di seluruh Malaysia, tetapi bagi saya keperluan lebih penting di *east Malaysia*. Kalau boleh di Sarawak, kalau boleh di Bandar Kuching. Jadi saya meminta dengan itu, terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sik. Yang Berhormat.

7.13 mlm

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *Assalamualaikum warahmatullah*. Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Saya terus ke Butiran 020100 - Pembangunan Tenaga Manusia. Dalam laporan oleh Kementerian Pendidikan, menyebut sekarang sudah lebih 30 ribu graduan yang menganggur iaitu 59.9 peratus. Maknanya ada peningkatan yang agak ketara di kalangan graduan yang tidak memenuhi keperluan kerja selepas mereka tamat belajar. Begitu juga disebut oleh Jabatan Perangkaan bahawa jumlah pengangguran kita naik 0.4 peratus. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, pelan yang lebih khusus jangka panjang dan jangka pendek yang terperinci dalam soal hendak memenuhi ataupun hendak menyelesaikan, mengurangkan pengangguran dalam negara kita.

Begitu juga dalam soal jumlah buruh asing, saya mohon pihak Yang Berhormat Menteri memberikan statistik jumlah buruh asing yang mempunyai visa untuk bekerja di negara kita dan berapakah jumlah pendatang asing yang tidak ada permit yang terus bekerja. Pelan jangka panjang pihak kementerian bagaimana untuk mengurangkan tenaga buruh asing ini. Begitu juga dalam soal mengoptimumkan tenaga buruh pelarian yang ada di negara kita yang dilaporkan oleh UNHCR, sekarang sudah ada 170 ribu pelarian di negara kita. Adakah pihak kementerian melihat bahawa mereka berpotensi untuk yang disebut dengan izin, *replace* tenaga buruh yang mungkin hendak diambil oleh pihak kementerian?

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Minta celahan sikit Yang Berhormat Sik.

Tuan Pengerusi: Ya Yang Berhormat Setiu.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Antara punca ramainya pekerja asing ini adalah disebabkan majikan tidak perlu mencarum untuk mereka. Jadi, mengurangkan kos majikan. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Sik?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ya, mungkin itu antara sebab yang menyebabkan ramainya majikan khususnya di dalam sektor pembinaan dan perladangan mengambil buruh asing ya. Jadi mohon pihak Yang Berhormat Menteri, penjelasan.

Seterusnya saya meneruskan Butiran 020200 - Pembangunan Kemahiran. Saya ingin mendapat senarai program kemahiran yang telah disebut oleh pihak kementerian iaitu program Tahfiz TVET ya. Berapakah jumlah sekolah tahfiz yang telah menyertai program ini yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, seingat saya beberapa bulan lepas dan jumlah pelajar yang bersama menyertai program Tahfiz TVET ini.

Seterusnya Butiran 020300 - Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK). Sebelum ini Pengerusi PTPK pernah melontarkan kenyataan berhubung penularan dana RM1 bilion dalam RMKe-11 bagi membantu pelajar-pelajar B40. Namun, apa yang saya perhatikan adalah tiada peruntukan disalurkan di bawah butiran ini bagi tahun 2020. Jadi, saya mohon penjelasan pengurusan berkaitan dengan pengagihan dana ini sama ada telah pun dihabiskan ataupun masih ada lagi bakinya untuk diagihkan.

Seterusnya 040100 - Hal Ehwat Kesatuan Sekerja. Ingin mendapatkan maklumat berkaitan isu kesatuan sekerja di kalangan pekerja asing. Adakah pada ketika ini mereka dibenarkan untuk bersama menyertai kesatuan sekerja dan juga kolaborasi di antara majikan dalam soal kesatuan ini? Adakah pihak kementerian melihat ada di kalangan majikan yang tidak memberi kerjasama ketika mana pekerja-pekerja ini cuba ingin mewujudkan kesatuan sekerja di kalangan pekerja-pekerja?

Seterusnya yang terakhir, Butiran 040200 - Perhubungan Perusahaan. Saya ingin bangkitkan soal pindaan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang telah pun diluluskan sebelum ini. Namun, masih ada lagi kedengaran ataupun kenyataan khususnya daripada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang menyebut mereka tidak dipanggil untuk dirunding bersama dalam fasal terakhir pindaan Akta Perubahan Perusahaan 1967 ini.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Sik, boleh minta laluan sikit?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ya.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Saya hendak kepastian daripada Yang Berhormat berkaitan dengan poin yang pertama tadi iaitu saya dimaklumkan sebelum daripada ini, Kerajaan Pakatan Harapan telah tidak meneruskan pengambilan pekerja Bangladesh, tetapi kini akan dimulakan sebaik sahaja perjanjian persefahaman ini ditandatangani. Dimaklumkan urusan pengambilan pekerja dengan Malaysia dijalankan dengan

penetapan syarikat terpilih, apa yang disebut sindiket dan dimonopoli oleh satu syarikat. Dengan cara sindiket ini, pengambilan adalah amat mahal dan dikatakan sindiket rakyat Bangladesh yang mahu bekerja di Malaysia. Kerajaan Malaysia telah menetapkan syarikat tertentu, malah dikatakan dipegang oleh *few player* dan terdapat dominasi.

Soalan saya ialah adakah benar akan ada MOU baharu pengambilan pekerja-pekerja Bangladesh antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Bangladesh? Kedua, kementerian mana yang sebenarnya mempunyai kata pemutus dalam pengambilan pekerja asing sama ada Kementerian Sumber Manusia atau Kementerian Dalam Negeri? Ketiga, benarkah tatacara, tataurusan kemasukan dan pengambilan kerja ditetapkan oleh kepada syarikat Malaysia tertentu hatta menampakkan ada bentuk-bentuk sindiket bagi meletakkan monopoli syarikat tertentu? Keempat, sekiranya Kerajaan Malaysia menetapkan tataurusan melalui apa yang dikatakan sindiket, syarikat mana yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Malaysia? Kelima, berapa banyak pekerja sebenarnya mahu diambil masuk oleh Kerajaan Malaysia untuk memenuhi pasaran buruh? Terakhir, adakah tidak nampak jelas sindiket *approach* ini akan menguntungkan pihak-pihak tertentu yang secara relatif akan melibatkan kos buruh meningkat dan ini memberi kesan rantaian kepada peningkatan kos pengeluaran dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan kos kehidupan seharian. Terima kasih Yang Berhormat Sik.

■1920

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ya sangat penting isu itu, mohon untuk masukkan dalam ucapan saya.

Perkara yang terakhir saya rumuskan Tuan Pengerusi, tadi saya berbangkit soal kolaborasi bersama MTUC jadi dapat diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya dimaklumkan bahawa cadangan pindaan akta tersebut tidak mendapat kelulusan Jawatankuasa Teknikal dan NLAC sendiri tetapi hanya persetujuan pihak Yang Berhormat Menteri. Perkara yang terakhir iaitu Geran Pembangunan Kesatuan Sekerja. Ingin mendapatkan mekanisme pengagihan dan senarai penerima daripada kesatuan sekerja dan apakah sasaran yang telah ditetapkan oleh kementerian bagi mencapai maksud tersebut? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Sik. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Alor Setar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Selepas itu?

Tuan Pengerusi: Selepas itu Yang Berhormat Paya Besar.

7.20 mlm.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya hanya ingin menyentuh dua butiran di bawah B46 iaitu Butiran 010000 – Pengurusan di bawah Butiran 010200 dan 010300 berkenaan dengan Dasar Sumber Manusia dan Dasar Perburuhan.

Walaupun peruntukan dia lebih kurang sama tetapi saya rasa peruntukan yang kita gunakan sekarang ini haruslah lebih spesifik kepada keperluan yang kita ada. Tuan Pengerusi,

sebenarnya keseluruhan tenaga buruh kita di Malaysia ini kita hanya ambil kira umur antara 15 hingga 64 tahun. Maka, di Malaysia sebenarnya antara umur ini adalah 22.8 juta. Akan tetapi, apabila kita kira pengangguran hanya ke atas mereka yang ada di bawah *labor force* maka hanya 15 juta yang kita ambil kira. Ini kerana ada 7 juta dianggap di luar daripada tenaga buruh dan 7 juta ini sebenarnya adalah 30 peratus daripada jumlah 22.8 juta. Maka 500,000 orang yang kita kira penganggur itu sebenarnya dia tak masuk kira 7 juta. Jumlah 7 juta tersebut sebenarnya kalau ikut 'MASCO' punya pentafsiran adalah suri rumah, pelajar, pesara dan mereka yang tidak minat kerja.

Maka saya minta pihak kementerian, saya rasa kalau kita ada statistik ini maksudnya adalah statistik dari segi pecahan dia, berapa peratus yang tidak kerja kerana dia ada suri rumah dan berapa peratus daripada pelajar. Maka saya hendak minta kementerian tunjukkan berapa peratus sebenarnya di antara 30 peratus atas 7 juta ini. Apa sebabnya mereka adalah di luar daripada tenaga kerja? Ini kerana saya rasa kalau hendak *utilize*-kan penggunaan sumber manusia ini, tidak hanya kerana 500,000 dalam pengangguran tersebut. Sebenarnya kita ada lagi 30 peratus yang di luar daripada tenaga kerja yang boleh kita kenal pasti dan kita boleh barangkali beri peluang untuk mereka supaya jadi salah satu *percentage* daripada jumlah yang boleh menyumbang kepada sumber manusia.

Butiran yang saya hendak sentuh kedua adalah 030000 – Pengurusan Perburuhan dan Pekerjaan. Sebenarnya di bawah seperti Yang Berhormat Pontian cerita tadi, 70 peratus lebih permintaan daripada sektor swasta ini adalah pekerjaan asas yang masih ada kekosongan. Sejak tahun 2015 sampai tahun 2019, dalam tahun 2019 *first* enam bulan ini permintaan kekosongan adalah 348,000.

Sedangkan kita ada 500 lebih pengangguran maka mestilah ada masalah di antara orang yang hendak minta kerja tetapi orang yang minta orang kerja. Bagaimana dia hendak boleh *match* kerana apa? Ini kerana sebenarnya kita cuba, kita kaji di bawah definisi ini apa yang diminta ini sebenarnya adalah pekerjaan asas. Maka dalam definisi di dalam kumpulan utama pekerja asas ini sebenarnya hanya memerlukan tahap pendidikan yang paling asas dan paling rendah. Maka, walaupun kita boleh wujudkan berapa banyak latihan, pendidikan kepada mereka tetapi kerja-kerja seperti ini masih tidak akan dipenuhi kerana lebih ramai kita wujudkan mereka yang ada tahap pendidikan yang tinggi, maka lebih banyak lagi kerja kita kena wujudkan untuk *cater* permohonan atau permintaan tersebut.

Kalau dalam keadaan begini contohnya kalau kita ramai daripada latihan sudah keluar, takkan mereka hendak ambil pekerjaan asas ini, maka terpaksa kita ada permintaan *on the ground* yang perlukan pekerja asing. Sementara ini kita hendak tutup, kita hendak kurangkan pekerja asing maka dia akan wujudkan satu pasaran yang amat tidak seimbang. Maka di sini kita perlu kenal pasti. Maka, saya minta kementerian sekiranya kita sudah ada statistik bahawa 70 lebih peratus adalah daripada pekerjaan asas maka pastilah di bawah statistik tersebut di mana ada tiga sub utama di bawah definisi pekerja asas iaitu pekerja asas jualan dan perkhidmatan,

penghantar mesej portal *attendance* pekerja yang berkaitan, buruh dan pekerjaan yang berkaitan.

Di bawah sini, jumlah dia ada 22 kumpulan unit. Maka saya minta kementerian tolong senaraikan statistik 22 kumpulan unit ini di mana pekerja ini pekerjaan tersebut yang perlukan tenaga buruh kerana di bawah ini ada yang pencuci kedai, ada yang pemungut sampah dan ada juga kerja-kerja sampingan. Ini kerana bila kita nampak kerja-kerja ini masih ada lagi permintaan, bila kita wujudkan lebih ramai latihan pun mereka takkan ambil kerja ini. Sekiranya kita berhentikan pekerja asing, sini kita naikkan lagi pendidikan kepada mereka tetapi kerja yang ada permintaan ini tak ada mana-mana sektor yang akan dipenuhi. Sama ada kita boleh *transform* permintaan contohnya orang cuci lantai dulu 10 orang kita wujudkan satu teknologi dia boleh guna seorang gaji dia boleh dapat 3 orang. Maka barulah boleh kita kurangkan permintaan tersebut. Maka saya minta pihak kementerian, sebelum kita boleh membincang lebih detil minta senaraikan bukan setakat permintaan 77 peratus itu secara keseluruhan atau pekerjaan asas tetapi pecahan dia sebenarnya yang mana permintaan yang paling kritikal dibawa 22 kumpulan unit tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Alor Setar. Seterusnya Yang Berhormat Paya Besar.

7.28 mlm.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Pengerusi, *bismillahi rahmani rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih pegawai-pegawai kerajaan yang masih bertungkus-lumus menyediakan maklum balas kepada isu-isu yang dibangkitkan.

Saya ingin menyentuh Butiran 051100 – Program Pensijilan *European Union Aviation Safety Agency (EASA)*. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana ada peruntukan RM1.9 juta bagi program aeroangkasa dan saya yakin apabila *EASA Part 66* ini dapat diberikan kepada anak-anak muda dan sudah pastinya anak muda akan menjadi '.....' *engineer, engineer* siswazah yang berlesen dan sub sektor MRO ini kita dapat *champion*-kan.

Cumanya ada satu isu Yang Berhormat Menteri berkaitan *International Aviation Safety Assessment* yang telah menjadi satu perkara yang menakutkan saya kerana apa *International Aviation Safety Assessment* ini, Malaysia telah di-*downgrade*-kan kepada kategori yang kedua. Bagaimana Kementerian Sumber Manusia bersiap sedia untuk menghadapi dalam keadaan ini? Ini kerana apabila *Civil Aviation Authority of Malaysia unable to meet* dengan izin, *the safety standard of International Civil Aviation Organization*, kapal terbang kita ke United States akan jadi masalah. Apabila di *airport* kita kena buat *extra inspection* dan perkara ini akan menyebabkan industri aeroangkasa kita akan hadapi masalah dan bagaimana Yang Berhormat Menteri melihat perkara ini?

Saya juga hendak menyentuh berkaitan 030200 – Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Paya Besar, kemungkinan akan berlaku pengangguran di kalangan – di bidang industri aeroangkasa itu akibat daripada *downgrade* daripada Tahap 1 ke Tahap 2 ini. Apa pandangan Yang Berhormat Paya Besar?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Pontian saya rasa perkara ini akan pergi ke arah itu sekiranya kita gagal untuk melihat standard *safety* ini. Saya yakin IPTA dan IPTS di Malaysia harus berusaha supaya menghasilkan *EASA Part 66* kerana apa – panjang, nanti habis masa saya.

Tuan Pengerusi, sebab saya faham sangat Tuan Pengerusi berkaitan *EASA Part 66* ini saya terlibat panjang dalam usaha untuk Universiti Kuala Lumpur (MIAT) untuk diiktiraf sebagai *EASA Part 66* ini. Apabila keluar saja isu *International Aviation Safety Assessment* ini Yang Berhormat Menteri, saya risau kerana apa ini akan membunuh aeroangkasa dan ia akan membunuh potensi anak-anak muda Malaysia.

Saya hendak pergi kepada keselamatan dan kesihatan pekerja Tuan Pengerusi, *Malaysia's Healthiest Workplace* yang telah dibuat kaji selidik oleh AIA *Vitality* 2019 Yang Berhormat Menteri, sebanyak 230 organisasi melibatkan 17,595 orang pekerja yang telah diselidik. Apa yang menakutkan Yang Berhormat Menteri, sebanyak 32 peratus pekerja mempunyai satu atau lebih keadaan kronik kesihatan buah pinggang, darah tinggi, kolesterol tinggi, diabetes, jantung strok dan kanser.

■1930

Sebanyak 90 peratus tidak ada makanan seimbang. Sebanyak 42 peratus mempunyai obesiti, berat badan yang berlebihan. Sebanyak 45 peratus organisasi tidak menawarkan campuran tangan kesihatan mental dan 53 peratus atau 51 peratus pekerja kurang tidur daripada tujuh jam.

Jadi saya hendak minta kepada kementerian, sejauh mana Yang Berhormat Menteri melihat masalah kesihatan pekerja ini dan bagaimana Yang Berhormat Menteri menyelesaikan perkara-perkara dan langkah-langkah supaya masalah stres di tempat kerja dapat diselesaikan supaya tidak menyumbang kepada masalah kesihatan mental. Bagaimana kementerian Yang Berhormat Menteri dan Kementerian Kesihatan dapat terlibat dalam perkara ini.

Oleh kerana masa tinggal seminit, saya hendak meneruskan kepada Majlis Perundingan Gaji Negara Yang Berhormat Menteri. Saya yakin gaji minimum yang telah diumumkan tempoh hari RM1,200 menyebabkan ada potensi untuk anak-anak muda migrasi ke bandar. Ini kerana takrifan RM1,200 ini dalam kawasan bandar ini belum diklasifikasikan dan mendapat penjelasan. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat jelaskan.

Saya juga dapat dakwaan Yang Berhormat Menteri bahawasanya Persatuan Majikan Malaysia menyatakan bahawasanya apabila kita buat *review* gaji minimum Yang Berhormat Menteri, dua kali dalam tempoh dua tahun kalau mengikut Akta Majlis Perundingan Gaji Negara

sekali dalam dua tahun. Jadi, saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri supaya *we can clear the air* dengan izin.

Keduanya, bukan sahaja gaji minimum Tuan Pengerusi, paling penting adalah gaji yang rendah. Gaji rendah inilah yang dilaporkan oleh Bank Negara yang sudah pastinya membunuh kehendak anak-anak muda untuk bekerja. Apabila gaji permulaan nominal, siswazah di Malaysia masih berada di tahap yang rendah. Bagaimana Yang Berhormat Menteri melihat perkara-perkara ini.

Saya juga yakin kalau kita dapat melihat *Global Competitiveness Report* yang selalu saya sebut kepada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan meritokrasi dan insentif ini, dapat dilihat dan dapat diteliti dan saya yakin Yang Berhormat Menteri harus membuat satu kaedah dan strategi supaya kita dapat meningkatkan gaji rendah ini bukan sahaja pada gaji minimum tetapi gaji yang rendah kepada golongan-golongan profesional.

Tuan Pengerusi, satu yang terakhir berkaitan isu anak muda iaitu Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran. Yang Berhormat Menteri, saya yakin bagaimana Yang Berhormat Menteri melihat kementerian ini dapat mengapung perbelanjaan anak-anak muda. Oleh sebab kita dapat ketahui bahawasanya hanya dapat kutipan RM502 juta daripada jumlah yang telah disalurkan RM4.07 bilion. Jadi bagaimana keadaan ini? Adakah hanya RM5 juta saya tengok Yang Berhormat Menteri tiga tahun kebelakangan ini hanya RM5 juta sahaja diperuntukkan.

Jadi bagaimana Yang Berhormat Menteri dapat menyelesaikan pembayaran balik dan bagaimana hendak besarkan pinjaman. Ini kerana pinjaman tabung ini amat penting sekali kerana kita bercakap tentang TVET Yang Berhormat Menteri. Saya harap juga Yang Berhormat Menteri bukan sahaja melihat kepada TVET tetapi Yang Berhormat Menteri dapat melihat juga satu lagi tahap yang lebih baik iaitu *higher* TVET. *Higher* TVET ini amat kurang di Malaysia. Bagaimana *Board of Technologies* dengan *Board of Engineer* Malaysia. Bagaimana Yang Berhormat Menteri dapat memperkasakan BOT ini. Ini kerana MBOT inilah yang paling penting untuk menyantuni anak-anak yang berada dalam TVET dan anak-anak yang berada dalam *higher* TVET. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Padang Serai. Kemudian diikuti oleh saya lihat di sini ialah Yang Berhormat Tumpat. Sila.

7.33 mlm.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Vanakkam* Yang Berhormat Menteri. Butiran 010900. Apakah cadangan Kerajaan Persekutuan memastikan kajian dan analisa pasaran buruh dimanfaatkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

Bagaimanakah pihak Kerajaan Persekutuan ingin menjalankan kajian dan analisa pasaran buruh? Apakah pihak kementerian berpendapat bahawa kerjasama antara kementerian dan *business* boleh diperkukuhkan reputasi ilmiah.

Seterusnya Butiran 020100. Apakah rancangan Kerajaan Persekutuan bagi menggalakkan rakyat Malaysia mengimplementasikan serta mencapai Industry Revolution 4.0 dengan izin. Pada masa sekarang, pelbagai lapisan golongan masyarakat Malaysia terhadap cabaran pekerjaan. Apakah rancangan kerajaan untuk menyediakan dan menyampaikan latihan TVET.

Seterusnya Butiran 030100. Apakah langkah strategik pihak Kerajaan Persekutuan untuk memenangi isu kekurangan buruh terutama sekali di sektor servis. Selain itu, apakah pihak kerajaan dan Menteri berpendapat bahawa pekerja luar negara penting untuk mengekalkan kelancaran industri servis seperti restoran, *cleaning service*, *supermarket*, tukang emas dan lain-lain lagi. Itu sahaja daripada saya. Terima kasih Tuan Pengerusi. *Nandri* Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tumpat. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Sandakan.

7.35 mlm.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawawi [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet Peringkat Jawatankuasa Kementerian Sumber Manusia. Pertamanya saya ingin menyentuh Butiran 020100 iaitu pembangunan tenaga manusia. Secara keseluruhan, peruntukan di bawah butiran ini telah dikurangkan daripada RM412.7 juta pada tahun 2019 kepada RM349.3 juta pada tahun 2020.

Namun, bahagian aset dalam butiran ini telah ditingkatkan sebanyak RM1.7 juta berbanding tiada peruntukan pada tahun lalu. Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan lanjut mengenai perincian peruntukan bahagian aset tersebut.

Kita juga sedia maklum mengenai Dasar Kebangsaan mengenai Industri 4.0 atau Dasar Industry4WRD 2018-2025. Antara pemboleh ubah utama yang digariskan dalam dasar ini adalah meningkatkan kemahiran sedia ada dan menghasilkan bakat baru untuk masa hadapan.

Begitu juga sasaran meningkatkan produktiviti pembuatan sebanyak 30 peratus. Sumbangan yang tinggi sektor pembuatan kepada ekonomi negara dan menambah bilangan pekerja berkemahiran tinggi dalam sektor ini. Jadi saya ingin mendapatkan, apakah langkah-langkah strategik bagi meningkatkan kualiti dan kuantiti pekerja berkemahiran tinggi dalam sektor ini bagi merealisasikan Industri 4.0.

Saya juga ingin mendapatkan produktiviti semasa sektor pembuatan serta saya juga ingin mendapatkan maklumat mengenai bakat-bakat baru yang sedang dirancang oleh kerajaan bagi menjayakan Dasar Industry4WRD kelak.

Seterusnya saya ingin menyentuh Butiran 010200 iaitu Dasar Sumber Manusia yang dikurangkan daripada lebih kurang RM4 juta kepada RM2 juta. Dengan pengurangan ini, saya pohon perincian daripada kerajaan, bagaimana peruntukan ini akan dibelanjakan bagi

memastikan Dasar Sumber Manusia ini tidak dikesampingkan.

Dalam butiran ini juga saya ingin mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan soalan yang telah pun berkali-kali saya kemukakan di Dewan ini dan saya memang sentiasa mendapat jawapan baik secara lisan mahupun secara bertulis. Namun jawapannya tidak memuaskan hati saya iaitu apakah tindakan kerajaan terhadap majikan yang melanggar garis panduan dengan tidak membenarkan pekerja-pekerja mereka menunaikan solat khususnya solat Jumaat.

Saya sebut saya tidak mendapat jawapan yang puas hati oleh sebab setiap kali soalan, jawapan yang diberikan kepada saya ialah kerajaan menyediakan garis panduan. Walaupun soalan itu telah saya ubah, apakah tindakan kerajaan yang telah dan akan diambil terhadap majikan yang melanggar garis panduan tersebut, jawapannya tetap juga kerajaan mengadakan garis panduan. Perkara yang saya mahu tahu adalah apa tindakan kepada majikan-majikan yang melanggar garis panduan ini.

Jadi, jawapannya diberikan oleh kerajaan saya rasa tidak serius. Makna terus berulang-ulang menyebut menyediakan garis panduan. Saya mahu tahu sebenarnya apakah tindakan bagi majikan yang melanggar garis panduan ini.

Baru-baru ini seperti mana yang di respons oleh Yang Berhormat Menteri dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri apabila adanya tular di media satu memo daripada satu majikan yang memo itu menyebut ataupun menghalang pekerja-pekerja daripada menunaikan solat Jumaat dengan dikenakan denda RM500 begitu dalam memo tersebut.

■1940

Jawapan daripada kementerian ataupun daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri rasa saya menyebut bahawa kita akan siasat. Jadi, saya mahu tahu, apakah hasil daripada siasatan itu? Apakah tindakan yang telah diambil sekiranya patut diambil tindakan? Jadi ini dua persoalan...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: ...yang saya rasa...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Apa kata kalau di satu-satu kilang itu mempunyai pekerja Islam yang lebih daripada 40 orang dibenarkan mereka bersolat Jumaat di kilang itu sendiri? Tidak perlu keluar kilang untuk menjimatkan masa kalau lebih daripada 40 orang lelaki yang Muslim.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Soalan yang demikian itu perlu dijawab oleh orang yang berautoriti dalam agama bagi membenarkan sama ada boleh diadakan solat Jumaat di tempat kerja dan sebagainya. Saya pohon respons daripada Yang Berhormat Menteri ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Menteri mesti dapatkan respons ataupun jawapan daripada orang yang mempunyai ilmu.

Saya sebut perkara ini kerana walaupun di negara barat sekalipun, soal urusan agama ini adalah merupakan satu hak yang mesti diberikan, ditunaikan oleh majikan. Di negara barat sekalipun, umat Islam dibenarkan untuk melaksanakan solat Jumaat, apatah lagi di negara kita yang telah meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan. Jadi, saya mengharapkan supaya Yang Berhormat Menteri betul-betul memberi tumpuan dan menjawab soalan saya ini. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil terhadap majikan yang melanggar garis panduan tersebut? Garis panduan memang sudah ada, saya pun sudah baca.

Kemudian saya ingin menyentuh Butiran 030100 – Tenaga Kerja.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tumpat, minta rumuskan sebaik yang boleh, rumuskan cepat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawawi [Tumpat]: Saya akan serah soalan ini secara bertulis. Ada lima muka surat lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada lima muka lagi, baik.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawawi [Tumpat]: Secara bertulis, *insya-Allah*.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawawi [Tumpat]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sandakan. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sila.

7.42 mlm.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin merujuk kepada muka surat 399, Butiran 020100 dan Butiran 020200 di bawah Pembangunan Tenaga Manusia dan Pembangunan Kemahiran. Perkara ini telah diumumkan pada awal bagi mengimbangi keperluan pekerja dan majikan dengan mengambil kira kenaikan kos sara hidup di bandar-bandar utama. Kerajaan telah mencadangkan supaya gaji minimum ditingkatkan pada kadar RM1,200 sebulan hanya di wilayah bandar-bandar utama berkuat kuasa pada tahun 2020.

Soalan saya kepada kementerian adalah, apakah definisi bandar-bandar utama? Bandar-bandar di Malaysia, manakah disenaraikan sebagai bandar-bandar utama? Adakah kementerian telah menjalankan kajian mengenai impak kenaikan gaji minimum? Sama ada menjejaskan kadar pengangguran, sama ada bilangan pekerja yang akan diberhentikan oleh sebab kenaikan upah minimum khususnya dalam sektor SME. Sekiranya kos buruh yang tinggi menyebabkan pengangguran pekerjaan yang akan menyebabkan kenaikan ketidaksamaan pendapatan kerana lebih banyak rakyat tidak akan dapat peluang pekerjaan.

Bagaimanakah kementerian akan dapat menangani perkara ini? Terutamanya memandangkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Bolehkah kementerian juga memaparkan analisis impak kenaikan upah minimum dengan kadar inflasi? Untuk kajian

kenaikan gaji minimum mempunyai *zero benefit* dengan izin, kepada pekerja dari segi kuasa beli dalam jangka masa panjang sebab dengan gaji minimum baharu ini tidak kita seorang graduan ataupun pemegang SPM atau lepasan sekolah, majikan perlu membayar kadar gaji yang sama. Hal ini juga akan menyebabkan ketidakseimbangan golongan dengan kelayakan pendidikan yang lebih rendah kerana kesemua majikan akan cuba mengambil pekerja dengan kelayakan pendidikan yang lebih tinggi kerana kosnya adalah sama. Jadi sementara itu kementerian juga telah memperkenalkan pelbagai skim untuk melatih kemahiran para tenaga kerja. Adakah kementerian mempertimbangkan skim dan insentif untuk membantu majikan dalam mengubah reka bentuk pekerjaan mereka supaya mereka boleh menawarkan pekerjaan lebih pintar dan mampu menaikkan gaji untuk pekerja?

Kedua, saya juga ingin merujuk kepada muka surat 404 Butiran 90000 – Talent Corporation. Berdasarkan kepada artikel yang diterbitkan oleh *World Economic Forum* dengan izin, pada tahun 2015 berfokus kepada inovasi, daya saing dan pertumbuhan ekonomi adalah lebih banyak mengenai adanya tenaga kerja mahir dan berbakat dengan model yang mencukupi. Minta kementerian menyatakan pencapaian yang dicapai oleh Talent Corporation sehingga hari ini dan langkah-langkah untuk meningkatkan kumpulan bakat negara kita untuk bersaing di pasaran global dengan peruntukan sebanyak RM1 juta di bawah Talent Corporation. Sekian dan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Sekarang menjemput Yang Berhormat Kuala Kangsar diikuti oleh Yang Berhormat Segamat, Yang Berhormat Setiu, Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Pengkalan Chepa dan Yang Berhormat Jelutong. Silakan Yang Berhormat Kuala Kangsar.

7.46 mlm.

Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke Butiran 040000 – Perhubungan Perusahaan. Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan mempunyai langkah yang lebih proaktif untuk melindungi pemohon pekerjaan daripada diskriminasi? Memandangkan hal itu tidak akan dimasukkan dalam pindaan akta setelah didesak oleh Persekutuan Majikan-majikan Malaysia dan kementerian tidak bercadang untuk memperuntukkan perlindungan kepada pemohon pekerjaan dalam pindaan Akta Kerja 1955. Tolong sahkan perkara ini.

Saya mohon Yang Berhormat Menteri juga meminda Akta Kerja 1955 mengenai hak dan perlindungan semua pekerja yang sebelum hubungan antara pekerja dan majikan berlaku. Keduanya, mohon juga kerajaan dalam tindakan menyemak semula peruntukan semua undang-undang berkaitan pekerjaan bagi hal-hal larangan, diskriminasi berasaskan jantina, agama, bangsa, ketidakupayaan, status perkahwinan, kehamilan dan bahasa yang sering ditimbulkan melalui iklan-iklan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Tumpat tadi itu.

Saya mencadangkan supaya satu akta digubal untuk melindungi hal-hal yang berkaitan dengan diskriminasi secara tuntas dan juga jelas. Juga untuk melindungi pekerja-pekerja yang terlibat dalam peralihan bentuk pekerjaan berdasarkan IR 4.0 yang lebih mencabar Yang Berhormat Menteri. Saya memberi contoh yang *simple* sekarang ini yang telah diumumkan pada bajet baru-baru ini iaitu cuti bersalin Yang Berhormat Menteri. Mohon ada satu kaedah untuk wanita-wanita yang mengambil cuti 90 hari ini tidak di diskriminasi dari segi kenaikan pangkat dan kenaikan gaji sebab terdapat banyak rungutan dari sektor majikan-majikan yang merasakan cuti bersalin itu terlalu lama dan merencatkan pertumbuhan syarikat. Walaupun saya sebagai seorang wanita bersetuju kerana ia membantu kesejahteraan keluarga. Apakah pembaharuan yang akan dibuat kepada Kod Amalan Keharmonian Perusahaan 1975? Apakah tambahan nilai kepada pemegang taruh di dalam industri yang berkaitan dengan pekerja-pekerja wanita?

Saya terus kepada Butiran 040000 – Perhubungan Perusahaan, Butiran 040300 – Mahkamah Perusahaan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Cuti bersalin untuk isteri itu satu hal. Akan tetapi katanya cuti bersalin untuk suami, pihak majikan bersetuju diadakan cuti bersalin untuk suami beberapa hari dengan syarat kerajaan membayar gaji yang cuti bersalin suami itu. Apa pandangan Yang Berhormat Kuala Kangsar?

Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Saya bersetuju apa sahaja yang disukai oleh rakyat, *insya-Allah*.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kerajaan bayar.

Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Ya. Saya terus kepada Butiran tadi. Sejak Pakatan Harapan mentadbir, berapakah jumlah kes yang melibatkan konflik majikan/pekerja dan majikan/kesatuan pekerja yang telah selesai di Mahkamah Persekutuan? Saya bertanya perkara ini Yang Berhormat Menteri kerana penyelesaian yang cepat adalah satu persoalan yang pokok. Dengan peruntukan sebanyak RM23 juta lebih untuk tahun 2020, apakah bentuk penambahbaikan yang akan dilaksanakan oleh kementerian sebagai sebuah badan kehakiman industri yang menjunjung keadilan sosial pekerja?

Saya amat berharap pembelaan yang seadil-adilnya kerana akhir-akhir ini sistem perundangan negara menimbulkan pelbagai persepsi dan persoalan Yang Berhormat Menteri.

■1950

Sehingga Jun tahun lepas, kira-kira 1,300 kes tertunggak yang memerlukan rujukan dan keputusan Yang Berhormat Menteri untuk dibawa ke Mahkamah Perusahaan. Apakah status kes-kes ini supaya ia dapat diselesaikan secepat mungkin setelah Yang Berhormat Menteri umumkan kuasa Menteri sebagai rujukan tapan sebelum sesuatu kes dibawa ke Mahkamah Perusahaan dibatalkan? Tahniah di atas keputusan itu.

Yuran guaman yang tinggi yang dikenakan Yang Berhormat Menteri, antara punca penghalang kepada penuntut, lebih-lebih lagi individu pekerja untuk membawa masalah mereka ke perhatian Mahkamah Perusahaan. Ini menyekat hak keadilan sosial yang seharusnya diberi penelitian oleh kementerian dan dipantau. Untuk menyelesaikan keadaan *win-win*, berapakah kes yang diselesaikan secara mediasi atau adakah prosiding mediasi ini digalakkan di peringkat Mahkamah Perusahaan?

Cadangan Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) untuk merujuk kes-kes melibatkan penjawat awam ke Mahkamah Perusahaan, cadangan itu dilihat dapat membantu meringankan beban pekerja-pekerja terutama dalam membiayai kos guaman sekiranya diselesaikan di Mahkamah Perusahaan berbanding Mahkamah Tinggi. Kakitangan kerajaan atau badan-badan berkanun yang bekerja, yang telah diambil tindakan, kes akan dirujuk di Mahkamah Tinggi dan kosnya amat tinggi Yang Berhormat Menteri dan ramai di antara pekerja ini tidak dapat nasihat atau berpeluang untuk membiayai kes ke Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, apakah status dan tindakan Yang Berhormat Menteri mencadangkan kes-kes seperti ini dirujuk terus ke Mahkamah Perusahaan kerana ia melibatkan kos yang rendah dan dapat diselesaikan dalam tempoh yang singkat? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Segamat.

7.51 mlm.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 020100 – Pembangunan Tenaga Manusia. Saya mendapati ada pengurangan sedikit daripada RM412 juta kepada RM349 juta pada tahun 2020. Saya minta sedikit penerangan daripada Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri, saya ingin juga mengajak Yang Berhormat Menteri memikirkan fakta berikut iaitu 516,600 penganggur terdapat dalam suku pertama tahun ini. Daripadanya adalah 238,286 daripada itu adalah seramai 174,327 siswazah mendaftar aktif mencari kerja dalam JobsMalaysia. Ini adalah sumber Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung. Sebab kita mendapati bahawa pengangguran menjadi masalah yang besar di Malaysia khususnya di kalangan graduan. Saya hendak tanya, adakah kementerian ingin berfikir semula untuk mengadakan program-program Skim Latihan Penganggur (SLP) dan juga Skim Latihan Graduan (SLG)? Jika ya, adakah kerajaan berminat untuk mengembalikan juga bersama 'PSNB' ataupun juga agensi-agensi lain kerana kita mendapati ramai graduan pada masa ini tidak mendapat pekerjaan?

Maka saya ingin juga hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri mengenai pelan strategik kebolehpasaran graduan di mana kita mendapati bahawa kita ada ramai graduan contohnya graduan aliran sains yang telah belajar tiga tahun, empat tahun lepas itu tidak

mendapat pekerjaan. Adakah kementerian bersedia untuk mengadakan satu program baharu, *Fast-Track* TVET untuk graduan-graduan ini? Contohnya graduan aliran teknikal, maka mereka dilatih dalam bidang spesifik contohnya dalam IR 4.0 dan sebagainya. Mungkin selama setahun ataupun selama enam bulan dan sebagainya dan mereka mendapat kelulusan TVET dan seterusnya mendapat penempatan. Begitu juga dengan graduan-graduan contohnya daripada— kita mendapati ramai juga graduan daripada fakulti sains sosial ataupun fakulti pengajian Islam dan sebagainya kerana tidak ada banyak pekerjaan di luar, maka mereka juga boleh dilatih mengikut TVET. Maka banyak program TVET ini boleh juga dibangunkan dalam skop sedemikian.

Manakala untuk graduan-graduan sains pula, kita mendapati bahawa program TVET khas seperti program satu tahun (*Fast-Track*) untuk graduan sains, mereka dilatih semula dalam bidang kejururawatan ataupun bidang fisioterapi ataupun farmasi. Saya hendak tanya kepada kementerian, apakah masalah yang mungkin dihadapi? Kemungkinan besar adalah badan-badan profesional. Saya yakin adakah kementerian bersedia untuk duduk berbincang dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menyelesaikan masalah ini.

Jika kita dapat menyelesaikan masalah ini, maka graduan-graduan yang bukan dari golongan profesional ini boleh dilatih kembali. Mereka mendapat satu lagi sijil TVET dan seterusnya mereka mendapat pengiktirafan dan mereka mendapat pekerjaan. Soalnya, adakah kementerian sanggup berfikir dan bergerak ke hadapan untuk menyelesaikan masalah? Inik kerana kalau tidak, kita akan mewarisi satu sistem yang agak lama selama 60 tahun. Maka sebagai kerajaan yang baharu, Yang Berhormat Menteri pun seorang yang berkaliber, saya yakin sanggup berfikir dan juga bersama-sama mengajak mereka untuk mengadakan program-program baharu.

Seterusnya mengenai *TVET security* ataupun untuk pengawal keselamatan. Kita dapati begitu ramai pengawal keselamatan dari Nepal dan sebagainya. Walaupun mereka bukan lagi Gurkha, mereka bukanlah polis ataupun tentera tetapi memegang kad dan kita bawa mereka masuk. Bercakap bahasa Malaysia, bahasa Inggeris pun mereka tidak faham. Bagaimana kalau kita boleh melatih anak-anak muda kita, contohnya mereka yang lepasan SPM dan sebagainya? Mungkin tidak berjaya masuk ke universiti tetapi kita ada satu program *TVET security* yang baharu ataupun wujudkan satu institusi ataupun institusi di dalam ILP sendiri ataupun mana-mana agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, agar mereka boleh dilatih program TVET dalam sekuriti. Maka kita dapat memastikan bahawa melatih lebih ramai anak dari kampung, belia dan masyarakat India dan sebagainya untuk mereka boleh juga mendapat pekerjaan profesional dan mendapat gaji sebanyak RM1,800 ataupun RM2,000. Mengapa kita perlu ambil mereka datang dari Nepal dan sebagainya?

Akhir sekali, memandangkan Yang Berhormat Menteri menjawat jawatan tertinggi di dalam Pakatan Harapan untuk masyarakat India, tidak adil jika saya tidak memuji Yang

Berhormat Menteri juga khususnya saya mendapati bahawa pengangguran di kalangan graduan masyarakat India adalah amat teruk. Begitu juga dengan mereka yang tidak berpendidikan. Kita mendapati bahawa jauh lebih tinggi berbanding dengan kaum-kaum lain. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, dalam Manifesto Pakatan Harapan di mana saya faham Yang Berhormat Menteri sendiri seorang strategis yang telah menulis Itizam 25 itu, bagaimana kementerian Yang Berhormat Menteri ini akan cuba menyelesaikan masalah itu dengan program TVET dan juga beberapa perkara yang saya telah ajak Yang Berhormat Menteri berfikir? Bagaimana Yang Berhormat Menteri juga boleh bekerjasama dengan semua Ahli Parlimen di sini untuk membantu Yang Berhormat Menteri untuk menyelesaikan masalah ini?

Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberikan saya peluang ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Segamat. Saya jemput Yang Berhormat Setiu, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Maran dan Yang Berhormat Kepong. Sila.

7.57 mlm.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Pengerusi. Butiran 020100 – Pembangunan Tenaga Manusia. Tuan Pengerusi, peruntukan bagi tahun 2020 semakin menurun sehingga kepada RM63.4 juta. Saya kira kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Majlis Penutup *TVET Conference* yang menyatakan TVET merupakan persiapan masa depan negara yang penting. Tidak selari dengan pelan perancangan kementerian. Ini kerana sasaran bagi melahirkan lebih ramai lepasan sekolah memasuki TVET masih lagi sama dengan sasaran pada tahun 2019.

Saya ingin bertanyakan, apakah pengurangan peruntukan membuktikan pembangunan kemahiran melalui TVET tidak diberi perhatian? Apakah langkah kerajaan dalam menarik lebih ramai penyertaan TVET serta usaha yang dilakukan bagi membuang stigma negatif masyarakat terhadap pelajar yang menyertai TVET adalah pelajar yang tidak berjaya untuk menyambung ke peringkat yang lebih tinggi?

Tuan Pengerusi, baru-baru ini, pihak kementerian ada menyediakan inisiatif dengan memperkenalkan latihan separuh masa bagi menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia mendapatkan latihan TVET ini. Saya ingin bertanyakan, sehingga kini, sejauh manakah inisiatif ini berjaya menarik lebih ramai penyertaan dan berapakah peruntukan yang dilaburkan bagi menjayakan inisiatif ini? Saya juga mencadangkan agar kemahiran graduan-graduan TVET perlu diselaraskan dengan permintaan kemahiran dari industri supaya kemahiran graduan dapat dimanfaatkan dan mampu memberi peluang pekerjaan agar tenaga mahir yang dilahirkan melalui TVET diguna pakai.

Kedua, Butiran 030100 – Tenaga Kerja, di mana peruntukan tahun 2019 adalah sebanyak RM115.7 juta dan peruntukan tahun 2020 adalah sebanyak RM112.8 juta. Berlaku

pengurangan dari segi bajet. Saya ingin bertanya, apakah perancangan Kementerian bagi memastikan majikan benar-benar menjaga kebajikan pekerja? Saya membangkitkan isu majikan yang langsung tidak membuat caruman kepada pekerja.

■2000

Namun, apa yang lebih teruk majikan yang memotong gaji pekerja namun wang tersebut tidak digunakan untuk mencarum. Apakah perancangan pihak Kementerian bagi memudahkan pekerja membuat aduan dengan tidak mempertaruhkan masa depan kerja mereka. Saya kira pemantauan yang lebih kerap dan teliti sewajarnya dilakukan bagi mengekang isu ini.

Ketiga, Butiran 050900 – Program Ekspresi JobsMalaysia dan Outreach. Di mana peruntukan 2019 tiada sebarang peruntukan dan untuk 2020 sebanyak RM860,000. Saya ingin memohon penjelasan pihak Kementerian berkenaan. Bagi butiran ini apakah perbezaan program ini dengan program Karnival Kerjaya JobsMalaysia 2019 dan karnival kerjaya yang telah lama dijalankan sebelum ini. Ini kerana berdasarkan butiran ini, tiada peruntukan disediakan bagi tahun 2019 namun peruntukan 2020 yang dilaburkan sebanyak RM860,000. Saya juga ingin bertanyakan sehingga kini, sejauh manakah program-program begini berjaya mengurangkan peluang pengangguran graduan terutamanya.

Begitu juga dengan Butiran 050800 – Karnival Kerjaya. Apakah perbezaan program ini dengan karnival kerjaya tahun-tahun sebelumnya? Ini kerana peruntukan - tiada peruntukan bagi 2019 seolah-olah karnival kerjaya merupakan sebuah program baharu untuk tahun ke hadapan. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Akhir sekali, Butiran 08400 – Projek Skim Geran Galakan Untuk Orang Kurang Upaya (OKU). Tuan Pengerusi, saya ingin bertanyakan apakah tujuan program Skim Geran Galakan Untuk Orang Kurang Upaya ini? Saya mohon penelitian pihak Kementerian berkenaan dengan butiran ini. Adakah skim ini dapat meningkatkan lebih ramai majikan mengambil pekerja daripada kalangan OKU? Selain itu, adakah skim ini dapat memastikan diskriminasi majikan terhadap golongan OKU terutama dalam aspek pemberian gaji yang rendah kepada golongan OKU berbanding pekerja biasa. Golongan OKU sangat memerlukan peluang pekerjaan. Adakah skim ini juga dapat membantu majikan untuk menyediakan fasiliti di tempat kerja yang mesra OKU.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pasir Gudang.

8.02 mlm.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan Butiran 030200 – Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Saya lihat daripada anggaran perbelanjaan itu, dibandingkan tahun 2020 dengan sekarang ada penurunan. Saya ingin menarik perhatian ramai pekerja-pekerja yang bukan sahaja cedera tetapi mati di tempat kerja. Ini berlaku ke atas pekerja-pekerja rakyat Malaysia kita

sendiri dan juga pekerja-pekerja asing. Apa yang saya bimbang, jumlah kematian pekerja-pekerja asing ini ramai. Jadi, mintalah kita kerajaan untuk— mereka bekerja membangunkan negara kita walaupun mereka pekerja asing kita kena jaga keselamatan dan kesihatan mereka. Selalu kita dengar tentang pekerja dari Bangladesh, Nepal dan sebagainya mati tertimbus atau terhempap. Jadi, ini amat mendukacitakan. Kita tidak mahu perlakuan perhambaan zaman moden ini. Mereka juga manusia. Mereka adalah hadir di negara kita, tanggungjawab kita jaga mereka.

Kedua Tuan Pengerusi, Butiran 040100 – Hal Ehwal Kesatuan Sekerja. Saya tengok pun ada berlaku sedikit penurunan tentang Hal Ehwal Kesatuan Sekerja daripada sejumlah RM7,600,000 turun kepada— maaf ada naik sedikit. Ada naik sedikit daripada jumlahnya. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri iaitu hakikatnya bukan semua pekerja di Malaysia ini menjadi Ahli Kesatuan Sekerja. Jadi, saya hendak tahu dua perkara.

Bagaimana nasib pekerja-pekerja lebih 6,000 pekerja Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) yang telah diberhentikan beberapa tahun yang lalu. Apa status mereka, nasib mereka? Dah dapat kerja kah tidak mereka ini? Ada yang suami isteri pun dibuang kerja. Dua-duanya pekerja MAS dibuang. Satu lagi, yang sedang berlaku adakah Yang Berhormat Menteri dan pihak kementerian sedar bahawa di Pasir Gudang hampir 200 orang pekerja JP Logistik, sebuah syarikat Johor Port, Pelabuhan Pasir Gudang telah diberhentikan. Jadi, mereka ini tidak ada kesatuan. Jadi, mungkin pihak Yang Berhormat Menteri boleh tengok-tengok kan nasib mereka di kawasan saya.

Ketiga, Butiran 040200 – Perhubungan Perusahaan. Rakyat di sini belanjawannya ada meningkat. Meningkatkan sedikitlah beberapa puluh ribu sahaja. Rakyat tidak faham sebenarnya para pekerja iaitu antara peranan Jabatan Perhubungan Perusahaan dengan Jabatan Buruh atau Jabatan Sumber Manusia. Jadi, apabila mereka diberhentikan kerja mereka selalu pergi ke pejabat buruh. Sepatutnya mereka perlu rasa dibuang kerja cara tidak adil sepatutnya pergi Jabatan Perhubungan Perusahaan untuk dapat pembelaan di bawah seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan. Akan tetapi, kalau mereka hanya pergi ke Jabatan Buruh nasihatnya lain pula. Jadi, mungkin kementerian boleh bantu.

Akhir sekali, Butiran 040300 – Mahkamah Perusahaan. Di sini ada penurunan. Saya mintalah di Johor kalau boleh Mahkamah Perusahaan ini daripada satu di Johor Bahru tambahlah lagi satu di Muar. Ini kerana Johor banyak kawasan perindustrian adalah kasihan pekerja dari Muar yang hilang kerja terpaksa turun ke Johor Bahru untuk dapat pembelaan di Mahkamah Perusahaan. Sekian Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kota Tinggi. Selepas itu Yang Berhormat Tebrau kemudian baru Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

8.07 mlm.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri hari ini ada. Saya ingin merujuk kepada Butiran 050800 – Karnival Kerjaya. Saya ucapkan tahniahlah kepada kementerian kerana dapat buat program karnival kerjaya ini. Sebenarnya pada zaman BN pun dah buat dah ini. Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri sambung. Jadi, tahniahlah. Apa yang dirangka melibatkan peruntukan sebanyak RM2.7 juta bagi tahun 2020. Jadi, kalau mengikut statistik Jabatan Perangkaan, kadar penyertaan tenaga buruh sehingga Julai 2019 hanya sebanyak 68.5 peratus dan pengangguran berada pada kadar 3.3 peratus. Yang Berhormat Menteri lebih maklum.

Jadi, pada Julai lalu Yang Berhormat Menteri. Satu karnival kerjaya secara serentak telah pun diadakan di 14 buah negeri. Saya ingin mendapatkan maklum balas daripada Yang Berhormat Menteri, berdasarkan pada acara serentak itu agaknya berapakah jumlah penyertaan yang telah diperolehi, berapa jumlah calon yang telah mendapat pekerjaan melalui inisiatif yang dilakukan ini dan apakah sasaran yang diletakan oleh kementerian agar jumlah penyertaan tenaga buruh terutamanya kalangan belia mampu dipertingkatkan. Agaknya, ada tidak apa-apa insentif yang dijanjikan kepada syarikat-syarikat swasta agar usaha untuk menarik lebih banyak syarikat swasta menyertai kepada karnival yang diadakan oleh kementerian ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Butiran 051000 – Elaun Pelajar Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia. Kita sedia maklum akan fungsi Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia yang berperanan sebenarnya untuk menyediakan dan melaksanakan program latihan kemahiran pra pekerjaan bagi memenuhi keperluan sektor perindustrian negara. Jadi, untuk tujuan pemberian elaun ini sebanyak jumlah yang diperuntukkan ini soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri sama juga.

■2010

Berapakah sasaran jumlah pelatih kemahiran yang bakal memperoleh manfaat daripada elaun yang diperuntukkan ini? Agaknya, berapakah jumlah elaun Yang Berhormat Menteri, yang akan diberikan kepada setiap pelatih? Adakah terdapat peningkatan elaun yang akan diberikan atau ia masih lagi pada kadar yang sama seperti ketika ini? Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, agaknya apakah sektor yang paling kritikal pada ketika ini yang memerlukan banyak tenaga mahir yang masih lagi belum mampu diisi oleh pekerja tempatan? Apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian agar latihan khusus kepada pelatih-pelatih ini mampu diberikan bagi memenuhi keperluan industri? Malahan, agaknya sejauh mana jalinan kerjasama antara pihak sektor swasta dengan kementerian? Berapa penyertaan syarikat antarabangsa yang terlibat dalam latihan industri ini?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tidak payah mencelah, nanti bahas sendirilah.

Tuan Pengerusi, Butiran 095 – dia ini ganggu orang tahu, sudah tentu dia hendak berucap nanti. Butiran 09500 – Kemajuan Guna Tenaga Manusia. Berdasarkan kepada butiran ini, kita dapat melihat berlaku peningkatan sehingga dua kali ganda peruntukan berbanding dengan tahun 2019. Selari dengan Revolusi Industri 4.0 yang diuar-uarkan ini, agaknya sejauh mana kesediaan tenaga buruh di negara ini untuk mengadaptasikan penggunaan teknologi yang terkini yang diserap daripada luar? Adakah ia bermaksud kita masih lagi perlu bergantung harap kepada kemahiran warga asing? Sejauh mana kemampuan kita dalam menyediakan tenaga pakar yang mampu membuat *adjustment* dengan pengendalian robotik dan sebagainya? Jadi, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tebrau.

8.12 mlm.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran yang pertama saya hendak bahas adalah Butiran 020300 – Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK). Tuan Pengerusi, maksud butiran ini menunjukkan bahawa PTPK tidak diberi sebarang peruntukan dalam anggaran perbelanjaan mengurus 2020. Sementara itu, anggaran pembangunan 2019 bagi PTPK adalah sebanyak RM5 juta. Fungsi utama PTPK adalah untuk memberikan pinjaman latihan kemahiran kepada individu yang mengikuti latihan kemahiran di penyedia latihan awam dan swasta yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran dan berdaftar dengan PTPK.

Latihan ini terbuka kepada pelatih yang mengikuti program latihan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM). Kadar pinjaman yang diberikan oleh PTPK adalah sebanyak RM2,500 hingga RM24,000. Pengurang peruntukan terhadap PTPK bercanggah dengan idea kerajaan yang ingin memperkasakan pendidikan teknikal...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Boleh mencelah?

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: ...dan latihan vokasional TVET untuk mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Tebrau.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak payah mencelahlah.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Saya tidak ada masa, *sorry* ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Duduklah.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Apakah rasionalnya kerajaan untuk memberhentikan peruntukan terhadap PTPK? Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh menjawab apa rasionalnya.

Butiran selanjutnya adalah Butiran 050900 – Program Ekspresi JobsMalaysia dan *Outreach*. Tuan Pengerusi, JobsMalaysia memberi kemudahan kepada pencari kerja untuk

mencari peluang pekerjaan yang bersesuaian. Majikan pula boleh mendapatkan calon untuk mengisi kekosongan jawatan di syarikat mereka. Menerusi sistem ini juga, pencari kerja boleh membuat permohonan pekerjaan dan majikan boleh menguruskan permohonan pekerjaan yang diterima. Semua kemudahan yang disediakan ini tidak dikenakan sebarang bayaran. Akan tetapi, saya telah menerima aduan bahawa ada *scammer* dengan izin, yang menggunakan portal JobsMalaysia untuk menipu pencari kerja dengan mengenakan fi beratus-ratus ringgit untuk memerlukan pencari kerja yang seolah-olahnya ditawarkan pekerjaan melaporkan diri di tempat majikan. Ramai pencari kerja telah menjadi mangsa kepada *scammer* kerana majikan tersebut tidak wujud sama sekali. Jadi, soalan saya adalah apakah langkah-langkah kerajaan akan ambil untuk melindungi pencari kerja daripada *scammer* yang menggunakan portal JobsMalaysia.

Butiran yang ketiga adalah Butiran 060100 – Mahkamah Rayuan Pekerjaan Malaysia. Tuan Pengerusi, pada 21 Mac 2019, kementerian telah merancang untuk menubuhkan Mahkamah Rayuan di Mahkamah Perusahaan seiring pindaan kepada Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Maksud butiran ini menunjukkan bahawa sebanyak RM5 juta telah diperuntukkan dalam anggaran peruntukan mengurus 2020 bagi pembentukan Mahkamah Rayuan Pekerjaan Malaysia. Oleh itu, MOHR perlu menjelaskan rancangan seperti fungsi mahkamah tersebut, peruntukan kuasa dan bila mahkamah tersebut akan berkuat kuasa.

Butiran yang terakhir yang saya ingin bahaskan adalah Butiran 030200 – Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Masih ramai majikan tidak membayar caruman PERKESO bagi pekerja mereka. Ini bermakna pekerja-pekerja tidak akan dapat perlindungan yang disediakan oleh PERKESO jika berlaku kemalangan di tempat kerja. Penguatkuasaan untuk menyaman majikan yang melanggar undang-undang buruh harus dipertingkatkan. Jadi, saya berharap Yang Berhormat Menteri ambil perhatian dalam perkara ini supaya semua pekerja dapat perlindungan di bawah kemudahan yang telah disediakan oleh PERKESO.

Itulah sahaja daripada saya, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pengkalan Chepa, kemudian Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Maran, Yang Berhormat Kepong, kemudian Yang Berhormat Rantau Panjang.

8.18 mlm.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Pengerusi, saya terus kepada Butiran 010200 – Dasar Sumber Manusia. Tuan Pengerusi, cabaran utama yang dihadapi hari ini ialah kadar pengangguran dalam kalangan belia telah mencecah dua digit iaitu 10.9 peratus pada tahun 2018. Sebanyak 60 peratus daripada jumlah pengangguran hari ini iaitu 520,000 orang adalah dalam kalangan belia. Meskipun Yang Berhormat Menteri mendakwa banyak pekerjaan tidak terisi, tetapi pekerjaan tersebut tidak selari dengan kemahiran dan kelayakan mereka. Begitu juga data sebelum ini menunjukkan 1.47 juta

pekerjaan yang telah ditawarkan, tetapi hanya 4.5 peratus sahaja dikhususkan untuk golongan profesional, lepasan universiti dan berkemahiran tinggi. Justeru, berlaku *under employment* dan *miss match* yang sangat besar dalam pasaran buruh. Bagaimana pihak kementerian akan mengatasi cabaran-cabaran ini?

Di bawah butiran sama, saya juga ingin mendapatkan penjelasan mengenai penetapan gaji minimum yang baru dinaikkan kepada RM1,200 sebulan. Sejauh manakah pihak majikan mengalu-alukan perintah ini? saya juga tertarik dengan pemeriksaan rawak dari Perlis ke Sabah yang dilakukan oleh kementerian mengenai tahap pematuhan perintah gaji minimum. Hampir 30 peratus daripada 274 majikan tidak mematuhi gaji minimum sebanyak RM1,100 yang telah ditetapkan. Bagaimana pula sekiranya gaji minimum ini dinaikkan kepada RM1,200 sebulan? Adakah mungkin akan lebih ramai lagi majikan yang mengabaikan perintah ini? Saya juga ingin tahu, apakah tindakan yang boleh diambil sekiranya majikan tidak mematuhi perintah gaji minimum tersebut?

■2020

Kemudian Butiran 050700 — Majlis Perundingan Gaji Negara. Baru-baru ini sekali lagi kita berdepan dengan isu ketidakcukupan gaji yang dibangkitkan meskipun keadaan purata dan penengah pendapatan rakyat meningkat setiap tahun, namun kenaikan tersebut sangat marginal. Contohnya purata pendapatan tahun 2017 ialah RM2,879 kemudian ia meningkat kepada RM3,087 pada tahun 2018. Kenaikan 7.2 peratus itu melepasi kadar inflasi tetapi realiti kehidupan tidak begitu.

Oleh sebab itu, Bank Negara Malaysia menerbitkan kertas polisi bertajuk *The Living Wage: Beyond making Ends Meet*. Gaji kehidupan wajar bagi seorang individu yang menetap di Lembah Klang ialah RM2,700. Pihak KWSP menganggarkan RM2,490 sebulan. Manakala, MTUC pula berpendapat RM2,308 sebulan. Kadar ini yang sebenarnya yang lebih mencerminkan realiti kehidupan semasa khususnya di Lembah Klang.

Oleh itu, saya berharap kementerian dapat memperincikan apakah perkiraan sebenar yang diambil oleh Majlis Perundingan Gaji Negara untuk menetapkan paras gaji minimum di negara ini. Apakah faktor yang menyebabkan kadar kenaikan gaji terlalu perlahan di negara ini? Adakah pihak majlis mengadakan sesi libat urus dengan pemegang taruh tertentu sebelum semakan gaji dapat dijalankan?

Kemudian butiran yang terakhir Tuan Pengerusi berkaitan dengan Butiran 90000 — *Talent Corporation*. Saya ingin bertanya mengenai *Productivity-Linked Wage System* (PLWS) yang mula dilaksanakan pada tahun 2015. Salah satu tujuannya adalah untuk menawarkan gaji yang kompetitif untuk menarik lebih ramai *talents* negara yang bekerja di luar negara untuk pulang berkhidmat di Malaysia.

Namun begitu, adakah pihak kementerian sedar bahawa keputungan mereka sebenarnya adalah untuk mengeratkan lagi hubungan keluarga – 63 peratus mengikut kajiannya dan mendapat peluang untuk meningkatkan tahap karier 36 peratus.

Saya juga tertarik dengan dapatan Jabatan Statistik Malaysia mendapati faktor utama *brain drains* ialah *social injustice*. Maka gaji bukan faktor utama. Laporan *World Bank* telah merekodkan seorang daripada 10 rakyat Malaysia yang berkhidmat di luar negara adalah tinggi dan ia dua kali ganda daripada purata dunia. Keadaan ini terlalu tinggi dan boleh melambatkan pertumbuhan negara. Oleh itu saya mohon pihak kementerian memperincikan statistik terkini mengenai *brain drains* mengikut etnik, kenegerian dan sektor pekerjaan. Maka apakah sebenarnya strategi *Talent Corporation* untuk mengatasi cabaran *brain drains* ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Jelutong.

8.23 mlm.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 010200 — Dasar Sumber Manusia, Butiran 020200 — Pembangunan Kemahiran dan Butiran 050400 — Penyelenggaraan Peralatan Latihan dan Bangunan Institut Latihan Kemahiran.

Saya ingin tanya, kita lihat bahawa sebagai seorang peguam, kebanyakan bekas banduan yang telah menjalani hukuman dan juga sabitan masih lagi mengalami masalah di dalam memperoleh pekerjaan. Ini merupakan satu masalah yang serius. Dengan izin Tuan Pengerusi, *ex-convicts find it very difficult to gain employment*.

Ini merupakan satu masalah yang perlu ditangani dengan segera. Saya memohon kementerian dan juga Yang Berhormat Menteri yang begitu peka dan juga merupakan seorang bekas peguam untuk memberi perhatian kepada perkara ini. Di mana kita lihat masalah besar yang kita sedang alami adalah ramai daripada pekerja-pekerja di luar sana yang berkemahiran, yang berkemampuan, yang mempunyai kebolehan untuk melaksanakan berbagai kerja tetapi setelah mereka diambil bekerja dengan majikan dalam tempoh tiga bulan selepas selesai *probation* dengan izin, bila latar belakang mereka diperiksa oleh majikan tiba-tiba mereka diberi satu notis bahawa mereka diberhentikan kerja kerana lazimnya mereka mempunyai sabitan yang melibatkan jenayah iaitu kesalahan-kesalahan melibatkan penyalahgunaan dadah dan sebagainya.

Jadi saya memohon kerajaan baharu untuk mengambil pendekatan baharu untuk memberi perhatian kepada perkara ini kerana kita lihat banyak masalah sosial yang berlaku di negara kita sekarang berlaku kerana ramai daripada pekerja-pekerja kita yang telah disabitkan untuk kesalahan-kesalahan jenayah mengalami masalah di dalam memperoleh pekerjaan yang tetap dan pekerjaan yang baharu selepas keluar menjalani hukuman.

Perkara lain yang ingin saya bawakan kepada perhatian dan tanya penjelasan adalah Butiran 040100 — Hal Ehwat Kesatuan Pekerja. Di sini saya ingin memuji ketegasan Yang Berhormat Menteri dan kementerian di dalam memaksa majikan-majikan untuk membayar gaji

kepada pekerja-pekerja. Di sini saya ingin mengangkat kepada perhatian Yang Berhormat Menteri dan kementerian nasib yang menimpa pekerja-pekerja *Utusan Malaysia* — saya meminta Menteri dan kementerian supaya memberi perhatian dan supaya menghalusi perkara ini dengan izin dan juga *follow up* untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja *Utusan Malaysia* tidak ditinggalkan separuh jalan.

Kita ingin melihat keadilan dilakukan kepada mereka. Kita ingin lihat majikan mereka yang berhutang gaji kepada mereka seharusnya membayar gaji kepada mereka. Kalau boleh saya minta supaya kementerian dan Menteri menghalusi perkara ini, peguam-peguam yang terlibat di kementerian, penasihat-penasihat undang-undang juga melihat kalau boleh pihak-pihak atau ahli-ahli politik tertentu yang menjadi pengarah-pengarah dalam *Utusan Malaysia*, kalau boleh mereka dipertanggungjawabkan. Kalau ada harta benda mereka yang boleh dirampas dan dilelong, dirampas, dilelong, disita supaya gaji pekerja-pekerja Utusan ini dibayar. Jangan biarkan mereka, cari mereka sampai lubang cacing.

Saya di sini minta Yang Berhormat Menteri memberi perhatian. Perkara ini adalah perkara serius. Kita sedang membincangkan nasib pekerja-pekerja dan ini bukanlah perkara yang boleh ditertawakan dan saya hairan kenapakah ada Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana yang tidak berani membangkitkan perkara dan bersuara tentang perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya mohon penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Maran. Kemudian Yang Berhormat Kepong dan Yang Berhormat Rantau Panjang.

8.28 mlm.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Yang Berhormat Menteri saya hendak bincangkan beberapa perkara dalam Kementerian Sumber Manusia ini.

Pertama ialah Butiran 020200 — Pembangunan Kemahiran. Pekerjaan dalam *gig economy* Tuan Pengerusi, hari ini *gig economy* merupakan satu cabang sektor yang baharu kepada pencari kerja dan sesiapa yang mahu menambahkan pendapatan. Ini dapat kita lihat pertumbuhannya begitu menjadi-jadi pada hari ini, di mana-mana sahaja kita melihat.

Malangnya pekerja-pekerja ini adalah pekerja-pekerja sementara yang tidak ada jaminan dan mereka menggunakan motosikal untuk menghantar barang-barang makanan dan mungkin untuk mencari pendapatan tambahan untuk membayar hutang PTPTN dan sebagainya.

Saya minta kementerian mengambil perhatian serius kepada perkara ini. Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri sebagai seorang ahli undang-undang dan sebagai Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab sedar bahawa dalam Akta Kerja 155 itu ada di bawah Seksyen 3 akta ini yang mana boleh membawa pekerja *gig* ini keluar daripada masalah yang mereka hadapi untuk menentukan, mungkin perintah menetapkan mereka ini sebagai pekerja

agar mereka mendapat pampasan jika diberhentikan, ada cuti sakit, ada cuti tahunan, ada pampasan jika diberhentikan, ada gaji minimum, di carum dalam PERKESO, KWSP dan lain-lain.

Saya ingin mencadangkan juga kepada kementerian, apakah tidak boleh supaya Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) ini juga dilaksanakan kepada pekerja *gig* ini seperti mana kita laksanakan kepada pekerja-pekerja atau pemandu teksi supaya mereka dapat jaminan masa depan andai berlaku kemalangan pada mereka.

■2030

Kedua Tuan Pengerusi ialah Butiran 030100 – Tenaga Kerja. Terdapat empat inisiatif [Tidak jelas] Malaysia kerja, saya ingin tahu kenapa kerajaan tidak menambah peruntukan kepada JobsMalaysia sebagai tulang belakang platform pencari kerja mendapatkan pekerjaan? JobsMalaysia telah membuktikan mereka mampu menjalankan tugas untuk memastikan *job matching* ataupun penyesuaian pekerjaan pencari kerja. Ini bukan sahaja pencari kerja yang sememangnya mereka ini tiada pekerjaan tetapi mereka yang cuba mencari pekerjaan untuk menambahkan pendapatan. Jadi kenapa peruntukannya agak kurang dan perlu ditambahkan lagi.

Berikutnya Tuan Pengerusi ialah Butiran 040000 – Perhubungan Perusahaan. Oleh sebab tidak ada butiran khas kepada perkara ini iaitu isu menambah pegawai pemeriksa atau *labor inspection* dengan izin. Saya ingin menggesa kepada kerajaan agar menimbang penambahan pegawai-pegawai Jabatan Tenaga Kerja bahagian penguatkuasaan ini. Saya ingin tahu berapakah LI dengan izin pemeriksa buruh ini yang ada pada hari ini. Berapakah keperluan sebenar yang diperlukan oleh Jabatan Tenaga Kerja dalam kita menangani apa juga permasalahan perundangan dan menaikkan nama baik negara di pentas antarabangsa.

Tuan Pengerusi, yang berikutnya ialah Butiran 050400 – Penyelenggaraan Peralatan Latihan dan Bangunan Institut Latihan Kemahiran. Saya ingin tahu berapa jumlah institut latihan kemahiran di negara kita pada hari ini, terkini sama ada kerajaan ataupun swasta. Saya difahamkan *utilization*, utilisasi ataupun penggunaan institut-institut latihan ini tidak penuh. Saya ingin tahu berapa sebenarnya kekosongan yang perlu diisi.

Ketiga Tuan Pengerusi ialah tentang tenaga kerja kementerian. Pekerja-pekerja dan ahli lembaga pengarah beberapa agensi amat penting dalam kementerian ini. PTPK, PSMB, NIOSH dan sebagainya. Saya ingin tahu siapa ahli-ahli lembaga pengarah yang ada pada hari ini? Saya ingin tahu senarai mereka. Saya difahamkan banyak yang lepas yang telah dikeluarkan dan dilantik orang-orang yang baru. Saya juga difahamkan mungkin hendak tahu apakah kelayakan yang ada pada mereka. Apakah mereka mempunyai pengalaman dalam bidang-bidang tertentu seperti...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: ...PTPK, PSMB, NIOSH dan sebagainya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:...Dan saya juga ingin tahu berapakah pegawai yang telah dibuang kerja oleh Kementerian Sumber Manusia sendiri sedangkan mereka ini perlu dibela oleh kementerian. Jadi, saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberikan perhatian dalam perkara ini supaya nama Kementerian Sumber Manusia bukan sahaja gah di Malaysia tetapi juga di peringkat antarabangsa. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Maran. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kepong.

8.33 mlm.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Ya terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada Butiran 010300 – Dasar Perburuhan. Adakah dasar kerajaan akan menjalankan program pemutihan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang pertama atau *last* sekali dengan izin di bawah Kerajaan Pakatan Harapan?

Untuk makluman Dewan ini, saya menerima aduan daripada semua bidang industri, daripada kilang besar sehingga penjaja makanan. Mereka tidak dapat mencari pekerja asing yang ada permit. Oleh itu, mereka terpaksa mengupah PATI. Sekiranya kerajaan memutihkan pekerja PATI ini ia akan mendatangkan pendapatan yang tinggi kepada kerajaan dan ia juga akan menghentikan gejala rasuah yang dihadapi oleh PATI setiap hari daripada agensi penguatkuasaan. Saya boleh katakan bahawa di Kuala Lumpur hampir semua kalau tidak 90 peratus pekerja asing adalah tanpa izin dan mereka boleh bekerja.

Seterusnya Butiran 030100 – Tenaga Kerja. Anggarannya hampir RM113 juta. Ini anggaran yang agak tinggi. Saya minta kerajaan menggunakan sebahagian anggaran di sini untuk membantu 800 orang bekas pekerja Utusan Malaysia. Ya, kerajaan tidak patut latar kebelakangan politik mereka, kita juga tidak harus ingat mereka – latar belakang, *sorry* politik mereka. Kerajaan juga tidak patut ingat mereka dahulu membantu propaganda UMNO. Apa yang penting kita mesti lihat mereka adalah manusia, mereka adalah rakyat Malaysia yang sekarang dalam kesusahan. Jadi, saya minta kerajaan membantu mereka mencari kerja baru.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong jangan ada gangguan.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Betul itu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Kepong teruskan.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Bantu mereka mencari kerja baru atau membantu keluarga mereka sehingga bapa atau emak mereka mendapat kerja baru. Akhirnya, saya hendak menyentuh...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta laluan Yang Berhormat Kepong.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Ya, silakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih. Perkara melibatkan pekerja-pekerja *Utusan Malaysia* ini adalah perkara yang penting. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Kepong yang saya lihat begitu lantang sekali. Malahan sebelum Dewan Rakyat bermula pun Yang Berhormat Kepong telah membangkitkan isu ini meminta supaya campur tangan oleh Yang Berhormat Menteri dan kementerian.

Kenapa tidak perkara ini dibawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini oleh pemimpin-pemimpin UMNO yang menggunakan mereka dahulu? Apakah pendapat Yang Berhormat Kepong...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Heh Yang Berhormat Jelutong baca *Hansard* lah. Baca *Hansard*, malu dekat orang sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Kepong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Heh Yang Berhormat Paya Besar diamlah kalau *you*...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Ahli Yang Berhormat yang lain jangan ada gangguan.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya tidak mahu ada gangguan. Sila Yang Berhormat Kepong.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Heh saya yang bawa dalam Dewan ini, *you* bacalah *Hansard* Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak adalah, *you* jangan bohonglah Yang Berhormat Paya Besar, selalu putar belit sahaja.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi, dia kata saya berbohong Tuan Pengerusi. Baca, tarik baliklah. Baca *Hansard* lah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Heh *you* pembohonglah!

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Heh *you* pembohong!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *You* pembohong!

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Baca *Hansard* lah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Pergi baliklah. Tidak takut sama *you!*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Paya Besar, sila. Yang Berhormat Pengkalan Chepa duduk, duduk. Sila Yang Berhormat Kepong ada satu minit sahaja.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Ya, ya. Apa yang penting kedua-dua belah pihak, kita ingin kerajaan membantu lapan orang bekas pekerja *Utusan Malaysia*. Akhir sekali Butiran 050500 sehingga Butiran 051200 ada lapan butiran. Ini seperti butiran yang baru. Tahun lepas tidak ada. Jadi saya hendak bertanya kepada kerajaan, apakah keperluan dan rasional lapan butiran ini. Adakah ini butiran yang baru dan juga adakah butiran ini akan diperuntukkan semula pada belanjawan tahun 2021 ataupun lapan butiran *one-off*. Itu sahaja, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Pembahas yang terakhir, saya menjemput Yang Berhormat Rantau Panjang.

8.38 mlm.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada sama-sama membahaskan Kementerian Sumber Manusia, B.46.

Merujuk kepada Butiran 010200 – Dasar Sumber Manusia dan Butiran 010300 – Dasar Perburuhan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sejauh manakah kajian dan penelitian yang telah dibuat oleh pihak kementerian terhadap semua akta yang berkaitan dengan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 termasuk Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan akta-akta yang berkaitan selaras dengan janji dalam manifesto Pakatan Harapan pada pilihan raya umum yang lalu.

Jadi, kita mengharapkan janji-janji ini dikotakan. Sejauh mana pemegang taruh telah dirundingkan sebab kalau kita lihat daripada pindaan Akta Perhubungan Perusahaan yang lalu, bagaimana disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri kata bahawa telah dirundingkan dengan pihak MTUC dan termasuk MEF tetapi makluman yang kita terima di saat akhir perkara ini belum diputuskan tetapi telah dibawa rang undang-undang ini kepada pihak Peguam Negara.

■2040

Jadi saya ingin tahu, adakah pindaan yang seterusnya akan dibuat? Sejauh mana penglibatan mereka? Berkaitan dengan pindaan ini saya ingin tahu, apakah reformasi yang akan dibuat oleh pihak kerajaan terhadap akta-akta yang berkaitan dengan Akta Buruh ini? Oleh sebab kita inginkan kebajikan pekerja khususnya diambil berat dan diambil perhatian sama ada sektor awam ataupun swasta supaya mereka dapat memberi sumbangan yang besar kepada pendapatan negara dan memberi sumbangan kepada pembangunan masa depan negara.

Saya ingin penjelasan juga, adakah kerajaan akan melaksanakan cadangan yang sudah banyak kali saya sebut di Dewan ini iaitu pindaan akta untuk memberi kebenaran kepada pekerja wanita khususnya wanita Muslim berpakaian patuh syariah? Peraturan ini tidak dapat dilaksanakan sekiranya akta tidak dipinda. Jadi ,sejauh mana kesungguhan pihak kementerian untuk memastikan segala pindaan dibuat untuk membolehkan memberi kebenaran kepada pekerja wanita Muslim di semua sektor sama ada sektor awam atau sektor swasta termasuk sektor penerbangan hotel dan sebagainya membolehkan mereka berpakaian patuh syariah?

Begitu juga hak solat Jumaat sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Tumpat. Begitu juga jualan arak yang membabitkan pekerja wanita Muslim ataupun pekerja Muslim. Jadi seharusnya perkara ini menjadi satu dasar supaya perkara-perkara yang dilarang dalam agama ini dijadikan panduan dalam menggubal dasar berkaitan dengan pekerja. Begitu juga saya ingin tahu, sejauh mana had gaji dimasukkan dalam pindaan akta yang akan dibuat untuk membolehkan lebih ramai pekerja dilindungi di bawah Akta Pekerja 1995 termasuk juga cuti bersalin?

Jadi, sejauh mana komitmen kerajaan? Oleh sebab kita tidak mahu hanya sektor awam yang dapat menikmati tetapi termasuk juga sektor swasta. Saya mencadangkan juga supaya kerajaan memasukkan dalam pindaan itu iaitu cuti *ihdad*, cuti kematian suami. Oleh sebab saya pernah berdepan dengan kakitangan kerajaan yang datang kepada kita dalam keadaan yang murung kerana baru kematian suami seminggu terpaksa pergi kerja. Jadi saya harap perkara ini diberikan perhatian. Ini adalah kebajikan pekerja dan perkara ini kita harap dilaksanakan.

Di Kelantan, kita telah luluskan cuti *ihdad* bagi kakitangan kerajaan negeri bergaji penuh selama sebulan. Jadi, mungkin perkara ini kita harap ditimbangkan dalam pindaan akta yang berkaitan. Begitu juga kita mengharapkan Akta Pekerja meliputi pekerja tempatan dan buruh asing termasuk juga pemeriksaan kesihatan dan rawatan yang mesti ditanggung oleh majikan. Kita meminta supaya had rehat diberi kepada pekerja supaya memberi ruang untuk mereka bekerja berehat dalam masa beberapa minit setelah bekerja. Majikan juga hendaklah menyediakan pusat jagaan kanak-kanak terutama di premis-premis yang mempunyai kakitangan yang ramai lebih daripada 100 orang ataupun diganti dengan pilihan elaun bulanan untuk taska kanak-kanak.

Begitu juga hendaklah menyediakan bilik yang selamat untuk menyusu dan begitu juga cuti sakit. Seseengah majikanengehadkan cuti sakit hanya 15 hari. Jadi kita cadangkan akta perlu dibuat untuk membolehkan untuk pekerja yang sakit mendapat rawatan mungkin sehingga 30 hari ataupun 60 hari. Begitu juga kita mencadangkan supaya elaun perumahan bulanan RM300 ataupun pinjaman perumahan untuk golongan berpendapatan rendah. Jadi, sejauh mana usaha yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk membolehkan pekerja ini mendapat kebajikan?

Begitu juga saya ingin menyentuh 040300 – Mahkamah Perusahaan. Saya ingin tahu, apakah statistik kategori kes-kes yang telah dipohon diadili setakat ini di Mahkamah Perusahaan dalam tempoh lima tahun terakhir? Berapakah kes-kes yang tertunggak? Apakah faktor utama yang telah mendorong kepada masalah tertunggak kes tersebut? Apakah mekanisme kerajaan bagi mengurangkan kos guaman memandangkan banyak kes yang dituntut di mahkamah ini menyebabkan beban kepada para pekerja yang terlibat ataupun para pengadu yang membawa kes tersebut?

Begitu juga Butiran 050800 – Karnival Kerjaya dan Butiran 050900 – Program Ekspresi JobsMalaysia dan *Outreach*. Pertama kali, saya melihat bagaimana tiada peruntukan pada tahun

2019 berbanding dengan RM2.7 juta pada tahun 2020. Jadi saya ingin tahu, soalan saya ialah apakah program karnival kerjaya ini telah mencapai matlamatnya? Keduanya, bagaimana perancangan untuk menganjurkan Karnival Kerjaya dan program ini untuk dibawa ke kawasan pedalaman termasuk di dalam Parlimen saya sendiri di Rantau Panjang? Apakah bentuk program yang dilaksanakan oleh kementerian? Apakah sasaran peluang pekerjaan yang dijangka akan dicapai dengan penganjuran program karnival tersebut? Sejauh mana penglibatan syarikat-syarikat swasta dalam karnival tersebut? Jadi saya ingin penjelasan daripada pihak Yang Berhormat. Ini kerana masa tidak mengizinkan, setakat itu dulu Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Seramai 22 Ahli Yang Berhormat telah berbahas peringkat Jawatankuasa. Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia untuk menjawab tempoh masa maksimum satu jam. Silakan.

8.45 mlm.

Menteri Sumber Manusia [Tuan M. Kulasegaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mula dengan jawapan kepada Yang Berhormat Jeli. Saya ingin – sebelum menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, pertama saya hendak berterima kasih kepada semua yang terlibat memberi pandangan dan juga input-input. Saya hanya akan menjawab berkaitan dengan perkara-perkara inti pati yang dibangkitkan dalam belanjawan ini dan tidak setakat dasar.

Yang Berhormat Jeli telah bertanya berkenaan kajian-kajian berkaitan *Labour Market Information* yang telah dijalankan oleh *Institute of Labour Market Information And Analysis (ILMIA)*. Sehingga kini, ILMIA telah menjalankan lebih dari 30 kajian sejak daripada tahun 2012. Manakala untuk kajian tahun 2019, ILMIA telah menjalankan sebanyak 10 kajian seperti berikut. Dengan izin,

- (i) *Feasibility Study on The Impact on The Output of TVET Purpose From The Consolidation and Corporatization of All Training Institutes Under Ministry of Human Resources,*
- (ii) *National Masterplan for Development of Technical and Vocational Training (TVET),*
- (iii) *National Labour Course 2019,*
- (iv) *The Social Economic Impact from Employment of Low Skill Foreign Workers and the International Side of It,*
- (v) *A Study to Formulate A National Human Resources Blueprint 2020-2025,*
- (vi) *Environmental Scan for The Tourism Sector in Malaysia,*
- (vii) *Development of The National Rich Index,*
- (viii) *National Employment Returns 2019,*

- (ix) *Feasibility Study The Implementation of Time Bank Volunteering Scheme for Senior Citizen*; dan
- (x) *Critical Occupation List 2019-2020*.

Yang Berhormat Parlimen Jeli juga ada bertanya sama ada ILMIA ada menjalankan kajian berkaitan *future of work*. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2020 ILMIA akan menjalankan tiga kajian yang berkaitan dengan *future of work* iaitu:-

- (i) *A Study on the Digital Labour Markets in the Gig Economic in Malaysia*,
- (ii) Kajian Permintaan dan Penawaran Guna Tenaga 2021 – 2025; dan
- (iii) *A Study to Profile Green Jobs in Identified Economic Sectors in Malaysia*.

Berkaitan dengan pangkalan data mengenai pasaran buruh, ILMIA telah mewujudkan satu pangkalan data yang dipanggil *Labour Market Information Data Warehouse (LMIDW)* yang mengandungi data-data berkaitan permintaan dan penawaran guna tenaga negara. Merangkumi kadar penyertaan tenaga buruh negara, nisbah guna tenaga kepada penduduk, status pekerjaan, guna tenaga mengikut sektor dan pekerjaan. Masa bekerja, guna tenaga dalam sektor informal, pengangguran termasuk pengangguran belia, *education attainment and illiteracy* dan beberapa indikator yang lain. Segala data diperoleh melalui kajian yang dijalankan oleh ILMIA serta data-data daripada *Labour Force Survey* serta data-data daripada empat kementerian lain dan 17 jawatan yang berkaitan dengan *Labour Market Information*. Pada masa sekarang, jumlah pegawai yang ada di ILMIA adalah seramai 26 orang.

Yang Berhormat Padang Serai bertanya apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh memperkukuhkan lagi ILMIA dalam memastikan maklumat-maklumat berkaitan pasaran buruh adalah lengkap, menyeluruh dan terkini.

■2050

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Padang Serai ada.

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada. Teruskan.

Tuan M. Kulasegaran: Pada masa sekarang, fungsi ILMIA dibahagikan kepada 22 bahagian utama iaitu mengadakan kajian-kajian berkaitan pasaran buruh dan juga menjadi *hub* dalam pengumpulan data-data berkaitan pasaran buruh. Untuk perkara ini, ILMIA telah mengadakan libat urus dengan semua kementerian dan jabatan yang berkaitan termasuk mendapatkan pandangan dan cadangan daripada pihak industri dan juga kesatuan sekerja.

Kajian-kajian ILMIA juga dilakukan secara kerjasama di antara ILO dan *World Bank* serta institusi kajian yang lain termasuk *Khazanah Research Institute* dan *MIGHT*. Kajian-kajian spesifik yang diminta oleh kerajaan, kerajaan negeri dan koridor ekonomi juga dilaksanakan oleh ILMIA.

Manakala dari segi pengumpulan data, ILMIA dalam proses meningkatkan data *warehouse* daripada *Labour Market Information Data Warehouse* kepada *labour market*

intelligence hub yang berunsur *web based platform real time information* dengan menggunakan aplikasi IR 4.0 iaitu menggunakan *Big Data Analytics, Artificial Intelligence* dan *Internet of Things* yang akan menghasilkan data yang lebih tepat menggunakan standard klasifikasi yang sama, laporan secara *integrated* dan *automated* dan maksimum kecekapan dan penggunaan sumber yang sedia ada.

ILMIA juga dalam proses mewujudkan fungsi baharu sebagai sebuah institusi latihan setaraf dengan *International Labour Organization, International Training Centre* di Turin, Itali. Walaupun bilangan sumber manusia yang ada di ILMIA hanya lah berjumlah 26 orang, ILMIA yakin dengan penambahan yang akan dibuat ini dapat menjadikan ILMIA sebagai institusi rujukan oleh industri, kementerian dan agensi berkaitan kerajaan negeri, institusi pengajian tinggi, para pelajar, pencari kerja termasuklah pembuat dasar.

Yang Berhormat 'Terbau' telah membangkitkan mengenai *scam* pekerja. Saya ingin beritahu bahawa, dari...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat mana tadi?

Beberapa Ahli: Tebrau.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tebrau. Okey baik.

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat Tebrau.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tebrau ada.

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat Tebrau ada bukan? Ada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh beliau. Mengenai isu yang dibangkitkan mengenai *scammer* portal JobsMalaysia, menipu pencari kerja. Sebenarnya perkara ini diketahui oleh kementerian. Tindakan telah diambil dan sedang diambil terhadap pihak-pihak yang berkaitan. Saya ingin memberi sedikit iaitu pencari kerja membuat aduan kepada Jabatan Tenaga Kerja berhampiran untuk siasatan lanjut dan tindakan buruh di bawah seksyen 7 akan diambil jika dirujuk.

Yang Berhormat Pasir Gudang. Yang Berhormat Pasir Gudang.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada ya.

Tuan M. Kulasegaran: Kebajikan pekerja asing melegakan unsur-unsur *forced labour*. Yang Berhormat, saya ingin beritahu, bahawa Kementerian Sumber Manusia melalui 'JTKSM' memastikan semua permohonan majikan perlu wajib mematuhi perundangan perburuhan secara menyeluruh sebelum disyorkan mengambil pekerja asing. Jabatan sentiasa menjalankan penguatkuasaan dan pemeriksaan bagi memastikan peraturan-peraturan undang-undang dan kebajikan semua pekerja dilindungi.

Di sini saya ingin beritahu Yang Berhormat, bila permohonan dibuat oleh majikan-majikan, satu di antara yang kita buat adalah kita pergi ke industri-industri tersebut dan mengambil tahu secara spesifik, *on the ground* adakah mereka telah mengikuti peraturan-peraturan atau undang-undang. Sukacita saya ingin beritahu, ada syarikat-syarikat yang besar Tuan Pengerusi di mana telah mengadu dan mengatakan bahawa kementerian tidak meluluskan permohonan mereka. Akan tetapi, bila semakan dibuat, ramai di antara majikan-majikan ini yang

tidak membayar *overtime* atau membayar gaji lewat, maka kita terpaksa mengambil tindakan. Itulah sebab di mana kelulusan kepada mereka, walaupun pada dasarnya patut diberi, oleh kerana mereka tidak membuat perkara-perkara mengikut undang-undang, kebenaran ini tidak diberi. Ini bukan kelulusan. *Is not a very wide spread* tetapi ada industri-industri yang terlibat dalam perkara ini, ada beberapa Yang Berhormat telah berjumpa dengan saya dan saya telah mengatakan bahawa jika mereka mengikut lunas undang-undang, kelulusan akan diberi. Ya.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, sejauh mana pemantauan terhadap pekerja-pekerja asing yang datang dengan permit sebagai pembantu rumah tetapi majikan mengambil mereka bekerja di kedai-kedai makan? Contoh pembantu kedai makan menggunakan pembantu rumah Indonesia, sedangkan mereka dengan permit imigresen untuk sebagai pembantu rumah. Jadi, kesalahan undang-undang ini banyak berlaku. Jadi, sejauh mana isu-isu seumpama ini telah diambil tindakan? Jadi setakat ini, berapa kes seumpama ini telah diambil tindakan menyalahi undang-undang yang ada? Contoh.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Sila.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih Yang Berhormat. Nombor satu, mengikut lunas undang-undang, jika mereka dibenarkan sebagai *domestic servant*, dia tidak dibenarkan untuk bekerja di perniagaan dan sebagainya. Tindakan boleh diambil dan pernah diambil. Statistik yang diperlukan Yang Berhormat, saya akan mengarahkan pegawai-pegawai memberi. Sebelum saya habis, saya boleh dapat beri berapakah tindakan yang telah diambil. Jika ada mana-mana majikan yang membuat sedemikian, Yang Berhormat boleh merujuk kepada pejabat yang terdekat iaitu Kementerian Sumber Manusia untuk tindakan lanjut diambil atau kepada saya sendiri supaya saya dapat mengarahkan pegawai-pegawai mengambil tindakan tegas terhadap majikan ini dan kita akan juga serta-merta melaporkan kepada imigresen untuk mengambil tindakan yang tegas.

Yang Berhormat Padang Serai juga, mengenai kepentingan pekerja asing di sektor-sektor tertentu seperti restoran. Yang Berhormat, didapati kebanyakan pekerja yang diwujudkan di Malaysia masih bertumpu kepada pekerjaan berkemahiran rendah dan sederhana. Hal ini berlaku kerana industri di Malaysia masih lagi bergantung kepada keperluan intensif tenaga kerja di pelbagai sektor. Namun begitu, kerajaan melalui Jawatankuasa Khas Penggajian Pekerja Asing yang dipengerusikan oleh Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia yang dianggotai oleh pelbagai agensi kawal selia, menetapkan dasar-dasar dan polisi berkaitan pengurusan penggajian bukan warganegara.

Kementerian yang mengawal selia sektor masing-masing di mana sesi ini akan membolehkan keperluan sebenar industri berhubung penggajian pekerja termasuk pekerja asing ditentukan. Selain itu, *exit strategy* setiap industri bagi mengurangkan pergantungan ke atas pekerja asing juga akan digariskan, di mana penekanan akan diberikan ke arah pengurangan

pekerja asing secara progresif, melaksanakan perkhidmatan layan diri dan sebagainya. Langkah ini juga adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengehendkan penggajian pekerja asing pada kadar 15 peratus daripada jumlah guna tenaga menjelang 2020.

Beberapa orang Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai Skim Bantuan Galakan Perniagaan OKU. Skim ini diwujudkan bagi tujuan untuk memastikan golongan ini memperoleh pekerjaan dan mendapatkan pendapatan dengan menggalakkan golongan ini membuat perniagaan dengan beberapa syarat utama iaitu nombor satu, memberi pinjaman perniagaan dan menggajikan OKU yang lain supaya mereka juga dapat gaji bulanan. Yang Berhormat, skim ini, setakat ini, 51 kelulusan telah dibuat.

■2100

Sehingga September 2019 seramai 718 OKU telah diambil bekerja melalui skim ini dengan 51 kelulusan geran. Yang Berhormat Alor Setar telah bertanya mengenai luar tenaga kerja, kenal pasti untuk menggalakkan mereka termasuk dalam pengangguran.

Berdasarkan statistik JobsMalaysia Kementerian Sumber Manusia dari tempoh Januari sehingga Ogos 2019 seramai 270,288 orang pendaftar aktif yang terdiri daripada seramai 197,193 orang siswazah dan seramai 73,095 orang bukan siswazah telah mendaftar manakala kekosongan pekerjaan yang didaftarkan oleh majikan-majikan bagi kategori siswazah pula adalah sebanyak 50,326 jawatan dan sebanyak 642,679 kekosongan jawatan adalah untuk kategori pekerjaan bukan siswazah di pelbagai jawatan sektor awam dan swasta. Bagi tahun 2019 pula, dari sehingga Ogos 2019 sehingga Ogos 2019 ialah 61,871 orang pencari kerja telah berjaya ditempatkan di pelbagai sektor awam dan swasta.

Yang Berhormat Sik telah membangkitkan mengenai pengambilan pelarian sebagai pekerja. Yang Berhormat, saya ingin memberi berita yang mendukacitakan. Pertama, ini adalah kawalan Kementerian Dalam Negeri. Kedua, pada setakat ini tidak ada dasar-dasar yang tertentu untuk menolong pelarian untuk mendapat kerja di negara ini. Walaupun sedemikian, lebih kurang lima tahun dahulu ada *pilot program* yang telah dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia untuk membawa lebih kurang beberapa ratus orang untuk bekerja di ladang. Akan tetapi lebih kurang 99 peratus yang telah bekerja di ladang itu pelarian semua lari balik ke pekan-pekan. Maka inisiatif kerajaan itu telah gagal.

Saya sendiri telah mengadakan beberapa perjumpaan dengan Pesuruhjaya Commissioner of Refugees dan perbincangan masih berjalan. Saya juga telah berjumpa dengan pemilik-pemilik syarikat-syarikat besar yang disenaraikan di Bursa yang terlibat dengan *agriculture* ini. Saya telah mendapat pandangan mereka dan saya telah mengadakan perbincangan di antara Menteri-menteri dan saya difahamkan tidak lama lagi kemungkinan besar satu kelonggaran mungkin akan dibuat tetapi tidak ada kepastian mengenai penukaran polisi ini kerana satu pandangan muktamad belum dibuat oleh Kabinet lagi.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apa yang berlaku di luar ialah para pelarian ini sebenarnya mereka sudah pun bekerja di pelbagai sektor. Mereka sudah pun ada bekerja di sektor perladangan, pembinaan dan sebagainya.

Persoalan yang mungkin boleh pihak kementerian berbincang balik dengan cadangan saya untuk kolaborasi dengan Kementerian Dalam Negeri ialah mendaftar pekerja-pekerja daripada pelarian ini secara sah maksudnya kita dapat ketahui di mana mereka bekerja dan tidak berlakulah ketika ini sebahagian mereka yang ditangkap oleh pihak Jabatan Imigresen ketika bekerja dengan alasan mereka tidak ada permit kerja.

Jadi ada isu yang mereka ditahan di depoh-depoh tahanan dan sebagainya. Jadi maknanya prosesnya adalah pendaftaran mereka secara sah untuk dalam bidang pekerjaan yang telah pun berada sekarang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri teruskan.

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat, saya *same badge* dengan Yang Berhormat. Sebenarnya saya adalah satu di antara orang yang percaya bahawa kita patut memberi sedikit. Ini peribadi punya hal. Semasa saya di sana, saya ada juga menghujahkan perkara yang sama kerana kita semua tahu mereka sudah ada di sini. Kenapa pula kita perlu pergi ke luar negeri untuk mengambil pekerja asing?

Jadi saya rasa ini tidak ada satu rasional punya polisi dan itulah sebab kita ada beberapa perbincangan di antara kementerian dan satu keputusan muktamad akan diberi tidak lama lagi. Akan tetapi pendaftaran dan sebagainya, kita setakat ini ada dengan United Nations High Commissioner for Refugees. Mereka ada memberi kad-kad yang tertentu akan tetapi seperti Yang Berhormat Sik memberitahu, mereka bila mengulang-alik dari kerja kerap kali ditangkap oleh pihak-pihak berkuasa dan ini akan menyebabkan sangat banyak kesusahan kepada mereka.

Saya rasa jika mereka dibenarkan untuk bekerja, pada pandangan saya Yang Berhormat adalah kerana kita ada undang-undang buruh. Walhal kita tahu mereka bekerja akan tetapi undang-undang buruh tidak boleh menolong mereka, tidak merangkumi hak asasi manusia dan sebagainya. Mereka tidak diadakan gaji minimum dibayar dan gaji *overtime* dibayar walhal kita ada undang-undang ini diguna pakai untuk rakyat Malaysia.

Anehnya ini adalah satu di antara perkara yang saya kata dari mula saya berterima kasih kepada pandangan Yang Berhormat. Saya akan menyuarakan perkara itu kepada pihak-pihak atasan dan satu keputusan saya percaya akan dibuat pada 10 atau 15 Disember selepas satu *committee* di mana perbincangan ini telah dibuat dan akan diberitahu kepada rakyat Malaysia.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Menteri, tentang pekerja asing. Terima kasih banyak. Terima kasih Tuan Pengerusi. Di samping pekerja-pekerja asing yang 3D ini Yang Berhormat ya, *difficult*, *dirty* dan juga *dangerous* ini, ramai juga pekerja asing yang tahap tinggi ini yang kita panggil *expatriate* ataupun pegawai dagang.

Tidak silap saya daripada lebih kurang 51 buah negara membekalkan *expatriate* ini. Sepatutnya *expatriate* atau pegawai dagang ini kita panggil ke mari untuk *transfer technology* kepada pekerja-pekerja di negara kita. Jadi saya ingin tahu yang terkini, berapa jumlah pegawai dagang ataupun *expatriate* di negara kita? Apakah langkah kerajaan untuk mengambil balik orang kita supaya mengambil tempat *expatriate* ini. Terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Terima kasih Yang Berhormat Maran.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih Yang Berhormat Maran. Walaupun tidak membangkitkan perkara itu dalam penghujahan, tetapi saya sudi menjawabnya. Angka itu saya boleh dapat dengan pegawai tetapi saya tahu itu lebih kurang dalam 120,000 belum pasti lagi mungkin pihak agensi itu akan memberi.

Yang Berhormat, sebenarnya satu di antara usaha dan cadangan yang kita buat adalah untuk setiap pekerja yang datang dengan *expatriate* ini kita akan adakan *under study*. Kita akan *we go back to what we started some five to ten years ago* tetapi telah diberhentikan supaya kita ada bila kita ada *expatriate* bekerja di sini, kita ada satu rakyat Malaysia- menjadi *under study* dan selepas itu - ini adalah satu di antara cadangan yang sedang diteliti oleh kementerian dan juga satu keputusan akan dibuat tidak lama lagi.

Yang Berhormat Parit Sulong. Karnival Kerjaya. Aktiviti pepadanan pekerjaan (*jobs market matching*) melalui portal JobsMalaysia dengan memastikan setiap pencari kerja berpeluang mendapatkan pekerjaan dan majikan pula berpeluang untuk mendapatkan calon yang sesuai. Melalui proses ini, pencari kerja secara dalam talian akan menikmati kemudahan secara interaktif dan memaparkan pilihan jawatan yang ditawarkan oleh majikan secara sistem *web based*.

Di samping itu, JTK menganjurkan Karnival Kerjaya di Pusat JobsMalaysia seluruh negara, baru lebih kurang lima hari dahulu saya melancarkan lagi satu kerjaya untuk OKU di Kuala Lumpur di mana *matching* di antara pekerja dan majikan dibuat di mana ada beberapa majikan yang telah datang untuk memberi peluang untuk mereka bekerja.

■2110

Program ini akan menawarkan kekosongan jawatan daripada pelbagai latar belakang majikan. Selain itu, JTK juga turut bekerjasama dengan agensi pekerjaan swasta dan kerajaan menganjurkan program penempatan pekerjaan yang turut menekankan aspek promosi melalui media sosial, media elektronik dan media cetak. Jumlah penempatan pekerjaan sehingga 17 Oktober 2019 ialah 137,333 orang.

Yang Berhormat Parit Sulong juga bertanya jumlah penerima geran SPGP OKU. Saya sudah pun menjawab sebelum ini perkara yang itu.

Yang Berhormat Kuala Kangsar telah membangkitkan beberapa perkara, langkah-langkah melindungi pemohon pekerjaan, hak dan perlindungan pekerjaan, semak semula isu pindaan berhubung diskriminasi dalam mana-mana undang-undang atau dalam pelantikan

kepada apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang berhubung dengan pemerolehan *acquisition*, pemegangan atau pelupusan harta atau perhubungan dengan penubuhan atau perjalanan atau apa-apa pertukaran perniagaan, profesion kerjaya atau pekerjaan. Maka, cadangan bagi mewujudkan satu akta yang lebih khusus serta komprehensif bagi membendung masalah pilih kasih dan diskriminasi di tempat kerja diberi pertimbangan secara serius oleh pihak kerajaan untuk diwujudkan dalam negara kita ini.

Yang Berhormat, sebenarnya *pre-employment and post-employment* menjadi perkara. Ada NGO-NGO telah menghantar petisyen-petisyen kepada kami, kepada saya sendiri di mana mereka mengatakan *pre-employment* diskriminasi itu patut diserapkan di Akta Kerja, tetapi kita tidak ingin membuat sedemikian kerana itu adalah untuk di mana ada *contractual obligation*, itu *post-employment*. Akan tetapi kita dalam proses guna pakai cadangan tersebut supaya ia boleh digunakan bila kita meminda Akta Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) tahun hadapan. Kemungkinan besar pada bulan Mac itu, kita akan bawa, kita akan serapkan. Kita akan bawa semua *pre-employment discrimination* itu dalam hal tersebut.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan M. Kulasegaran: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Celahan daripada Yang Berhormat Segamat. Sila.

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Kuala Kangsar dahulu.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Menteri, kalau diserap ke dalam SIP, bagaimana, peruntukan macam mana? Ini kerana saya tidak berapa faham di mana ia akan diletak. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: Bukan. Sebenarnya kalau kita tengok peranan yang dimainkan oleh SIP sekarang telah berluas. Akta SIP itu menyekat tidak boleh terlibat dengan pihak-pihak yang membuat sumbangan kepada SIP. *So, those who are not contributing to SIP, you cannot, they cannot be assisting them.* Akan tetapi kita akan membawa meluaskan ini, nombor satu. Selepas itu, *this is basically* SIP akan sekarang sistem yang sedia ada adalah untuk menolong pekerja-pekerja yang telah hilang kerja, membayar pampasan dan sebagainya dan juga menolong mereka untuk mendapat kerja yang baharu dan juga memberi *skills, training, upskilling and reskilling*. Jadi, ini ada kena-mengena dengan diskriminasi pekerjaan, *pre-employment*. Maka, itu adalah lebih sesuai dalam akta tersebut. Maka, itu akan diserapkan di sana. Ya, Yang Berhormat Segamat.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa cadangan dibawa oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar itu bagus dan ia terkandung dalam manifesto kita di mana kita memang pada masa itu di mana dicadangkan bahawa akan ada

dengan izin, satu *commission* untuk *anti-discriminatory*. Maksudnya memandangkan itu adalah hasrat daripada Manifesto Pakatan Harapan dan ia adalah suatu yang baik, adakah Yang Berhormat Menteri dalam masa terdekat akan membawa untuk memastikan bahawa kita akan wujudkan suruhanjaya tersebut?

Tuan M. Kulasegaran: Sebenarnya itu adalah satu di antara cadangan yang dibuat. Kita rasa kalau kita mengadakan satu akta khusus untuk perkara itu, ia akan melibatkan banyak wang. Satu di antara cadangan yang kita telah dapat dari ILO adalah supaya kita serapkan dalam Akta Kerja. Itu sedang dihalusi sekarang.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Menteri, dia walaupun ada dalam Akta Kerja, tetapi pada masa itu kita hendak buat satu suruhanjaya kerana kita akan mendapati ini merupakan satu yang melibatkan polisi dan juga dasar. Dia hanya bukan melibatkan *tactical level*. So, maksudnya adakah suruhanjaya itu akan diadakan?

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat... [Ketawa] Sebenarnya pihak yang mencadangkan *commission* itu adalah saya semasa itu. Saya di antara orang yang membuat tersebut. Akan tetapi sekarang bila kita dengan kerajaan, dia bukan satu boleh mewujudkan satu *commission* dengan sewenang-wenangnya. Ia melibatkan banyak wang, banyak pegawai-pegawai dan pelantikan dan sebagainya. Jadi kita hendak mula dengan membuat seberapa yang boleh dalam Akta Kerja supaya pegawai-pegawai yang sedia ada boleh mengendalikan perkara tersebut supaya - Kita mula dahulu dan selepas itu kita ubah suai *as you go on*. Itu cadangan kita.

Yang Berhormat Sik juga ada membangkitkan mengenai mengurangkan pengangguran dan kurangkan tenaga asing. Hasrat kerajaan sebagaimana di Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 di bawah teras ketiga dan keempat yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 5 Oktober 2019 yang lalu. Antaranya, menyasarkan 35 peratus pekerja berkemahiran tinggi, purata kenaikan gaji kepada tiga perempat nilai produktiviti meningkat setiap tahun, sekurang-kurangnya 60 peratus lepasan SPM melanjutkan pelajaran dalam bidang TVET, menawarkan program di universiti dan institut latihan akan diselaraskan dengan kehendak industri. Kerajaan juga menyasarkan untuk mengurangkan jumlah pekerja asing dan melaksanakan mengikut sektor tenaga kerja.

Yang Berhormat, sebenarnya kita dasar yang sedia ada yang memberi penekanan kepada anak-anak kita untuk melanjutkan kemahiran mereka di TVET. Bila kita mengatakan ada pengangguran yang luar biasa, 10 peratus dan ini di antara belia-belua, kita tengok analisa-analisa yang dibuat. Ramai di antara anak-anak belia ini patut diberi galakan atau patut diberitahu bahawa bila mereka mengambil peluang untuk mendapat kemahiran di institusi-institusi teknikal *and vocational colleges*, mereka serta-merta bila habis kursus tersebut, di sana pun ada *short-term* dan *long-term courses* dan serta-merta ada majikan menunggu mereka. Itu satu di antara saya telah beritahu sebelum ini bahawa ramai di antara ibu bapa ingat bahawa kalau kita

menghantar anak-anak kita ke *technical and vocational college* ini, ini adalah *second class*. Akan tetapi ramai di antara rakyat Malaysia kurang faham bahawa sekarang statistik menunjukkan di Germany, di South Korea, Taiwan, Jepun di mana semua negara ini sangat maju, 60 peratus dari anak muda mereka bukan pergi ke universiti, pergi ke *technical colleges*. Pergi ke *Mercedes Benz, Volkswagen* dan sebagainya. Ini adalah haluan yang baharu dan itulah sebab baru-baru ini Perdana Menteri pun memberi penekanan yang tertentu supaya lebih fokus Tuan Pengerusi, supaya anak-anak diberi galakan dan sebagainya supaya mengikut kursus-kursus *technical colleges*. Ini satu di antara yang perlu dibuat supaya kita dapat *win-win position*, tetapi...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Menteri, saya melihat ada ruang yang kosong ketika mana ramai pelajar lepasan SPM ini yang tidak berminat untuk melanjutkan ke bidang kemahiran ini. Satunya ialah paradigma yang kita letakkan dalam kurikulum kita di peringkat sekolah menengah itu sendiri yang kita selalu angkat bahawa anak pelajar universiti dalam pekerjaan dalam bidang profesional dan sebagainya. Jadi, mungkin juga pihak kementerian dapat melihat bersama dengan Kementerian Pendidikan silibus-silibus yang sesuai yang kita boleh bimbing pelajar ini bagaimana ruang yang lebih cerah dalam bidang kemahiran ini.

■2120

Contoh dalam ketika mana mereka selepas pengajian PT3 ini, mereka sudah ada ruang ataupun mereka sudah ada impian untuk menyambung di bidang kemahiran selepas SPM nanti. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: Walhal Yang Berhormat, nombor satu, selepas mereka habis PT3, dia pergi ke ADTEC selepas itu dia boleh melanjutkan pelajaran kalau perlu ke M10 dan sebagainya. Akan tetapi yang lebih mustahak adalah ini Yang Berhormat, di mana seperti Yang Berhormat sendiri cakap bahawa ramai di antara ibu bapa yang tidak sehaluan sedemikian. Ingat ini adalah *second class* pelajaran, pemikiran itu perlu dipinda.

Saya ingin beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa di Kementerian Sumber Manusia, lebih kurang 70 peratus *course* tadi itu adalah praktikal, hanya 30 peratus teori, itu nombor satu. Kedua, saya juga ada pegawai-pegawai yang sangat serius dalam perkara ini yang mengadakan kolaborasi dengan swasta. Satu di antaranya ialah saya sendiri telah mengarahkan beberapa minggu dulu KPI kepada semua pengarah di institut-institut *technical vocational colleges* supaya mereka mengadakan MOU dengan syarikat-syarikat.

Saya hairan macam di Kuantan Yang Berhormat, ada satu ILP di sana. Depan ILP tersebut ada satu syarikat gergasi yang lebih satu ribu pekerja Tuan Pengerusi tetapi tidak ada apa-apa kolaborasi di antara TVET dengan mereka, macam mereka asing. Orang asing sedemikian, macam tidak ada percubaan untuk berjumpa dengan mereka. Bila saya pergi ke TVET tersebut, saya bertanya ini syarikat apa, dia kata *steel mill*.

Kenapa kita tidak mempelawa mereka untuk berkolaborasi dengan kita supaya kita dapat menyediakan anak-anak kita untuk bekerja di sana, tidak ada jawapan. Ini sekarang baru inisiatif

yang baharu, kita membuat MOU, kita mempelawa mereka datang dan kita juga telah memberi arahan kepada pengarah-pengarah. Satu di antara KPI, dia perlu pergi mencari, *go knock the door of industries. It must be industry driven*, jangan mengadakan kursus-kursus syok sendiri di mana tidak ada kerja bila mereka keluar dari institusi-institusi tersebut.

Ini adalah satu di antara inisiatif dan juga kita ada setiap institusi TVET di negara ini, kami telah melancarkan institut *lead board, marketing board* di mana kita memilih *main industry player* di kawasan tersebut Tuan Pengerusi, di mana mereka menjadi ahli dalam *boards* TVET. Mereka memberi pandangan mereka kepada pengarah-pengarah dan tenaga pengajar di sana apakah kursus-kursus dan apakah jurusan-jurusan yang patut diajar di TVETs. Ini kerana kita percaya itu perlu *industry driven*, bukan satu keputusan kerajaan. Keputusan itu patut dibuat dan diberi pilihan kepada industri. Itu sebab baru-baru ini kita telah menandatangani satu MOU dengan Daikin.

Daikin adalah satu syarikat *air conditioned* yang terbesar di dunia Tuan Pengerusi. Kalau kita ingat Daikin Tuan Pengerusi 20 tahun dulu semua *brand* nya lain, National Carrier, York dan sebagainya. Semua itu sudah bungkus, Daikin dah *over take*. Sekarang Daikin dia ada TVET dia sendiri dalam industri mereka. Ini satu inisiatif yang luar biasa dan saya memberi galakan kepada industri-industri, mengadakan TVET di mana mereka pergi ke kampung-kampung dekat-dekat di sana mengambil anak-anak mereka untuk belajar di sana.

Selepas itu dia pun membayar gaji minimum kepada anak-anak yang sedang belajar, bayar EPF, bayar SOCSO. Kalau dia mahu bekerja lepas *over time*, gaji dia lebih kurang RM2,000 satu bulan Tuan Pengerusi. Ini adalah usaha-usaha yang sedikit luar biasa yang saya rasa perlu dibuat oleh kementerian dan kita supaya anak-anak kita dapat lebih kemahiran. Dasar kerajaan dalam wawasan ini adalah 35 peratus dan sekarang kita hanya kemahiran di antara pekerja-pekerja hanya 28 peratus sahaja. Ya, Yang Berhormat sila.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat, ada 20 minit lagi.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Menteri. Saya rasa hanya usaha KPI yang Yang Berhormat Menteri berikan adalah sesuatu yang amat baik. Pada masa yang sama Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian juga bersedia untuk memastikan lebih banyak kilang dan juga perindustrian untuk menjadi *partner* ataupun rakan bersama dalam TVET ini iaitu kuota-kuota untuk membawa pekerja asing dan sebagainya, maka ia juga dikaitkan dengan usaha kerjasama MOU yang akan dijadikan sebagai MOU nanti. Kalau kita boleh berikan mereka dengan izin '*this carrot*' maka lebih ramai akan sanggup bekerja dengan kementerian. Maka mereka sendiri akan mencari.

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat Segamat, ini menjadi satu *challenge* kerana bila saya pergi ke institusi-institusi di bawah kementerian, ada banyak di antara institusi-institusi ini belum sedia lagi untuk menukar ke satu pandangan yang baharu. Itu sebab kita ada KPI sekarang, kita memberitahu kepada pengarah-pengarah institusi tersebut, *you* perlu mengadakan, *you* perlu pergi ke firma-firma. Kalau perlu pada hari Sabtu, hari Ahad atau lepas

waktu kerja pergi cari. *You* pergi berjumpa dengan majikan-majikan supaya interaksi dengan mereka dan mengadakan MOU. Sekarang buat sementara waktu, *target* nya adalah hanya lima MOU perlu dibuat di setiap tempat dan kita harap ini dapat dilebihkan.

Saya pun difahamkan Tuan Pengerusi bahawa bila kita adakan MOU, mereka pun sangat berbesar hati dan sangat suka bahawa ada kementerian yang memberi perhatian kepada mereka Tuan Pengerusi. Baru-baru ini saya dengan Daikin, kita telah memberi *understanding* di mana kita akan hantar pegawai-pegawai untuk memberi panduan, memberi *on the job training* kepada pihak-pihak dalam institusi-institusi tersebut. Ini satu pemindahan pemikiran yang baharu Tuan Pengerusi. Saya rasa galakan-galakan tertentu ini akan memberi lebih manfaat kepada anak-anak kita kerana memberi lebih peluang untuk mereka melanjutkan kemahiran dan mereka ada inisiatif-inisiatif yang tertentu.

Ada Yang Berhormat yang telah menanya mengenai graduan-graduan yang akan dibayar wang sebanyak RM500 dan RM300 untuk majikan. Apakah sebab ia tidak ternyata di buku belanjawan ini? Sebenarnya ia di bawah Kementerian Kewangan kerana wang ini akan disalurkan melalui KWSP, EPF. Maka ia tidak di bawah Kementerian Sumber Manusia. Akan tetapi kita juga terlibat dalam hal-hal semasa perbincangan dibuat. Maka kita tahu apa sedang berjalan dan apa sedang dibuat.

Yang Berhormat Maran, dia tidak ada di sini ya? Saya akan bagi...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Maran tidak ada di sini.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta Tumpat dulu, Tumpat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat Jelutong ada berucap kah? *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Jelutong tidak ada.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Segamat pun masih belum, banyak saya bawa tadi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jelutong penting ini Yang Berhormat Menteri, pekerja-pekerja Utusan ini, penting.

Tuan M. Kulasegaran: *Don't worry, don't worry.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini UMNO kita kena ajar mereka ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, Yang Berhormat Maran ada, baru masuk.

Dato' Sri Dr. Hj Ismail bin Hj Abd Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Menteri, Maran ada.

Tuan M. Kulasegaran: Mana Yang Berhormat Maran?

Dato' Sri Dr. Hj Ismail bin Hj Abd Muttalib [Maran]: Hidup lagi.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah punya dulu, Rasah dulu.

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat Maran tidak ada mari.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Maran baru masuk.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Kuching, Kuching untuk Sarawak.

Tuan M. Kulasegaran: Saya jawab kepada Yang Berhormat Jelutong, kalau tidak dia marah *on mic* kuat-kuat. Jabatan Tenaga Kerja melalui aktiviti Program Penempatan Pekerja dan juga mempromosikan kepada bekas-bekas banduan. Sehingga September 2019, seramai 354 orang, 328 orang lelaki dan 26 orang perempuan telah berjaya mendapat pekerjaan apabila keluar daripada penjara.

■2130

Kerajaan juga telah menguatkuasakan Akta Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) (Akta 800) adalah satu akta yang memberi perlindungan insurans kepada pekerja yang diberhentikan supaya dilindungi dan mendapat faedah pemberhentian.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Tumpat minta sedikit.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri berbalik...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Soalan ini saja. Yang Berhormat Menteri jawab ini ikut urusan soalan ataupun ikut tajuk-tajuk tertentu?

Tuan M. Kulasegaran: Tiga. Dua yang Yang Berhormat cakap. Nombor tiga saya dapat jawapan serta-merta sekarang. Saya, *beyond my control*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Itu sebab Yang Berhormat Jelutong baru...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tapi saya mengharapkan supaya soalan daripada Yang Berhormat Tumpat diberi jawapan.

Tuan M. Kulasegaran: Saya akan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *Insyaa-Allah*.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Untuk menjaga kredibiliti Menteri sendiri. Saya, ya.

Tuan M. Kulasegaran: Kalau boleh saya akan jawab semua. Akan tetapi ada kekangan tersebut. Saya baca ini dan saya akan....

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri saya cuma hendak tanya adakah apa-apa insentif akan diberikan kepada majikan-majikan pada masa akan datang seperti insentif dalam caruman EPF dan sebagainya sekiranya mereka lebih cenderung untuk mengambil pekerja-pekerja yang mempunyai sabitan jenayah pada masa lampau. Adakah ini dalam apa-apa pelan kementerian. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat itu satu cadangan yang baik tetapi tidak ada satu keputusan muktamad lagi belum dibuat oleh kerajaan. Akan tetapi saya akan mengambil

pekerja tersebut untuk pertimbangan pihak-pihak berkenaan dan satu keputusan kalau baik atau tidak baik saya akan beritahu kepada Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, sini, sini Yang Berhormat Kepong. Program pemutihan PATI.

Tuan M. Kulasegaran: Saya cari ini. Yang Berhormat saya ada dengar Yang Berhormat menghujah. Sebenarnya PATI adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Kerjasamalah.

Tuan M. Kulasegaran: Tetapi kita...

Tuan Pengerusi: Boleh kerjasama.

Tuan M. Kulasegaran: Bekerjasama. Betul. Kerajaan tidak ingin pada masa ini untuk memutihkan PATI. Itu adalah pendirian Kementerian Dalam Negeri. Mengenai perkara yang selanjutnya, perlu tanya kepada kementerian berkenaan, apakah sebab dan sebagainya. Saya hanya boleh beritahu dasar dia. Sebenarnya kita sudah ada satu sistem sudah tetapi belum diimplementasikan di mana Yang Berhormat kalau ambil gambar saja seseorang dan hantar kepada *foreign workers centralize management system*. Dia akan serta-merta menjawab selepas itu adakah pekerja ini bekerja *legal* atau *illegal* dan ia akan menunjukkan di mana ia berlaku, *time* dan sebagainya dan tindakan boleh diambil. Ini menunjukkan *its going facial recognition going to be the art of the future*.

Jadi untuk PATI tidak ada, itu saja saya boleh tambah Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Lagi kerajaan.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Bandar Kuching, Bandar Kuching, Sarawak.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan M. Kulasegaran: Ya untuk Yang Berhormat Bandar Kuching saya ingin beritahu bahawa pandangan Yang Berhormat...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Bentara tolong bagi jawapan soalan Yang Berhormat Tumpat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tumpat tidak payah jawablah.

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat Tumpat.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sedang cari jawapan

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat Tumpat, semasa saya sedang jawab....

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Soalan Yang Berhormat Setiu sekali.

Menteri Tenaga Manusia [Tuan M. Kulasegaran]: Semasa saya sedang menjawab kepada Yang Berhormat Bandar Kuching, saya sedang mencari jawapan untuk Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Itu Yang Berhormat Tumpat.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sabar Yang Berhormat Tumpat, sabar.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Sebab itu saya minta tolong, bentara tolong Yang Berhormat Menteri.

Menteri Tenaga Manusia [Tuan M. Kulasegaran]: Ini...

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Tolong cari jawapan Yang Berhormat Setiu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Hebat, hebat Yang Berhormat Menteri Pakatan Harapan. Hebat, hebat.

Tuan M. Kulasegaran: Ini..

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tarik di depan itu.

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat Bandar Kuching saya ingat ada berita baik. Saya sebenarnya buat pusat-pusat *rehabilitation* juga akan *on a smaller scale* akan disediakan di Sabah dan Sarawak. Itu tidak lama lagi. Nombor dua, TVET yang telah diberhentikan pembinaannya di Serian akan dilanjutkan dan *contract already been signed*. Kalau tidak silap saya *RM150 million, we are very agreed and* dia perlu memberi – bon-bon pun telah diberi dan ia telah siap lebih kurang 20 peratus hingga 30 peratus. Dia mengikut jadual. *So, all that is going on process.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Saya hendak tanya tentang bila pusat rehabilitasi dalam skala yang lebih kecil tersebut akan dimulakan.

Tuan M. Kulasegaran: Tidak lama lagi lah Yang Berhormat. Sabar.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat sebelas minit lagi.

Menteri Tenaga Manusia [Tuan M. Kulasegaran]: Yang Berhormat Tumpat ada ucapkah.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Menteri Tenaga Manusia [Tuan M. Kulasegaran]: Ada, ada.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang tidak sempat, bertulis.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Kota Tinggi tidak payahlah.

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat Tumpat, apakah tindakan-tindakan diambil kepada majikan-majikan yang melanggar garis panduan menunaikan solat, okey. Itu soalan-soalan. Jawapan saya tidak boleh tambah. Ini jawapan yang diberi. Kalau Yang Berhormat Yang Berhormat Timbalan Menteri ada, dia boleh jawab. Kementerian Sumber Manusia sedang dalam peringkat akhir meminda Akta Kerja 1955 dengan memperkenalkan peruntukan baru berkaitan menangani amalan diskriminasi dalam syarat-syarat pekerjaan dan hal-hal berkaitan. Diskriminasi terhadap pekerja sebagai salah satu cadangan pindaan. Melalui cadangan pindaan ini, mana-mana majikan yang mengamalkan diskriminasi dalam pekerjaan boleh didakwa atas kesalahan tersebut dan boleh dikenakan penalti jika sabit kesalahan. Itu jawapan dia.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Makna, apakah maksud Yang Berhormat Menteri tidak ada sebarang peruntukan untuk mengambil tindakan terhadap majikan

yang tidak membenarkan pekerja-pekerjanya solat Jumaat. Beberapa sesi sebelum daripada ini apabila soalan yang sama saya kemukakan, jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri adalah kita mengadakan garis panduan. Jadi hari ini seolah-olah jawapan ini undur lagi ke belakang. Makna seolah-olah belum ada sebarang peruntukan untuk mengambil tindakan terhadap majikan yang tidak membenarkan umat Islam menunaikan solat Jumaat.

Yang Berhormat Menteri saya pohon kalau di bawah pentadbiran *rahmatallilalamin* ini, golongan LGBT pun diberi haknya. Ini golongan umat Islam yang hendak melaksanakan tanggungjawab kepada Allah S.W.T untuk tunaikan solat Jumaat, tidak akanlah di bawah kerajaan *rahmatallilalamin* ini tidak ada ruang yang diberikan kepada mereka ini untuk melaksanakan tuntutan agama mereka ini.

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat, saya terikat dengan jawapan yang saya baca sebelum ini.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri tidak terikat dengan nota yang dihantar oleh pegawai.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Tumpat tidak payah ceramah politiklah, jangan ganggu lagi.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Rasah ini ceramah pun politik boleh, tidak hendak ceramah politik pun boleh.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Apa Yang Berhormat Tumpat. Cukup, cukup, cukup.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tapi saya mempertahankan hak umat Islam untuk menunaikan solat Jumaat.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Sudah menang Tanjong Piai, tidak payah ceramah politik.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya hendak mempertahankan hak umat Islam untuk mempertahankan solat Jumaat di negara Malaysia yang meletakkan Islam sebagai agama persekutuan.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar]*

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tunjuk pentas saja Yang Berhormat Rasah, dekat mana.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri mesti boleh jawab. Tidak akan Yang Berhormat Menteri hanya hendak bergantung hanya kepada nota daripada pegawai sedangkan perkara ini adalah merupakan perkara asas yang sepatutnya telah ada dalam kepala Yang Berhormat Menteri.

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau lebih dari itu, saya akan arahkan jawapan bertulis diberi.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya bimbang jawapan bertulis ini telah berkali-kali atas soalan yang sama. Jawapan bertulis sebelum daripada ini tidak menjawab

soalan saya. Hanya memberitahu bahawa garis panduan. Kita ada garis panduan. Akan tetapi hari ini seolah-olah garis panduan itu pun tidak ada.

Tuan M. Kulasegaran: Garis panduan ada Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Akan tetapi Yang Berhormat Menteri tadi sebut bahawasanya kita akan mengadakan peruntukan baru seolah-olah memberi gambaran tidak ada peruntukan untuk membolehkan umat Islam....

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Pengerusi campur tangan, halau dia keluar.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:...mengambil tindakan terhadap majikan yang tidak membenarkan umat Islam untuk solat Jumaat.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Rasah itu kena keluar.

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat, saya mengalih kepada Yang Berhormat Maran.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tumpat...

Tuan M. Kulasegaran: *National Institute of Occupation...*

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Akan tetapi Yang Berhormat Menteri belum jawab soalan saya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tumpat.

Tuan M. Kulasegaran: Saya akan alih kepada...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tumpat, jawapan telah diberikan. Selebihnya...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Kalau jawapan telah diberikan, saya hendak supaya Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa tidak ada peruntukan bagi kerajaan untuk mengambil tindakan terhadap majikan yang tidak membenarkan umat Islam berhenti untuk solat Jumaat pada hari Jumaat. Kalau Yang Berhormat Menteri kata ya, itu jawapan saya hendak dengar.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Baca dalam *Hansard* sudah ada, baca dalam *Hansard*.

Tuan M. Kulasegaran: Saya telah memberi jawapan, jawapan yang lebih dalam itu akan diberi secara bertulis.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Secara bertulis, baik.

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat Maran, *National Institute of Occupation Safety...*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri, saya bahas dulu sebelum Yang Berhormat Maran, macam mana pula dia punya dijawab dulu.

Tuan M. Kulasegaran: Jangan marahlah tidak apa. Yang Berhormat ada beberapa perkara yang dibangkitkan mengenai kelayakan Ahli Lembaga Pengarah. Ahli Lembaga Pengarah sedia ada mempunyai kelayakan ijazah di dalam bidang-bidang tertentu. Walaupun NIOSH mengkhususkan di dalam bidang kesihatan pekerjaan tetapi kepelbagaian bidang kepakaran selain daripada keselamatan dan kesihatan adalah wajar untuk membantu pihak

pengurusan di dalam menetapkan polisi sebagai sebuah syarikat berhad dengan jaminan menjalankan aktiviti di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Mereka juga mempunyai pengetahuan khas atau pengalaman dalam hal berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerja.

■2140

Pengetahuan dan pengalaman mereka yang dari pelbagai sektor industri sama ada awam atau swasta dapat memberikan input dari pelbagai sudut termasuk pengurusan kewangan, perniagaan, pendidikan dan lain-lain lagi. Kepelbagaian latar belakang pendidikan dan pengalaman pekerjaan akan memberikan kelebihan kepada institusi-institusi dalam menjalankan operasinya.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Menteri, saya terima kasih atas jawapan. Cuma kalau boleh saya hendak tahu sahaja siapa ahli lembaga ini dan satu lagi Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi saya difahamkan kalau dulunya banyak agensi di bawah *what ever* kementerian dengan izin, KSU memainkan peranan yang penting sebagai tonggak utama dalam sesuatu kementerian. Saya difahamkan ada juga di bawah Kementerian Sumber Manusia ini KSU tidak termasuk di dalam ahli lembaga. Saya minta supaya kalau boleh perkara ini diberikan perhatian. Ini kerana untuk kelicinan kementerian saya hendak tolong Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri ini kira terbaiklah berbanding dengan Yang Berhormat Jelutong. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih kepada pandangan tersebut. Yang Berhormat Rasah dan beberapa Yang Berhormat telah membangkitkan perkara mengenai Mahkamah Perusahaan. Ini amalan masa ini adalah proses bagi perlanjutan kontrak pengerusi mahkamah di laksanakan enam bulan sebelum sesuatu kontrak itu berakhir. Walau bagaimanapun, pihak kementerian dari semasa ke semasa menambah baik amalan ini bagi memastikan kelancaran pelanjutan kontrak pengerusi mahkamah adalah berterusan. Yang Berhormat, sebenarnya perkara ini bukan perkara yang baharu. Semasa saya menjadi ahli pembangkang, perkara ini saya kerap kali membangkitkan di mana Pengerusi Mahkamah Perusahaan yang membuat keputusan mengenai *security of tenure*, beliau sendiri tidak ada *security of tenure*.

Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rasah mereka hanya mendapat kontrak dua tahun dan selepas itu dilanjutkan kepada dua tahun. Saya tahu saya telah memberi arahan-arahan tertentu supaya sebelum kontrak itu *expire* satu keputusan diberikan oleh kementerian dan juga JPA dan SPA. Menghalusi mengenai pendapat mereka di mana ramai di antara mereka adalah peguam-peguam yang telah berkhidmat untuk 10 tahun, 20 tahun dan 30 tahun. Mereka patut diberi ganjaran yang setimpal dan ini adalah satu di antara perkara yang dibuat. Saya...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, saya dan Yang Berhormat Kepong sedang menunggu untuk jawapan berkenaan dengan nasib yang

menimpa pekerja-pekerja Utusan. Saya minta penjelasan, kita betul prihatin dengan nasib yang menimpa mereka. Apa yang akan dilakukan untuk membela nasib mereka. Sila beri penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kami betul-betul berminat ingin mempertahankan mereka, saya dan Yang Berhormat Kepong.

Tuan M. Kulasegaran: Boleh, boleh saya habiskan ini mengenai Mahkamah Perusahaan. Jadi saya telah berjumpa dengan SPA baru-baru ini di mana mereka telah dimaklumkan dan tindakan perlu diambil di mana mungkin meningkatkan kontrak dari dua tahun ke tiga tahun, automatik *continuation* kepada lagi tiga tahun dengan beberapa *condition*, prasyarat adalah di antaranya adalah mereka perlu ada kesihatan yang baik dan sebagainya dan ini boleh diambil kira.

Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Kepong ingin memberitahu bahawa mereka yang telah dibuang kerja semua perkara itu telah dirujuk kepada SIP, Sistem Insurans Persendirian di mana pekerjaan di mana mereka dibayar pampasan untuk bulan pertama 80 peratus, selepas itu 60 peratus dan sebagainya untuk enam bulan.

Ini kerana mereka ada buat sumbangan kepada SIP dan setakat selepas itu jika pekerja-pekerja itu mengambil tindakan terhadap syarikat tersebut di Mahkamah Buruh kita akan menolong mereka mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada. Kita tidak kisah adakah mereka ada *connects* dengan parti politik atau sebagainya. Jika salah itu salah, jika betul itu betul dan tindakan akan diambil terhadap pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Menteri, tindakan dahsyat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Okey, okey Yang Berhormat Kepong, sila-sila.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Satu minit lagi.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Saya minta tindakan yang dahsyat dan tegas diambil terhadap majikan *Utusan Malaysia*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya juga minta supaya parti politik yang bertanggungjawab itu diambil tindakan juga. Kalau ada apa-apa harta benda yang boleh dirampas daripada parti politik itu kita rampas, sita, lelong dan bayar gaji mereka. Perkara ini juga perlu diperhalusi ini kerana disebabkan parti politik itulah perkara ini berlaku.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Ya, kalau boleh, ya betul kalau boleh lelong...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: 15,000 sudah, 15,000 sudah kalah, tak payah main wayanglah.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri sikit, sedikit Yang Berhormat Menteri.

Tuan M. Kulasegaran: Akhir sekali...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Ya tak lama lagi kita dengar ramai doktor-doktor ditamatkan kontrak daripada kerajaan. So banyak yang terlibat. Bolehkah kita cadangkan bahawa setiap *factory* dalam Malaysia ini mesti ada bagi peluang kepada doktor-doktor berkhidmat dalam *factory* tersebut. Satu cadangan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Padang Serai.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tuan Pengerusi, kita punya perbincangan ini tidak jawab ini banyak perkara-perkara baharu yang dia orang yang pandai ini hendak kemukakan. Tengok sudah habis masa.

Tuan M. Kulasegaran: Ya, ya Yang Berhormat sekejap ya.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Ha.

Tuan M. Kulasegaran: Saya minta maaf kalau saya tak dapat jawab saya akan...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Itu saya sudah tahu Yang Berhormat Menteri tidak akan dapat jawab.

Tuan M. Kulasegaran: No, no. Saya akan jawab secara bertulis. Akan tetapi tidak mengapa Yang Berhormat ini satu perkara yang dibangkitkan mengenai *Utusan Malaysia*. Tindakan akan diambil terhadap pihak-pihak selepas ini. Satu saya ingin beritahu bahawa pihak majikan tidak akan melaporkan sebelum memberhentikan pekerja-pekerja. Itu satu kesalahan...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Kesalahan besar ini.

Tuan M. Kulasegaran: Satu tindakan diambil. Yang Berhormat soalan yang ditanya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Belum jawab lagi.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Saya tadi bangkitkan pasal Karnival Kerjaya, elaun pelajar, institut kemajuan...

Tuan M. Kulasegaran: Okey Yang Berhormat, Yang Berhormat itu jawapan bertulis.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bagi jawapan bertulis semua itu, tak penting.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Hei! Mana, itu tak penting bagi engkau. Bagi aku ini penting tau tak. Aku bantai *karang* baru tahu.

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Yang saya pun belum jawab lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta Yang Berhormat Menteri jawab.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Isu pindaan akta yang berkaitan dengan pakaian tadi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Pakaian tadi.

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat perkara kerja karnival itu...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tak apa Yang Berhormat Menteri, jawab secara bertulis, saya terima.

Tuan M. Kulasegaran: Okey, alright.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat, saya berhentikan di sini, saya minta maaf dan kepada pihak-pihak yang telah membangkitkan. Saya dengan sukarela ingin memberitahu bahawa saya sedia ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Kota Tinggi kata pekerja Utusan tidak penting mana boleh macam ini.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Hei Yang Berhormat Paya Besar sudah kemukakan soalan lah. Kau tak baca kah? Apalah ini.

Tuan M. Kulasegaran: Itu soalan yang banyak mustahak Yang Berhormat bangkitkan mengenai *Civil Aviation* itu, *long story to cut short*, kerajaan memberikan keutamaan kepada pihak-pihak tersebut. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengarahkan bahawa lebih perhatian diberi kepada sektor tersebut. Itu satu faktor tetapi saya tidak ada masa untuk jawab. Saya minta maaf tetapi kepada pihak-pihak Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan, saya akan arahkan jawapan bertulis. Saya rela untuk berjumpa Ahli-ahli Yang Berhormat bila-bila masa untuk mengadakan sesi dialog dengan saya dan kementerian di masa Parlimen bersidang supaya kita boleh menukar fikiran dan menambah baik lagi kementerian. Terima kasih.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Cuma Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Satu lagi jangan masuk *Part 66* sahaja, EISA B2 sekali ya.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Menteri ini hendak anggap sebagai satu teguran ya. Saya walaupun habis program saya tiga atau empat pagi, saya datang dan saya balik rumah tidur dua jam, saya akan duduk sampai malam tiap-tiap hari tetapi kebiasaannya yang ini berlaku apabila saya mendapati apabila tidak ada pegawai di belakang yang boleh menjawab soalan saya maka dia sengaja tidak jawab. Ini cara mudah. Saya tak salahkan Yang Berhormat Menteri, *sorry ya. I have a right; I have my floor alright. So, saya berharap Yang Berhormat Menteri, soalan yang saya tanya ini...*

Tuan M. Kulasegaran: Sebenarnya, no, no Yang Berhormat saya ada semua jawapan di sini. *All the* pegawai khas telah memberikan jawapan tetapi...

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Ya Yang Berhormat Menteri tetapi masalahnya...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Menteri boleh bagi sekarang tak jawapan itu? Bertulis.

Tuan M. Kulasegaran: Saya mahu menghormati yang diberi masa...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Semua boleh tanya, ya.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: *Minister, can I just, give me few second, I just want to say. Don't get me wrong, boleh berikan saya bertulis tetapi ada kalanya – No saya minta Yang Berhormat Rasah tarik balik dia panggil saya stupid. No, saya minta dia tarik balik.*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tak ada kaitan. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Saya minta dia tarik balik!

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya setuju.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Tuan Pengerusi saya bukan jenis yang naik marah atau sebagainya tetapi ini tidak boleh. Ini Dewan yang mulia ini tidak dibenarkan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tak ada kaitan, *not recorded. [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Saya minta dia tarik balik.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Sesama sendiri pun.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Rasah tidak profesional, tidak profesional.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Saya minta dia tarik balik.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak ada. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Saya minta di tarik balik.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Eh Yang Berhormat Segamat sebutkan...

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: *No because saya, saya hendak merekodkan. Saya tidak benarkan, saya tidak akan panggil orang lain bodoh dan saya tidak akan membenarkan orang panggil saya bodoh. Ini bukan kali pertama.*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Eh! Saya duduk sinilah. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Segamat nyatakan soalan balik sebelum Yang Berhormat Menteri mahu mendengar. Saya bagi ruang sedikit, silakan.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Menteri berikan saya bertulis sebab ianya dalam *Hansard*, saya akan terima tetapi berikan secara lebih mendalam.

■2150

Ini kerana perkara pengangguran ini adalah perkara yang penting kerana melibatkan ramai orang dan sebagainya. Saya bukan hendak menjatuhkan air muka Yang Berhormat Menteri atau tidak. Jangan salah faham langsung tetapi adalah tanggungjawab saya bukan sahaja kepada masyarakat di Segamat tetapi dahulu sebagai bekas daripada pendidikan dan juga sebagainya yang ramai menganggur ini adalah graduan. Maka saya hendak bawa perkara ini kerana ini

merupakan satu isu yang besar untuk negara kita. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Segamat, boleh sebut apa isu tadi.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Saya hendak bawa kepada isu tiga perkara mengenai graduan yang tidak mendapat khususnya mereka yang dalam bidang-bidang sains sosial dan sebagainya. Seterusnya skim latihan untuk graduan SLG, SLP, Skim Latihan Penganggur yang dahulu pernah diadakan. Seterusnya, adakah program-program mereka tidak mendapat kejayaan? Adakah program TVET ataupun program lanjutan TVET akan diadakan untuk mereka dan juga kepada latihan sekuriti mengelakkan daripada ...

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat, untuk, untuk ...

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Saya boleh ulang sebab benda ini saya hafal tetapi diberikan bertulis. Ada dalam *Hansard*. Saya ucap terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: Saya rasa boleh jawab.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila. Sila respons Yang Berhormat Menteri.

Tuan M. Kulasegaran: Untuk sekuriti, adalah bukan dalam bidang kuasa saya. Nepal dan membawa pekerja itu adalah antara KDN. Tidak ada kena-mengena dengan kementerian saya.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Maksud saya latihan. Maknanya kita hendak melatih pelajar kita.

Tuan M. Kulasegaran: Untuk TVET, kalau ada graduan-graduan yang ingin melanjutkan kemahiran mereka, mereka dibenarkan. Saya telah pergi ke Universiti Kebangsaan di mana saya hairan semasa ucapan dibuat dan bergaul dengan mereka, ramai di antara *engineering students* berfikir bahawa mereka patut melanjutkan kemahiran di institusi-institusi kita di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Yang Berhormat, sebenarnya saya semua ada jawapan tetapi saya hendak akur kepada waktu. *I am very particular*. Yang Berhormat, *I know you upset. I just want to share something with you* Yang Berhormat. Yang Berhormat, *you are the first timer. When I first entered Parliament*, Parlimen berfungsi ...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Menteri, bila boleh bagi jawapan?

Tuan M. Kulasegaran: Sekejap, sekejap. Parlimen berfungsi 2.30 petang. *We come here 2.30 petang, pukul 6.00 habis. We stay back* sampai pukul 11 malam. Semasa itu saya menang di pilihan raya Teluk Intan *by election like what is happen*. Saya hanya *everyday hardly can get one minute, two minute to speak*.

So, kita ada *frustration* yang tertentu tetapi itulah sebab kita ada menambah baik perkara tersebut. Akan tetapi saya rasa oleh kerana saya adalah satu di antara Menteri, saya rasa saya perlu akur kepada masa. *I am very particular. Is not fair. Not fair to ask people to stay back so late*. Akan tetapi saya minta maaf. Selepas ini Yang Berhormat boleh jumpa dengan saya.

Saya boleh tunjuk jawapan-jawapan yang sedia ada. Saya tidak ingin tidak menjawab. Terima kasih. Itu akhir sekali. Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri, bagilah secara bertulis. Secara bertulis kepada semua.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ya yang lainnya, prosedur secara bertulis. Baik. Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tuan Pengerusi, bila bagi jaminan? Esok boleh atau tidak bagi jawapan? Sebab Yang Berhormat Menteri kata sudah ada di tangan dia tadi. Esok boleh bagi ya?

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Kita hendak jawapan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Akan dicatat Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, terima kasih. Saya duduk di sini lebih daripada dua jam. Dua jam 22 minit.

Baik, jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM834,730,900 untuk Maksud B.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM834,730,900 untuk Maksud B.46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM455,025,000 untuk Maksud P.46 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2020 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM455,025,000 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2020]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 19 November 2019.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.54 malam]